



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERajaan Negeri Kelantan TAHUN 2006



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## **KANDUNGAN**

## **KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	ii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	v
<b>BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	1
Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan	
Program Pembinaan/Pembaikan Masjid	
(A) Kerja Pembaikan Masjid	2
(B) Projek Pembinaan Masjid	30
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	
Pengurusan Projek Ladang Hutan	76
Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	
Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	132
Majlis Daerah Tumpat	
Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan	179
<b>BAHAGIAN II : PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	231
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005	231
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	235
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi	235
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	236
<b>PENUTUP</b>	237
<b>LAMPIRAN</b>	238
<b>GLOSARI AKRONIM</b>	240

## **KATA PENDAHULUAN**

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan dan menjalankan pengauditan pematuhan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Ke bawah Duli Yang Mulia Al-Sultan Kelantan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu program/aktiviti/projek Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2006 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 buah Jabatan dan 2 Agensi Negeri iaitu Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dan Majlis Daerah Tumpat. Program/Aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Program Pembinaan Dan Pembalikan Masjid, Pengurusan Projek Ladang Hutan, Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2006 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2006 seperti kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti projek siap tetapi tidak digunakan, peralatan tidak digunakan secara optimum, projek lewat disiapkan, pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan pemaju tidak mengikut spesifikasi kontrak dan sebagainya. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan keselesaan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

- a) ***DUE DILIGENCE*** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) ***ACHIEVEMENT*** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
- c) ***MONITORING*** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
- d) ***ATTITUDE*** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) ***INTEREST*** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

2 Julai 2007

# **INTI SARI LAPORAN**

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

#### **1. Pejabat Pembangunan Negeri : Program Pembinaan/Pembinaan Masjid**

##### **(A) Kerja Pembaikan Masjid**

Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan adalah sebuah Jabatan Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai penyelaras dan agen pelaksana projek pembangunan seluruh Negeri Kelantan. Kerja Pembaikan Masjid adalah di bawah Program Pembinaan/Pembinaan Masjid yang bertujuan untuk menyenggara masjid bagi kemudahan dan keselesaan jemaah. Pada tahun 2006, Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan telah diperuntukkan RM1.50 juta bagi melaksanakan Kerja Pembaikan Masjid berbanding RM1.52 juta pada tahun 2005. Di seluruh Negeri Kelantan, terdapat 558 buah masjid yang terdiri daripada Masjid Bandar dan Masjid Mukim. Bagi aspek perancangan, Kerja Pembaikan Masjid adalah memuaskan kerana Pejabat Pembangunan Negeri mempunyai dasar yang jelas, perancangan guna tenaga dan latihan yang baik, peruntukan kewangan yang mencukupi, sistem proses kerja yang teratur dan kaedah pemantauan yang baik. Bagaimanapun didapati program kerja tahunan tidak diadakan. Pejabat Pembangunan Negeri perlu menyediakan program kerja tahunan untuk memastikan kerja dapat dilaksanakan dengan terancang. Dari segi pelaksanaan pula, Kerja Pembaikan Masjid secara keseluruhan juga memuaskan. Pejabat Pembangunan Negeri perlu meningkatkan aspek berkenaan garis panduan dan prosedur kerja, sasaran kerja pembaikan dan mengadakan program kerja tahunan bagi memudahkan perancangan dan meningkatkan tahap pencapaian kerja pembaikan.

##### **(B) Projek Pembinaan Masjid**

Projek Pembinaan Masjid adalah terletak di bawah Program Pembinaan/Pembinaan Masjid. Salah satu Projek Pembinaan Masjid yang dibayar di bawah peruntukan ini ialah Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra adalah sebuah Masjid Bersenibina Cina dan India. Mengikut cadangan, rekabentuk masjid ini adalah terdiri daripada senibina kaum Cina dan India bagi menggambarkan bahawa Islam ini tidak dimonopoli oleh sesuatu kaum sahaja. Sumber pembiayaan projek pembinaan Masjid ini adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri. Kos kontrak pembinaan Masjid ini adalah berjumlah RM7.50 juta. Bagi menjelaskan bayaran projek pembinaan Masjid ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.70 juta kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan RM1 juta kepada Pejabat Pembangunan Negeri pada tahun 2005. Manakala pada tahun 2006 pula, sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan sehingga kini ialah

berjumlah RM7.70 juta. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan sebuah Tabung Kutipan Derma Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan dikawal oleh Jawatankuasa Masjid. Mengikut laporan Jawatankuasa ini, pungutan derma sehingga bulan April 2005 berjumlah RM543,460 hasil sumbangan derma orang awam. Bagaimanapun, sehingga kini sumbangan ini belum dibelanjakan lagi.

Semakan Audit mendapati perancangan projek ini adalah kurang memuaskan kerana proses pewartaan hak milik tanah sebagai tapak Masjid belum lagi selesai, sedangkan bangunan sedang dibina. Bagaimanapun, Pelan Struktur yang lengkap belum disediakan semasa proses tender dipilih dan kontrak hendak dimulakan. Selain itu, perancangan reka bentuk aras tapak masjid juga adalah kurang teliti kerana tidak mengambil kira aras banjir yang tertinggi seperti mana dilaporkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri. Pada keseluruhannya peringkat pelaksanaan pembinaan projek Masjid ini juga kurang memuaskan dan tidak mematuhi syarat perjanjian kontrak kerana tempoh siap melewati jadual pelaksanaan, pelan struktur pembinaan lewat disediakan oleh Jabatan Kerja Raya, pelarasan harga kontrak lewat dibuat, bayaran kemajuan interim lewat dan terlebih dibayar. Deposit wang jaminan pelaksanaan juga tidak dikutip dengan betul. Kedudukan bayaran kemajuan sehingga bulan Ogos 2006 termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM3.03 juta dengan kemajuan kerja hanya 46% berbanding unjurian sebenar 79.3%.

## **2. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan : Pengurusan Projek Ladang Hutan**

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan mula melaksanakan projek ladang hutan dan ladang hutan getah pada tahun 1983 dan 1996. Pelaksanaan projek ini adalah melalui sebut harga dan penswastaan. Sepanjang tempoh RMKe-8, seluas 118 hektar ladang hutan dan 102 hektar ladang hutan getah telah dibangunkan. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM4.06 juta telah dibelanjakan untuk tujuan penubuhan dan rawatan ladang hutan manakala sejumlah RM786,610 bagi ladang hutan getah. Setakat ini penubuhan ladang hutan melalui penswastaan masih di peringkat awal dan belum ada ladang yang telah berjaya ditubuhkan.

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan projek ini mendapati ia kurang memuaskan kerana beberapa ketetapan Manual Perhutanan tidak dipatuhi. Di antaranya ialah keperluan menjalankan kajian tanah-tanah, kajian penilaian impak alam sekitar, penyediaan garis panduan Jabatan bagi RMKe-8 dan pembinaan serta penyenggaraan jalan ladang. Selain itu, beberapa kelemahan telah dikenal pasti semasa pemeriksaan Audit seperti peruntukan kewangan yang terhad, perbelanjaan yang tidak ekonomik, masalah guna tenaga, kenderaan yang tidak mencukupi, pelaksanaan pembangunan ladang tidak mengikut perancangan, kelewatan pemaju swasta memulakan projek, perjanjian tidak ditandatangani, kegagalan mematuhi syarat kelulusan dan perjanjian. Akibatnya prestasi projek ladang hutan adalah tidak memuaskan.

### **3. Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan : Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan**

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (Perbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen No. 14. Tahun 1973. Melalui Enakmen ini Perbadanan bertanggungjawab untuk mengurus perpustakaan awam di Negeri Kelantan dengan menyediakan perkhidmatan pinjaman buku, rujukan dan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak dan dewasa termasuk menyediakan perkhidmatan *audio-visual*, multimedia, internet dan *digital library*. Selain Perpustakaan Pusat, Perbadanan mempunyai 5 Perpustakaan Cawangan, sebanyak 3 Perpustakaan Desa, sebanyak 5 bas Perpustakaan Bergerak dan bilangan perjawatan seramai 18 jawatan. Pada tahun 2006, peruntukan dan perbelanjaan tahunan Perbadanan adalah masing-masing berjumlah RM2.17 juta dan RM2.28 juta. Manakala aset Perbadanan pula berjumlah RM6.76 juta.

Semakan Audit terhadap pengurusan perpustakaan awam mendapati Perbadanan telah merancang dengan baik bagi meningkatkan jumlah perpustakaan dan kakitangan serta perkhidmatan yang akan disediakan kepada penduduk Negeri Kelantan. Aktiviti yang dijalankan telah meningkatkan minat penduduk tempatan mengguna kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan dan secara tidak langsung telah memupuk minat membaca di kalangan mereka. Walaupun begitu, dari aspek perolehan buku, pembayaran bil perkhidmatan dan pembangunan sistem aplikasi perpustakaan, pengurusannya adalah lemah. Selain itu, perkhidmatan bas bergerak tidak mengikut jadual waktu yang ditetapkan dan tiada tinjauan terhadap destinasi yang dipilih menyebabkan terdapatnya destinasi yang tidak mendapat sambutan. Perbadanan perlu mempercepatkan proses permohonan penstrukturran semula perjawatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna dan mempercepatkan proses pelupusan buku-buku lama bagi menjimatkan ruang perpustakaan. Lembaga dan Jawatankuasa yang diwujudkan juga perlu sentiasa memantau perjalanan Perbadanan dengan lebih aktif bermesyuarat bagi membincang dan menyelesaikan masalah yang berbangkit untuk mengelakkan ia berulang.

### **4. Majlis Daerah Tumpat : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan**

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat, Majlis telah mengadakan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan dengan pihak swasta melalui satu perjanjian usaha sama dengan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. sebagai pemaju pada 15 Disember 1998. Tapak projek ini terletak di tepi jalan utama menghala ke Bandar Kota Bharu dari Bandar Tumpat dan Pasir Mas dengan keluasan tapak projek seluas 53 ekar dan dijangka siap dalam tempoh 60 bulan (5 tahun) dari tarikh tanah didaftarkan atas nama pemaju. Projek ini merangkumi pembinaan sejumlah 482 unit bangunan terdiri daripada 54 unit kedai pejabat 2 tingkat, 70 unit rumah teres 1 tingkat, 30 unit rumah berkembar 1 tingkat, 170 unit rumah berkembar 2 tingkat, 144 unit rumah teres kos rendah 2 tingkat dan 14 unit rumah banglo serta kemudahan sosial yang dianggarkan

bernilai RM42.51 juta. Melalui pelaksanaan usahasama ini, Majlis dijangka akan memperolehi unit-unit bangunan bernilai RM3 juta.

Secara keseluruhannya Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah memuaskan. Pembangunan ini sesuai dilaksanakan dan menepati Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat dengan menumpukan pembangunan di pusat-pusat penempatan utama di samping menggalakkan pembangunan di koridor yang menunjukkan potensi berdaya maju. Selain itu, pembangunan ini dapat menjana hasil dan pendapatan Majlis dengan tertubuhnya pusat-pusat perniagaan dan perkhidmatan di kawasan pembangunan dan kawasan sekitar. Dengan terlaksananya projek usahasama ini adalah dijangka akan memberi impak yang besar dalam mengubah corak ekonomi ke kawasan yang kurang membangun kepada ekonomi bandar yang lebih produktif. Sungguhpun begitu semasa pelaksanaan projek ini pemaju gagal mematuhi beberapa syarat perjanjian dan berlaku pertikaian antara pemaju dan kontraktor pembinaan yang dilantik oleh pemaju menyebabkan berlaku kelewatan penyiapan projek ini. Perjanjian tambahan berkenaan dengan pindah milik tanah terus kepada pembeli sehingga sekarang masih lagi belum ditandatangani antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd.. Kelewatan ini telah menjelaskan keseluruhan perjalanan kontrak kerana tempoh siapnya projek tidak dapat ditentukan dan dikuatkuasakan. Majlis dan Kerajaan Negeri perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan projek ini berjaya disiapkan dan unit bangunan yang akan menjadi milik Majlis diserah dengan sempurna dan berkualiti.

**BAHAGIAN I**

**AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS**

**JABATAN/AGENSI**

## **BAHAGIAN I**

### **AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

#### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 juga menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program, aktiviti dan projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya. Kajian Audit ini adalah untuk menentukan sama ada program, aktiviti dan projek Kerajaan dan Agensinya telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Selain itu, pengauditan ini juga untuk memastikan projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensinya dilaksanakan dengan pendekatan yang berhemah serta mengelakkan pembaziran wang rakyat di samping mendatangkan manfaat kepada golongan sasaran dan penduduk setempat khususnya dan Negeri amnya. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih beberapa program, aktiviti dan projek Jabatan Kerajaan Negeri dan Agensi untuk dikaji secara mendalam pada tahun 2006. Program, aktiviti dan projek yang dikaji pada tahun 2006 adalah melibatkan program, aktiviti dan projek di 2 Jabatan dan 2 Agensi Kerajaan Negeri seperti berikut:

##### **a) Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan**

Program Pembinaan/Pembaikan Masjid

- Kerja Pembaikan Masjid
- Projek Pembinaan Masjid

##### **b) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan**

- Pengurusan Projek Ladang Hutan

##### **c) Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan**

- Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

##### **d) Majlis Daerah Tumpat**

- Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

Pemerhatian Audit hasil daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di Bahagian ini.

## **PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN**

### **PROGRAM PEMBINAAN/PEMBAIKAN MASJID**

#### **(A) KERJA PEMBAIKAN MASJID**

#### **2. LATAR BELAKANG**

**2.1** Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan adalah merupakan sebuah Jabatan Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai penyelaras dan agen pelaksana projek pembangunan seluruh Negeri Kelantan. Objektif Pejabat Pembangunan Negeri adalah untuk melaksana dan menyelaras projek dan program pembangunan Negeri demi untuk meningkatkan kesejahteraan dan taraf sosio ekonomi penduduk Negeri Kelantan. Fungsi utama Pejabat Pembangunan Negeri ialah untuk:

- a) Merancang, menyelaras dan melaksanakan projek pembangunan.
- b) Memastikan program pembangunan negeri dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.
- c) Menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek kecil pembangunan bersama dengan Jabatan/Agensi Negeri dan Persekutuan.
- d) Menyelaras Jabatan/Agensi yang terlibat dengan pembangunan negeri supaya berkesan dan selaras dengan dasar Kerajaan Negeri.

**2.2** Pada awal penubuhan Pejabat Pembangunan Negeri iaitu pada tahun 1991, terdapat hanya 12 program pembangunan Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri berbanding 20 program pada tahun 2006 melibatkan peruntukan sejumlah RM36.56 juta. Kerja Pembaikan Masjid terletak di bawah Program Pembinaan/Pembaikan Masjid yang bertujuan khusus untuk menyenggara masjid bagi kemudahan dan keselesaan jemaah masjid. Negeri Kelantan mempunyai sebanyak 558 buah masjid yang terdiri daripada Masjid Bandar dan Masjid Mukim.

**2.3** Kerja Pembaikan Masjid juga dikategorikan di bawah Projek Kesejahteraan Rakyat (PKR) di mana Kerajaan Negeri memperkenal, menggubal dan melaksanakan program ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri bersesuaian dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu *Membangun Bersama Islam*. Kerajaan Negeri pada setiap tahun akan memperuntukkan sejumlah peruntukan kepada Pejabat Pembangunan Negeri bagi tujuan ini. Pada tahun 2006, Pejabat Pembangunan Negeri telah diperuntukkan RM1.50 juta bagi melaksanakan Kerja Pembaikan Masjid berbanding RM1.52 juta pada tahun 2005.

**2.4** Bagi peruntukan Kerajaan Persekutuan, Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab sebagai agen pelaksana bagi program pembangunan. Salah satu program pembangunan ialah Program Pebaikan Infrastruktur Awam yang meliputi kerja membaiki masjid dan surau untuk keselesaan jemaah setempat. Keperluan peruntukan membaiki masjid ini ada dimohon oleh JPP di bawah Program Pebaikan Infrastruktur Awam.

**2.5** Jumlah perbelanjaan pebaikan masjid oleh JPP pada tahun 2005 ialah RM274,000 melibatkan 8 buah masjid dan pada tahun 2006, jumlahnya meningkat kepada RM5.50 juta melibatkan 91 buah masjid. Peningkatan ketara ini adalah kerana pada tahun 2006, pihak JPP telah mengeluarkan surat makluman kepada semua pihak yang terlibat untuk mengemukakan senarai bangunan yang perlu disenggara untuk meningkatkan aspek keceriaan infrastruktur awam.

### **3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Kerja Pebaikan Masjid telah dirancang dan diuruskan dengan cekap dan teratur serta mencapai matlamatnya.

### **4. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Kerja Pebaikan Masjid bagi tempoh 3 tahun iaitu mulai tahun 2004, 2005 dan 2006. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di Pejabat Pembangunan Negeri. Fail berkaitan yang disemak ialah fail dan rekod pengurusan kakitangan Pejabat Pembangunan Negeri, fail berkaitan dengan dasar program, fail perancangan, fail pengurusan serta fail pemantauan kerja. Manakala rekod dan dokumen yang disemak adalah rekod kewangan seperti Anggaran Belanjawan Jabatan, Waran Peruntukan dan Buku Peruntukan. Pihak Audit juga membuat analisis perbandingan antara fizikal kerja yang siap berbanding dengan dirancang. Analisis perbandingan lain adalah jumlah perbelanjaan yang terlibat dengan perbelanjaan dirancang dan pencapaian prestasi Kerja Pebaikan Masjid berbanding sasaran ditetapkan.

Selain menjalankan pengauditan di Pejabat Pembangunan Negeri, pihak Audit juga menjalankan pemeriksaan lanjut untuk tujuan pengumpulan maklumat dan pengesahan Audit di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan seperti di Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEAIK), Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ).

Lawatan ke tapak masjid juga dilakukan bagi mengesahkan setiap kerja dibuat mengikut peraturan kontrak dan kewangan yang ditetapkan.

## **5. PENEMUAN AUDIT**

### **5.1 PERANCANGAN**

Setiap Jabatan/Agensi Kerajaan akan menyediakan perancangan masing-masing terhadap sesuatu program yang hendak dilaksanakan bagi mencapai objektifnya. Perancangan yang baik dan teratur merupakan aspek penting bagi menentukan pelaksanaan dapat dibuat dengan sempurna dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Antara aspek perancangan yang disediakan bagi Kerja Pembinaan Masjid ini adalah seperti berikut:

#### **5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Setiap Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri perlu mengikuti dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap program atau aktiviti yang hendak dilaksanakan dapat mencapai objektif yang dirancang. Seperti mana yang diamalkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri, rancangan untuk melaksanakan Kerja Pembinaan Masjid akan disediakan pada setiap tahun. Kerja Pembinaan Masjid ini bertujuan untuk memastikan masjid yang sedia ada dapat disenggara dengan baik untuk keselesaan jemaah masjid.

Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan memperkenal, menggubal dan melaksanakan dasar dan program ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan untuk *Membangun Bersama Islam*. Dasar dan program utama tersebut dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu Program Pentadbiran Dan Kewangan, Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat.

Pejabat Pembangunan Negeri merancang Kerja Pembinaan Masjid berasaskan kepada strategi Kerajaan Negeri terhadap Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat. Di bawah Program Kemajuan Islam terdapat program antaranya Program Mengimarah Masjid yang bertujuan untuk menghidupkan budaya ke masjid. Manakala di bawah Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat terdapat program untuk meneruskan pelaksanaan pelbagai projek kesejahteraan rakyat termasuklah kerja membina/membina masjid yang dirancang oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat yang digubal oleh Kerajaan Negeri secara tidak langsung menyokong kepada perancangan Kerja Pembinaan Masjid.

### **5.1.2 Garis Panduan Atau Prosedur Kerja**

Garis Panduan atau Prosedur Kerja bagi sesebuah Pejabat adalah penting bagi memastikan setiap program/aktiviti yang hendak dilaksanakan adalah mengikut piawaian dan sasaran yang ditetapkan. Pejabat Pembangunan Negeri akan membuat ketetapan semasa menjalankan kerja berkaitan Kerja Pembinaan Masjid berdasarkan kepada garis panduan umum seperti berikut:

- a) Pejabat Pembangunan Negeri akan memaklumkan kepada semua peringkat Jajahan melalui Pejabat Tanah Dan Jajahan mengenai cadangan pemberian masjid yang hendak disenggarakan di setiap Jajahan.
- b) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Penggawa atau Jawatankuasa Masjid akan mengemukakan senarai cadangan pemberian masjid ke Pejabat Tanah Dan Jajahan.
- c) Pejabat Tanah Dan Jajahan akan mengemukakan senarai cadangan pemberian berpandukan format borang yang disediakan untuk dimajukan ke Pejabat Pembangunan Negeri sebelum sesi pembentangan bajet Negeri.
- d) Senarai cadangan pemberian masjid tersebut akan diangkat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk kelulusan.
- e) Setelah mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri, waran akan dikeluarkan kepada Ketua Jajahan selaku agensi pelaksana di peringkat Jajahan untuk proses kerja seterusnya.

### **5.1.3 Sasaran Kerja**

Pejabat Pembangunan Negeri perlu mempunyai sasaran terhadap Kerja Pemberian Masjid bagi memastikan objektif kerja tercapai iaitu untuk membaiki masjid sedia ada di seluruh Negeri Kelantan. Sasaran kerja ini bolehlah dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu di peringkat Pejabat Pembangunan Negeri dan di peringkat Jajahan yang menjadi agen pelaksananya.

#### **a) Peringkat Pejabat Pembangunan Negeri**

Pejabat Pembangunan Negeri perlu mempunyai daftar/rekod mengenai bilangan keseluruhan masjid yang ada khususnya bagi tujuan perancangan dan pelaksanaan kerja kelak. Mengikut rekod Pejabat, sehingga kini terdapat 558 buah masjid di Negeri Kelantan yang dibahagikan kepada Masjid Bandar dan Masjid Mukim. Jumlah Masjid Bandar ialah 16 buah iaitu 6 buah di Jajahan Kota Bharu, 2 buah di Jajahan Kuala Krai dan masing-masing sebuah di 8 Jajahan lain. Manakala jumlah Masjid Mukim pula sebanyak 542 buah dengan Jajahan Kota Bharu mempunyai bilangan tertinggi iaitu 118 buah dan Jajahan Jeli mencatatkan jumlah masjid terendah iaitu 19

buah sahaja. Kedudukan kategori dan bilangan masjid mengikut Jajahan di seluruh Negeri Kelantan pada tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Bilangan Masjid Mengikut Jajahan Pada Tahun 2006**

Bil.	Jajahan	Bilangan		Jumlah
		Masjid Bandar	Masjid Mukim	
1.	Kota Bharu	6	118	124
2.	Pasir Mas	1	85	86
3.	Pasir Puteh	1	63	64
4.	Bachok	1	55	56
5.	Kuala Krai	2	47	49
6.	Tanah Merah	1	43	44
7.	Tumpat	1	40	41
8.	Machang	1	39	40
9.	Gua Musang	1	33	34
10.	Jeli	1	19	20
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>542</b>	<b>558</b>

Sumber: Rekod MAIK

### b) Peringkat Jajahan

Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan di setiap Jajahan akan membuat perancangan terhadap bilangan masjid yang akan disenggarakan setiap tahun. Senarai rancangan Kerja Pembinaan Masjid akan dikemukakan ke Pejabat Pembangunan Negeri sebelum sesi pembentangan bajet Negeri.

#### 5.1.4 Komponen Kerja

Komponen Kerja Pembinaan Masjid adalah merupakan perkara mengenai apakah kategori kerja yang akan dilaksanakan kelak. Komponen pembinaan masjid dapat dibahagikan kepada dua iaitu kerja yang akan mengubah struktur asal masjid atau tidak mengubah struktur asal masjid. Komponen kerja mengubah suai masjid sedia ada yang ditetapkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri adalah seperti berikut:

- a) Menambah ruang sembahyang.
- b) Membina menara tangki air.
- c) Mengadakan tempat wuduk.
- d) Mengadakan tandas.

Manakala bagi kerja yang tidak akan mengubah struktur asal masjid adalah melibatkan Kerja Pembinaan Masjid seperti membaiki bumbung masjid, pendawaian semula elektrik, membaiki kubah masjid dan membina pagar. Ia juga bertujuan bagi memastikan setiap masjid dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada jemaah masjid.

#### **5.1.5 Kaedah Pelaksanaan**

Setiap kerja berkaitan pembinaan masjid perlu mempunyai kaedah pelaksanaannya bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagi Kerja Pembinaan Masjid, kerja akan ditawarkan sama ada melalui sebut harga atau pesanan/inden kerja. Mengikut Arahan Perbendaharaan 180.2 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 2001, kerja bukan *requisition* yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Proses bagaimana sebut harga dilaksanakan seperti mengeluarkan notis pemberitahuan sebut harga, spesifikasi kerja, penerimaan sebut harga, penutupan sebut harga dan pembukaan sebut harga adalah di bawah bidang kuasa Ketua Jajahan masing-masing. Ketua Jajahan akan memproses tawaran sebut harga yang diterima serta membuat pengesyoran kepada Lembaga Sebut Harga untuk dibuat keputusan.

Manakala Arahan Perbendaharaan 179.1(c) membenarkan Pegawai Pengawal mewakilkan kuasa bagi menandatangani pesanan/inden kerja yang tidak melebihi RM20,000. Bagi proses pemberian kerja melalui pesanan/inden kerja, ianya adalah di bawah bidang kuasa Ketua Jajahan di setiap Jajahan.

#### **5.1.6 Program Kerja Tahunan**

Dengan adanya pertambahan penduduk di setiap kawasan mukim dan jajahan di Negeri Kelantan, maka keperluan pembinaan masjid semakin meningkat setiap tahun. Selain daripada peruntukan kewangan yang mencukupi, Pejabat Pembangunan Negeri juga perlu membuat perancangan berkenaan program kerja tahunan yang akan dilaksanakan setiap tahun. Jadual program kerja tahunan ini penting untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan program kerja adalah mengikut jadual dan mencapai sasaran kerja yang ditetapkan serta bagi menilai prestasi kerja. Bagi memudahkan perancangan penyediaan kerja, Pejabat Pembangunan Negeri sepatutnya mempunyai pangkalan data (daftar) mengenai jumlah masjid di seluruh negeri dan masjid yang akan dan telah disenggarakan bagi sesuatu tempoh tertentu serta maklumat lain berkaitan masjid dan pembinaan yang telah dan akan dilaksanakan pembinaan tahunan. Ini adalah untuk memudahkan kerja perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program kerja tahunan di samping memastikan tidak berlakunya masjid yang sama disenggarakan

setiap tahun atau mungkin terdapat kes di mana sesebuah masjid tidak pernah disenggarakan atau tertinggal dalam program kerja tahunan.

#### 5.1.7 Guna Tenaga Dan Latihan

Pejabat Pembangunan Negeri telah diluluskan perjawatan yang akan diketuai oleh seorang Pegawai Pembangunan Negeri Gred N41 (Khas Untuk Penyandang Gred N48) dan disokong oleh 30 orang pegawai/kakitangan berjawatan tetap, 2 orang pegawai pinjaman dan 3 orang Pembantu Tadbir berjawatan sambilan. Pejabat Pembangunan Negeri dibahagikan kepada 2 Bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Teknikal. Bahagian Pentadbiran adalah bertanggungjawab menyediakan segala aspek berkaitan pentadbiran dan kewangan Pejabat Pembangunan Negeri. Manakala Bahagian Teknikal mempunyai seorang Juruteknik Gred J17 dan seorang Pelukis Pelan Gred J17 serta dibantu oleh 8 orang kakitangan. Bahagian ini akan bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program pembangunan Pejabat Pembangunan Negeri.

Pejabat Pembangunan Negeri telah memohon seramai 9 orang pegawai/kakitangan yang akan terlibat secara langsung dengan program pembangunan yang diuruskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri termasuklah Kerja Pembaikan Masjid. Kedudukan perjawatan yang dimohon oleh Pejabat Pembangunan Negeri adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Permohonan Perjawatan Bahagian Teknikal**

Bil.	Nama Jawatan	Jawatan Dimohon
1.	Pelukis Pelan (J17)	1
2.	Tukang K2 (R22)	1
3.	Tukang K2 (R11)	3
4.	Pekerja Rendah (R1)	4
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>

Sumber: Fail Perjawatan Pejabat Pembangunan Negeri

Selain daripada perjawatan Pejabat Pembangunan Negeri, kerja berkaitan Kerja Pembaikan Masjid juga dibuat di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan di setiap Jajahan. Pegawai yang akan bertanggungjawab menyelia Kerja Pembaikan Masjid di Jajahan adalah seorang Juruteknik Kanan Gred J22 dan dua orang Juruteknik Gred J17 kecuali Jajahan Bachok dan Jeli yang masing-masing memohon seorang untuk jawatan Juruteknik Kanan Gred J22 dan Juruteknik Gred J17. Kedudukan perjawatan yang dirancang bagi jawatan Juruteknik Kanan Gred J22 dan Juruteknik Gred J17 mengikut Jajahan adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Permohonan Perjawatan Mengikut Jajahan**

Bil.	Jajahan	Jawatan Dimohon		Jumlah Jawatan
		Juruteknik (J22)	Juruteknik (J17)	
1.	Kota Bharu	1	2	3
2.	Machang	1	2	3
3.	Tumpat	1	2	3
4.	Pasir Puteh	1	2	3
5.	Kuala Krai	1	2	3
6.	Pasir Mas	1	2	3
7.	Tanah Merah	1	2	3
8.	Jeli	1	1	2
9.	Bachok	1	1	2
10.	Gua Musang	1	2	3
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>	<b>18</b>	<b>28</b>

Sumber: Rekod Perjawatan Pejabat Tanah Dan Jajahan

Bagi memastikan Kerja Pembaikan Masjid dapat dijalankan dengan cekap dan mencapai objektifnya, pegawai dan kakitangan teknikal khususnya akan sentiasa diberi latihan atau kursus yang berkaitan. Mengikut perancangan, setiap pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan Kerja Pembaikan Masjid akan diberi kursus atau latihan agar dapat membantu meningkatkan kefahaman kakitangan mengenai tugas dan sistem prosedur kerja yang terkini.

#### **5.1.8 Keperluan Kewangan**

Perancangan terhadap keperluan kewangan adalah mustahak untuk memastikan setiap Kerja Pembaikan Masjid dapat dirancang selaras dengan peruntukan yang ditetapkan. Bagi keperluan kewangan, Pejabat Pembangunan Negeri merancang dan menganggarkan kos bagi mengadakan Kerja Pembaikan Masjid berdasarkan senarai kerja yang dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan. Anggaran peruntukan bagi Kerja Pembaikan Masjid pada tahun 2004, 2005 dan 2006 adalah masing-masing berjumlah RM1 juta, RM1.52 juta dan RM1.50 juta.

#### **5.1.9 Kaedah Pemantauan**

Aspek pemantauan adalah penting untuk memastikan setiap kerja yang dilaksanakan adalah dalam pengetahuan pihak pengurusan sama ada dari segi peratusan siap kerja atau mengelak daripada berlakunya perkara yang bertentangan dengan peraturan

kewangan. Terdapat dua peringkat bagaimana pelaksanaan Kerja Pembinaan Masjid akan dipantau, iaitu di peringkat Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Tanah Dan Jajahan.

**a) Peringkat Pejabat Pembangunan Negeri**

Pejabat Pembangunan Negeri telah membuat ketetapan untuk membincangkannya di Mesyuarat Bersama Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan). Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan kedudukan kemajuan kerja dan masalah yang berbangkit mengenai pelaksanaan program pembangunan di bawah peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri, termasuklah Kerja Pembinaan Masjid. Namun begitu, kekerapan mesyuarat tersebut tidak dinyatakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri.

**b) Peringkat Pejabat Tanah Dan Jajahan**

Mesyuarat untuk membincangkan kedudukan kemajuan kerja program pembangunan di peringkat Pejabat Tanah Dan Jajahan akan diadakan setiap sebulan sekali. Mesyuarat ini akan membincangkan secara terperinci semua jenis kerja program pembangunan di setiap Jajahan, termasuklah Kerja Pembinaan Masjid. Mesyuarat tersebut akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek Pembangunan yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan bersama pegawai/kakitangan Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan serta Penggawa setiap daerah.

Selain itu, lawatan dan pemantauan berkala akan dilakukan oleh Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan) ke tapak masjid. Manakala bagi kerja pembinaan oleh Jawatankuasa Masjid, Penggawa akan memainkan peranan untuk membuat pemantauan dan melaporkan kepada Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan).

**Pada pandangan Audit, aspek perancangan Kerja Pembinaan Masjid adalah memuaskan. Pejabat Pembangunan Negeri mempunyai dasar yang jelas, perancangan guna tenaga dan latihan, sistem proses kerja yang teratur dan kaedah pemantauan yang baik. Namun begitu, Pejabat Pembangunan Negeri tidak menyediakan program kerja tahunan untuk memastikan setiap kerja dapat dilaksanakan dengan terancang.**

## **5.2 PELAKSANAAN**

Kerja Pembinaan Masjid yang dirancang hendaklah dilaksanakan secara cekap bagi mencapai objektifnya iaitu untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada para

jemaah masjid. Pelaksanaan kerja terhadap Kerja Pembaikan Masjid ini juga hendaklah mematuhi perkara yang digariskan semasa perancangan dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Kajian Audit terhadap pelaksanaan Kerja Pembaikan Masjid ini mendapati:

#### **5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri yang telah diperkenalkan hendaklah dilaksanakan dengan jayanya bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri. Pada umumnya, Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu dasar yang khusus berkenaan Kerja Pembaikan Masjid . Namun begitu, melalui dasar *Membangun Bersama Islam*, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dua bentuk Program yang ada kaitan secara langsung dengan Kerja Pembaikan Masjid. Dua Program yang dimaksudkan ialah Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat.

Salah satu program di bawah Program Kemajuan Islam ialah Program Mengimarah Masjid bertujuan untuk membudayakan masyarakat setempat ke masjid. Manakala Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat akan meneruskan projek yang memberi keselesaan dan kemudahan kepada rakyat termasuklah Kerja Pembaikan Masjid. Bersesuaian dengan dasar ini, pihak Audit mendapati Pejabat Pembangunan Negeri telah melaksanakan kehendak dasar Kerajaan Negeri dengan baik. Setiap tahun, Pejabat Pembangunan Negeri membuat anggaran peruntukan dan seterusnya melaksanakan Kerja ini.

**Pada pendapat Audit, Kerja Pembaikan Masjid yang dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri adalah baik dan selaras dengan Program Kemajuan Islam dan Program Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.**

#### **5.2.2 Garis Panduan Atau Prosedur Kerja**

Garis panduan atau prosedur kerja mengandungi tatacara secara terperinci mengenai pengurusan sesuatu kerja berkaitan khususnya mengenai aspek pembaikan masjid. Garis panduan atau prosedur bagi Kerja Pembaikan Masjid adalah penting untuk memastikan setiap masjid disenggara mengikut proses kerja yang ditetapkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri.

Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Pembangunan Negeri tidak mempunyai garis panduan atau prosedur kerja yang lengkap secara bertulis berhubung dengan pengurusan Kerja Pembaikan Masjid. Namun begitu, Pejabat Pembangunan Negeri ada menyatakan beberapa peraturan atau syarat permohonan peruntukan bagi Kerja

Pembaikan Masjid semasa mengedar surat memohon cadangan Kerja Pembaikan Masjid ke setiap Pejabat Tanah Dan Jajahan, antaranya:

- a) sebarang pembinaan masjid perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa iaitu MAIK terlebih dahulu;
- b) sebuah Jawatankuasa Khas pembaikan masjid hendaklah ditubuhkan bertujuan untuk memantau kerja yang akan dilaksanakan;
- c) pelan kerja pembinaan atau pembaikan masjid perlu disediakan dan diluluskan oleh MAIK atau Ketua Jajahan;
- d) keutamaan Kerja Pembinaan Masjid akan dibuat terhadap masjid mukim; dan
- e) peruntukan yang diluluskan akan disalurkan kepada Ketua Jajahan yang juga menjadi agen pelaksana dan pemantau.

Antara sebab mengapa garis panduan atau prosedur kerja tidak diwujudkan adalah kerana Kerja Pembinaan Masjid bukan aktiviti utamanya. Pejabat Pembangunan Negeri mempunyai 20 jenis program pembangunan dan aktiviti utamanya lebih ditumpukan kepada program pembangunan lain iaitu Program Rancangan Kecil Pembangunan, Subsidi Baja Padi dan Jalan Kampung yang mempunyai peruntukan lebih besar berbanding Kerja Pembinaan Masjid. Misalnya, peruntukan tahun 2005 bagi Program Rancangan Kecil Pembangunan, Subsidi Baja Padi dan Jalan Kampung adalah masing-masing berjumlah RM9 juta, RM4.20 juta dan RM3.40 juta, berbanding hanya RM1.52 juta bagi Kerja Pembinaan Masjid.

Dengan adanya garis panduan atau prosedur kerja, setiap proses Kerja Pembinaan Masjid boleh dirujuk dan prosesnya dapat diseragamkan sama ada kerja pembinaan dilaksanakan oleh pembekal/kontraktor atau pihak Jawatankuasa Masjid. Contohnya, semua 31 jenis Kerja Pembinaan Masjid pada tahun 2004 dan 2005 di Jajahan Bachok dilaksanakan oleh Jawatankuasa Masjid, manakala di Jajahan Kota Bharu hanya melibatkan 3 buah masjid daripada 21 buah masjid. Di Jajahan Jeli pula, hanya 2 buah masjid daripada 14 buah masjid yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Masjid pada tahun 2004 dan 2005.

**Pada pendapat Audit, tatacara kerja berkenaan Kerja Pembinaan Masjid adalah kurang memuaskan kerana Pejabat tidak menyediakan garis panduan atau prosedur kerja berkenaan.**

### **5.2.3 Sasaran Kerja**

Sasaran kerja adalah merupakan aspek penting dalam perancangan. Sasaran ini perlu dinilai untuk mengetahui prestasi pelaksanaan kerja. Oleh itu, Pejabat Pembangunan Negeri perlu mensasarkan bilangan masjid yang akan dibaiki dan tempoh yang akan dilaksanakan. Anggaran bagi setiap pelaksanaan kerja khususnya kos dan spesifikasi kerja juga hendaklah dibuat. Semakan Audit terhadap perbandingan perancangan bilangan masjid dan juga kos pembaikan setiap masjid mendapati Pejabat Pembangunan Negeri tidak mempunyai sasaran bilangan masjid yang akan dibaiki setiap tahun dan jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi setiap kerja pembaikan. Perkara lain yang sepatutnya ada dalam sasaran Kerja adalah seperti senarai masjid yang memerlukan kerja pembaikan di Jajahan, jenis pembaikan yang akan dibuat dan anggaran tempoh pembaikan yang akan datang.

Pejabat Pembangunan Negeri tidak menyediakan sasaran bilangan dan kos pembaikan setiap masjid kerana peruntukan tahunan yang diterima adalah sedikit. Secara puratanya, peruntukan tahunan yang diterima bagi Kerja Pembaikan Masjid adalah sekitar RM1 juta bagi keseluruhan masjid mukim berjumlah 542 buah. Oleh itu, pencapaian sasaran Kerja Pembaikan Masjid tidak dapat ditentukan. Ketiadaan sasaran kerja telah menyebabkan 2 buah masjid mukim iaitu Masjid Beoh di Jajahan Bachok dan Masjid Pak Keral di Jajahan Tumpat tidak pernah diberi peruntukan untuk kerja pembaikan sejak diperkenalkan pada tahun 2000.

Adalah didapati Masjid Beoh dan Masjid Pak Keral masih lagi sebuah masjid kayu dan mengikut temu bual Audit dengan Juruteknik Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok dan Tumpat, kedua masjid ini memerlukan pembinaan masjid batu supaya memberi keselesaan kepada jemaah masjid.

**Foto 1** dan **2** adalah berkaitan dengan pandangan luar dan dalam Masjid Beoh di Jajahan Bachok yang masih lagi sebuah masjid kayu. Manakala **Foto 3** dan **4** menunjukkan pandangan sisi dan hadapan Masjid Pak Keral, Tumpat.

**Foto 1**  
**Pandangan Luar Masjid Diperbuat Daripada Kayu**



**Foto 2**  
**Pandangan Dalam Masjid Diperbuat Daripada Kayu**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 Mei 2006  
Lokasi: Masjid Kg. Beoh, Bachok

**Foto 3**  
**Pandangan Sisi Masjid**



**Foto 4**  
**Pandangan Hadapan Masjid**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 6 Julai 2006  
Lokasi: Masjid Pak Keral, Tumpat

**Pada pendapat Audit, penentuan sasaran Kerja Pembinaan Masjid tidak memuaskan kerana Pejabat Pembangunan Negeri tidak menetapkan sasaran Kerja Pembinaan Masjid semasa merancang dan melaksanakan Kerja Pembinaan Masjid.**

#### **5.2.4 Komponen Kerja**

Tujuan peruntukan pembangunan di bawah Kerja Pembinaan Masjid yang dikategorikan di bawah Projek Kesejahteraan Rakyat (PKR) adalah untuk memastikan masjid dapat dibina dan disenggarakan untuk kemudahan rakyat. Terdapat dua komponen utama bagi Kerja Pembinaan Masjid seperti berikut:

- a) pembaikan yang melibatkan ubah suai masjid; dan
- b) pembaikan yang tidak mengubah struktur asal masjid.

Daripada semakan Audit terhadap komponen Kerja Pembinaan Masjid untuk tahun 2004 dan 2005 adalah didapati peratusan komponen tertinggi bagi Kerja Pembinaan Masjid ini adalah bagi kerja pembinaan yang tidak mengubah struktur asal masjid seperti kerja mengecat, membaiki bangunan asal, pendawaian semula dan seumpamanya. Semakan Audit menunjukkan 94 buah masjid terlibat dengan kerja pembinaan pada tahun 2004, manakala pada tahun 2005 pula 87 buah masjid terlibat dengan kerja pembinaan di seluruh Negeri Kelantan. Daripada 94 buah masjid yang terlibat dengan kerja pembinaan pada tahun 2004, sebanyak 69 daripadanya atau 73% adalah melibatkan kerja pembinaan yang tidak mengubah struktur asal masjid. Pada tahun 2005 pula, sebanyak 67 buah masjid atau 77% daripada 87 buah masjid adalah melibatkan kerja pembinaan yang tidak mengubah struktur asal masjid. Semakan Audit terhadap pelaksanaan komponen Kerja Pembinaan Masjid adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Analisis Terhadap Komponen Kerja Pembinaan Masjid**

Bil.	Jajahan	Bilangan Masjid		Komponen Kerja					
		2004	2005	2004			2005		
				(a)*	(b)*	(a) & (b)*	(a)*	(b)*	(a) & (b)*
1.	Pasir Puteh	12	15	-	11	1	3	11	1
2.	Pasir Mas	12	7	1	11	-	4	2	1
3.	Machang	9	7	1	8	-	1	6	-
4.	Tanah Merah	6	5	2	2	2	-	5	-
5.	Tumpat	13	8	4	9	-	3	5	-
6.	Bachok	14	17	3	10	1	4	13	-
7.	Kuala Krai	4	5	1	-	3	-	5	-
8.	Kota Bharu	10	11	1	8	**	2	9	-
9.	Jeli	8	6	3	5	-	-	6	-
10.	Gua Musang	6	6	-	5	1	-	5	1
<b>Jumlah</b>		<b>94</b>	<b>87</b>	<b>16</b>	<b>69</b>	<b>8</b>	<b>17</b>	<b>67</b>	<b>3</b>

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

Nota: \* (a) kerja pembinaan yang melibatkan ubah suai masjid, dan

(b) kerja pembinaan yang tidak mengubah struktur asal masjid

\*\* tidak termasuk komponen (a) atau (b)

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan komponen Kerja Pembinaan Masjid adalah baik dan lebih ditumpukan kepada kerja pembinaan yang tidak mengubah struktur asal masjid.**

### **5.2.5 Kaedah Pelaksanaan Kerja**

Kaedah pelaksanaan kerja yang dirancang sepatutnya diikuti bagi memastikan kerja berkaitan pembaikan masjid dilaksanakan tidak bertentangan dengan peraturan kewangan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati semua kerja berkaitan pembaikan masjid adalah tidak melebihi RM20,000 dan semuanya telah diberi secara pesanan/inden kerja. Semakan Audit terhadap kesemua 181 pesanan/inden kerja yang dikeluarkan pada tahun 2004 dan 2005 mendapati perkara berikut:

- a)** Kaedah pelaksanaan kerja berkaitan pembaikan masjid adalah mengikut Arahan Perbendaharaan 180.2 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2001. Mengikut Arahan dan Surat Pekeliling tersebut, kerja bukan *requisition* yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga. Bagaimanapun semakan Audit mendapati 2 kes di mana kerja tidak ditawar secara sebut harga sebagaimana sepatutnya. Namun begitu, kesemua kerja berkaitan telah dilaksanakan dengan betul dan sempurna. Dua kes tersebut adalah seperti berikut:
  - i)** Kerja mengecat dan membaiki bangunan Masjid Batu 11, Tanah Merah berjumlah RM14,000 melalui inden kerja 99/2004 dan RM14,994 melalui inden kerja 100/2004 kepada kontraktor Che Hassan Che Kob. Tarikh perakuan siap kerja bagi kedua kerja ini ialah pada 17 Oktober 2004.
  - ii)** Kerja membaiki seperti menyiap dan memasang pagar, tangki air dan membuat dinding simen Masjid Pemanok, Machang berjumlah RM20,000 melalui inden kerja P42/2005 dan RM13,000 melalui inden kerja P59/2005 kepada kontraktor N & R Trading. Tarikh perakuan siap kerja bagi inden kerja P42/2005 ialah pada 4 September 2005 dan bagi inden kerja P59/2005 pula ialah pada 26 September 2005.
- b)** Pejabat Pembangunan Negeri telah menawarkan kerja berkaitan pembaikan masjid secara pesanan/inden kerja bagi kerja yang bernilai kurang daripada RM20,000. Ketua Jajahan selaku Pegawai Pengawal telah mewakilkan kuasanya kepada Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan) bagi menandatangani pesanan/inden kerja. Peraturan ini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 179.1(c). Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan) telah diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan dan meluluskan pesanan/inden kerja di samping memantau pelaksanaan kerja yang dibuat oleh pembekal/kontraktor.

**Pihak Audit berpendapat, kaedah pelaksanaan kerja berkaitan pembaikan masjid yang dibuat melalui pesanan/inden kerja adalah memuaskan. Bagaimanapun, kerja pembaikan yang melebihi RM20,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga sebagaimana kehendak peraturan kewangan.**

#### **5.2.6 Program Kerja Tahunan Dan Pelaksanaan Kerja**

Program kerja tahunan bagi Kerja Pembaikan Masjid perlu disediakan bagi memastikan setiap kerja dapat dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang. Program kerja tahunan dapat disedia apabila Pejabat mempunyai pangkalan data yang lengkap dan terkini. Perkara yang sepatutnya ada dalam program kerja tahunan berkaitan dengan pembaikan masjid adalah seperti senarai penuh nama dan lokasi masjid yang ada, maklumat mengenai tarikh dan jenis pembaikan yang akan dan telah dilaksanakan, kaedah dan kos kerja pembaikan yang telah dan akan dibuat, nama pelaksana/pembekal/kontraktor yang telah melaksanakan Kerja Pembaikan Masjid, prestasi dan mutu Kerja Pembaikan Masjid serta maklumat lain berkaitan Kerja Pembaikan Masjid yang boleh membantu semasa merancang dan melaksanakan kerja ini. Dengan adanya pangkalan data yang lengkap, program kerja tahunan akan dapat disusun secara sistematik untuk mencapai sasaran kerja yang ditetapkan.

Semakan Audit terhadap program kerja tahunan dan pelaksanaan projek mendapati perkara seperti berikut:

- a)** Program kerja tahunan yang mengandungi semua perkara di atas tidak disediakan. Ini kerana Pejabat Pembangunan Negeri menerima peruntukan yang tidak mencukupi pada setiap tahun. Ekoran dari itu, pelaksanaan kerja adalah mengikut keutamaan semasa. Selain itu, Pejabat Pembangunan Negeri tidak mewujudkan pangkalan data bagi semua masjid di seluruh Negeri Kelantan.
- b)** Semakan fail projek dan lawatan ke beberapa tapak masjid mendapati Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan telah melaksanakan 181 Kerja Pembaikan Masjid pada tahun 2004 dan 2005. Semua kerja tersebut melibatkan kos berjumlah RM1.26 juta. Lawatan ke 65 buah masjid iaitu 35.9% daripada jumlah masjid yang telah dibaiki pada tahun 2004 dan 2005 adalah untuk mengesahkan pelaksanaan kerja dibuat dengan betul dan teratur. Bilangan masjid mengikut Jajahan yang telah dilawati adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Bilangan Masjid Yang Dilawati Bagi Kerja Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Jajahan	Masjid Terlibat (Buah)	Bilangan Dilawati (Buah)	Peratusan Dilawati (%)
1.	Pasir Puteh	27	5	18.5
2.	Pasir Mas	19	6	31.6
3.	Machang	16	6	37.5
4.	Tanah Merah	11	10	90.9
5.	Tumpat	21	5	23.8
6.	Bachok	31	8	25.8
7.	Kuala Krai	9	7	77.8
8.	Kota Bharu	21	7	33.3
9.	Jeli	14	5	35.7
10.	Gua Musang	12	6	50
<b>Jumlah</b>		<b>181</b>	<b>65</b>	<b>35.9</b>

Sumber: Rekod Fail Jabatan Audit Negara

Daripada 181 Kerja Pembinaan Masjid, pihak Audit mendapati 179 kerja yang dilaksanakan atau 98.8% adalah menepati spesifikasi kerja yang ditetapkan. Ini adalah kerana Pegawai Penyelia telah menyelia dan memantau secara berkesan bagi setiap kerja yang dilaksanakan serta membuat perakuan siap kerja sebelum sesuatu pembayaran dibuat kepada kontraktor. Kerja yang didapati dilaksanakan dengan betul dan sempurna antaranya ialah:

- i) Kerja menyiapkan menara masjid berukuran 14' x 14' bernilai RM6,000 pada tahun 2005 di Masjid Sri Aman, Pasir Puteh.
- ii) Kerja mengecat bangunan masjid 40' x 70' x 8', mengecat pagar masjid 20' x 10', menambah ruang sembahyang (memecah dinding) dan menukar acodex bernilai RM10,000 pada tahun 2004 di Masjid Lubuk Jambu, Kota Bharu.
- iii) Kerja menambah ruang sembahyang berukuran 800 kaki persegi bernilai RM10,000 pada tahun 2004 di Masjid Lakota, Jeli.

**Foto 5, 6 dan 7** menunjukkan kerja yang dimaksudkan.

**Foto 5**  
**Kerja Membina Menara Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi Kerja**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 26 Mei 2006  
Lokasi: Masjid Sri Aman Pasir Puteh

**Foto 6**  
**Kerja Menambah Ruang Sembahyang Mengikut Spesifikasi Kerja**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 10 Mei 2006  
Lokasi: Masjid Lubuk Jambu, Kota Bharu

**Foto 7**  
**Kerja Menambah Ruang Sembahyang Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi Kerja**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 16 Mei 2006  
Lokasi: Masjid Lakota, Jeli

Selain itu juga, terdapat satu kes kerja membina menara masjid berukuran tinggi 30' dan lebar 6' x 6' bernilai RM5,000 pada tahun 2005 tidak disiapkan hingga kini di Masjid Kg. Pulau Gorek, Tumpat. Hasil temu bual Audit dengan pegawai di Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat mendapati, peruntukan sejumlah RM5,000

adalah tidak mencukupi bagi menyiapkan kerja tersebut. **Foto 8** berikut adalah berkaitan.

**Foto 8**  
**Kerja Membina Menara Masjid Yang Tidak Dapat Disiapkan**  
**Sejak Tahun 2005**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 6 Julai 2006

Lokasi: Masjid Kg. Pulau Gorek, Tumpat

- c) Adalah menjadi hasrat Pejabat Pembangunan Negeri untuk memastikan Kerja Pembaikan Masjid dilaksanakan di semua masjid. Pihak Audit mendapati 9 kes Kerja Pembaikan Masjid melibatkan masjid yang sama pada tahun 2004 dan 2005. Hasil temu bual Audit yang dijalankan, perkara ini berlaku kerana kerja pembaikan tersebut perlu dilaksanakan berdasarkan permohonan daripada pihak Jawatankuasa Masjid dan asas pengagihan Kerja Pembaikan Masjid adalah bergantung kepada keperluan dan permohonan oleh Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan serta penduduk setempat. Pihak Audit juga mendapati, kesemua kerja berkaitan telah dilaksanakan dengan betul dan sempurna. Bagaimanapun, kes seperti ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya perancangan yang teliti dibuat untuk memastikan objektif Kerja Pembaikan Masjid tercapai. Kerja pembaikan melibatkan masjid yang sama pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Kerja Pembaikan Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Bil.	Nama Masjid	Perihal Dan Nilai Kerja	
		Tahun 2004	Tahun 2005
1.	Masjid Perpaduan, Gua Musang	Kerja membaiki masjid bernilai RM4,000.	Mengecat bangunan masjid bernilai RM3,000.
2.	Masjid RPT Sungai Terah, Gua Musang	Kerja membaiki menara serta mengecat bernilai RM7,000.	Kerja membaiki atap, tandas dan tempat wuduk bernilai RM3,500.
3.	Masjid Pemanok, Machang	Kerja menyediakan peralatan masjid bernilai RM5,000.	Kerja membina/membaki masjid bernilai RM33,000.
4.	Masjid Kg. Ana, To'oh, Tumpat	Kerja menambah ruang solat bernilai RM7,000.	Kerja membina tandas bernilai RM3,000.
5.	Masjid Alor Pasir, Tumpat	Kerja memasang jubin, konkrit dan membina tiang bernilai RM 5,000.	Kerja pendawaian elektrik, mengetar dan memasang jubin bernilai RM20,000.
6.	Masjid Berangan, Tumpat	Kerja menambah anjung hadapan bernilai RM3,000.	Kerja membina peneduh tempat wuduk bernilai RM2,000.
7.	Masjid Tanjung Jering, Bachok	Kerja menyediakan peralatan dan membaiki masjid bernilai RM8,000.	Kerja menukar atap dan peralatan masjid bernilai RM3,000.
8.	Masjid Telok Mesira, Bachok	Kerja membina bumbung dan membuat pelantai tingkat atas bernilai RM20,000.	Kerja mengecat bernilai RM1,000.
9.	Masjid Mujor, Bachok	Kerja mengecat pagar dan membaiki masjid bernilai RM2,000.	Kerja membaiki tingkap bernilai RM1,500.

Sumber: Rekod Fail Jabatan Audit Negara

- d) Peruntukan Kerja Pembaikan Masjid hendaklah dibelanjakan kepada kategori masjid mukim sahaja, manakala bagi Masjid Bandar tanggungjawab kerja pembaikan adalah di bawah MAIK. Semakan Audit mendapat 2 kes perbelanjaan pembaikan tidak menepati maksud Kerja Pembaikan Masjid iaitu perbelanjaan pembaikan bangunan Masjid Al Fatah, Machang bernilai RM10,000 yang mana telah dibuat kepada masjid yang bukannya masjid mukim. Satu lagi kes adalah berkenaan pengambilan balik tanah bagi laluan masuk ke Masjid Paya Rambai, Kota Bharu iaitu Lot 1832 & 1834, Mukim Langgar, Jajahan Kota Bharu. Pengambilan balik tanah ini berjumlah RM29,250 telah dibayar kepada En. Mohd. Shukri Salleh, tuan punya tanah dengan menggunakan peruntukan Kerja Pembaikan Masjid. **Foto 9** adalah berkaitan dengan Masjid Al Fatah, Machang manakala **Foto 10** adalah berkaitan dengan Masjid Paya Rambai, Kota Bharu.

**Foto 9**  
**Kos Kerja Pembaikan Kepada Masjid Bukan Mukim Berjumlah RM10,000**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 23 Mei 2006  
Lokasi: Masjid Al Fatah, Machang

**Foto 10**  
**Kos Pengambilan Balik Tanah Berjumlah RM29,280 Daripada Peruntukan Pembaikan Masjid**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 20 September 2006  
Lokasi: Masjid Paya Rambai, Kota Bharu

- e) Setiap Kerja Pembaikan Masjid yang dijalankan oleh Pejabat Pembangunan Negeri sepatutnya dinilai semula sama ada kerja tersebut telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif. Pihak Audit telah membuat analisis pencapaian Kerja Pembaikan Masjid dengan melihat kepada dua perkara iaitu prestasi pelaksanaan kerja dan nilai impak kepada Kerja Pembaikan Masjid ini.

i) **Prestasi Pelaksanaan Kerja**

Prestasi pelaksanaan Kerja Pembaikan Masjid perlu dipertingkatkan, kerana prestasi purata keseluruhan pelaksanaan kerja pada tahun 2004 ialah 17%, manakala pada tahun 2005 ialah 16%. Ini bermakna secara purata, Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Kuala Krai dan Tanah Merah mempunyai tahap prestasi pelaksanaan kerja yang rendah. Perkara ini berlaku kerana Pejabat Pembangunan Negeri tidak mempunyai sasaran prestasi pelaksanaan kerja setiap tahun dan dengan jumlah peruntukan yang terhad, menyukarkan Pejabat Pembangunan Negeri untuk merancang pelaksanaan kerja dengan lebih tersusun. Prestasi pelaksanaan kerja berbanding dengan bilangan masjid dan peratusan pelaksanaan adalah rendah iaitu antara 8% hingga 40% pada tahun 2004 dan 8% hingga 30% pada tahun 2005. Maklumat mengenai prestasi pelaksanaan kerja adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Prestasi Pelaksanaan Pembaikan Masjid**

<b>Bil.</b>	<b>Jajahan</b>	<b>Jumlah Masjid</b>	<b>Bilangan Dilaksana (Buah)</b>		<b>Peratus Pelaksanaan (%)</b>	
			<b>(Buah)</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2004</b>
1.	Kota Bharu	124	10	11	8	9
2.	Pasir Mas	86	12	7	14	8
3.	Pasir Puteh	64	12	15	19	23
4.	Bachok	56	14	17	25	30
5.	Kuala Krai	49	4	5	8	10
6.	Tanah Merah	44	6	5	14	11
7.	Tumpat	41	13	8	32	20
8.	Machang	40	9	7	23	18
9.	Gua Musang	34	6	6	18	18
10.	Jeli	20	8	6	40	30
<b>Jumlah</b>		<b>558</b>	<b>94</b>	<b>87</b>	-	-

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

### ii) Nilai Impak

Pejabat Pembangunan Negeri perlu menilai pencapaian Kerja Pembaikan Masjid sama ada berjaya mencapai matlamat dan memberi kesan atau nilai tambah kepada penduduk setempat. Keberkesanan pencapaian Kerja Pembaikan Masjid boleh diukur dengan cara menilai sama ada kerja pembaikan telah memberi keselesaan kepada jemaah atau penduduk setempat. Pihak Audit ada menjalankan temubual dengan beberapa Jawatankuasa Masjid di masjid yang dilawati dan perbincangan dengan Pegawai Penyelia di Pejabat Tanah Dan Jajahan serta Penggawa turut diadakan.

Hasil daripada temu bual dan perbincangan tersebut mendapati kesemua kerja berkaitan pembaikan masjid berjaya memberi keselesaan kepada jemaah masjid dan berpendapat Kerja Pembaikan Masjid ini harus diteruskan. Keselesaan kepada jemaah setempat bersesuaian dengan usaha pihak Kerajaan Negeri yang terlibat khususnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) untuk mengadakan beberapa program pengisian agama di masjid yang terpilih. Antara program pengisian agama di masjid oleh JHEAIK pada tahun 2006 ialah Program Bulan Sembahyang, Ihya' Ramadhan dan Tahfiz Al-Quran. Program Bulan Sembahyang telah dilancarkan pada 16 Ogos 2006 untuk menggalakkan solat di kalangan masyarakat, manakala Program Ihya' Ramadhan dilancarkan pada 17 September 2006 bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang

ketibaan bulan Ramadhan yang perlu diisi dengan pelbagai amalan yang diredhai.

**Pada pendapat Audit, program kerja tahunan dan pelaksanaan Kerja Pembaikan Masjid berbanding jumlah keseluruhan masjid adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, pada keseluruhannya kerja yang dilaksanakan telah menepati spesifikasi yang ditetapkan dan Kerja Pembaikan Masjid patut diteruskan kerana telah memberikan keselesaan yang baik kepada penduduk setempat.**

#### 5.2.7 Guna Tenaga Dan Latihan

##### a) Guna Tenaga

Bilangan perjawatan di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri telah diisi sebagaimana Waran Perjawatan yang diluluskan. Dalam tempoh pengauditan dijalankan, tidak ada sebarang permohonan perjawatan dibuat di Bahagian Teknikal. Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan yang diisi di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri ialah 6 orang. Jumlah ini tidak termasuk seorang Juruteknik Gred J17 yang dipinjamkan daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kedudukan perjawatan yang dimohon, diluluskan dan diisi di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Kedudukan Perjawatan Di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri**


Bil.	Nama Jawatan	Jawatan Dimohon	Jawatan Diluluskan	Jawatan Diisi	Kekosongan
1.	Juruteknik (J17)	1	-	1(*)	Pinjaman
2.	Pelukis Pelan (J17)	1	1	0	1
3.	Ketua Tukang (R22)	1	1	0	1
4.	Tukang (R11)	3	3	3	-
5.	Pekerja Rendah Awam (R1)	4	4	3	1
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>	<b>9</b>	<b>6</b>	<b>3</b>

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

Nota: (\*) Perjawatan pinjaman daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**Carta 1** berikut menunjukkan kedudukan carta organisasi di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri.

**Carta 1**  
**Carta Organisasi Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri**



Sumber: Carta Organisasi Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri

Nota: (\*) Perjawatan pinjaman daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Di peringkat Pejabat Tanah Dan Jajahan pula, ianya diketuai oleh Ketua Jajahan Gred N54/N48. Mengikut pembahagian tugas jawatan, pegawai yang bertanggungjawab bagi Kerja Pembaikan Masjid ialah Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan) dan dibantu oleh Juruteknik Gred J22 dan J17. Jumlah pegawai yang berjawatan Juruteknik Gred J22 dan J17 yang terlibat dalam mengurus aktiviti pembaikan masjid di peringkat Jajahan adalah seramai 28 orang. Daripada jumlah diluluskan, hanya terdapat satu kekosongan iaitu bagi jawatan Juruteknik Gred J22 di Jajahan Gua Musang. Kedudukan perjawatan dipohon dan diluluskan bagi pegawai yang terlibat dengan Kerja Pembaikan Masjid mengikut Jajahan adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Kedudukan Perjawatan Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan**

Bil.	Jajahan	Jawatan Dimohon	Bilangan Dimohon	Bilangan Diluluskan	Bilangan Diisi	Kekosongan
1.	Kota Bharu	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
2.	Machang	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
3.	Tumpat	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
4.	Pasir Puteh	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
5.	Kuala Krai	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
6.	Pasir Mas	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
7.	Tanah Merah	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
8.	Jeli	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	1	1	1	-
9.	Bachok	Juruteknik (J22)	1	1	1	-
		Juruteknik (J17)	1	1	1	-
10.	Gua Musang	Juruteknik (J22)	1	1	0	1
		Juruteknik (J17)	2	2	2	-
<b>Jumlah</b>			<b>28</b>	<b>28</b>	<b>27</b>	<b>1</b>

Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

**b) Latihan**

Semakan Audit terhadap fail kursus di Pejabat Tanah Dan Jajahan mendapati semua pegawai/kakitangan di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan yang terlibat secara langsung dengan Kerja Pembinaan Masjid tidak pernah menghadiri kursus sejak tahun 2004 hingga 2006. Manakala 9 orang pegawai yang ditempatkan di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri juga tidak pernah mengikuti kursus sejak tahun 2004 hingga 2006. Untuk membolehkan semua kakitangan mendapat pendedahan dan kefahaman mengenai peraturan dan teknik terkini berkenaan Kerja Pembinaan Masjid, Pejabat Pembangunan Negeri/Pejabat Tanah Dan Jajahan sepatutnya menghantar pegawai/kakitangan tersebut menghadiri latihan berkaitan bidang kerja masing-masing.

**Pada pendapat Audit, pengisian jawatan yang berkaitan dengan Kerja Pembaikan Masjid di Bahagian Teknikal, Pejabat Pembangunan Negeri dan di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah Dan Jajahan adalah baik. Peluang harus diberikan kepada pegawai yang belum mengikuti kursus/latihan untuk menghadiri kursus/latihan untuk meningkatkan kompetensi mereka menjalankan tugas.**

#### **5.2.8 Prestasi Perbelanjaan Kerja**

Jabatan telah memohon peruntukan bagi melaksanakan kerja pembaikan/pembinaan masjid berjumlah RM7.50 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Bagi tahun 2006 pula, peruntukan sejumlah RM1.50 juta telahpun diluluskan oleh pihak Perbendaharaan Negeri. Jumlah peruntukan tersebut telah diagihkan kepada peringkat Jajahan untuk dilaksanakan kerja sebagaimana dirancang. Mengikut rekod di Pejabat Pembangunan Negeri pada akhir bulan Disember 2004, 2005 dan 2006, peratusan perbelanjaan adalah 71%, 36% dan 83% yang masing-masing melibatkan perbelanjaan berjumlah RM0.71 juta, RM0.55 juta dan RM1.24 juta. Peratusan perbelanjaan yang rendah pada tahun 2005 disebabkan sejumlah RM1 juta yang diperuntukkan bagi projek pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Pasir Mas tidak dibelanjakan. Butiran perbelanjaan mengikut tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Pada Tahun 2004 Hingga 2006**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2004	1.0	0.71	71
2005	1.52	0.55	36
2006	1.50	1.24	83

*Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri*

**Pada pendapat Audit, tahap peratusan perbelanjaan tahunan adalah memuaskan.**

**Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit pelaksanaan Kerja Pembaikan Masjid adalah memuaskan. Pejabat Pembangunan Negeri telah mempunyai dasar dan kaedah pelaksanaan kerja yang baik. Namun begitu, beberapa aspek seperti garis panduan dan prosedur kerja, sasaran kerja serta program kerja tahunan hendaklah diadakan supaya perancangan dan pelaksanaan kerja lebih berjaya.**

### **5.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan adalah merupakan aspek penting bagi memastikan kerja yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Pejabat Pembangunan Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan bersama Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan) untuk memantau pelaksanaan Kerja Pembinaan Masjid. Namun begitu, Pejabat Pembangunan Negeri tidak menetapkan kekerapan mesyuarat yang perlu diadakan pada setiap tahun.

Semakan Audit mendapati tarikh mesyuarat terakhir diadakan pada 8 Jun 2006. Pada tahun 2005, Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan tidak pernah diadakan antara Pejabat Pembangunan Negeri dengan Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan). Pada tahun 2004 pula, mesyuarat telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 20 Mei 2004 dan 30 September 2004.

Di peringkat Jajahan, Jawatankuasa Perancangan, Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek Pembangunan yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan atau Penolong Ketua Jajahan (Bahagian Pembangunan), bersama Penggawa dan Juruteknik perlu diadakan sebulan sekali bertujuan untuk membincangkan hal ehwal pembangunan di Jajahan. Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat pemantauan terhadap projek/kerja pembangunan termasuklah Kerja Pembinaan Masjid bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah dipatuhi iaitu diadakan sebulan sekali.

Selain daripada pelaksanaan kaedah pemantauan melalui mesyuarat di peringkat Jajahan, Kerja Pembinaan Masjid dipantau oleh Ketua Jajahan (Unit Pembangunan) melalui mekanisme yang sedia ada di peringkat Jajahan. Bagi pembinaan yang diuruskan terus oleh Ketua Jajahan, lawatan dan pemantauan berkala telah dilakukan oleh Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan). Bagi pembinaan oleh Jawatankuasa Masjid, penggawa telah memainkan peranan untuk membuat pemantauan dan melaporkan kepada Ketua Jajahan.

**Pada pendapat Audit, aspek pemantauan terutamanya di Pejabat Tanah Dan Jajahan adalah memuaskan. Namun begitu, kekerapan mesyuarat di Pejabat Pembangunan Negeri perlu dipertingkatkan.**

## **6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pelaksanaan Kerja Pembinaan Masjid adalah memuaskan dan telah mencapai tujuannya untuk meningkatkan kemudahan dan memberi keselesaan kepada jemaah masjid. Bagaimanapun, pengurusan Kerja Pembinaan Masjid boleh dipertingkatkan lagi. Beberapa perkara perlu diperkemaskan dalam aspek perancangan dan pelaksanaan Kerja Pembinaan Masjid. Perkara tersebut adalah seperti berikut:

- a) Mengadakan garis panduan atau prosedur kerja untuk tujuan pelaksanaan kerja yang seragam.
- b) Mengadakan sasaran bilangan masjid yang hendak dibina/dibaiki pada tahun tertentu berserta anggaran perbelanjaan terlibat.
- c) Mengadakan program kerja tahunan bagi mengelakkan masjid yang sama dibina/dibaiki atau terdapatnya masjid yang tidak dibaiki langsung.
- d) Prestasi pelaksanaan kerja perlu dipertingkatkan agar Kerja Pembinaan Masjid lebih menyeluruh.
- e) Mewujudkan pangkalan data dengan lengkap untuk menyusun program kerja tahunan.
- f) Pemantauan oleh Pejabat Pembangunan Negeri hendaklah dipertingkatkan melalui kekerapan mesyuarat.

## **(B) PROJEK PEMBINAAN MASJID**

### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Selain daripada pembaikan masjid, Pejabat Pembangunan Negeri juga melaksanakan pembinaan Masjid. Projek pembinaan Masjid adalah di bawah Program Pembinaan/Pembalaikan Masjid yang juga mengandungi peruntukan pembaikan masjid. Pada tahun 2006, sejumlah RM6.50 juta telah diperuntukkan di bawah Program Pembinaan/Pembalaikan Masjid dan sejumlah RM3.24 juta telah dibelanjakan. Pada tahun yang sama, hanya 1 projek pembinaan masjid dibina di bawah peruntukan Pejabat Pembangunan Negeri iaitu Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Rantau Panjang (Masjid) dengan peruntukan kepada projek Masjid ini berjumlah RM5 juta. Masjid ini nama asalnya ialah Masjid Bersenibina Cina dan India. Idea penubuhan Masjid ini telah dicetuskan oleh Menteri Besar Kelantan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Kali Ke 2/1997 pada 30 September 1997. Mengikut cadangan, rekabentuk Masjid ini adalah terdiri daripada senibina Cina dan India bagi menggambarkan bahawa Agama Islam ini tidak dimonopoli oleh sesuatu kelompok dan kaum sahaja.

**7.2** Lanjutan daripada saranan tersebut, sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pembinaan Masjid telah diwujudkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini pada bulan Mei 1998 telah membincangkan cadangan tapak, rekabentuk dan kos pembiayaannya. Beberapa tapak tanah di sekitar Kota Bharu dan Pasir Pekan, Tumpat telah dicadangkan oleh Jawatankuasa ini tetapi keluasan yang ada tidak mencukupi dan halangan pemilikan tanah yang melibatkan kos pengambilan balik tanah yang tinggi. Akhirnya, suatu tapak tanah Lot 5310 seluas 3.7 ekar di Pekan Rantau Panjang iaitu di tepi Lebuhraya Pasir Mas/Rantau Panjang telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri. Manakala reka bentuknya telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menyediakan Pelan Reka Bentuk yang bercirikan tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

**7.3** Pada Oktober 2003, JKR telah menyediakan Pelan Reka Bentuk dengan anggaran kos berjumlah RM5.64 juta untuk membina Masjid ini. Pada bulan Februari 2004, Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pembinaan Masjid telah bersetuju memilih tapak Masjid Mukim Rantau Panjang yang mana tanah ini telah pun diserah oleh pemilik tanah pada tahun 1995 lagi kepada Jawatankuasa Masjid Mukim Rantau Panjang untuk didirikan masjid dengan bayaran pengambilan berjumlah RM135,000. Tanah ini pada asalnya adalah tanah bendang padi dan untuk dijadikan tapak masjid, Jawatankuasa Masjid telah membelanjakan sejumlah RM180,000 untuk kerja menambun tanah tersebut. Pihak Audit

difahamkan bahawa sumber pembiayaan bagi kos perolehan dan menambun tanah adalah daripada sumber sumbangan orang ramai dan pihak swasta.

## **8. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek pembinaan dilaksanakan secara sah mengikut peraturan kewangan serta dilaksanakan dengan cekap, berkesan, ekonomi dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop kajian Audit terhadap projek pembinaan Masjid ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang melibatkan Jabatan Pelanggan dan Jabatan Pelaksana. Jabatan Pelanggan ialah Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Perbendaharaan Negeri. Manakala Jabatan Pelaksana pula ialah JKR Negeri Kelantan yang mana Pengarah JKR sebagai Pegawai Penguin dan Jurutera Jajahan Pasir Mas sebagai Wakil Pegawai Penguin (PP). Pengauditan ini meliputi tempoh pembinaan iaitu mulai tahun 2004 hingga tahun 2006 dengan menjalankan semakan terhadap dokumen dan analisis maklumat di Pejabat SUK, Pejabat Pembangunan Negeri dan Perbendaharaan Negeri. Perkara yang disemak adalah mengenai kelulusan peruntukan, minit mesyuarat dan kaedah perolehan tender. Di Pejabat JKR Negeri, dokumen yang disemak adalah mengenai kertas kerja projek, proses tender, arahan perubahan kerja dan lanjutan masa kontrak. Manakala di Pejabat JKR Jajahan Pasir Mas pula pihak Audit telah menyemak fail projek dan rekod tuntutan bayaran kemajuan. Di Pejabat Tapak Projek Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra di Rantau Panjang pula ialah rekod seperti Buku Harian Tapak, sijil pembekalan bahan binaan dan peralatan yang disediakan juga telah disemak. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai di semua pejabat tersebut telah diadakan dan pemeriksaan fizikal di tapak projek pembinaan Masjid telah dilakukan.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

### **10.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang lengkap dan terperinci adalah penting bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. Kajian terhadap perancangan pembinaan Masjid ini mendapati perkara berikut:

### **10.1.1 Laporan Syor Asas Penyiasatan Tapak Dan Laporan Awal Projek**

Sebagai agensi pelaksana, JKR Negeri akan meminta Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) untuk menyediakan Laporan Syor Asas dan Penyiasatan Tapak Projek Masjid. Laporan ini akan dijadikan sebagai panduan semasa pelaksanaan pembinaan projek ini. Laporan yang disediakan oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. ini mengandungi maklumat seperti skop pembinaan projek, ujian penyiasatan tapak, keupayaan galas yang dibenarkan dan syor asas bangunan serta lampiran keputusan ujian.

Laporan ini akan dijadikan asas bagi penyediaan pelan dan cara pelaksanaan pembinaannya oleh JKR. Selain daripada Laporan tersebut, JKR Negeri melalui Bahagian Arkitek akan menyediakan satu Laporan Awal Projek yang mengandungi maklumat pengenalan masjid, latar belakang projek, cadangan pelaksanaan projek, reka bentuk masjid, pelan tataatur tapak masjid, butiran terperinci, anggaran kos projek dan rumusan.

### **10.1.2 Pemilihan Dan Kesesuaian Tapak**

Pada peringkat permulaan, Masjid ini dicadang akan dibina di beberapa lokasi tapak yang dikenal pasti seperti berikut:

- a) Tapak Balai Polis (Lama) Kota Bharu.
- b) Tapak Bangunan Rumah Api Kampong Sireh berhampiran Bulatan Jambatan Sultan Yahya Petra.
- c) Tapak Muzium Pasir Pekan.
- d) Di kawasan Rumah Panjang Jalan Hamzah.
- e) Di kawasan Rumah Panjang Wakaf Mek Zainab.
- f) Di kawasan gerai makan bersebelahan Hotel Nora Jalan Hamzah.
- g) Di tapak perumahan kerajaan Jalan Raja Dewa.

Bagaimanapun, semua tapak mempunyai masalah seperti keluasan terhad, hak milik dan bangunan sedia ada yang memerlukan kos pengambilan balik yang tinggi. Oleh itu, satu tapak baru akan dipilih oleh Jawatankuasa Pembinaan Masjid untuk tapak Masjid ini. Akhirnya pada pertengahan Julai 2003, Jawatankuasa Pembinaan Masjid telah membuat keputusan tapak Masjid ini akan didirikan di Rantau Panjang iaitu di atas tapak tanah milik Masjid Mukim Rantau Panjang dengan keluasan 3.7 ekar. Sebelum pembinaan Masjid dilaksanakan, kelulusan dari pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) perlu diperoleh.

### **10.1.3 Reka Bentuk Bangunan**

Pihak JKR telah dipertanggungjawabkan merancang untuk menyediakan pelan reka bentuk Masjid ini yang bercirikan konsep reka bentuk Melayu, Cina dan India. Reka bentuk bangunan Masjid ini mengandungi dua tingkat yang terdiri daripada beberapa blok bangunan seperti berikut:

#### **a) Blok Utama**

Tingkat atas adalah ruang sembahyang utama yang mengandungi bilik imam, bilik bilal, bilik audio visual, bilik VIP dan stor. Tingkat bawah pula mengandungi dewan serba guna, klinik, perpustakaan, pejabat, bilik VIP dan stor.

#### **b) Bahagian Hadapan Bangunan Utama**

Bahagian hadapan iaitu bangunan Anjung Utama terdiri daripada tempat wuduk dan tandas wanita di sebelah kiri manakala sebelah kanan pula ialah tempat wuduk dan tandas lelaki.

#### **c) Bahagian Kiri Bangunan Utama**

Bahagian kiri iaitu Anjung Kiri terdapat tempat wuduk, tempat letak kasut dan bilik jenazah.

#### **d) Bahagian Kanan Bangunan Utama**

Bahagian kanan iaitu bangunan Anjung Kanan terdapat tempat wuduk, tempat letak kasut dan bilik suis.

#### **e) Bangunan Kemudahan Asas**


Bangunan kemudahan asas di sebelah kiri bangunan masjid terdapat 4 unit bazar manakala sebelah kanan terdapat tadika dan kelas Fardhu Ain.

#### **f) Blok Menara**


Bahagian hadapan Blok Utama terdapat sebuah menara bertingkat-tingkat seperti pagoda.

Bangunan Masjid ini direka bentuk dengan berkonsepkan tataatur senibina Cina dengan kawasan lapang yang bercirikan taman di bahagian tengah bangunan yang boleh digunakan untuk tempat sembahyang dan ianya boleh menampung seramai 800 orang jemaah. Pelan rekabentuk Masjid ini telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan MAIK pada tahun 2003 lagi. Gambaran reka bentuk Masjid ini seperti berikut:

**Gambaran Perspektif**



**Pandangan Depan**




**Pandangan Belakang**



Sumber: Rekod JKR Negeri

**Pandangan Sisi**



Sumber: Rekod JKR Negeri

Keluasan lantai bangunan Masjid adalah 2,619 meter persegi ( $m^2$ ) seperti berikut:

- |                             |   |           |
|-----------------------------|---|-----------|
| • Bangunan Utama Masjid     | - | 693 $m^2$ |
| • Anjung Utama              | - | 81 $m^2$  |
| • Anjung Kiri               | - | 81 $m^2$  |
| • Anjung Kanan              | - | 81 $m^2$  |
| • Anjung Belakang           | - | 81 $m^2$  |
| • Bazar                     | - | 216 $m^2$ |
| • Lobi/Foyer                | - | 54 $m^2$  |
| • Bangunan Tadika           | - | 108 $m^2$ |
| • Bangunan Kelas Fardhu Ain | - | 108 $m^2$ |
| • Tempat Wuduk dan Tandas   | - | 216 $m^2$ |
| • Courtyard                 | - | 900 $m^2$ |

Bagaimanapun, perancangan reka bentuk dan bilangan blok bangunan Masjid ini tidak mengambil kira keperluan bangunan sokongan seperti rumah pegawai atau kakitangan Masjid kerana masalah sumber kewangan yang terhad.

#### **10.1.4 Penentuan Aras Tapak Masjid**

Pada kebiasaannya, setelah pelan reka bentuk disediakan dan mendapat kelulusan, bagi menentukan aras tapak lazimnya JKR akan mendapatkan pandangan dan laporan paras air banjir yang direkodkan oleh Bahagian Hidrologi, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Ini adalah bagi menentukan aras tanah tapak Masjid adalah selamat jika berlakunya banjir seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Semasa membuat perancangan aras tapak Masjid ini pada pertengahan tahun 2004, pihak JKR telah pun meminta laporan tersebut daripada JPS. Mengikut laporan bertarikh 18 Ogos 2004 yang dikemukakan kepada Pengarah JKR, aras air banjir yang tertinggi bagi Sungai Golok di Rantau Panjang bagi tempoh 11 tahun ialah banjir pada tahun 1997 iaitu mencatat aras bacaan 11.565 meter dari aras air laut. Butiran lengkap laporan aras air banjir yang dikemukakan tersebut seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Kedudukan Aras Air Banjir Sungai Golok,**  
**Rantau Panjang Bagi Tempoh 11 Tahun**

Tahun	Tarikh Bacaan Dicatat	Aras Maksimum (Meter Daripada Aras Air Laut)
1994	20.11.1994	10.072
1995	30.12.1995	9.112
1996	24.12.1996	9.400
1997	29.12.1997	11.565
1998	31.12.1998	9.440
1999	02.01.1999	9.794
2000	23.11.2000	10.300
2001	20.01.2001	10.145
2002	19.12.2002	9.001
2003	10.12.2003	10.365
2004	31.01.2004	7.652

*Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran*

Mengikut laporan di atas, bacaan aras air banjir yang melebihi 10 meter ialah pada tahun 1994, 1997, 2000, 2001 dan 2003. Berdasarkan situasi aras air banjir di atas, aras tapak yang selamat dan sesuai bagi tapak Masjid ini adalah aras yang melebihi 11.6 meter daripada aras laut. Pihak JKR akan mengambil kira aras tertinggi air banjir dalam penyediaan pelan lantai bagi Masjid ini.

#### **10.1.5 Sumber Pembiayaan Projek**

Sumber pembiayaan projek pembinaan Masjid ini akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat SUK dan Pejabat Pembangunan Negeri. Kos asal kontrak pembinaan Masjid ini adalah berjumlah RM7.50 juta. Bagi menjelaskan bayaran projek pembinaan

Masjid ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM1.70 juta kepada Pejabat SUK dan RM1 juta kepada Pejabat Pembangunan Negeri pada tahun 2005. Manakala pada tahun 2006 pula, sejumlah RM5 juta akan diperuntukkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri.

Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan sebuah Tabung Kutipan Derma Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan ianya diletak di bawah kawalan Jawatankuasa Masjid ini.

#### **10.1.6 Kaedah Pelaksanaan Projek**

Kaedah pelaksanaan projek ini akan diluluskan secara tender terpilih/terhad sebagaimana surat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri bertarikh 13 Julai 2004 kepada Pengarah JKR Negeri. Mengikut para 2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 tahun 2001, bagi tender terhad pemilihan kontraktor hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi di kalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat Bumiputera tempatan bagi kontrak kerja. Bagi projek ini, Pegawai Kewangan Negeri akan meminta JKR menyenaraikan nama kontraktor Bumiputera yang berkelayakan dan mempunyai prestasi cemerlang untuk dipertimbangkan. Kriteria kelayakan yang diambil kira ialah kelas kontraktor, kemampuan kewangan dan peratus bebanan kerja kontrak yang masih belum selesai. Manakala prestasi cemerlang pula ialah mengambil kira kontrak yang dilaksanakan tidak pernah terbengkalai dan sentiasa menepati tempoh kontrak. JKR akan menyenaraikan hanya 6 kontraktor Bumiputera sahaja yang berkelayakan dan mempunyai prestasi cemerlang untuk diberi tawaran tender. Berasaskan senarai cadangan JKR, Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan senarai nama kontraktor yang akan ditawarkan tender bagi Masjid ini iaitu Syarikat Lintas Semarak, Norbicon Sdn. Bhd., Gugusan Yakin Sdn. Bhd., Raja Husin Sdn. Bhd., Ab. Razak Ismail dan I-NAI Venture Holding Sdn. Bhd. Kesemua kontraktor tersebut akan diberi surat tawaran tender bagi projek ini oleh JKR.

#### **10.1.7 Dokumen Kontrak**

Dokumen kontrak adalah merupakan dokumen rasmi penting bagi mengikat antara Kerajaan dengan kontraktor. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 tahun 1995, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dan dimeterai dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima ditandatangani. Dokumen kontrak mengandungi maklumat seperti berikut:

- a) Kandungan.
- b) Senarai Semakan.
- c) Borang Tender (JKR 203C).

- d) Surat Setuju Terima Tender (JKR203D).
- e) Dokumen Perjanjian dan Syarat-syarat Kontrak (JKR 203).
- f) Peruntukan-peruntukan Khas kepada Syarat-syarat Kontrak.
- g) Spesifikasi.
- h) Ringkasan Tender.
- i) Senarai Kuantiti Untuk Kerja Cerucuk.
- j) Jadual Kadar Harga.
- k) Pelan-pelan kontrak yang mengandungi Pelan Arkitek dan Pelan Struktur.

Asas utama penyediaan kontrak bagi projek ini adalah Spesifikasi Kerja dan Pelan Struktur serta Pelan Arkitek. Dalam Borang Tender akan dinyatakan pelan dan spesifikasi kontrak adalah sebahagian daripada dokumen kontrak dan butiran pelan disertakan dalam dokumen tersebut.

#### **10.1.8 Surat Setuju Terima Tender**

Setelah kontraktor dipilih oleh Lembaga Tender Negeri yang bersidang pada 14 Julai 2005, keputusannya telah diberitahu melalui Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender secara pos berdaftar pada 22 Ogos 2005. Kontraktor hendaklah menjawab persetujuan penerimaannya melalui Surat Setuju Terima Tender dalam tempoh 14 hari. Surat Setuju Terima yang dikemukakan oleh kontraktor akan ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri bagi pihak Kerajaan serta bertarikh. Tarikh penyempurnaan dokumen ini adalah penting kerana ia melibatkan syarat-syarat penerimaannya dipatuhi seperti mengemukakan Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaannya. Tarikh tandatangan penerimaan ini juga boleh dijadikan rujukan apabila berlaku pertikaian mengenai kontrak ini.

#### **10.1.9 Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans Dan Keselamatan Pekerja**

Setelah Surat Setuju Terima ditandatangani, kontraktor hendaklah mematuhi syarat-syaratnya sebelum memulakan kerja pada tarikh penyerahan tapak bina. Antara syarat yang perlu dipatuhi ialah:

- a) Fasal 37 dalam Syarat Perjanjian Kontrak menyatakan kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sejumlah 5% daripada kos kontrak iaitu bernilai RM374,873 sebelum memulakan kerja di tapak bina. Mengikut Surat Setuju Terima Tender, kontraktor hendaklah memilih salah satu daripada 4 kaedah Bon Pelaksanaan yang ditawarkan seperti berikut:
  - i) Jaminan Bank
  - ii) Jaminan Insurans

- iii) Jaminan Kewangan
- iv) Wang Jaminan Pelaksanaan

Kaedah Jaminan Bank, Jaminan Insurans dan Jaminan Kewangan hendaklah dikemukakan oleh kontraktor sebelum memulakan kerja di tapak bina. Bagaimanapun, kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan ini semasa memulakan kerja.

- b) Selain daripada Bon Pelaksanaan, perkara 33 hingga 36 dalam syarat perjanjian kontrak juga menghendaki kontraktor mengemukakan semua polisi insurans seperti Polisi Liabiliti Awam, Polisi Insurans *Contraktor's All Risk* dan Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

#### **10.1.10 Bayaran Wang Pendahuluan**

Sebagaimana Peruntukan Khas kepada syarat-syarat kontrak menyatakan bahawa kontraktor adalah berhak untuk mendapatkan bayaran wang pendahuluan sebanyak 15% daripada nilai Kerja Pembina tertakluk kepada maksimum RM5 juta. Nilai Kerja Pembina bermaksud jumlah harga kontrak tolak Wang Kos Prima, Wang Peruntukan Sementara dan Wang Peruntukan Kerja Kecemasan/luar jangka. Bayaran Wang Pendahuluan ini hendaklah dibayar dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh milik tapak dan setelah pemulangan Surat Setuju Terima Tender yang telah ditandatangani oleh kontraktor berserta dengan Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans, pengesahan dari pihak berkuasa PERKESO dan premium dibayar oleh kontraktor.

#### **10.1.11 Pemilikan Tapak Projek Pembinaan**

Mengikut Fasal 38, Syarat Perjanjian Kontrak dan Para 7 dalam Surat Setuju Terima Tender menyatakan kontraktor hendaklah memulakan kerja dalam tempoh 14 hari daripada tarikh milik tapak dan kerja tidak boleh dimulakan sehingga Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans seperti yang ditetapkan telah dikemukakan surat pemberitahuan penerimaan tender. Kontraktor telah milik tapak projek ini pada 12 September 2005 sebagaimana tercatat dalam Surat Setuju Terima Tender dan mulai tarikh tersebut tapak projek adalah milik kontraktor dan sebarang kemalangan yang berlaku adalah menjadi tanggungjawab kontraktor. Mengikut minit Mesyuarat Pra Pembinaan Projek ini yang diadakan pada 7 September 2005, sebagaimana perkara 6.2 menyebut bahawa terdapat dua buah bangunan kediaman masih belum dirobohkan yang terletak di jalan masuk dan jalan keluar. Setelah perundingan dibuat antara Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) Pasir Mas, JKR, kontraktor dan pemilik bangunan berkenaan, persetujuan telah dibuat iaitu sebuah bangunan di atas jalan masuk dirobohkan. Manakala sebuah lagi bangunan

yang terletak di jalan keluar dan tapak pencawang elektrik untuk projek ini akan dirobohkan oleh pemiliknya setelah bangunan baru kediamannya yang terletak di kawasan lain siap dibina. Pihak kontraktor juga telah memberi kesanggupan menunggu kerana tidak menghalang kerja pembinaan Masjid dan juga jalan keluar dan pencawang elektrik belum lagi dibina.

#### **10.1.12 Kehendak Permulaan Dan Syarat-syarat Am**

Mengikut Bahagian A, Spesifikasi Kontrak mengenai Kehendak Permulaan dan Syarat-syarat Am menghendaki kontraktor mematuhi dan menyediakan semua peralatan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi tersebut. Pihak Pegawai Penguasa (PP) dan wakil PP hendaklah menyemak bagi menentukan kontraktor mematuhi spesifikasi yang dinyatakan tersebut. Item dan butiran dalam Kehendak Permulaan Spesifikasi Kontrak yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

- a)** Keperluan dalam syarat kontrak yang terdiri seperti:
  - i) Sampel dan Ujian.
  - ii) Obligasi *Statutory*.
  - iii) Pancang Tanda.
  - iv) Pemeriksaan Tapak.
  - v) Foremen dan Pembantu.
  - vi) Insurans Kemalangan dan Kerosakan Harta Benda.
  - vii) Akta Keselamatan Sosial Pekerja.
  - viii) Insurans Kerja.
- b)** Laluan dan Jalan Sementara.
- c)** Bangunan Pejabat Tapak.
- d)** Bangsal/*shed*.
- e)** Item Lain (alat keselamatan dan kerja PP).
- f)** Saliran Tapak Bina.
- g)** Air dan Kuasa Letrik.
- h)** Pengawasan.
- i)** Jagaan dan Perlindungan.
- j)** Pagar Keselamatan.
- k)** Program Kerja.
- l)** Laporan Kemajuan Bulanan.
- m)** Penyediaan Dokumen Kontrak.
- n)** Peralatan Komputer dan Kamera.

#### **10.1.13 Jadual Pelaksanaan Kerja**

Mengikut kontrak, kontraktor perlu menyediakan jadual pelaksanaan kerja bagi pembinaan Masjid ini bermula pada 12 September 2005 hingga ke tarikh siap mengikut perjanjian pada 8 Oktober 2006. Jadual pelaksanaan kerja ini hendaklah dipamerkan dalam Pejabat Tapak Binaan sebagai rujukan mengenai perancangan yang akan dilaksanakan dalam proses pembinaan Masjid ini.

#### **10.1.14 Pelan Struktur Dan Senarai Kadar Harga**

Pelan Kontrak dan Senarai Kadar Harga adalah sebahagian daripada dokumen kontrak yang perlu disediakan oleh pihak JKR semasa kontrak ditandatangani. Pelan Kontrak adalah terdiri daripada Pelan Arkitek dan Pelan Struktur. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Pelan Struktur ini akan disediakan pada masa pembinaan secara berperingkat. Bagi projek ini, Pelan Struktur disediakan oleh pihak JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur.

#### **10.1.15 Bahan Binaan**

Kualiti bahan binaan adalah meliputi kerja sedang dalam pembinaan seperti kerja cerucuk, kerja konkrit, kerja besi keluli dan kerja batu-bata. Mengenai kerja cerucuk adalah sebagaimana Bahagian B dalam spesifikasi kontrak. Mengikut spesifikasi, semua cerucuk yang dibekalkan ke tapak bina hendaklah mempunyai Sijil Akuan keupayaannya daripada syarikat pembekal yang diluluskan oleh PP. Bagi kerja konkrit adalah sebagaimana Bahagian D dalam spesifikasi kontrak. Bagi projek ini, jenis konkrit yang akan digunakan adalah dari jenis konkrit siap bantuh mengikut klausula 3.2 dalam piawai MS523 yang mana ujian kekuatannya Gred 30. Manakala bagi kerja keluli struktur dan logam adalah sebagaimana Bahagian I dalam spesifikasi kontrak. Para 2.1 dalam Bahagian I menyatakan semua reka bentuk, bahan dan mutu kerja struktur keluli hendaklah mematuhi piawai kerja keluli No.20600-0019-99. Perakuan ujian pengilang hendaklah dikemukakan kepada PP sebelum keluli diterima untuk pembinaan struktur. Bagi kerja batu-bata pula adalah sebagaimana Bahagian E dalam spesifikasi kontrak. Mengikut spesifikasi jenis batu-bata bagi projek ini adalah daripada tanah liat dengan saiz 225mm x 113mm x 75mm dan mengikut piawai Malaysia MS76. Pasir yang digunakan juga adalah mengikut piawai Malaysia MS29 dan simen dari jenis *Portland* mengikut piawai MS522. Sampel batu-bata yang digunakan telah dikemukakan kepada PP untuk kelulusan.

#### **10.1.16 Arahan Perubahan Kerja**

Fasal 24 dan 25 dalam syarat kontrak membenarkan Pegawai Pengguna (PP) membuat apa-apa perubahan ubahsuaian reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan-Pelan Kontrak dan Spesifikasi Kontrak termasuklah tambahan,

peninggalan atau penggantian apa-apa kerja, perubahan tentang jenis bahan binaan. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya mengenai Arahan Perubahan Dan Pelarasan Harga Bagi Kontrak Kerja yang dikeluarkan bertarikh 9 Mei 2002 menyatakan bahawa sebelum Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan, PP perlu menganggarkan nilai kerja perubahan yang terlibat dan nilai tersebut merupakan nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya. Setelah kontraktor melaksanakan semua Arahan Perubahan Kerja tersebut suatu pengiraan nilai bersih antara nilai muktamad dan nilai sementara dibuat sama ada tambahan, kurangan kepada Harga Kontrak dan pembayaran interim hendaklah dibuat berdasarkan Harga kontrak semasa.

#### **10.1.17 Lanjutan Masa Kontrak**

Fasal 43 dalam syarat kontrak menjelaskan bahawa kontraktor hendaklah memohon lanjutan masa secara bertulis dengan serta merta dan menyatakan sebab kelewatan kepada PP. Lanjutan masa boleh diluluskan kerana sebab-sebab tertentu seperti kerosakan struktur, keadaan hujan yang luar biasa, arahan tambahan oleh PP, kelewatan milik tapak dan lain-lain sebab di luar jangkaan. Lanjutan masa yang akan diluluskan hendaklah disokong dengan fakta dan tempoh masa yang munasabah.

#### **10.1.18 Bayaran Kemajuan Interim**

Fasal 47 dalam syarat perjanjian kontrak adalah mengenai pembayaran kepada kontraktor dan perakuan interim. Pegawai Pengguna hendaklah mengeluarkan perakuan interim dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian dibuat dan mengikut Arahan Perbendaharaan 103(a) menyatakan semua bil, invois dan perakuan bayaran sijil interim JKR 66 hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh perakuan interim tersebut dan perkara ini juga dijelaskan dalam syarat kontrak perkara 47(d). Sijil Kemajuan Interim (JKR 66) yang telah disahkan oleh PP adalah merupakan dokumen penyokong utama kepada baucar bayaran interim dan jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor hendaklah mengikut sebagaimana yang tercatat dalam Sijil Kemajuan Interim tersebut. Bayaran tidak boleh dibuat selain daripada yang dicatatkan dalam sijil tersebut.

#### **10.1.19 Guna Tenaga Dan Latihan**

Bagi melaksanakan pembinaan Masjid ini, seramai 16 pegawai daripada beberapa Jabatan dan Pejabat akan terlibat dalam merancang, menyelia dan memantau pelaksanaan projek supaya dapat dilaksanakan dengan lancar. Kedudukan pegawai mengikut Jabatan/Pejabat adalah seperti berikut:

- a) Pejabat SUK (Bhg. Kerajaan Tempatan) - 1 pegawai
- b) Pejabat Pembangunan Negeri - 3 pegawai

- |    |                                      |   |           |
|----|--------------------------------------|---|-----------|
| c) | Jabatan Kerja Raya Negeri            | - | 8 pegawai |
| d) | Jabatan Kerja Raya Jajahan Pasir Mas | - | 4 pegawai |

Setiap pegawai diberi tanggungjawab masing-masing seperti dan tugas menyelia tapak projek dilakukan oleh 2 orang Juruteknik Gred J17 dari Pejabat JKR Jajahan Pasir. Pegawai ini bertanggungjawab kepada wakil Pegawai Pengguna iaitu Jurutera Jajahan Pasir Mas.

#### **10.1.20 Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan**

Mengikut syarat Kontrak, Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai ganti Bon Pelaksanaan sebanyak 5% akan dipotong daripada harga kontrak. Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan bagi projek ini ialah sejumlah RM374,873 yang mana jumlah ini akan dikutip melalui potongan 10% daripada setiap bayaran interim dan diakaunkan dalam satu akaun deposit. Tujuan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan disimpan adalah sebagai cagaran jika berlaku perlanggaran syarat kontrak seperti kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan atau bagi menanggung kos pembentangan dalam tempoh kecacatan selama 12 bulan setelah perakuan siap kerja dikeluarkan.

#### **10.1.21 Kaedah Pemantauan**

Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri secara amnya adalah pihak bertanggungjawab yang akan memantau pelaksanaan projek pembinaan Masjid ini. Pegawai daripada JKR Negeri dan JKR Jajahan akan memantau dan membuat lawatan ke tapak bina projek serta pemantauan melalui Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal. Mengikut perancangan, mesyuarat tapak akan diadakan pada setiap bulan bermula pada bulan Oktober 2005 manakala Mesyuarat Teknikal akan diadakan setiap dua minggu sekali bagi membincangkan masalah pelaksanaan pembinaan. Selain itu, pihak kontraktor dan JKR akan menyediakan laporan bulanan kemajuan projek yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Tapak. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pembinaan Masjid Jubli Perak akan diwujudkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar bagi memantau pelaksanaan Masjid ini.

**Pada pandangan Audit, perancangan projek ini adalah kurang memuaskan kerana proses pewartaan hak milik tanah sebagai tapak Masjid belum lagi selesai sedangkan bangunan sudah pun dibina dan Pelan Struktur yang lengkap belum disediakan semasa proses pemilihan tender dan kontrak hendak dimulakan. Selain itu, perancangan reka bentuk aras tapak Masjid juga adalah kurang teliti kerana tidak mengambil kira aras banjir yang tertinggi seperti mana dilaporkan oleh JPS.**

## **10.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan projek pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Rantau Panjang ini bermula daripada penyiasatan dan pemilihan tapak, penyediaan pelan dan penentuan aras tapak, sumber pembiayaan dan kaedah pelaksanaan projek, penyediaan dokumen perjanjian kontrak dan bayaran pendahuluan, pemilikan tapak bina dan pematuhan terhadap semua syarat kontrak. Pada peringkat pelaksanaan ini, pengauditan telah dijalankan dalam aspek berikut:

### **10.2.1 Laporan Syor Asas Penyiasatan Tapak Dan Laporan Awal Projek**

Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) telah menyediakan Laporan Syor Asas dan Penyiasatan Tapak Projek Masjid pada bulan Februari 2003. Laporan yang disediakan oleh IKRAM ini mengandungi maklumat seperti skop pembinaan projek, ujian penyiasatan tapak, keupayaan galas yang dibenarkan dan syor asas bangunan serta lampiran keputusan ujian. Laporan ini telah dijadikan asas bagi penyediaan pelan dan cara pelaksanaan pembinaannya oleh JKR Negeri dan Bahagian Arkitek telah menyediakan satu Laporan Awal Projek pada bulan Oktober 2003 yang mengandungi maklumat pengenalan masjid, latar belakang projek, cadangan pelaksanaan projek, reka bentuk masjid, pelan tataatur tapak masjid, butiran terperinci, anggaran kos projek dan rumusan.

**Pihak Audit berpendapat pihak JKR Negeri telah menyediakan Laporan Awal Projek ini dengan memuaskan kerana mengambil kira maklumat yang diterima daripada IKRAM seperti ujian tapak, keupayaan galas dan syor serta telah memberi cadangan pelaksanaan, reka bentuk dan pelan tataatur masjid, butiran terperinci dan anggaran kos projek.**

### **10.2.2 Pemilihan Dan Kesesuaian Tapak**

Pada pertengahan bulan Julai 2003, Jawatankuasa Pembinaan Masjid telah membuat keputusan tapak Masjid ini adalah di atas tapak tanah milik Masjid Mukim Rantau Panjang dengan keluasan 3.7 ekar. Cadangan tapak ini telah diluluskan oleh pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Pihak Berkuasa Negeri. Mengikut minit Mesyuarat Jawatankuasa Pembinaan Masjid, kos pengambilan balik tanah ini serta kos menambun tapak telah dibayar daripada Tabung Kutipan Derma Masjid ini yang diuruskan oleh Jawatankuasa Pembinaan Masjid.

Semasa penyerahan tapak projek ini pada 12 Oktober 2005, tanah ini masih lagi belum diwartakan sebagai tapak Masjid sehingga pada akhir tahun 2006. Tanah ini pada

asalnya mengandungi 3 lot iaitu Lot 3549, 3560 dan 228 tetapi telah disatukan menjadi Lot 5310, Mukim Rantau Panjang. Proses pewartaan memerlukan tindakan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan kelulusan pewartaan sebagai tapak Masjid di bawah kawalan MAIK.

**Pihak Audit berpendapat pemilihan tapak telah dibuat dengan baik berdasarkan kesesuaian dan keperluan pihak masyarakat setempat untuk mendapat sebuah Masjid Mukim. Bagaimanapun, proses mewartakan tanah sebagai tapak Masjid masih lagi belum selesai walaupun ianya telah dipersetujui pada pertengahan bulan Julai 2003 lagi.**

#### **10.2.3 Reka Bentuk Bangunan**

Pihak JKR mereka bentuk Pelan Masjid ini bercirikan konsep reka bentuk Melayu, Cina dan India. Masjid ini mengandungi dua tingkat yang terdiri daripada beberapa blok bangunan seperti Blok Utama, Bahagian Hadapan, Kiri, dan Kanan Bangunan Utama, Bangunan Kemudahan Asas dan Blok Menara. Bagaimanapun, reka bentuk bagi rumah pegawai atau kakitangan Masjid tidak disediakan kerana sumber kewangan yang terhad dan peruntukan hanya untuk pembinaan bangunan Masjid sahaja.


**Pihak Audit berpendapat reka bentuk bangunan Masjid ini adalah baik dan unik serta memiliki semua kemudahan seperti bazar, bangunan tadika, bangunan pejabat, bilik mesyuarat, dewan makan, perpustakaan dan sebagainya. Bagaimanapun, kemudahan rumah kepada kakitangan Masjid tidak disediakan bagi membolehkan Masjid dapat diurus dengan baik pada setiap masa.**

#### **10.2.4 Penentuan Aras Tapak Masjid**

Bagi menentukan aras tapak Masjid ini, pihak JKR telah mendapatkan laporan paras air banjir daripada pihak JPS Negeri dan laporan mengenainya diterima pada bulan Ogos 2004. Mengikut laporan tersebut, aras air banjir yang tertinggi bagi Sungai Golok di Rantau Panjang untuk tempoh 11 tahun ialah banjir pada tahun 1997 iaitu mencatat aras bacaan 11.565 meter dari aras air laut. Bagaimanapun, mengikut pelan yang disediakan oleh pihak JKR, kedudukan aras lantai Masjid ini adalah pada aras 10.000 meter iaitu lebih rendah berbanding aras air banjir pada tahun 1994, 1997, 2000, 2001 dan 2003 yang melebihi aras 10 meter. Ini menunjukkan bahawa pihak JKR tidak mengambil kira laporan yang diterima dalam menyediakan pelan aras lantai dan boleh menyebabkan lantai Masjid akan ditenggelami air jika berlaku kebocoran atau resapan pada dinding dan lantai bangunan terutama bagi “Lower Ground Floor” yang mengandungi dewan makan, perpustakaan, dewan syarahan, klinik, pejabat, bilik mesyuarat, bilik VIP dan stor

yang dibina pada aras 9.900 meter. Kedudukan Pelan Lantai Aras Masjid yang disediakan adalah seperti berikut:

**Pelan Kedudukan Aras Lantai Reka Bentuk Masjid**



Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Jika berlaku banjir seperti tahun 1997, dengan keadaan persekitaran dan kemudahan pencegahan banjir yang masih tidak berubah, tapak Masjid ini akan ditenggelami air sedalam 1.565 meter. Berdasarkan situasi aras air banjir di atas, pihak JKR sepatutnya mengambil kira laporan aras tertinggi banjir dan menetapkan aras tapak yang selamat dan sesuai bagi tapak Masjid ini iaitu melebihi 11.6 meter daripada aras laut.

**Pihak Audit berpendapat bahawa aras pelan lantai tingkat bawah yang disediakan oleh pihak JKR adalah tidak memuaskan kerana berpandukan kepada laporan kedudukan aras air banjir yang diterima daripada pihak JPS pada tahun 1994, 1997, 2000, 2001 dan 2003 adalah melebihi aras 10 meter dan ini akan menimbulkan masalah kerana di kawasan ini sering kali dilanda banjir dan air banjir akan melebihi aras tapak Masjid yang dibina.**

#### **10.2.5 Sumber Pembiayaan Projek**

Kos asal kontrak projek pembinaan Masjid ini adalah berjumlah RM7,497,468. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.70 juta pada tahun 2005 iaitu sejumlah RM1.70 juta kepada Pejabat SUK dan RM1 juta kepada Pejabat Pembangunan Negeri. Pada tahun 2006 pula, sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri dan menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan berjumlah RM7.70 juta. Sehingga akhir tahun 2006, sejumlah RM3.30 juta telah dibayar kepada kontraktor iaitu bayaran Interim Pertama hingga Interim Ke 10 dan Bayaran Pendahuluan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menuahkan sebuah Tabung

Kutipan Derma Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan mengikut rekod Jawatankuasa Tabung ini, pungutan derma sehingga akhir tahun 2006 berjumlah RM684,967 dan disimpan dalam akaun Jawatankuasa Masjid Jubli Perak. Mengikut rekod, kutipan derma ini belum lagi dibelanjakan.

**Pihak Audit berpendapat Kerajaan Negeri telah mengadakan peruntukan tahunan dengan memuaskan dan dapat menampung bayaran interim kepada kontraktor. Selain itu, kutipan derma bagi tujuan pembinaan Masjid ini masih belum digunakan.**

#### **10.2.6 Kaedah Pelaksanaan Projek**

Pelaksanaan projek ini telah dibuat secara tender terpilih/terhad sebagaimana kelulusan Pegawai Kewangan Negeri pada 13 Julai 2004. Bagi projek ini, Pegawai Kewangan Negeri telah meminta JKR menyenaraikan nama kontraktor Bumiputera yang berkelayakan dan mempunyai prestasi cemerlang untuk dipertimbangkan. Kriteria kelayakan yang diambil kira ialah kelas kontraktor, kemampuan kewangan dan peratus bebanan kerja kontrak yang masih belum selesai. JKR Negeri telah menyenaraikan seramai 6 kontraktor Bumiputera yang berkelayakan dan mempunyai prestasi cemerlang untuk diberi tawaran tender. Bagaimanapun, setelah tender ditutup/dibuka pada 30 Disember 2004, hanya seramai 5 penender yang mengemukakan tawaran seperti di **Jadual 12.**

**Jadual 12**  
**Senarai Kontraktor Yang Memasuki Tender**

Bil.	Nama Kontraktor	Kelas	Taraf	Harga (RM Juta)	Tempoh (Minggu)	Peratus Lebih/ (Kurang) Daripada Anggaran Jabatan
1.	Gugusan Yakin Sdn. Bhd.	B	Bumiputera	9.16	56	(17.7)
2.	I-NAI Venture Holding Sdn. Bhd.	B	Bumiputera	10.49	52	(5.8)
3.	Raja Hussin Sdn. Bhd.	C	Bumiputera	10.78	56	(3.2)
4.	Lintas Semarak Sdn. Bhd.	A	Bumiputera	10.82	56	(2.8)
5.	Norbicon Sdn. Bhd.	B	Bumiputera	11.36	56	2.1
<b>Anggaran Jabatan</b>				<b>11.13</b>		

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Setelah penilaian dibuat, Lembaga Tender Negeri telah memilih tawaran terendah daripada Syarikat Gugusan Yakin Sdn. Bhd. berjumlah RM9.16 juta yang kemudiannya telah dikurangkan kepada RM7.50 juta iaitu setelah mengambil kira potongan beberapa peruntukan kerja dalaman berjumlah RM1.31 juta. Pihak Audit mendapati pemilihan tawaran daripada Syarikat Gugusan Yakin Sdn. Bhd. adalah tawaran terendah daripada 5 tawaran tender yang diterima dan perbezaan dengan anggaran JKR adalah sebanyak 17.7%. Perbezaan peratusan yang agak tinggi antara harga tawaran berbanding anggaran Jabatan boleh memungkinkan kontraktor terlibat mengalami kesulitan untuk menyiapkan kerja dan kelewatan menyiapkan projek ini.

**Pihak Audit berpendapat bahawa pemilihan kontraktor bagi melaksanakan Masjid ini adalah baik dan telah dibuat secara teratur. Bagaimanapun, pemilihan kontraktor yang menawarkan tawaran terendah melebihi 10% berbanding anggaran Pejabat boleh menyebabkan kontraktor mengalami kesulitan untuk menyiapkan kerja dan seterusnya kelewatan dalam melaksanakan projek.**

#### **10.2.7 Dokumen Kontrak**

Dokumen kontrak adalah merupakan dokumen rasmi penting bagi mengikat antara Kerajaan dengan kontraktor. Antara dokumen yang terkandung di dalam dokumen kontrak adalah seperti Borang Tender, Surat Setuju Terima Tender, Dokumen Perjanjian dan Syarat-syarat Kontrak, Peruntukan-peruntukan Khas kepada Syarat-syarat Kontrak, Spesifikasi, Ringkasan Tender, Senarai Kuantiti Untuk Kerja Cerucuk, Jadual Kadar Harga, Pelan Kontrak, Pelan Arkitek dan Pelan Struktur.

Semakan Audit mendapati semua dokumen tersebut telah disediakan tetapi tidak lengkap kerana perkara berikut:

- a) Borang Tender (JKR 203C) tidak dicatat tarikh ditandatangani oleh kedua belah pihak.
- b) Surat Setuju Terima Tender (JKR 203D) tidak dicatat tarikh ditandatangani oleh kedua belah pihak.
- c) Perjanjian Kontrak dan Syarat-syarat Kontrak tidak dicatat tarikh ditandatangani.
- d) Pelan Struktur tidak disediakan dengan lengkap.

Tanpa catatan tarikh dan dokumen yang lengkap terhadap semua dokumen tersebut akan menyukarkan kedua belah pihak membuat rujukan jika berlaku pertikaian terhadap peraturan dan syarat kontrak. Pihak Audit dimaklumkan lukisan Pelan Struktur tidak dapat disediakan oleh pihak JKR Negeri kerana kurang kepakaran dan tenaga kerja.

Reka bentuk bagi Masjid ini merupakan satu-satunya reka bentuk yang unik dan belum pernah dibina oleh JKR Negeri. Oleh itu, pihak JKR Negeri telah meminta bantuan pihak JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk menyediakan Pelan Struktur. Bagaimanapun, JKR Negeri belum menerima jawapan bertulis daripada JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur mengenai kesanggupan Jabatan untuk menyediakan Pelan Struktur projek. Akibatnya, pelan struktur lengkap tidak diterima sehingga kini. Pelan Struktur yang diterima daripada JKR Ibu Pejabat adalah berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Kontraktor tidak dapat meneruskan kerja tanpa Pelan Struktur yang lengkap. Akhirnya pembinaan projek ini telah melewati jadual unjuran kerana kontraktor dan JKR terpaksa menunggu Pelan Struktur seterusnya walaupun kerja pembinaan peringkat tertentu telah pun disiapkan.

**Pihak Audit berpendapat penyediaan dokumen kontrak bagi Masjid ini adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana tarikh ditandatangani tidak dicatat oleh kedua belah pihak, Pelan Struktur yang disediakan tidak lengkap dan tidak mematuhi syarat kontrak kerana pelan spesifikasi adalah sebahagian daripada dokumen kontrak menyebabkan kerja kontraktor di tapak bina terganggu. Pihak Audit berpendapat sepatutnya pihak JKR melaksanakan projek yang unik ini secara “*Design and Build*” supaya masalah kepakaran bagi menyediakan pelan tidak timbul kepada Jabatan.**

#### **10.2.8 Surat Setuju Terima Tender**

Kontraktor yang dipilih telah diberitahu melalui Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender pada 22 Ogos 2005 dan jawapan persetujuan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari melalui Surat Setuju Terima Tender. Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima yang dikemukakan oleh kontraktor tidak dicatat tarikhnya. Tarikh penyempurnaan dokumen ini adalah penting kerana ia melibatkan syarat penerimaannya dipatuhi dan ianya juga boleh dijadikan rujukan apabila berlaku pertikaian mengenai kontrak ini.

**Pihak Audit berpendapat bahawa penyediaan Surat Setuju Terima Tender adalah kurang memuaskan kerana tarikh tidak dicatat dan ianya sukar untuk dijadikan rujukan apabila berlaku pertikaian kelak.**

#### **10.2.9 Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans Dan Keselamatan Pekerja**

Sebagaimana syarat perjanjian kontrak, Kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan sejumlah 5% daripada kos kontrak iaitu bernilai RM374,873 sebelum memulakan kerja di tapak bina. Pihak Audit mendapati kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan semasa memulakan kerja. Pada 15 November 2005 kontraktor telah

memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai ganti Bon Pelaksanaan iaitu setelah 2 bulan 8 hari memiliki tapak projek. Semakan Audit mendapati polisi insurans dan sijil pendaftaran PERKESO telah dikemukakan dan tempoh jaminannya meliputi tempoh kontrak dan kecacatan.

**Pihak Audit berpendapat bahawa penyediaan Bon Pelaksanaan kurang memuaskan kerana kontraktor lewat membuat pilihan mengenai kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai ganti Bon Pelaksanaan manakala penyediaan polisi insurans dan sijil pendaftaran PERKESO adalah memuaskan.**

#### **10.2.10 Bayaran Wang Pendahuluan**

Mengikut perjanjian kontrak, Bayaran Wang Pendahuluan sebanyak 15% akan dibayar kepada kontraktor bagi projek ini. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Bayaran Wang Pendahuluan sejumlah RM1.20 juta telah dibayar kepada kontraktor pada 15 Disember 2005 melalui Pejabat SUK iaitu melebihi 15% daripada kos projek setelah ditolak Wang Peruntukan Sementara berjumlah RM2,678,000. Mengikut pengiraan Audit, jumlah Bayaran Wang Pendahuluan yang sepatut dibayar kepada kontraktor cuma berjumlah RM722,920. Ini menunjukkan bahawa berlaku lebih Bayaran Wang Pendahuluan kepada kontraktor sejumlah RM477,080.

**Pihak Audit berpendapat bahawa pembayaran wang pendahuluan kepada kontraktor adalah tidak memuaskan kerana pembayaran melebihi jumlah yang sepatutnya mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani.**

#### **10.2.11 Pemilikan Tapak Projek Pembinaan**

Fasal 38, Syarat Perjanjian Kontrak menyatakan tiada apa juar kerja boleh dimulakan sehingga Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans seperti yang ditetapkan telah dikemukakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat pemberitahuan penerimaan tender. Kontraktor telah milik tapak projek ini pada 12 September 2005 sebagaimana tercatat dalam Surat Setuju Terima Tender dan mulai tarikh tersebut tapak projek adalah milik kontraktor dan sebarang kemalangan yang berlaku adalah menjadi tanggungjawab kontraktor. Bagi mengesahkan ukuran sempadan tanah, pihak JKR telah dibantu oleh Pejabat Tanah Dan Jajahan (PTJ) Pasir Mas menjalankan kerja ukur dan penandaan sempadan untuk diserahkan kepada kontraktor. Mengikut minit Mesyuarat Pra Pembinaan Projek ini yang diadakan pada 7 September 2005, sebagaimana perkara 6.2 menyebut bahawa terdapat dua buah bangunan kediaman masih belum dirobohkan yang terletak di jalan masuk dan jalan keluar. Setelah perundingan dibuat antara PTJ Pasir Mas, JKR, kontraktor dan pemilik bangunan berkenaan, persetujuan telah dibuat iaitu

sebuah bangunan di atas jalan masuk dirobohkan. Manakala sebuah lagi bangunan yang terletak di jalan keluar dan tapak pencawang elektrik untuk projek ini akan dirobohkan oleh pemiliknya setelah bangunan baru kediamannya yang terletak di kawasan lain siap dibina. Pihak kontraktor juga telah memberi kesanggupan menunggu kerana tidak menghalang kerja pembinaan Masjid dan juga jalan keluar dan pencawang elektrik belum lagi dibina. Bagaimanapun, sehingga kini bangunan rumah tersebut belum lagi dirobohkan dan tiada tindakan tegas daripada pihak PTJ Pasir Mas. Pihak Audit berpendapat tindakan segera yang lebih tegas perlu dibuat supaya rumah ini dirobohkan bagi mengelak sebarang tuntutan ganti rugi daripada pemilik rumah ini pada masa akan datang. Lawatan Audit pada 18 September 2006 mendapati rumah tersebut masih belum dirobohkan sebagaimana di **Foto 11**.

**Foto 11**  
**Rumah Setinggan Di Atas Tapak Masjid Belum Dirobohkan**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Bertarikh: 18 September 2006*

*Lokasi: Tapak Projek Berhampiran Jalan Utama Rantau Panjang Ke Pasir Mas*

**Pihak Audit berpendapat proses penyerahan tapak pembinaan adalah memuaskan kecuali halangan sebuah rumah setinggan yang belum dirobohkan dan perlu diambil tindakan bagi mengelak sebarang tuntutan ganti rugi yang mungkin akan menambahkan kos projek ini.**

#### **10.2.12 Kehendak Permulaan Dan Syarat-syarat Am**

Bahagian A dalam Spesifikasi Kontrak adalah mengenai Kehendak Permulaan dan Syarat-syarat Am yang menghendaki kontraktor mematuhi dan menyediakan semua peralatan seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi tersebut. Pihak Pegawai Penguasa

(PP) dan wakil PP hendaklah menyemak bagi menentukan kontraktor mematuhi spesifikasi yang dinyatakan tersebut. Semakan Audit mendapati semua perkara dalam item Kehendak Permulaan Spesifikasi Kontrak telah disediakan kecuali kaedah penyimpanan barang-barang kurang memuaskan iaitu terhadap besi keluli. Mengikut Fasal 29.1(ii), spesifikasi kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan bangsal (*shed*) untuk membengkok bar dan kerja-kerja yang serupa. Tujuannya bangsal ini bagi melindungi pekerja membengkok bar atau besi daripada panas dan hujan. Manakala bar/besi yang telah dibengkokkan tersebut disimpan di bawah bangsal tidak berkarat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bangsal yang dimaksudkan ada disediakan tetapi tidak digunakan untuk membengkok bar atau besi sebaliknya kerja membengkok bar dilakukan di kawasan terbuka yang terdedah kepada panas dan hujan. Besi bar yang telah dibengkokkan disimpan di tempat terbuka menyebabkan ianya berkarat. Besi yang berkarat tidak sesuai digunakan dalam kerja pembinaan dan sekiranya hendak digunakan juga maka ianya hendaklah diberus hingga bersih. **Foto 12** menunjukkan tempat kerja membengkok besi dan tempat besi disimpan.

**Foto 12**  
**Kerja Membengkok Besi Di Tempat Terbuka**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Bertarikh 18 September 2006  
Lokasi: Tapak Projek Masjid

Selain daripada yang dinyatakan dalam dokumen kontrak, bagi membantu semua penyelia tapak projek mempertingkatkan kualiti pengawasan kerja, Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Dokumen Dan Peralatan Yang Perlu Ada Di Pejabat Tapak Pembinaan pada tahun 1992 untuk diterima pakai oleh semua projek JKR. Panduan tersebut menjelaskan perkara-perkara berikut:

- a)** Di Pejabat Tapak Bina hendaklah dibekalkan:
- i) Pejabat Tapak saiz 5 meter x 21.6 meter sebanyak 9 petak bagi projek melebihi RM2 juta.
  - ii) Perabot kabinet besi empat laci untuk menyimpan dokumen penting.
  - iii) Almari cermin berkunci (atau jenis yang sesuai) untuk menyimpan contoh bahan binaan yang diluluskan.
  - iv) Model Projek.
- b)** Dokumen-dokumen yang perlu ada seperti berikut:
- i) Dokumen Kontrak dan Lukisan Kontrak.
  - ii) Lukisan Kerja.
  - iii) Buku Harian Tapak
  - iv) Minit Mesyuarat Tapak.
  - v) Rekod Arahan Pegawai Penguasa.
  - vi) Rekod Arahan Tapak yang dikeluarkan.
  - vii) Rekod Penerimaan Bahan Binaan.
  - viii) Rekod Perakuan Lanjutan Masa.
  - ix) Rekod Ujian Bahan kepada kontraktor.
  - x) Rekod Ujian Bahan.
  - xi) Buku Rekod Pengukuran Kemajuan.
  - xii) Laporan Bulanan.
  - xiii) Lukisan Perspektif.
- c)** Carta-carta yang perlu ada ialah:
- i) Carta Pelaksanaan Projek.
  - ii) Carta Kemajuan Kewangan.
  - iii) Pelan Lokasi.
  - iv) Pelan Susunatur Tapak.
  - v) Carta Cuaca.
  - vi) Jadual Pelaksanaan Kerja
  - vii) Gambar Foto Kemajuan.

Daripada semua perkara yang perlu ada seperti Garis Panduan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia di atas, semua kemudahan, peralatan dan dokumen telah disediakan kecuali beberapa perkara masih tidak disediakan di Pejabat Tapak Bina seperti berikut:

- a) Almari cermin berkunci (atau jenis yang sesuai) untuk menyimpan contoh bahan binaan yang diluluskan seperti batu-baur, pasir, keluli, batu-bata, kayu dan bahan-bahan lain.
- b) Model Projek.
- c) Lukisan Perspektif.
- d) Carta Cuaca.

Walaupun perkara di atas tidak ditetapkan dalam dokumen kontrak, pihak Audit berpendapat ianya perlu disediakan. Sebagai contoh, Carta Cuaca adalah untuk mencatatkan waktu hujan dan waktu kerja yang tergendala selepas hujan oleh sebab keadaan tanah terlalu basah dan sebagainya. Daripada catatan itu bilangan hari kerja tergendala dapat direkodkan dengan tepat. Pihak Audit difahamkan bahawa Model Projek ada disediakan tetapi tidak disimpan di Pejabat Tapak Bina atas sebab keselamatan sebaliknya disimpan di Pejabat JKR Negeri. Mengikut penjelasan pihak JKR, aspek arahan Ketua Pengarah Kerja Raya ini kurang diberi tumpuan kerana ianya tidak termasuk dalam syarat dan spesifikasi kontrak.


**Pihak Audit berpendapat aspek kehendak permulaan dan syarat-syarat am adalah memuaskan kecuali tempat membengkok bar tidak mematuhi spesifikasi kontrak dan tidak diberi perhatian oleh JKR dan kontraktor. Manakala aspek penyediaan bahan dan rekod di pejabat tapak sebagaimana arahan Ketua Pengarah Kerja Raya perlu juga diberi perhatian bagi melicinkan proses pemantauan projek dan juga kerana JKR adalah agensi pelaksana perlulah mematuhi arahan tersebut.**

#### **10.2.13 Jadual Pelaksanaan Kerja**

Kontraktor telah menyediakan jadual pelaksanaan kerja pembinaan masjid ini bermula pada 12 September 2005 hingga 8 Oktober 2006 dan kontraktor telah pun memulakan kerja pembinaan mulai tarikh tersebut. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak mendapati pelaksanaan kerja pada 12 Oktober 2005 hingga Januari 2006 tidak dapat dilakukan dengan baik kerana gangguan cuaca hujan. Selain itu, pekerja juga masih bercuti Hari Raya Haji pada 3 dan 4 November 2005. Walaupun Cuti Am hanya pada 3 dan 4 haribulan, pekerja masih lagi bercuti pada 5 hingga 23 November 2005. Pada 17 hingga 24 Disember 2005 pula hujan yang berterusan mengakibatkan kerja tidak dapat dilakukan di tapak bina selama 7 hari. Bagaimanapun, tempoh gangguan kerja sebenar kerana hujan tidak dapat disahkan kerana carta cuaca tidak disediakan di pejabat tapak. Kontrak pembinaan Masjid ini telah melewati jadual pelaksanaan dan mengikut jadual unjuran sehingga 31 Ogos 2006, kemajuan pembinaan sepatutnya mencapai 79.3%

tetapi pembinaan sebenar hanya mencapai 40% sahaja iaitu lewat sebanyak 39.3%. Kedudukan nilai kemajuan kerja berbanding unjuran adalah seperti di **Graf 1**.

**Graf 1**  
**Graf Nilai Kerja Berbanding Unjuran**



Sumber: Fail Jabatan Kerja Raya

Mengikut penjelasan pihak JKR, kelewatan ini disebabkan oleh kerja tidak dapat dijalankan sepenuhnya pada bulan Oktober 2005 hingga Februari 2006 kerana gangguan hujan yang luar biasa. Pihak JKR juga telah mendapatkan pengesahan mengenai data hujan daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran, Bahagian Hidrologi bahawa pada tempoh tersebut berlaku fenomena hujan yang luar biasa. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan pembinaan ini selain daripada gangguan hujan yang luar biasa ianya juga disebabkan oleh kelewatan pihak kontraktor dan JKR seperti berikut:

#### a) Kelewatan Pihak Kontraktor

Semasa permulaan kerja pada bulan Oktober 2005 lagi pihak JKR telah menyedari kerja sebenar kontraktor di tapak bina telah melewati jadual sebanyak 2.1%. Wakil PP telah mengeluarkan surat Peringatan Pertama pada 13 Oktober 2005 supaya kontraktor mempercepatkan kerja. Mengikut Carta Pelaksanaan Projek, pada bulan Oktober hingga Januari 2006 merupakan tempoh bagi kerja cerucuk tetapi disebabkan terdapat perbezaan saiz cerucuk antara rekod *Bill of Quantities* dan Pelan Struktur, satu arahan perubahan kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 2 Oktober 2005 dan kerja cerucuk hanya disiapkan pada bulan Februari 2006. Setelah kerja cerucuk siap, kerja bangunan dilaksanakan dan pada masa tersebut kelewatan pelaksanaan kerja berbanding jadual sebanyak 17%. Peringatan Kedua telah dikeluarkan oleh wakil PP pada 28 Februari 2006 supaya mempercepatkan

kerja. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak mendapati pada bulan Februari purata bilangan pekerja sehari di tapak bina hanya seramai 17 orang sahaja manakala purata pada bulan Mac seramai 29 orang sehari. Pertambahan pekerja bermula pada bulan April 2006 iaitu purata sehari seramai 54 orang, Mei seramai 48 orang, Jun seramai 49 orang, Julai seramai 47 orang dan Ogos seramai 60 orang. Bagaimanapun pertambahan bilangan pekerja ini juga tidak dapat mempercepatkan kerja sebaliknya kelewatan semakin meningkat daripada 4.7% pada bulan Februari meningkat kepada 39.3% pada bulan Ogos 2006. Senarai lengkap bilangan pekerja di tapak bina pada bulan Oktober 2005 hingga bulan Ogos 2006 dan peratus Jadual Unjuran berbanding peratus kerja sebenar adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Perbandingan Unjuran Dan Kemajuan Kerja Sebenar Serta Bilangan Pekerja**  
**Di Tapak Bina Bagi Tempoh Oktober 2005 Hingga Ogos 2006**

Bil.	Bulan/Tahun	Jadual Unjuran (%)	Kerja Sebenar (%)	Kelewatan/(Melebihi) Jadual (%)	Purata Bilangan Pekerja Sehari (0rang)
1.	Oktober 2005	3.1	1.0	2.1	3
2.	November 2005	7.2	16.0	(8.8)	2
3.	Disember 2005	11.4	16.0	(4.6)	3
4.	Januari 2006	15.6	16.0	(0.4)	8
5.	Februari 2006	20.7	16.0	4.7	17
6.	Mac 2006	27.6	23.0	4.6	29
7.	April 2006	34.5	31.0	3.5	54
8.	Mei 2006	45.5	34.0	11.5	48
9.	Jun 2006	57.9	35.0	22.9	49
10.	Julai 2006	69.7	39.0	30.7	47
11.	Ogos 2006	79.3	46.0	39.3	60

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Mengikut penjelasan dan surat daripada kontraktor kerja tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana pelan struktur lengkap pembinaan belum dikemukakan oleh pihak JKR.

#### b) Kelewatan Tindakan Amaran Oleh JKR

Bagi tempoh bulan Mac 2006 hingga Ogos 2006, tiada surat peringatan dikeluarkan oleh PP atau wakil PP supaya kontraktor mempercepatkan kerja di tapak bina. Mengikut syarat perjanjian kontrak, PP hendaklah mengambil tindakan segera

dengan memberi amaran kepada kontraktor sekiranya kerja sebenar semakin melewati jadual pelaksanaan.

c) **Kelewatan Penyediaan Pelan Struktur Oleh JKR**

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, semasa kontrak ini ditandatangani Pelan Struktur kontrak belum lagi disediakan dan dikemukakan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja pembinaan. Pelan Struktur kontrak ini akan disediakan oleh pihak Ibu Pejabat JKR di Kuala Lumpur tanpa melibatkan bayaran. Persetujuan untuk menyediakan Pelan Struktur ini hanya dibuat berdasarkan persefahaman antara JKR Negeri tanpa persetujuan bertulis pihak JKR Ibu Pejabat yang akan menyediakan Pelan Struktur tersebut dalam tempoh kontrak. Tanpa persetujuan bertulis, pihak Audit tidak dapat menentukan adakah pihak JKR Ibu Pejabat akan dapat menyediakan kesemua pelan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, semasa pembinaan peringkat awal hanya sebahagian Pelan Struktur tersebut telah diterima secara berperingkat-peringkat sehingga pembinaan mencapai 40%. Pihak kontraktor juga telah membangkitkan kelewatan Pelan Struktur ini secara bertulis dan juga dalam Mesyuarat Tapak Bina Bilangan 2 dan 3 terutamanya mengenai kerja yang tergendala kerana ketiadaan Pelan Struktur rasuk bangunan utama Masjid, Bazaar, Tadika, Bilik Wuduk dan Anjung Depan. Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan pada 29 September 2006 mendapati kerja pembinaan telah tertangguh dan konkrit tidak dapat dituangkan sedangkan besi untuk rasuk blok Bazaar telah siap dipasang semenjak awal bulan Ogos 2006 lagi. Keadaan besi tersebut telah pun berkarat. Bangunan utama Masjid pula tidak dapat dipasang rasuk juga menyebabkan besi sambungan tiang telah berkarat seperti **Foto 13** dan **14**.

**Foto 13**  
**Bangunan Blok Bazaar Yang Tergendala Kerana Ketiadaan  
Pelan Struktur Lengkap**



*Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Bangunan Bazar*

**Foto14**  
**Blok Masjid Yang Tergendala Kerana Belum Menerima  
Pelan Struktur Bumbung**



*Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Bangunan Masjid*

Mengikut Fasal 44, syarat kontrak iaitu mengenai kerugian dan perbelanjaan disebabkan oleh kelambatan pihak JKR mengemukakan Pelan Struktur kontrak, pihak kontraktor boleh menuntut kerugian kerana kelambatan tersebut. Sehingga kini pihak kontraktor belum lagi membuat sebarang tuntutan kerugian di atas kelambatan tersebut dan jika ianya dituntut akan menambahkan lagi kos kontrak ini. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak JKR tidak menyerahkan urusan

penyediaan Pelan Struktur sebahagian bangunan yang tergendala tersebut kepada pihak swasta pada masa itu adalah untuk menjimatkan kos kontrak.

Pihak Audit berpendapat, tindakan yang diambil bagi mempercepatkan pembinaan adalah kurang berkesan sama ada pihak kontraktor dan pihak JKR. Mesyuarat Teknikal tidak diadakan pada bulan Mei dan Jun iaitu pada masa kontraktor membangkitkan masalah ketiadaan Pelan Struktur kontrak bahagian bangunan yang tergendala tersebut. Mesyuarat Teknikal yang kelima hanya diadakan pada 27 Julai 2006 walaupun mengikut jadual mesyuarat tersebut akan diadakan setiap 2 minggu sekali. Mesyuarat Tapak pula yang sepatutnya diadakan setiap bulan juga lewat diadakan iaitu mesyuarat kedua pada 3 April 2006, ketiga pada 13 Jun 2006 dan keempat pada 20 September 2006, berbanding dengan perancangan, Mesyuarat Tapak akan diadakan pada setiap bulan.

**Pihak Audit berpendapat kemajuan pembinaan projek ini adalah kurang memuaskan kerana melewati jadual unjuran yang ketara. Kelewatian ini disebabkan oleh gangguan hujan yang luar biasa yang tidak dapat dielakkan. Selain itu pelan struktur yang tidak dapat dikemukakan oleh JKR dalam tempoh sepatutnya dan kontraktor pula tidak menambahkan bilangan pekerja pada peringkat awal pembinaan menyebabkan pembinaan melewati jadual unjuran.**

#### **10.2.14 Pelan Struktur Dan Senarai Kadar Harga**

Pelan Kontrak dan Senarai Kadar Harga adalah sebahagian daripada dokumen kontrak yang perlu disediakan oleh pihak JKR semasa kontrak ditandatangani. Pelan Kontrak adalah terdiri daripada Pelan Arkitek dan Pelan Struktur. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Pelan Struktur ini akan disediakan pada masa pembinaan secara berperingkat. Bagi projek ini, Pelan Struktur disediakan oleh pihak JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **a) Perbezaan Saiz Cerucuk *Retaining Wall***

Semasa penyediaan dokumen kontrak, semua saiz cerucuk telah dinyatakan dalam Jadual Kadar Harga (BQ) dan akan menjadi panduan kepada kontraktor untuk membekalkan bahan binaan. Kos kontrak juga adalah berdasarkan harga yang dinyatakan dalam BQ tersebut. Butiran lengkap pembinaan ini pula akan disokong dengan Pelan Struktur dan pembinaannya akan dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam pelan tersebut. Bagaimanapun, saiz cerucuk yang dinyatakan dalam Pelan Struktur ialah bersaiz 150mm x 150mm iaitu lebih kecil berbanding

saiz dalam Pelan Arkitek BQ adalah 300mm x 300mm. Oleh kerana berlaku perbezaan saiz tersebut, JKR telah mengarahkan kerja sebenar dibuat mengikut saiz yang dinyatakan dalam Pelan Struktur iaitu 150mm x 150mm. Perubahan saiz ini melibatkan pengurangan kos kontrak dan telah dibuat pelarasan harga sebagaimana dalam Arahan Perubahan Dan Pelarasan Kerja Bil. 1 berjumlah RM366,714. Jumlah ini telah ditolak daripada kos asal kontrak.

**b) Perubahan Kerja Belum Dibuat Pelarasan Harga**

Semasa kontrak ditandatangani hanya Pelan Arkitek dan BQ sahaja yang disediakan. Kos kontrak pada masa itu dikira berdasarkan Pelan Arkitek kerana Pelan Struktur belum lagi disediakan dan dikemukakan kepada kontraktor. Apabila kerja binaan dilaksanakan manakala Pelan Struktur disedia secara berperingkat-peringkat didapati beberapa saiz bahan binaan pada Pelan Struktur adalah berbeza dengan saiz dalam Pelan Arkitek dan BQ. Manakala pihak JKR telah mengarahkan pembinaan sebenar dibuat berdasarkan Pelan Struktur. Surat arahan ini disertakan bersekali dengan surat penyerahan Pelan Struktur. Semakan Audit mendapati kerja pembinaan beberapa bahagian bangunan ini telah dilaksanakan oleh kontraktor sebagaimana Pelan Struktur tetapi pelarasan harga dan Arahan Perubahan Kerja belum lagi dikeluarkan. Binaan bangunan yang telah siap dibina tetapi belum dibuat Arahan Perubahan Kerja adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Bahagian Binaan Yang Telah Siap Dibina Tetapi Belum Dibuat Pelarasan Harga/Arahan Perubahan Kerja**

Bil.	Bahagian Binaan Bangunan	Jenis Perubahan Kerja	No. Pelan Struktur	Pertambahan/(Pengurangan) Harga Kontrak
1.	Perubahan Rasuk Bumbung Bangunan Tadika, Fardhu Ain dan Wuduk	Saiz Rasuk asal dalam Pelan Arkitek ialah 300mm x 500mm x 192,000mm. Manakala saiz Rasuk dalam Pelan Struktur ialah 200mm x 350mm x 192,000mm	Pelan Struktur No.198/11/39/2003	(Pengurangan Harga Kontrak) Anggaran belum disediakan.
2.	Perubahan Rasuk Bawah Tingkat 1, Bangunan Anjung Kanan, Anjung Kiri dan Lobi	Saiz Rasuk asal dalam Pelan Arkitek ialah 300mm x 950mm x 12,000mm x 3 Blok. Manakala saiz Rasuk dalam Pelan Struktur ialah 400mm x 950mm x 12,000mm x 3 Blok	Pelan Struktur No.198/8/39/2003(83)	Pertambahan Harga Kontrak. Anggaran belum disediakan
3.	Perubahan Rasuk dan Bumbung Bangunan Masjid	Saiz asal dalam Pelan Arkitek ialah: 300mm x 450mm x 159,000mm 300mm x 650mm x 15,000mm  Saiz Gutter ialah 200mm x 175mm x 54,000mm. Manakala saiz Gutter dalam Pelan Struktur ialah: 200mm x 350mm x 69,000mm 300mm x 350mm x 78,000mm 300mm x 875mm x 15,000mm 300mm x 400mm x 12,000mm 300mm x 350mm x 18,000mm Gutter 500mm x 175mm x 72,000mm	Pelan Struktur No. 198/15/39-2003	Pertambahan Harga Kontrak. Anggaran belum disediakan

Sumber: Rekod Pejabat Tapak Bina

**c) Pelan Struktur Belum Dikemukakan**

Sehingga bulan Ogos 2006, peratus pembinaan sebenar ialah 45% sahaja dan bagi meneruskan pembinaan kontraktor memerlukan Pelan Struktur bagi beberapa bahagian bangunan. Mengikut penjelasan kontraktor semasa lawatan Audit pada 29 September 2006, sehingga kini pihak JKR belum lagi mengemukakan 6 Pelan Struktur bangunan seperti berikut:

- i. Pelan Struktur pintu gerbang di anjung.
- ii. Pelan Struktur pintu gerbang utama.
- iii. Pelan Struktur kedudukan paip di anjung (diagram paip).
- iv. Pelan Struktur mehrab (*RC Wall*).
- v. Pelan Struktur *slab* bumbung bangunan Masjid, Anjung, Bazaar, Tadika, Bilik Wuduk dan Fardhu Ain.
- vi. Pelan Struktur *greeting* di Masjid.

Pihak kontraktor telah membangkitkan kelewatian Pelan Struktur ini kepada pihak JKR dalam Mesyuarat Tapak Bilangan ke 3 dan ke 4 pada 10 September 2006 tetapi pihak JKR menjelaskan bahawa pelan tersebut belum diterima daripada Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur. Tanpa Pelan Struktur ini menyebabkan beberapa kerja tertangguh seperti bumbung dan rasuk bumbung bangunan Masjid yang terpaksa ditangguhkan bagi kerja konkrit. Lawatan Audit mendapati kesemua blok bangunan tersebut telah dipasang kerangka dan besi tetapi tidak dapat dituang konkrit kerana menunggu Pelan Struktur. **Foto 15** hingga **18** berikut menunjukkan bahagian bangunan yang tertangguh pembinaannya.

**Foto 15**

**Blok Bazaar Belum Siap Kerana Tiada Pelan Struktur Bumbung**



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Blok Bazar

**Foto 16**

**Blok Tempat Wuduk Masih Belum Siap Kerana Tiada Pelan Struktur Bumbung**



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Blok Tempat Wuduk

**Foto 17**

**Blok Tadika Belum Siap Kerana Tiada Pelan Struktur Bumbung**



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Blok Tadika

**Foto 18**

**Blok Anjung Dan Menara Belum Siap Kerana Tiada Pelan Struktur Bumbung**



Sumber: Fail Jabatan Audit Negara  
Bertarikh: 28 September 2006  
Lokasi: Blok Anjung Dan Menara

Bagi mengatasi masalah kelewatan Pelan Struktur rasuk bumbung bangunan yang tertangguh semenjak bulan Julai 2006 lagi, pada bulan November 2006 pihak PP telah memberi kebenaran kepada kontraktor melantik Juru Perunding Swasta untuk menyediakan Pelan Struktur yang dimaksudkan dan kos penyediaannya belum lagi dibuat anggaran untuk pelarasan kepada kos kontrak. Pihak kontraktor sedang membuat perundingan dengan Juru Perunding untuk menyediakan Pelan Struktur tersebut.

**Pihak Audit berpendapat aspek penyediaan Pelan Struktur tidak memuaskan kerana kelewatan menyediakan Pelan Struktur beberapa bahagian bangunan ini telah menyebabkan kerja tertangguh yang boleh menjelaskan mutu bahan binaan serta akan membolehkan kontraktor menuntut kerugian atas perbelanjaan kerana kelewatan tersebut. Tindakan menyerahkan kepada Juru Perunding Swasta untuk menyediakan Pelan Struktur bagi sebahagian bangunan berkenaan adalah baik untuk menyelesaikan masalah tetapi perkara ini lewat dibuat keputusan.**

#### **10.2.15 Bahan Binaan**

Kualiti bahan binaan adalah meliputi kerja sedang dalam pembinaan seperti kerja cerucuk, kerja konkrit, kerja besi keluli dan kerja batu-bata sebagaimana berikut:

##### **a) Kerja Cerucuk**

Bahagian B dalam spesifikasi kontrak adalah mengenai kerja cerucuk. Bagi projek ini, jenis cerucuk yang digunakan adalah jenis Cerucuk Konkrit Bertetulang Tuang Dulu. Mengikut spesifikasi, semua cerucuk yang dibekalkan ke tapak bina hendaklah mempunyai Sijil Akuan keupayaannya daripada syarikat pembekal yang diluluskan oleh PP. Semakan Audit mendapati Sijil Akuan tersebut telah disimpan dengan kemas kini dalam fail tapak bina. Program kerja, Buku Log Melantak Cerucuk, laporan saiz cerucuk yang telah digunakan dan laporan ujian bebanan cerucuk telah disedia dan disimpan dengan baik dalam fail tapak projek.

##### **b) Kerja Konkrit**

Bahagian D dalam spesifikasi kontrak adalah mengenai kerja konkrit. Bagi projek ini, jenis konkrit yang digunakan adalah dari jenis konkrit siap bancuh mengikut klausa 3.2 dalam piawai MS523 yang mana ujian kekuatannya Gred 30. Semakan terhadap laporan ujian kekuatan kiub yang disediakan oleh IKRAM mendapati kesemua konkrit yang digunakan adalah mematuhi gred kekuatan yang dikehendaki iaitu antara Gred 35 hingga Gred 40. Sampel ujian konkrit telah disediakan pada setiap hari kerja konkrit dan direndam di dalam tangki air yang

disediakan di tapak bina sebelum dihantar kepada IKRAM untuk ujian kuat kekuatan konkrit pada hari ke 7 dan hari ke 28. Sijil perakuan daripada pembekal konkrit juga telah disimpan dengan baik.

c) **Kerja Besi Keluli**

Bahagian I dalam spesifikasi kontrak adalah mengenai kerja keluli struktur dan logam. Para 2.1 dalam Bahagian I menyatakan semua reka bentuk, bahan dan mutu kerja struktur keluli hendaklah mematuhi piawai kerja keluli No.20600-0019-99. Semua mutu kerja hendaklah menurut piawai BS5950. Perakuan ujian pengilang hendaklah dikemukakan kepada PP sebelum keluli diterima untuk pembinaan struktur. Perkara 2.2 menghendaki semua ujian dan pengesahan bahan hendaklah mematuhi piawai BS4360. Perkara 4.2 pula adalah mengenai bingkai aluminium untuk pintu dan tingkap. Kontraktor hendaklah memasang bingkai aluminium untuk pintu dan tingkap daripada jenis aloi aluminium dan mematuhi piawai MS832. Permukaan aluminium hendaklah berkemasan salut tersadur anod semula jadi setebal purata 25 mikron menurut piawai BS3987, bebas daripada kecacatan aloi, tanda pewarna, calar dan kecacatan lain. Pemeriksaan Audit mendapati keluli yang dibekalkan untuk kerja di tapak bina telah diuji oleh IKRAM dan mendapat kelulusan PP. Sijil perakuan daripada pembekal juga disimpan dengan baik dalam fail pejabat tapak bina. Pemasangan besi untuk tiang dan rasuk bangunan masjid juga telah dipasang mengikut saiz sebagaimana Pelan Struktur bahagian bangunan berkenaan. Bagaimanapun, kerja membengkok bar/besi telah dilakukan oleh pekerja di tempat terbuka bukan di bawah tempat berbumbung. Sebaliknya tempat berbumbung yang disediakan telah digunakan untuk menyimpan kenderaan oleh pekerja. **Foto 19** menunjukkan bangsal yang dibina tetapi tidak digunakan untuk tujuan membengkok bar.

**Foto 19**  
**Bangsar Tidak Digunakan Untuk Kerja Membengkok Bar**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Bertarikh 28 September 2006  
Lokasi: Bangsal Tempat Yang Dikhaskan Untuk Kerja Membengkok Besi

**d) Kerja Batu Bata**

Bahagian E dalam spesifikasi kontrak adalah mengenai kerja batu-bata. Mengikut spesifikasi jenis batu-bata bagi projek ini adalah daripada tanah liat dengan saiz 225mm x 113mm x 75mm dan mengikut piawai Malaysia MS76. Pasir yang digunakan juga adalah mengikut piawai Malaysia MS29 dan simen dari jenis *Portland* mengikut piawai MS522. Sampel batu-bata yang digunakan telah dikemukakan kepada PP untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati batu-bata yang digunakan adalah dari jenis yang diluluskan, bagaimanapun cara pemasangannya kurang memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi kontrak. Bahagian E Perkara 5.1.3 dalam spesifikasi kontrak menghendaki semua batu-bata hendaklah direndam dalam tangki air selama setengah jam sebelum dipasang. Semakan Audit mendapati semua batu-bata yang dipasang tidak direndam terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Tujuan rendaman ini adalah untuk menambahkan kekuatan ikatan mortar pada batu-bata tersebut dan lapisan lepaannya tidak mudah merekah. Perkara 5.1.8 dalam spesifikasi kontrak pula menyatakan proses ikatan batu-bata hendaklah dipasang dengan tetulang (*exmex*) untuk batu-bata bermula dari lapisan kedua dari lantai dan setiap empat lapis yang berikutnya. Semakan Audit mendapati tetulang ini tidak dipasang mengikut susunan sepatutnya. Ia dipasang pada lapisan ketiga dari bawah dan tiada bukti tetulang dipasang pada setiap empat lapisan berikutnya.

**Pihak Audit berpendapat, kualiti bahan binaan adalah baik berbanding kualiti pembinaan kurang memuaskan. Ini kerana penyimpanan dan kerja membengkok**

**bar dibuat di tempat terbuka, kerja batu-bata masih tidak mematuhi spesifikasi kontrak.**

#### **10.2.16 Arahan Perubahan Kerja**

Fasal 24 dan 25 dalam syarat kontrak membenarkan Pegawai Pengguna (PP) membuat apa-apa perubahan ubahsuai reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan-Pelan Kontrak dan Spesifikasi Kontrak termasuklah tambahan, peninggalan atau penggantian apa-apa kerja, perubahan tentang jenis bahan binaan. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya mengenai Arahan Perubahan Dan Pelarasan Harga Bagi Kontrak Kerja yang dikeluarkan bertarikh 9 Mei 2002 menyatakan bahawa sebelum Arahan Perubahan Kerja dikeluarkan, Pegawai Pengguna perlu menganggarkan nilai kerja perubahan yang terlibat dan nilai tersebut merupakan nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya. Setelah kontraktor melaksanakan semua Arahan Perubahan Kerja tersebut suatu pengiraan nilai bersih antara nilai muktamad dan nilai sementara dibuat sama ada tambahan, kurangan kepada harga kontrak dan pembayaran interim hendaklah dibuat berdasarkan harga kontrak semasa. Semakan Audit terhadap Arahan Perubahan Kerja Bil. 1 (Kurangan) telah diluluskan oleh Pegawai Pengguna bertarikh 23 Januari 2006, Perubahan Kerja yang dimaksudkan ialah penukaran saiz cerucuk *retaining wall* 300mm x 300mm kepada saiz lebih kecil iaitu 150mm x 150mm. Perubahan ini melibatkan pengurangan kos kontrak berjumlah RM366,714. Dengan itu, kos asal kontrak yang berjumlah RM7.50 juta telah dikurangkan menjadi kos kontrak semasa berjumlah RM7.13 juta kerana perubahan tersebut. Selain itu, didapati 3 Arahan Perubahan Kerja (Tambahan) bagi perubahan jenis kerja berikut belum dikeluarkan walaupun kerja berkenaan telah siap dilaksanakan oleh kontraktor. Pihak Audit juga mendapati anggaran nilai perubahan kerja seperti yang dimaksudkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya tidak dibuat bagi Arahan Perubahan Kerja (Tambahan) di atas. Perubahan kerja yang dimaksudkan ialah:

- a)** Perubahan Rasuk Bumbung Bangunan Tadika, Fardhu Ain dan Wuduk (Pelan Struktur No.198/11/39/2003).
- b)** Perubahan Rasuk Bawah Tingkat 1, Bangunan Anjung Kanan, Anjung Kiri dan Lobi (Pelan Struktur No.198/8/39/2003(83)).
- c)** Perubahan Rasuk Bumbung Bangunan Masjid (Pelan Struktur No. 198/15/39-2003).

**Pihak Audit berpendapat, penyediaan Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak kurang memuaskan kerana ianya lewat disediakan. Kelewatan**

**mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak ini boleh menjelaskan nilai bayaran kemajuan interim kepada kontraktor.**

#### **10.2.17 Lanjutan Masa Kontrak**

Fasal 43 dalam syarat kontrak menjelaskan bahawa Pegawai Penguasa boleh meluluskan lanjutan masa tempoh kontrak kerana sebab-sebab tertentu seperti kerosakan struktur, keadaan hujan yang luar biasa dan lain-lain sebab di luar jangkaan. Pihak Audit mendapati Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Sijil Lanjutan Masa Pertama bagi kontrak ini selama 9 minggu. Dengan itu, tarikh siap asal pada 8 Oktober 2006 dilanjutkan kepada 7 Disember 2006. Semakan Audit terhadap catatan dalam Buku Harian Tapak Bina mendapati bilangan hari hujan yang menyebabkan kerja tidak dapat dijalankan hanyalah selama 7 hari sahaja iaitu mulai 17 hingga 24 Disember 2005. Selain daripada hari hujan, gangguan selepas hujan juga telah menyebabkan kerja tidak dapat dijalankan tetapi tidak dicatat dengan lengkap dalam Buku Harian Tapak Bina. Disebabkan tiada catatan dalam Buku Harian Tapak Bina mengenai bilangan hari yang tergendala akibat gangguan selepas hujan menyebabkan tempoh sebenar yang sepatutnya diberi lanjutan masa tidak dapat ditentukan. Selain itu, carta hujan juga tidak disediakan di pejabat tapak bina. Oleh itu, ketepatan lanjutan masa yang diluluskan selama 9 minggu tidak dapat disahkan kerana Carta Cuaca tidak disediakan dan catatan dalam Buku Harian Tapak Bina tidak lengkap mengenai bilangan gangguan hari yang tergendala selepas hujan bagi menyokong lanjutan masa yang diluluskan.

**Pihak Audit berpendapat, pengeluaran Sijil Lanjutan Masa selama 9 minggu kurang memuaskan kerana tidak disokong dengan bukti yang lengkap bagi menyokong ketepatan tempoh masa yang dilanjutkan.**

#### **10.2.18 Bayaran Kemajuan Interim**


Fasal 47 dalam syarat perjanjian kontrak adalah mengenai pembayaran kepada kontraktor dan perakuan interim. Fasal 47(b) seterusnya menjelaskan bahawa Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan perakuan interim dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian dibuat. Mengikut Arahan Perbendaharaan 103(a) menyatakan semua bil, invoice dan perakuan bayaran sijil interim JKR 66 hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh perakuan interim tersebut dan perkara ini juga dijelaskan dalam syarat kontrak Fasal 47(d). Sijil Kemajuan Interim (JKR 66) yang telah disahkan oleh Pegawai Penguasa adalah merupakan dokumen penyokong utama kepada baucar bayaran interim dan jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor hendaklah mengikut sebagaimana yang tercatat dalam Sijil Kemajuan Interim tersebut. Bayaran tidak boleh

dibuat selain daripada yang dicatatkan dalam sijil tersebut. Semakan Audit terhadap baucar bayaran interim mendapati kelemahan seperti berikut:

**a) Bayaran Kemajuan Lewat Dibayar**

Semakan Audit mendapati proses pembayaran interim adalah lewat melebihi tempoh yang dinyatakan dalam syarat kontrak. Bayaran interim ke tiga hingga ke tujuh telah lewat melebihi 30 hari sebagaimana yang dinyatakan dalam syarat kontrak. Kelewatan dikira bermula daripada tarikh perakuan disahkan oleh Pegawai Penguasa hingga tarikh cek dikeluarkan. Bagi interim ke tiga lewat sebanyak 87 hari, interim keempat lewat sebanyak 46 hari, interim ke lima sebanyak 43 hari, interim ke enam lewat sebanyak 68 hari dan interim ke tujuh lewat sebanyak 38 hari. Pihak kontraktor telah membangkitkan kelewatan bayaran ini beberapa kali tetapi tindakan yang diambil kurang berkesan kerana bayaran masih lagi terlewat melebihi 1 bulan sebagaimana syarat kontrak. Semakan Audit mendapati antara sebab kelewatan ini adalah kerana Sijil Interim yang dikemukakan oleh JKR dihantar ke Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Pembinaan Dan Pelaksanaan Masjid terlebih dahulu untuk rekod pemantauan. Selepas itu Sijil Interim tersebut dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk direkod dan disediakan baucar bayaran. Baucar bayaran yang lengkap pula dikemukakan ke Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk kelulusan bayaran. Kelewatan ini juga telah menyebabkan kontraktor menghadapi masalah kewangan yang menjaskan prestasi kerja. Sehingga Ogos 2006 bayaran kemajuan kerja mengikut unjuran adalah sebanyak 55% tetapi bayaran sebenar adalah sebanyak 42.6% sahaja. Proses aliran kerja pembayaran interim seperti di **Carta 2.**

**Carta 2**  
**Carta Aliran Proses Pembayaran Interim**



Sumber: Rekod Pejabat Pembangunan Negeri

Jumlah bayaran kemajuan sehingga interim kesembilan termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM3.18 juta. Butiran lengkap kelewatian bayaran interim tersebut adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Jadual Bayaran Interim**

Bilangan Bayaran Interim	Tarikh Penilaian Wakil PP	Tarikh Perakuan PP	Tarikh Baucar Disedia Oleh PPN	Tarikh Cek dikeluarkan	Tempoh Kelewatan (Hari)	Jumlah Bayaran (RM)
Pendahuluan	21.11.2005	21.11.2005	13.12. 2005	15.12. 2005	Tiada kelewatan	1,200,000
1.	23.11.2005	7.12. 2005	20.12. 2005	05.01. 2006	Tiada kelewatan	500,000
2.	27.12.2005	03.01. 2006	06.01. 2006	25.01. 2006	Tiada kelewatan	650,000
3.	23.02.2006	15.03. 2006	04.07. 2006	13.07. 2006	87 hari (mulai 15.4. 2006)	53,000
4.	26.03.2006	03.04. 2006	18.06. 2006	19.06. 2006	46 hari (mulai 3.5. 2006)	206,400
5.	25.04.2006	30.04. 2006	04.07. 2006	13.07. 2006	43 hari (mulai 30.5. 2006)	277,000
6.	25.05.2006	28.05. 2006	09.08. 2006	06.09. 2006	68 hari (mulai 28.6. 2006)	110,000
7.	25.06.2006	28.06. 2006	09.08. 2006	06.09. 2006	38 (mulai 28.7. 2006)	37,900
8.	27.07.2006	31.07. 2006	07.12. 2006	11.12. 2006	103 hari (mulai 31.8. 2006)	93,240
9.	29.09.2006	28.09. 2006	20.12. 2006	24.12. 2006	59 hari (mulai 28.10. 2006)	54,030
<b>Jumlah</b>						<b>3,181,570</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara Cawangan Kelantan

Nota: Tempoh Kelewatan adalah dikira bermula daripada tarikh perakuan pegawai penguasa sehingga ke tarikh cek dikeluarkan.

**b) Bayaran Kemajuan Interim Terlebih Dibayar**

Semakan Audit terhadap baucar bayaran interim ini mendapati Pejabat Pembangunan Negeri yang menyediakan baucar bayaran telah terlepas pandang tidak membayar seperti mana yang disyorkan oleh JKR (Pegawai Penguasa) dalam sijil bayaran interim (Borang JKR 66). Jumlah yang dicatat dalam baucar adalah termasuk jumlah deposit wang jaminan pelaksanaan yang sepatutnya dipindah kepada akaun deposit. Oleh itu berlaku kelebihan bayaran interim kepada kontraktor berjumlah RM263,950 iaitu bagi interim kedua hingga ketujuh. Pejabat Perbendaharaan Negeri yang meluluskan pembayaran juga tidak menyedari kesilapan ini. Butiran lengkap bayaran interim yang terlebih dibayar kepada kontraktor adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Senarai Bayaran Interim Yang Terlebih Dibayar**

Bil.	Bilangan Bayaran Interim	Jumlah Sepatut Dibayar (RM)	Jumlah Yang Telah Dibayar (RM)	Lebihan Bayaran (RM)
1.	Kedua	585,000	650,000	65,000
2.	Ketiga	47,700	53,000	5,300
3.	Keempat	123,840	206,400	82,560
4.	Kelima	193,900	277,000	83,100
5.	Keenam	85,800	110,000	24,200
6.	Ketujuh	34,110	37,900	3,790
<b>Jumlah</b>		<b>1,070,350</b>	<b>1,334,300</b>	<b>263,950</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Mulai bayaran interim kelapan, deposit wang jaminan pelaksanaan tidak lagi dibayar kepada kontraktor dan pihak Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan melaraskan bayaran kepada deposit wang jaminan pelaksanaan sejumlah RM63,330 sehingga akhir tahun 2006.

**Pihak Audit berpendapat proses pembayaran kemajuan interim adalah kurang memuaskan kerana proses penyediaan baucar bayaran oleh Pejabat Pembangunan Negeri melewati tempoh yang ditetapkan dalam kontrak dan jumlah yang dibayar juga telah terlebih sejumlah RM263,950.**

#### **10.2.19 Guna Tenaga Dan Latihan**

Bagi melaksanakan projek ini, seramai 16 pegawai telah terlibat di beberapa Pejabat/Bahagian seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Bilangan Pegawai Yang Terlibat Dengan Pengurusan Projek**

Bil.	Jabatan/Bahagian	Pegawai Terlibat	Bil. Pegawai
1.	Pejabat Pengarah JKR Negeri	1. Pengarah JKR Negeri (Pegawai Penguasa)	1
2.	Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan	1. Ketua Penolong Pengarah 2. Pembantu Teknik	1 1
3.	Bahagian Arkitek	1. Ketua Penolong Pengarah 2. Pembantu Teknik 3. Juruteknik (Arkitek)	1 1 1
4.	Bahagian Bangunan (Negeri)	1. Ketua Penolong Pengarah 2. Jurutera Bangunan (Negeri)	1 1
5.	JKR Jajahan Pasir Mas (Wakil PP)	1. Jurutera Jajahan 2. Jurutera Bangunan 3. Juruteknik	1 1 2
6.	Pejabat Pembangunan Negeri	1. Pegawai Pembangunan Negeri 2. Ketua Pembantu Tadbir 3. Pembantu Tadbir	1 1 1
7.	Bahagian Kerajaan Tempatan	1. Ketua Penolong Setiausaha	1
<b>Jumlah</b>			<b>16</b>

Sumber: Rekod Pejabat SUK, JKR dan Pejabat Pembangunan Negeri

Tugas menyelia tapak projek dilakukan oleh 2 orang Juruteknik Gred J17 dari Pejabat JKR Jajahan Pasir Mas dan telah ditugaskan sepenuh masa di tapak projek. Pegawai ini bertanggung jawab kepada wakil Pegawai Penguasa iaitu Jurutera Jajahan Pasir Mas.

**Pada pendapat Audit, bilangan pegawai yang ditugaskan mengurus projek ini adalah memuaskan.**

#### **10.2.20 Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan**

Mengikut syarat Kontrak, kontraktor telah memilih menggunakan kaedah Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai ganti Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak. Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan bagi projek ini ialah sejumlah RM374,873 yang mana jumlah ini akan dikutip melalui potongan 10% daripada setiap bayaran interim dan diakaunkan dalam satu akaun deposit. Tujuan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan disimpan adalah sebagai cagaran jika berlaku perlanggaran syarat kontrak seperti kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan atau bagi menanggung kos pembaikan dalam tempoh kecacatan selama 12 bulan setelah perakuan siap dikeluarkan. Semakan

Audit mendapati hanya bayaran Interim pertama sahaja yang dibuat potongan untuk Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan yang berjumlah RM50,000. Manakala bayaran interim kedua hingga ketujuh, deposit ini tidak dipindahkan sebaliknya telah dibayar terus kepada kontraktor yang berjumlah RM263,950. Pihak Pejabat telah mengakui bahawa potongan deposit ini telah terlepas pandang tidak dibuat potongan daripada setiap bayaran interim ke dua hingga ke tujuh. Pejabat telah membuat keputusan dengan persetujuan pihak JKR dan kontraktor jumlah deposit ini akan dipotong sebanyak 30% daripada setiap bayaran interim seterusnya bermula bayaran interim ke lapan. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2006 sejumlah RM63,300 telahpun dilaraskan kepada deposit wang jaminan pelaksanaan dan akaun ini diuruskan oleh Bahagian Kewangan Pejabat SUK.

**Pihak Audit berpendapat, proses mengutip dan mengakaun deposit wang jaminan pelaksanaan adalah kurang memuaskan sehingga sejumlah RM263,950 telah terlepas pandang tidak dikutip. Tindakan telah dan sedang diambil oleh Pejabat untuk memungut balik wang jaminan tersebut melalui bayaran interim selanjutnya.**

**Pihak Audit berpendapat pada keseluruhannya peringkat pelaksanaan pembinaan projek Masjid ini kurang memuaskan dan tidak mematuhi syarat perjanjian kontrak kerana jadual pelaksanaan telah melewati tempoh sepatutnya, Pelan Struktur lewat disediakan oleh JKR, pelarasan harga kontrak terhadap perubahan kerja kerana perbezaan pelan lewat dibuat, bayaran kemajuan interim lewat dibayar dan terlebih dibayar. Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan juga tidak dikutip dengan betul.**

### **10.3 PEMANTAUAN**

Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri secara amnya adalah pihak yang bertanggungjawab memantau projek pembinaan Masjid ini. Untuk memastikan kerja pembinaan berjalan dengan lancar dan mengikut spesifikasi piawai yang ditetapkan, dua orang Juruteknik Gred J17 telah di tugaskan mengawasi projek ini iaitu seorang juruteknik secara sepenuh masa di tapak projek. Kedua-dua pegawai ini dipantau oleh Jurutera Bangunan Gred J41 dan juga di bawah seliaan Jurutera Jajahan Pasir Mas selaku Wakil Pegawai Pengguna Projek. Selain itu, Pegawai Pengguna juga telah melantik Ketua Penolong Pengarah Bangunan JKR (Negeri) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal. Pemantauan dijalankan melalui lawatan ke tapak bina projek serta Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal sebagaimana berikut:

### **10.3.1 Buku Harian Tapak Bina**

Mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya, Buku Harian Tapak Bina adalah dokumen penting bagi sesuatu projek dan perlu sentiasa direkod dengan kemas kini dan dijaga dengan baik sepanjang tempoh kontrak dan selepas tamat tempoh kontrak. Buku Harian Tapak Bina yang kemas kini boleh membantu JKR dalam menilai tuntutan kontraktor atau bukti penyelesaian pertikaian jika berbangkit. Semakan Audit mendapati Buku Harian Tapak Bina telah diselenggarakan dengan baik kecuali catatan bilangan dan tempoh kerja yang tergenda selepas hujan tidak dicatat dengan terperinci dalam ruangan catatan bagi memudahkan pengiraan tempoh sebenar yang perlu diberi lanjutan masa kerana gangguan hujan. Selain itu, ianya juga telah ditandatangani oleh Pegawai Pengguna atau wakil Pegawai Pengguna pada setiap kali lawatan dibuat ke tapak bina.

**Pihak Audit berpendapat penyelenggaraan Buku Harian Tapak adalah memuaskan tetapi boleh dipertingkatkan lagi dengan mencatat tempoh sebenar gangguan selepas hujan bagi memudahkan pengiraan tempoh lanjutan masa yang perlu diberi kepada kontraktor.**

### **10.3.2 Mesyuarat Tapak**

Pemantauan semasa pembinaan dibuat melalui mesyuarat tapak yang membincangkan semua perkara yang berbangkit dalam masa pembinaan, ini termasuklah kemajuan kerja yang dicapai berbanding dengan jadual unjuran. Mesyuarat dihadiri oleh Jabatan Kerja Raya, Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas dan kontraktor. Bagi setiap mesyuarat yang diadakan, minit mesyuarat dan laporan kemajuan disediakan oleh pihak JKR untuk menunjukkan status kemajuan projek. Mengikut perancangan yang dibuat oleh Wakil Pegawai Pengguna, mesyuarat tapak akan diadakan pada setiap bulan bermula pada bulan Oktober 2005 hingga Oktober 2006. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati mesyuarat sebenar yang diadakan sehingga bulan Disember 2006 hanya 5 kali sahaja.

Sebab-sebab Mesyuarat Tapak tidak dapat diadakan mengikut perancangan tidak dinyatakan. Kegagalan Pegawai Pengguna mengadakan Mesyuarat Tapak seperti dirancangkan telah menyumbangkan kepada sebab kelewatan kerja pelaksanaan sebenar.

### **10.3.3 Mesyuarat Teknikal Projek**

Bagi menyelesaikan masalah teknikal yang berbangkit semasa pembinaan projek, Pegawai Pengguna telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bangunan (Negeri) dan ahlinya terdiri

daripada Jurutera Jajahan Pasir Mas, Ketua Penolong Pengarah Arkitek, Ketua Penolong Pengarah Mekanikal Ketua Penolong Pengarah Kontrak dan Ukur Bahan, Jurutera Bangunan Negeri dan Jajahan, Ketua Jurutera Elektrik Negeri, Penyelia Tapak Projek serta pihak Kontraktor yang terdiri daripada Pengarah Urusan dan Jurutera kontraktor. Mengikut perancangan Mesyuarat Teknikal ini juga akan diadakan setiap dua minggu sekali bagi membincangkan masalah pelaksanaan pembinaan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Mesyuarat Teknikal Projek ini hanya diadakan sebanyak 5 kali sahaja sehingga September 2006.

Kegagalan mengadakan mesyuarat mengikut perancangan juga telah menyebabkan masalah teknikal tidak dapat diselesaikan dengan segera terutamanya mengenai kelewatan pelan struktur kontrak yang dibangkitkan oleh pihak kontraktor.

#### **10.3.4 Laporan Bulanan**

Selain daripada Mesyuarat Tapak, pihak kontraktor dan JKR juga hendaklah menyediakan laporan bulanan kemajuan projek. Laporan ini dikemukakan dalam mesyuarat tapak yang diadakan. Semakan Audit mendapati laporan bulanan yang mengandungi laporan kemajuan fizikal, laporan kemajuan kewangan, carta kemajuan kerja, foto terkini projek dan rancangan kerja pada masa akan datang telah disediakan dengan kemas kini. Selain itu, pihak kontraktor juga ada menyediakan laporan bulanan dan dikemukakan kepada JKR pada setiap bulan untuk diselaraskan dengan laporan bulanan yang disediakan oleh pihak JKR.

#### **10.3.5 Jawatankuasa Pemantauan**

Bagi memantau pelaksanaan projek pembinaan ini sebuah Jawatankuasa Pemantauan telah diwujudkan pada awal tahun 2006 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri. Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2006 dan semua isu termasuk kelewatan kemajuan pembinaan telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Selain itu, pemantauan juga dibuat oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Pembinaan Masjid Jubli Perak yang di pengurus oleh Timbalan Menteri Besar. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2005 iaitu pada 6 Mac dan 25 April 2005. Pada tahun 2006 Mesyuarat jawatankuasa ini hanya sekali sahaja iaitu pada 16 Februari 2006.

**Pihak Audit berpendapat aspek pemantauan adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat tapak dan teknikal tidak diadakan mengikut jadual perancangan. Sebab mesyuarat tidak dapat diadakan mengikut jadual juga tidak dijelaskan.**

## **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya perancangan pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra ini adalah tidak lengkap kerana penentuan aras tapak Masjid kurang selamat daripada banjir dan Pelan Struktur belum disediakan semasa proses tender dikeluarkan. Pihak JKR sepatutnya menggunakan kaedah “*design and build*” bagi pelaksanaan projek ini kerana pihak JKR tidak ada kemampuan dan kepakaran dalam menyediakan Pelan Struktur. Pelaksanaan projek ini juga kurang memuaskan kerana kemajuan kerja hanya mencapai 40% sahaja, projek telah lewat daripada jadual dan berlaku peningkatan kos projek. Selain itu, pihak kontraktor pula tidak menambah bilangan pekerja bagi mempercepatkan kerja pembinaan. Pemantauan oleh pihak Pejabat Pembangunan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pula adalah kurang memuaskan. Oleh itu, adalah disyorkan Agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

- (a) Pelan Struktur kontrak perlu disediakan dengan segera sama ada menggesa pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya menyediakannya atau menyerahkan kepada pihak Juru Perunding Swasta menyediakannya supaya projek pembinaan tidak tergendala.
- (b) Pihak Jabatan Kerja Raya hendaklah mengawasi secara berterusan penggunaan bahan binaan dan kualiti pembinaan supaya sentiasa mematuhi spesifikasi kontrak.
- (c) Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikeluarkan segera semasa kerja perubahan sedang dilaksanakan dan harga kontrak diselaraskan sebagaimana perubahan tersebut.
- (d) Pengeluaran Sijil Lanjutan Masa yang diluluskan hendaklah sesuai dengan tempoh gangguan sebenar kerja yang tergendala.
- (e) Prosedur pembayaran interim perlu dipercepatkan selaras dengan syarat-syarat kontrak. Sijil Interim yang disahkan oleh Pegawai Pengguna dikemukakan terus kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk penyediaan baucar bayaran.
- (f) Semakan terhadap Sijil Interim hendaklah dibuat dengan lebih teliti supaya tidak berlaku bayaran terlebih dan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dapat diakaunkan sewajarnya.
- (g) Jawatankuasa Pembinaan Dan Pelaksanaan Masjid hendaklah hendaklah memantau secara berterusan semasa pelaksanaan pembinaan bagi mengatasi masalah yang timbul seperti pelan struktur dan kelewatan pembayaran.
- (h) Mesyuarat Tapak Bina dan Mesyuarat Teknikal hendaklah diadakan seperti mana yang dirancang bagi memastikan masalah yang berbangkit di tapak bina dapat diselesaikan segera.
- (i) Waran peruntukan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dikeluarkan terus kepada JKR untuk mempercepatkan tempoh pembayaran interim.

## **JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN**

### **PENGURUSAN PROJEK LADANG HUTAN**

#### **12. LATAR BELAKANG**

**12.1** Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (Jabatan) telah beroperasi sejak tahun 1958 lagi. Jabatan ini bertanggungjawab untuk mentadbir segala sumber hutan Kerajaan Negeri. Selain itu, Jabatan juga bertanggungjawab untuk mendapatkan khidmat nasihat teknikal dan profesional dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di dalam semua aspek pengurusan tanah, pembangunan perindustrian kayu kayan, latihan dan pendidikan kepentingan hutan selaras dengan kehendak Dasar Perhutanan Negara.

**12.2** Pada tahun 2003, Negeri Kelantan dianggarkan mempunyai kawasan berhutan seluas 894,271 hektar iaitu kira-kira 60% daripada keluasan negeri ini seperti mana Laporan Tahunan Jabatan. Mengikut Dasar Perhutanan Negara, setiap negeri hendaklah mengadakan kawasan hutan kekal yang cukup bagi tujuan perlindungan, pengusahaan hutan dan bagi tujuan rekreasi. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti membangun dan memulihkan kawasan hutan untuk tujuan tersebut. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah Inventori Sumber Hutan, Silvikultur Hutan Asli, Pembangunan Sumber Hutan Bukan Kayu, Pengembangan Hutan, Pemeliharaan Hutan, Hutan Lipur Dan Eco-Pelancongan dan Penubuhan Ladang Hutan. Ladang hutan yang ditubuhkan oleh Jabatan terbahagi kepada 2 jenis iaitu ladang hutan dan ladang hutan getah. Projek penubuhan ladang hutan ini mula dilaksanakan pada tahun 1983 dengan penanaman pokok dari jenis istimewa yang mempunyai pasaran tinggi dan tempoh matang yang singkat. Antara spesis pokok yang dikenal pasti ialah Sentang, Kembang Semangkuk, Sesenduk dan Kedondong. Pada tahun 1996 Jabatan telah memperkenalkan ladang hutan getah. Ladang ini ditanam dengan pokok getah untuk tujuan mendapat hasil balak dari kayu getah. Jabatan dalam melaksanakan program penubuhan ladang hutan telah mengambil 2 pendekatan iaitu dengan melaksanakan sendiri penubuhan ladang hutan melalui kontrak sebut harga dan juga melalui penswastaan. Sehingga tahun 2006 seluas 3,997.2 hektar ladang telah ditubuhkan dengan tanaman spesis pokok seperti Jati, Acacia, Sentang, Merawan, Khaya dan Getah.

### **13. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan pengurusan projek ladang hutan dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **14. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan ini ditumpukan kepada projek penubuhan ladang dan rawatan ladang oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan swasta yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) iaitu dari tahun 2001 hingga 2005 dan juga projek yang dilaksanakan pada tahun 2006. Sebanyak 19 projek penubuhan ladang dan 20 projek rawatan ladang telah dilaksana oleh Jabatan semasa RMKe-8 dan semuanya telah disemak oleh pihak Audit. Selain itu, 2 projek penubuhan ladang hutan yang dilaksanakan oleh pihak swasta juga turut disemak. Kaedah pengauditan pula melibatkan pemeriksaan terhadap rancangan dan anggaran belanjawan, fail jawatankuasa sebut harga, dokumen perjanjian, fail penubuhan dan rawatan ladang dan lain-lain dokumen yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek serta temu bual dengan pegawai yang terlibat juga turut diadakan.

### **15. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek ladang hutan. Hasil pengauditan mendapat perkara berikut:

#### **15.1 PERANCANGAN**

Bagi tempoh RMKe-8, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah mengemukakan rancangan serta belanjawan untuk melaksanakan projek penubuhan ladang. Selain itu, perancangan tahunan juga turut disediakan bagi memastikan projek ini dapat dijalankan dengan sempurna. Perancangan pembangunan dan pengurusan projek ladang hutan ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek seperti berikut:

##### **15.1.1 Pengurusan**

Bahagian Pembangunan Hutan Jabatan Perhutanan Negeri telah diberi tanggungjawab untuk merancang dan mengurus semua program/projek pembangunan hutan. Bahagian ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan dengan dibantu oleh 2 orang

Penolong Pengarah dan seorang Jurutera. Bahagian ini kemudiannya dipecahkan kepada 3 unit kecil iaitu Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan, Perancangan Dan Pengurusan Hutan dan Kejuruteraan Hutan yang masing-masing diketuai oleh seorang Penolong Pengarah. Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan merupakan unit yang akan bertanggungjawab secara langsung untuk melaksana dan mengurus semua projek pembangunan hutan termasuklah projek ladang hutan. Pelaksanaan projek ladang hutan di bawah unit ini akan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Ladang Hutan dan beliau akan dibantu oleh 2 orang Renjer, 6 orang Pengawas Hutan, 18 orang Pekerja Rendah Awam Khas dan 3 orang Pemandu. Manakala pelaksanaan projek ladang hutan getah juga diketuai oleh Penolong Pegawai Ladang Hutan yang sama dibantu oleh seorang renjer, 2 orang Pengawas Hutan, 8 orang Pekerja Rendah Awam Khas dan 2 orang pemandu. Unit ini akan dikawal selia oleh seorang Penolong Pengarah Silvikultur Dan Perlindungan.

#### **15.1.2 Dasar Dan Garis Panduan**

Keperluan kepada pembangunan ladang hutan sebagai salah satu operasi pemulihan hutan telah termaktub dalam Dasar Perhutanan Negara. Di bawah dasar ini, penubuhan sesebuah ladang hutan hendaklah dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang miskin dari segi stok dirian serta anak benih dan di tanah Kerajaan yang terbiar. Pada tahun 1953 satu Manual Perhutanan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk dijadikan garis panduan dalam menjayakan setiap projek pembangunan hutan. Manual ini telah dipinda pada tahun 1995 dan 2003 bagi mengambil kira keperluan semasa. Bab 19 Manual Perhutanan 2003 Jilid III menggariskan dasar dan strategi pembangunan ladang hutan. Perkara yang dijelaskan dalam dasar ini ialah mengenai objektif ladang hutan. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) untuk mengeluarkan kayu-kayan bermutu sederhana dengan harga berpatutan bagi mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah;
- b) untuk menggantikan kawasan hutan miskin yang telah diusahasilkan dengan ladang hutan bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut;
- c) untuk mengurangkan import kayu-kayan bagi menjimatkan pertukaran mata wang asing; dan
- d) untuk menghijaukan alam sekitar serta memberikan persekitaran yang lebih bersih dan meningkatkan kualitinya.

Bab 19 Manual Perhutanan 2003 Jilid III mengandungi secara komprehensif cara-cara penubuhan ladang, sistem silvikultur ladang dan prosedur untuk memohon status perintis/pelepasan cukai pelaburan penubuhan ladang hutan. Antara lain, perkara yang

ditekankan dalam bab ini ialah mengenai konsep perladangan hutan, perancangan penubuhan ladang, kajian tanah-tanah, pelan kawasan, kajian impak alam sekitar, keperluan infrastruktur dan penyenggaraan ladang hutan, penubuhan ladang hutan, rawatan ladang hutan, perlindungan ladang hutan, kerja kontrak ladang hutan, pengusahasilan ladang hutan, penyelidikan dan pembangunan, penyelenggaraan rekod dan penglibatan sektor swasta dalam perladangan hutan. Manual ini bertujuan untuk membolehkan semua pegawai dan kakitangan Jabatan memahami proses pentadbiran Jabatan secara mudah dan sistematik serta menjadi panduan dan sumber rujukan dalam menjalankan tugas harian.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) pula telah menggariskan satu Dasar Baru Projek Ladang Hutan. Dasar ini adalah bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam program pembangunan ladang hutan. Dalam hal ini syarikat swasta akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Projek Ladang Hutan yang kemudiannya akan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Tanah Kerajaan akan diberi milik kepada syarikat dalam bentuk pajakan tidak melebihi 50 tahun manakala tanah rizab hutan akan diberi permit penggunaan tanah juga tidak melebihi 50 tahun dan mesti diperbaharui dari setahun ke setahun untuk membangunkan ladang hutan. Bagaimanapun syarikat atau pemaju tidak dibenarkan mencagar tanah tersebut untuk mendapatkan pinjaman. Dalam melaksanakan projek ladang hutan, syarikat dikehendaki menanam spesis pokok balak termasuk getah yang menguntungkan dan yang memberi pulangan dalam jangka masa antara 5 hingga 15 tahun. Syarikat juga dikehendaki membayar premium tanah, apa bentuk hasil atau cukai atau royalti dan menanggung segala kos perbelanjaan pembangunan.

### **15.1.3 Keperluan Kewangan**

Mengikut belanjawan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 Jabatan menjangkakan sejumlah RM10.81 juta dan RM3.24 juta masing-masing diperlukan untuk penubuhan ladang hutan dan ladang hutan getah. Peruntukan kewangan yang disediakan bagi projek ladang hutan ialah dari Kumpulan Wang Pembangunan Hutan manakala peruntukan kewangan bagi ladang hutan getah pula adalah dari peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri. Jumlah RM10.81 juta ini adalah terdiri daripada sejumlah RM4.50 juta untuk tujuan penubuhan, RM5.39 juta untuk rawatan, RM0.3 juta untuk penyenggaraan jalan dan RM0.62 juta untuk elauan kakitangan. Butiran terperinci mengenai perkara ini adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Anggaran Perbelanjaan Ladang Hutan Di bawah RMKe-8**

Perkara	Anggaran Perbelanjaan					Jumlah (RM)
	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	
Penubuhan Ladang	900,000	900,000	900,000	900,000	900,000	4,500,000
Rawatan	920,400	1,232,400	1,080,000	1,080,000	1,080,000	5,392,800
Penyenggaraan Jalan	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	300,000
Elaun Kakitangan	124,000	124,000	124,000	124,000	124,000	620,000
<b>Jumlah</b>	<b>2,004,400</b>	<b>2,316,400</b>	<b>2,164,000</b>	<b>2,164,000</b>	<b>2,164,000</b>	<b>10,812,800</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Mengikut Anggaran Perbelanjaan Ladang Getah bagi tempoh RMKe-8, anggaran RM3.24 juta adalah merangkumi sejumlah RM1.5 juta untuk tujuan penubuhan ladang hutan getah dan RM1.35 juta untuk tujuan rawatannya, RM90,000 untuk penyenggaraan jalan dan RM300,000 untuk bayaran elauan kakitangan. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Anggaran Perbelanjaan Ladang Hutan Getah Di bawah RMKe-8**

Perkara	Anggaran Perbelanjaan					Jumlah (RM)
	2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	
Penubuhan Ladang	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000	1,500,000
Rawatan	90,000	210,000	330,000	360,000	360,000	1,350,000
Penyenggaraan Jalan	18,000	18,000	18,000	18,000	18,000	90,000
Elaun Kakitangan	60,000	60,000	60,000	60,000	60,000	300,000
<b>Jumlah</b>	<b>468,000</b>	<b>588,000</b>	<b>708,000</b>	<b>738,000</b>	<b>738,000</b>	<b>3,240,000</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

#### 15.1.4 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

##### a) Guna Tenaga

Jabatan merancang kesemua projek penubuhan ladang akan dilaksanakan secara kontrak. Bagaimanapun kakitangan Jabatan masih diperlukan untuk kerja pengawasan terhadap projek berkenaan penubuhan ladang, rawatan ladang dan seterusnya projek penyenggaraan jalan ladang. Seramai 44 orang kakitangan dijangka akan terlibat dalam projek ini. Mereka ini terdiri daripada seorang Penolong Pengarah Silvikultur Dan Perlindungan, seorang Penolong Pegawai

Ladang Hutan, 29 orang kakitangan ditugaskan untuk mengawasi pelaksanaan projek ladang hutan dan 13 orang lagi untuk mengawasi projek ladang hutan getah. Bagi kakitangan yang terlibat dengan projek ladang hutan getah, mereka ini akan dibahagikan kepada 2 pasukan iaitu satu pasukan untuk mengawasi kerja menanam dan satu lagi untuk mengawasi kerja rawatan.

**b) Latihan**

Perancangan latihan telah disediakan untuk kakitangan yang terlibat dalam projek ini. Antara latihan yang dirancang pada tahun 2003 hingga 2006 ialah pengenalan pokok dan daun, pengecaman isi kayu untuk pengawas hutan, ICT, kursus *team building*, kursus teknik tebangan berarah, kursus motivasi dan seminar pengurusan Taman Hutan Negeri Gunung Stong, Kelantan.

**15.1.5 Keperluan Peralatan Dan Kenderaan**

Manual Perhutanan 2003 Bab 19 perenggan 6.3 iaitu berkenaan keperluan alat kelengkapan/kenderaan/jentera menghendaki alat kelengkapan dan jentera disediakan untuk melaksanakan kerja antara lain membina dan menyenggara jalan ladang, menjalankan kajian dan penyelidikan, menjalankan atau mengawasi kerja-kerja rawatan ladang dan mengawasi kerja-kerja pengusahaan ladang. Alat-alat kelengkapan dan jentera bagi keperluan di atas antaranya termasuklah lori, *grader*, jentolak, alatan memanjat pokok, *binoculars*, gergaji berantai dan sebagainya. Selain itu, kenderaan yang sesuai termasuk kenderaan pacuan empat roda akan disediakan bagi mengangkut kakitangan untuk menjalankan kerja.

**15.1.6 Cadangan Projek**

Dalam tempoh RMKe-8, seluas 1,500 hektar kawasan hutan di kompartmen 1 dan 2 HSK Relai telah dicadangkan untuk dilaksanakan projek penubuhan ladang hutan. Manakala seluas 500 hektar kawasan hutan di HSK Sungai Terah pula dicadangkan untuk dilaksana projek penubuhan ladang hutan getah. Di bawah rancangan tahunan pula projek penubuhan ladang hutan ini akan dilaksanakan pada keluasan 300 hektar setiap tahun dan ladang hutan getah pula akan dilaksanakan pada keluasan 100 hektar setiap tahun. Kerja yang akan dilaksanakan untuk tujuan penubuhan ladang ialah menebang, menolak dan melonggok, menanam tanaman tutup bumi dan menanam anak benih. Selain penubuhan ladang, Jabatan juga merancang kerja merawat ladang secara intensif. Rawatan ini akan dilaksanakan bagi tempoh 3 tahun pertama selepas anak benih ditanam dengan 2 pusingan rawatan setahun. Kerja rawatan ladang akan melibatkan kerja seperti membersih kawasan, membaja, menyulam dan memangkas dahan. Keluasan ladang yang akan dirawat di sepanjang tempoh RMK-8 ialah

dijangkakan seluas 5,819 hektar. Ianya terdiri daripada 4,494 hektar ladang hutan dan 1,325 hektar ladang hutan getah. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 20** dan **21**.

**Jadual 20**  
**Anggaran Keluasan Rawatan Kawasan Ladang Hutan**

Tahun Penubuhan	Luas Kawasan (Ha)	Tahun Rawatan (Ha)					Jumlah (Ha)
		2001	2002	2003	2004	2005	
1999	40	40	-	-	-	-	40
2000	427	427	427	-	-	-	854
2001	300	300	300	300	-	-	900
2002	300	-	300	300	300	-	900
2003	300	-	-	300	300	300	900
2004	300	-	-	-	300	300	600
2005	300	-	-	-	-	300	300
<b>Jumlah</b>	<b>1,967</b>	<b>767</b>	<b>1,027</b>	<b>900</b>	<b>900</b>	<b>900</b>	<b>4,494</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**Jadual 21**  
**Anggaran Keluasan Rawatan Kawasan Ladang Hutan Getah**

Tahun Penubuhan	Luas Kawasan (Ha)	Tahun Rawatan (Ha)					Jumlah (Ha)
		2001	2002	2003	2004	2005	
2000	75	75	75	75	-	-	225
2001	100	100	100	100	-	-	300
2002	100	-	100	100	100	-	300
2003	100	-	-	100	100	100	300
2004	100	-	-	-	100	100	200
2005	100	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>575</b>	<b>175</b>	<b>275</b>	<b>375</b>	<b>300</b>	<b>200</b>	<b>1,325</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Selain daripada rawatan, projek penubuhan ladang juga akan melibatkan pembinaan jalan dalam kawasan ladang dan penyenggaraannya. Dalam hal ini semasa RMKe-8, Jabatan menganggarkan sepanjang 65 km jalan akan dibina iaitu sepanjang 50 km untuk jalan ladang hutan dan sepanjang 15 km untuk jalan ladang hutan getah. Kos perbelanjaannya dianggarkan berjumlah RM390,000. Projek ladang yang akan dilaksanakan ini dijangka akan memberi keuntungan kerana spesis pokok yang akan ditanam adalah sesuai dan bermutu serta mempunyai pasaran yang tinggi. Projek ini

juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

#### **15.1.7 Kaedah Pemantauan**

Manual Perhutanan 2003 Bab 19 perenggan 10 telah menggariskan beberapa panduan untuk Jabatan menjalankan pemantauan terhadap projek ladang hutan yang akan dilaksanakan. Pengawas Hutan dengan dibantu oleh Renjer Hutan akan membuat pengawasan kerja setiap hari yang meliputi seluruh kawasan projek dan satu laporan harian akan disediakan. Berdasarkan laporan ini Renjer Hutan akan membuat pemeriksaan sekurang-kurangnya 50% untuk projek penubuhan dan 40% untuk projek rawatan dari keluasan kawasan kerja. Renjer Hutan akan membuat teguran terus secara lisan sekiranya terdapat kerja yang tidak memuaskan dan akan mencatatnya pada Buku Penyeliaan Kontrak dan melaporkannya kepada Pegawai Ladang Hutan. Pegawai Ladang Hutan kemudiannya akan menjalankan pemeriksaan secara rawak dalam lingkungan 30% untuk kerja penubuhan dan 40% untuk kerja rawatan dan seterusnya membuat teguran secara lisan dan bertulis terhadap projek yang tidak memuaskan. Pegawai Ladang Hutan juga akan membuat pemeriksaan sekurang-kurangnya 20% untuk kerja penubuhan dan 10% untuk kerja rawatan sebelum pembayaran dibuat. Pemeriksaan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 7 hari dan 14 hari masing-masing bagi projek penubuhan dan projek rawatan. Selain itu bancian kehidupan 100% juga akan dijalankan terhadap anak pokok di projek ladang sebulan selepas penanamannya.

**Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya Jabatan Perhutanan telah merancang projek ladang hutan dengan memuaskan. Jabatan telah mengenal pasti kawasan dan keluasan ladang yang akan dibangunkan, menyediakan dasar dan manual yang perlu diikuti dan dipatuhi, menyediakan belanjawan dan guna tenaga. Jabatan juga ada mewujudkan mekanisme yang baik untuk memantau pelaksanaan projek dan kaedah pelaksanaan projek yang akan diikuti. Bagaimanapun, keperluan peralatan dan kenderaan tidak disediakan dalam belanjawan RMKe-8.**

#### **15.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan projek mengikut perancangan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan menjamin kejayaan sesebuah projek. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapati beberapa perkara yang berbangkit seperti berikut:

### **15.2.1 Pengurusan**

Unit Ladang Hutan adalah bertanggungjawab untuk melaksana dan mengurus projek ladang hutan. Struktur Organisasi Jabatan menunjukkan unit ini adalah di bawah pengurusan Bahagian Pembangunan Hutan. Unit Ladang Hutan ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Ladang Hutan (buat masa ini jawatan masih kosong dan kerja dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Silvikultur) dibantu oleh 2 Pengawas Hutan dan 10 Pekerja Rendah Awam Khas. Manakala bagi melicinkan lagi pelaksanaan projek ini seorang Renjer Hutan di bawah Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan telah dipertanggungjawab untuk menyelaras pelaksanaannya di lapangan. Unit ini dikawal selia oleh seorang Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan) dan dipantau oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan).

Pemeriksaan Audit mendapati pengurusan projek ladang hutan di peringkat lapangan adalah memuaskan. Pekerja Rendah Awam Khas melapor projek Ladang Hutan kepada Pengawas Hutan dan seterusnya penyelarasan dibuat oleh Renjer Hutan. Bagaimanapun tugas pengurusan projek di ibu pejabat iaitu jawatan Penolong Pegawai Ladang Hutan masih kosong dan tugasnya dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Silvikultur. Pihak Audit telah difahamkan Jabatan sedang mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan jawatan ini. Menurut Penolong Pengarah Silvikultur dan Perlindungan, penglibatannya dalam projek ladang hutan hanya di peringkat penanaman pokok semasa penubuhan ladang hutan sahaja. Oleh itu secara umumnya Timbalan Pengarah (Pembangunan) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan projek ladang hutan di ibu pejabat manakala di peringkat lapangan projek ini diselaraskan oleh Renjer Hutan.

**Pada pendapat Audit, struktur organisasi projek ladang hutan adalah tidak memuaskan kerana jawatan Penolong Pegawai Ladang Hutan tidak diisi sejak bulan Mei 2004 dan aspek pengurusannya juga adalah kurang kemas.**

### **15.2.2 Dasar Dan Garis Panduan**

Pihak Audit mendapati beberapa peraturan yang ditetapkan dalam Manual Perhutanan telah tidak dipatuhi. Antara peraturan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

#### **a) Kajian Tanah-Tanah**

Mengikut Manual Perhutanan Bab 19 perenggan 5.2, kajian terhadap kandungan tanah-tanah perlu dilaksanakan dalam pembangunan setiap ladang hutan. Ini adalah kerana tanah-tanah merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pokok. Kajian ini adalah meliputi kajian terhadap ciri-ciri fizikal, biologi

dan kimia untuk menentukan jumlah nutrien yang boleh diserap oleh pokok. Selain itu, kajian mengenai keadaan topografi, saliran dan tekstur serta struktur tanah juga perlu bagi untuk menentukan kesesuaian tapak tanaman kerana kebanyakan spesis pokok mempunyai keperluan tapak tanaman yang berlainan. Setakat ini adalah didapati kajian terhadap tanah-tanah tidak dijalankan di semua kawasan HSK yang telah dilaksanakan projek ladang sama ada ladang hutan ataupun ladang hutan getah. Keadaan ini adalah tidak bertepatan dengan manual yang berkaitan. Menurut Jabatan, pemilihan spesis untuk tanaman adalah berdasarkan kepada spesis yang mendominasikan kawasan terbabit dalam dirian hutan asal. Kegagalan membuat kajian tanah-tanah bagi mengenal pasti keadaan kesesuaian dan kesuburan tanah tapak tanaman sebelum membuat keputusan memilih kawasan ladang hutan menyebabkan terdapatnya spesis pokok yang ditanam menghadapi masalah tumbesaran atau kadar kematian anak pokok adalah tinggi. Contohnya spesis pokok Sentang yang ditanam pada tahun 2002 di kawasan seluas 38 hektar di Kompartmen 55 Hutan Simpan Kekal Serasa telah terbantut tumbesarannya.

Lawatan Audit ke tapak bersama pegawai Jabatan mendapati hampir kesemua pokok Sentang yang ditanam menghadapi masalah tumbesaran yang terbantut iaitu pucuk-pucuk mati dan ditumbuh dengan cabang dahan. Ketinggian pokok antara 1 hingga 3 meter sahaja manakala ukur lilit antara 15 hingga 20 sentimeter. Bagaimanapun pihak Jabatan tidak merekod ketinggian dan ukur lilit pokok-pokok tersebut. Contoh pokok Sentang yang mengalami masalah tumbesaran di kompartmen 55 Hutan Simpan Kekal Serasa adalah seperti di **Foto 20** dan **21**.

## Spesis Pokok Sentang Yang Terbantut

Foto 20



Foto 21



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 28 Jun 2006

Lokasi: HSK Serasa

Pihak Audit difahamkan punca yang dikenal pasti berlakunya perkara ini adalah disebabkan oleh serangan penyakit akar. Oleh yang demikian spesis pokok merawan telah disulam di kawasan ini untuk menggantikan spesis pokok Sentang.

**Pada pendapat Audit, kajian terhadap kandungan tanah tanah adalah tidak memuaskan kerana ianya perlu dilaksanakan sebelum penerokaan ladang hutan dibuat bagi mematuhi kehendak Manual Perhutanan.**

### b) Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar

Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar telah dijadikan syarat tambahan bagi semua kawasan yang akan dimajukan sebagai ladang hutan. Perkara ini telah dijelaskan di Bab19 perenggan 5.4 Manual Perhutanan. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan langkah-langkah mitigasi impak terhadap alam sekitar sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Setakat ini Jabatan didapati tidak melaksanakan kajian ini dan ia adalah jelas tidak bertepatan dengan panduan yang ditetapkan. Bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan sebagai langkah mitigasi sebagaimana disenaraikan dalam Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) projek ladang hutan swasta diguna pakai di mana berkaitan.

**Pada pendapat Audit, kajian penilaian impak alam sekitar tidak bertepatan dengan kehendak Manual Perhutanan yang ditetapkan.**

### c) Pembinaan Dan Penyenggaraan Jalan

Manual Perhutanan Bab 19 perenggan 6.2 menghendaki di kawasan projek ladang besar 3 jenis jalan dibina iaitu jalan utama, jalan sekunder dan jalan tuju. Jalan utama ialah jalan yang menghubungkan kawasan ladang dengan jalan awam dan hendaklah berturap sekurang-kurang dengan batu laterit. Jalan sekunder pula jalan yang merentasi blok ladang dengan kelebarannya 6 meter manakala jalan tuju jalan yang menghubungi jalan sekunder dengan blok kecil dengan kelebarannya 4.5 meter. Semakan Audit mendapati kesemua kerja kontrak projek ladang hutan yang diluluskan tidak melibatkan pembinaan dan penyenggaraan jalan. Setakat ini jalan utama menuju ke ladang adalah merupakan jalan yang telah dibina oleh pihak syarikat pembalak semasa mengeluarkan kayu balak dan jalan yang lama ditinggalkan. Manakala jalan merentasi ladang pula adalah merupakan laluan yang dibuat semasa kerja menanam dilaksanakan. Oleh kerana kerja membina jalan dan penyenggaraan tidak dimasukkan dalam kontrak menunjukkan kerja kontrak penubuhan ladang yang disediakan tidak menepati kehendak garis panduan dan keperluan perancangan. Menurut Jabatan, pembinaan dan penyenggaraan jalan tidak dimasukkan dalam senarai kontrak projek ladang hutan disebabkan oleh kekurangan peruntukan bajet. Sungguhpun begitu Jabatan telah memohon bajet yang lebih besar dalam RMKe-9. Contoh jalan yang ada merentasi kawasan ladang di HSK Serasa adalah seperti jalan di **Foto 22** dan **23**.

## **Laluan Merentasi Kawasan Ladang Hutan Tidak Disenggara**

**Foto 22**



**Foto 23**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 28 Jun 2006

Lokasi: HSK Serasa

**Pada pendapat Audit, pembinaan dan penyenggaraan jalan sebagaimana terkandung dalam Manual Perhutanan adalah tidak memuaskan kerana tidak dipatuhi sepenuhnya.**

### **d) Garis Panduan Jabatan Tidak Menepati Kriteria Manual Perhutanan**

Mengikut Manual Perhutanan 2003 Bab 19 perenggan 7.1, prosedur tawaran projek penubuhan ladang menyatakan menyulam adalah merupakan salah satu daripada spesifikasi kerja. Sulaman dikehendaki dibuat sekiranya kadar kematian anak pokok melebihi 20% ataupun kematian anak pokok lebih daripada satu bagi setiap 5 pokok berturut-turut pada sesuatu barisan dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas kerja menanam dimulakan. Mengikut Manual, kerja penubuhan ladang hutan adalah terdiri daripada penyediaan tapak dan tanaman. Spesifikasi kerja penyediaan tapak termasuk:

- i) menebas dan menebang;
- ii) membakar, melonggok dan membakar semula; dan
- iii) cara penyediaan tapak.

Manakala spesifikasi kerja tanaman terdiri daripada:

- i) Jarak tanaman;
- ii) Waktu menanam;
- iii) Menyedia baris tanaman;
- iv) Alat-alat dan cara menanam; dan
- v) Menyulam.

Bagaimanapun, adalah didapati Garis Panduan yang disediakan Jabatan bagi RMKe-8 menetapkan spesifikasi kerja penubuhan ladang hutan dan hutan getah adalah seperti berikut:

- i) Tebas tebang kawasan;
- ii) Menolak dan melonggok;
- iii) Menanam tanaman tutup bumi; dan
- iv) Menanam anak benih.

Penyediaan garis panduan Jabatan bagi RMK-8 tidak mengikut semua kriteria sebagaimana yang dinyatakan di dalam Manual Perhutanan Pindaan 2003. Semakan Audit terhadap spesifikasi kontrak sama ada kontrak penubuhan ladang hutan atau ladang hutan getah mendapat ia tidak memasukkan kerja menyulam sebagai spesifikasi kerjanya. Sebaliknya kerja menyulam telah dimasukkan dalam spesifikasi kontrak untuk merawat ladang. Perkara ini menunjukkan spesifikasi kerja untuk kontrak penubuhan ladang hutan yang dilaksanakan oleh Jabatan tidak menepati kehendak Manual Perhutanan. Akibat daripada itu ladang yang baru ditubuh telah terbiar tanpa penyenggaraan sehingga tawaran sebut harga bagi kerja rawatan diluluskan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan berkaitan projek ladang hutan tidak memuaskan kerana tidak diselaraskan dengan Manual Perhutanan yang disediakan.**

**Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap garis panduan yang disediakan adalah tidak memuaskan kerana kehendak Manual Perhutanan tidak dipatuhi agar projek ladang dapat dilaksanakan dengan cekap, ekonomik dan berkesan.**

### 15.2.3 Prestasi Kewangan

#### a) Kekangan Peruntukan Kewangan

Di bawah RMKe-8 sejumlah RM10.81 juta dan RM3.24 juta masing-masing akan dibelanjakan untuk ladang hutan dan ladang hutan getah. Bagaimanapun bagi tempoh tersebut masing-masing sejumlah RM4.03 juta dan RM1 juta sahaja telah diperuntukkan. Bagi tujuan penubuhan ladang hutan jumlah peruntukan yang diluluskan ialah berjumlah antara RM0.8 juta hingga RM0.82 juta setahun berbanding dengan anggaran berjumlah antara RM2 juta hingga RM2.32 juta iaitu lebih kurang 37%. Maklumat terperinci mengenai anggaran perbelanjaan berbanding peruntukan bagi ladang hutan adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Perbandingan Antara Anggaran Perbelanjaan**  
**Dengan Peruntukan Yang Diluluskan Bagi Ladang Hutan**

Tahun	Anggaran	Peruntukan Yang Diluluskan	
	(RM)	(RM)	(%)
2001	2,004,400	810,000	40
2002	2,316,400	800,000	35
2003	2,164,000	800,000	37
2004	2,164,000	800,000	37
2005	2,164,000	817,000	38
<b>Jumlah</b>	<b>10,812,800</b>	<b>4,027,000</b>	<b>37</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Peruntukan yang diluluskan bagi penubuhan ladang hutan getah hanya RM200,000 setiap tahun atau 31 % berbanding dengan anggaran berjumlah antara RM468,000 hingga RM738,000. Perbandingan antara anggaran perbelanjaan dengan peruntukan bagi projek ladang getah adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Perbandingan Antara Anggaran Perbelanjaan**  
**Dengan Peruntukan Yang Diluluskan Bagi Ladang Hutan**

<b>Tahun</b>	<b>Anggaran</b>	<b>Peruntukan Yang Diluluskan</b>	<b>(%)</b>
	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	
2001	468,000	200,000	43
2002	588,000	200,000	34
2003	708,000	200,000	28
2004	738,000	200,000	27
2005	738,000	200,000	27
<b>Jumlah</b>	<b>3,240,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>31</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Pada keseluruhannya jumlah peruntukan yang diluluskan adalah jauh lebih rendah berbanding anggaran. Keadaan ini menunjukkan Jabatan tidak mengambil kira belanjawan yang disediakan bagi tempoh RMKe-8 semasa menyediakan perancangan peruntukan tahunannya. Sehingga akhir tahun 2005 masing-masing sejumlah RM4.06 juta dan RM0.79 juta telah dibelanjakan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan perancangan peruntukan tahunan tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira belanjawan Rancangan Malaysia.**

#### **b) Perbelanjaan Tidak Ekonomik**

Perbandingan antara anggaran kos dan kos sebenar perbelanjaan untuk pengurusan projek ladang hutan sepanjang tempoh RMKe-8 iaitu dari tahun 2001 hingga 2005 menunjukkan ianya tidak ekonomik. Jumlah kos sebenar yang dibelanja bagi pengurusan projek ladang hutan bagi RMKe-8 ialah RM4.06 juta atau 31 % sahaja berbanding anggaran kos berjumlah RM10.81 juta sedangkan penubuhan ladang baru dalam RMKe-8 hanyalah 118 hektar berbanding anggaran 1,500 hektar iaitu kira-kira 8% sahaja. Begitu juga bagi kos pengurusan ladang hutan getah yang mana kos sebenar pengurusan ladang getah adalah RM0.78 juta berbanding anggaran kos RM3.24 juta iaitu lebih kurang 24% sedangkan hanya 102 hektar ladang hutan getah dapat dibangunkan berbanding anggaran penubuhan ladang getah bagi tempoh RMKe-8 adalah 500 hektar iaitu lebih kurang 20%.

Analisis Audit seterusnya mendapati perbelanjaan sebenar kontrak kerja penubuhan dan rawatan ladang hutan dan ladang hutan getah juga adalah lebih besar daripada anggaran kos. Bagaimanapun bagi analisis ini data keluasan dan jumlah anak pokok

sebenar ditanam/dirawat tidak diperolehi, maka perbandingan yang dibuat hanya melibatkan anggaran perbelanjaan dan perbelanjaan sebenar yang telah dibuat. Analisis tersebut adalah seperti di **Jadual 24** dan **Jadual 25**.

**Jadual 24**  
**Tawaran Sebut Harga Penubuhan Dan Rawatan Ladang Hutan**

Bil.	Penubuhan Ladang Hutan	Luas Mengikut Sebut Harga (Hektar)	Anggaran Kos Projek (Jabatan)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
	No. Sebut Harga		RM3,000/ha	
1.	LH(S)3/2001	10	30,000	42,790
2.	LH(S)4/2001	10	30,000	42,300
3.	LH(S)2/2001	10	30,000	48,573
4.	LH(S)1/2001	10	30,000	45,250
5.	LH(R)1/2002	10	30,000	32,790
6.	LH(R)2/2002	10	30,000	34,600
7.	LH(R)3/2002	10	30,000	32,790
8.	LH(R)4/2002	10	30,000	32,790
9.	LH(L)1/2003	20	60,000	74,390
10.	LH(L)2/2003	20	60,000	76,616
Jumlah			<b>360,000</b>	<b>462,889</b>
Bil.	Rawatan Ladang Hutan	Luas Mengikut Sebut Harga (Hektar)	Anggaran Kos Projek (Jabatan)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
	No. Sebut Harga		RM600/ha	
1.	RLH (R) 5/2004	40	24,000	25,800
2.	RLH (S) 4/2004	38	22,800	25,476
3.	RLH (L) 1/2004	20	12,000	25,300
4.	RLH (L) 2/2004	20	12,000	26,360
5.	RLH (L) 1/2005	40	24,000	53,352
6.	RLH (S&R)2/2005	78	46,800	23,407
7.	RLH (S&R)2/2003	48	28,800	30,384
Jumlah			<b>170,400</b>	<b>210,079</b>

Sumber:Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**Jadual 25**  
**Tawaran Sebut Harga Penubuhan Dan Rawatan Ladang Hutan Getah**

Bil.	<b>Penubuhan Ladang hutan Getah</b>	Luas Mengikut Sebut Harga (Hektar)	<b>Anggaran Kos Projek (Jabatan)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>
			<b>RM3,000/ha</b>	
1.	LHG(R)1/2001	10	30,000	48,250
2.	LHG(R)2/2001	10	30,000	48,300
3.	LHG(R)1/2002	10	30,000	32,425
4.	LHG(R)1/2002	10	30,000	35,372
5.	LHG(L)1/2003	15	45,000	57,228
6.	LHG(L)2/2003	15	45,000	59,256
7.	LHG(L)1/2004	20	60,000	100,359
8.	LHG(U.S)1/2005	10	30,000	28,592
9.	LHG(U.S)2/2005	10	30,000	23,035
<b>Jumlah</b>			<b>330,000</b>	<b>432,817</b>
Bil.	<b>Rawatan Ladang Hutan</b>	Luas Mengikut Sebut Harga (Hektar)	<b>Anggaran Kos Projek (Jabatan)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>
			<b>RM600/ha</b>	
1.	RLHG (R) 1/2002	10	6,000	12,500
2.	RLHG (R) 2/2002	10	6,000	12,500
3.	RLHG (R) 1/2003	20	12,000	10,400
4.	RLHG (R) 2/2003	30	18,000	28,800
5.	RLHG (L) 1/2004	15	9,000	21,163
6.	RLHG (L) 2/2004	15	9,000	18,842
7.	RLHG (L) 3/2004	20	12,000	25,346
8.	RLHG (L) 7/2004	30	18,000	46,979
9.	RLHG (R&L) 1/2005	70	42,000	64,489
<b>Jumlah</b>			<b>132,000</b>	<b>241,019</b>
10.	RLHG (R&L) 1/2006	10	6,000	K.D.P.
1.	RLHG (R&L) 2/2006	20	12,000	K.D.P.
12.	RLHG (R&L) 4/2006	30	18,000	
13.	RLHG (R&L) 5/2006	20	12,000	

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Nota: K.D.P.-Kerja Dalam Pelaksanaan

Semakan Audit juga mendapati sebut harga yang ditawarkan semasa tempoh RMKe-8 adalah untuk kerja rawatan ladang yang telah ditubuhkan antara tahun 1995 hingga 1997. Mengikut Manual Perhutanan, kerja rawatan terhadap ladang hutan ini sepatutnya selesai pada tahun 1999 iaitu tempoh 3 tahun pertama selepas ditubuh. Pihak Audit dimaklumkan ia berlaku kerana kelewatan kontraktor menyiapkan kerja

penubuhan, ditambah pula dengan kekurangan bajet dan tenaga kerja Jabatan. Antara kerja rawatan ladang tersebut adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Senarai Sebut Harga Kerja Rawatan Di Luar Tempoh**

Bil.	No. Sebut Harga	Kompartmen	Luas(Ha)	Tahun Ditubuh	Kos (RM)
1.	RLH 19/2001	Blok 1/95A HSK Relai	50	1995	44,087
2.	RLH 20/2001	Blok 1/95 B HSK Relai	50	1995	43,000
3.	RLH 18/2001	Blok 1/96K HSK Relai	25	1996	42,100
4.	RLH 17/2001	Blok 1/96 J HSK Relai	25	1996	42,000
5.	RLH 3/2003	Blok 2/97 A HSK Relai	20	1997	21,500
6.	RLH 4/2003	Blok 2/97 B HSK Relai	20	1997	21,500
<b>Jumlah</b>					<b>214,187</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Pada pendapat Audit, keperluan kewangan adalah tidak memuaskan kerana belanjawan RMKe-8 tidak diambil kira semasa penyediaan rancangan peruntukan tahunan dan perbelanjaan sebenar ke atas projek adalah lebih tinggi berbanding kos yang diperuntukkan dalam belanjawan.


#### 15.2.4 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

##### a) Guna Tenaga

Semasa merancang pengurusan Projek Ladang Hutan bagi RMKe-8 keperluan tenaga kerja untuk kerja pengawasan ialah seramai 43 orang iaitu seorang Penolong Pegawai Ladang Hutan, 3 orang Renjer, 8 orang Pengawas Hutan, 26 Pekerja Rendah Awam Khas dan 5 orang pemandu. Bagaimanapun semakan Audit mendapati tenaga kerja yang ada untuk kerja pengawasan terhadap projek ladang hutan dan projek ladang hutan getah ialah seramai 12 orang sahaja. Mereka terdiri daripada 2 orang Pengawas Hutan dan 10 orang Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK). Kakitangan ini kemudiannya dibahagikan kepada 2 kumpulan bagi melaksanakan kerja pengawasan. Satu kumpulan yang terdiri daripada seorang Pengawas Hutan dan 4 orang PRAK ditugaskan untuk mengawas kerja penubuhan ladang. Manakala satu kumpulan lagi terdiri daripada seorang Pengawas Hutan dan 6 orang PRAK ditugaskan untuk mengawas kerja rawatan. Dalam pada itu masih terdapat 13 kekosongan jawatan yang diluluskan belum

diisi iaitu 1 kekosongan bagi jawatan Penolong Pegawai Ladang Hutan, satu Renjer Hutan, dua Pengawas Hutan dan 9 orang PRAK. Semakan Audit mendapati tenaga kerja yang sedia ada adalah tidak mencukupi. Pada masa ini tugas Penolong Pegawai Ladang Hutan dan Renjer Hutan ditanggung oleh Penolong Pegawai Silvikultur dan Renjer Hutan Silvikultur dan Perlindungan. Carta organisasi dan nama pegawai bagi Unit Ladang Hutan adalah seperti di **Carta 3**.

**Carta 3**  
**Carta Organisasi Unit Ladang Hutan Dan Ladang Hutan Getah**



Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Nota: Carta berwarna kuning menggambarkan Pengurusan Kanan  
dan berwarna hijau menggambarkan Unit Ladang Hutan

### b) Latihan

Sepanjang tahun 2002 hingga 2006 sebanyak 45 kursus dan latihan telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. Antara kursus dan latihan yang dihadiri ialah pengenalan pokok dan daun, pengecaman isi kayu untuk pengawas hutan, ICT, kursus *team building*, kursus teknik tebangan berarah, kursus motivasi dan seminar pengurusan Taman Hutan Negeri Gunung Stong, Kelantan.

**Pada pendapat Audit, seramai 13 atau 46% daripada 28 perjawatan masih belum diisi. Oleh itu, keperluan guna tenaga tidak memuaskan menyebabkan kerja-kerja pengawasan perlu diberi perhatian yang teliti.**

#### 15.2.5 Keperluan Peralatan Dan Kenderaan

Dalam tempoh RMKe-8 tiada perancangan untuk menyediakan keperluan kenderaan dan peralatan bagi projek ladang ini. Semakan Audit pada 4 Mei 2006 mendapati peralatan seperti gergaji, parang, pakaian seragam ada disediakan dan mencukupi. Bagaimanapun semenjak Oktober 2004 hanya sebuah kenderaan sahaja telah disediakan oleh Jabatan sedangkan keperluan sebenar adalah 2 buah untuk kegunaan Unit Ladang Hutan yang pada masa ini terdiri daripada 2 pasukan. Satu pasukan melaksanakan kerja pengawasan terhadap projek penubuhan dan rawatan ladang hutan dan satu lagi untuk projek penubuhan ladang hutan getah dan rawatannya. Keadaan ini menjelaskan kelincinan kerja-kerja pengawasan yang melibatkan kawasan ladang yang berlainan tempat. Jabatan memaklumkan permohonan untuk membeli kenderaan baru telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada bulan Disember 2005 tetapi bilangan kenderaan yang diluluskan adalah terhad. Sementara itu, kenderaan dari pasukan lain di bawah Unit Silvikultur Dan Perlindungan Hutan digunakan untuk kerja pengawasan projek ladang hutan.

**Pada pendapat Audit, kerja-kerja pengawasan adalah tidak memuaskan kerana ianya akan terjejas sekiranya peralatan dan kenderaan tidak disediakan mengikut keperluan sebenar.**

#### 15.2.6 Pelaksanaan Projek Ladang

##### a) Pelaksanaan Pembangunan Ladang Tidak Mengikut Perancangan

Mengikut RMKe-8, seluas 1,500 hektar projek ladang hutan dan 500 hektar projek ladang hutan getah akan dibangunkan masing-masing di kawasan HSK Relai dan HSK Sungai Terah. Manakala rawatan pula hendaklah dibuat secara intensif dalam tempoh 3 tahun pertama selepas menanam dengan 2 pusingan setiap tahun.

Semakan Audit terhadap projek penubuhan dan rawatan ladang hutan atau ladang hutan getah yang dilaksanakan menunjukkan kedudukan pelaksanaannya adalah seperti berikut:

**i) Ladang Dibangunkan Di Kawasan Yang Tidak Dirancang**

Mengikut Manual, penubuhan ladang hendaklah dirancang secara terperinci kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan jangka masa yang panjang. Di bawah RMKe-8 Kompartmen 1 dan 2 HSK Relai telah dipilih untuk dilaksanakan projek ladang hutan manakala kawasan HSK Sungai Terah pula dipilih untuk projek ladang hutan getah. Semakan Audit mendapati ladang hutan dan ladang hutan getah telah ditubuhkan di kawasan yang tidak dirancang. Kawasan yang terlibat ialah di HSK Lebir, HSK Serasa, HSK Relai dan HSK Ulu Sat. Ladang hutan telah ditubuhkan di kompartmen 18 HSK Relai, kompartmen 55 HSK Serasa dan kompartmen 10 HSK Lebir dan bukannya di kompartmen 1 dan 2 HSK Relai yang telah ditetapkan. Manakala ladang hutan getah pula telah ditubuhkan di kompartmen 22 dan 32 HSK Relai, kompartmen 10 dan 11 HSK Lebir dan kompartmen 60 HSK Ulu Sat dan bukannya kawasan HSK Sungai Terah. Maklumat terperinci mengenainya adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Kawasan Ladang Hutan Dirancang Dan Dipilih**

Tahun	Kawasan Yang Dirancang		Kawasan Yang Dipilih	
	Ladang Hutan	Ladang Hutan Getah	Ladang Hutan	Ladang Hutan Getah
2001	HSK Relai Kompartmen 1 & 2	HSK Sg.Terah	HSK Relai Kompartmen 18	HSK Relai Kompartmen 22
2002	HSK Relai Kompartmen 1 & 2	HSK Sg Terah	HSK Serasa Kompartmen 55	HSK Relai Kompartmen 32
2003	HSK Relai Kompartmen 1 & 2	HSK Sg Terah	HSK Lebir Kompartmen 10	HSK Lebir Kompartmen 11
2004	HSK Relai Kompartmen 1 & 2	HSK Sg Terah	Tiada Penubuhan Ladang	HSK Lebir Kompartmen 10
2005	HSK Relai Kompartmen 1 & 2	HSK Sg Terah	Tiada Penubuhan Ladang	HSK Ulu Sat Kompartmen 60

*Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan*

Penubuhan kawasan ladang hutan dan ladang hutan getah di luar perancangan asal adalah berikutan berlakunya perubahan polisi Kerajaan yang menswastakan sebahagian kawasan yang dirancang kepada pihak swasta. Selain itu, Kerajaan

juga menetapkan kawasan hutan yang miskin dan yang terlibat dengan penerokaan haram akan dibangunkan projek ladang hutan. Setakat ini tidak ada arahan dan kelulusan bertulis telah dikeluarkan oleh Jabatan berkaitan dengan pertukaran kawasan ladang hutan ini. Kesan daripada perubahan polisi ini telah menjelaskan matlamat sebenar penubuhan ladang hutan walaupun ia berjaya mengurangkan aktiviti penerokaan haram.

**Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mengambil kira kriteria pemilihan yang memenuhi objektif projek semasa membuat perancangan kawasan yang hendak dibangunkan.**

**ii) Keluasan Ladang Tidak Mengikut Manual**

Mengikut Manual Perhutanan 2003 Bab 19 perenggan 1.4, ladang hutan didefinisikan sebagai kawasan yang ditanam dengan pokok hutan dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar. Semasa tempoh RMKe-8, keluasan ladang yang dirancang untuk dibangunkan ialah seluas 2,000 hektar iaitu 1,500 ladang hutan dan 500 hektar ladang hutan getah iaitu masing-masing dengan keluasan yang dirancang seluas 300 hektar bagi ladang hutan dan 100 hektar bagi ladang hutan getah setahun. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan telah menetapkan untuk membangunkan seluas 270 hektar ladang sahaja dalam tempoh berkenaan. Keluasan ini adalah terdiri daripada 160 hektar ladang hutan dan 110 hektar ladang hutan getah iaitu masing-masing dengan kadar keluasan sekitar 40 hektar ladang hutan dan 20 hektar ladang hutan getah dibangunkan dalam setahun. Keluasan ini adalah jauh lebih kecil berbanding dengan perancangan asal projek penubuhan ladang. Keluasan ladang yang diluluskan untuk dibangun setakat ini ialah seluas 40 hektar di kompartmen 55C HSK Serasa, 40 hektar di kompartmen 18 HSK Relai dan 80 hektar di kompartmen 10 HSK Lebir iaitu berjumlah 160 hektar kesemuanya. Bagaimanapun pencapaian sebenar keluasan ladang yang dapat dibangunkan dalam tempoh RMKe-8 hanyalah 118 hektar sahaja iaitu seluas 38 hektar ladang hutan di HSK Relai dan masing-masing seluas 40 hektar di HSK Lebir dan Relai. Maklumat terperinci mengenai keluasan dan kawasan hutan adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Keluasan Ladang Hutan Yang Dirancang, Dilulus Dan Sebenar Dilaksanakan**  
**Bagi Tempoh RMKe-8**

Tahun	Kawasan Dan Keluasan Yang Dirancang		Kawasan Dan Keluasan Yang Telah Dilulus		Kawasan Dan Keluasan Yang Dilaksana	
	Kawasan	Luas (Ha)	Kawasan Dan Kompartmen	Luas (Ha)	Kawasan Dan Kompartmen	Luas (Ha)
2001	HSK Relai	300	HSK Relai Kompartmen 18	40	HSK Serasa Kompartmen 55	38
2002	HSK Relai	300	HSK Serasa Kompartmen 55	40	HSK Relai Kompartmen 18	40
2003	HSK Relai	300	HSK Lebir Kompartmen 10	80	HSK Lebir Kompartmen 10	40
2004	HSK Relai	300	Tiada Kelulusan	-	Tiada Penubuhan	-
2005	HSK Relai	300	Tiada Kelulusan	-	Tiada Penubuhan	-
<b>Jumlah</b>		<b>1,500</b>		<b>160</b>		<b>118</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Keluasan yang diluluskan untuk dibangunkan projek ladang hutan getah pula ialah masing-masing 20 hektar di kompartmen 22 dan 32 Kawasan HSK Relai, 20 dan 30 hektar kompartmen 10 dan 11 kawasan HSK Lebir dan 20 hektar di kompartmen 60 kawasan HSK Ulu Sat iaitu keseluruhannya seluas 110 hektar. Bagaimanapun sebagaimana ladang hutan, pencapaian sebenar keluasan ladang getah hanyalah 102 hektar iaitu seluas 40 hektar di kawasan HSK Relai, 50 hektar di kawasan HSK Lebir dan seluas 12 daripada 20 hektar di kawasan HSK Ulu Sat. Maklumat terperinci mengenai kawasan dan keluasan ladang hutan getah yang telah ditubuhkan adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Kawasan Dan Keluasan Yang Dirancang Dan Dilaksanakan**

Tahun	Kawasan Dan Keluasan Yang Dirancang		Kawasan Dan Keluasan Yang Dilaksanakan	
	Kawasan	Luas (Ha)	Kawasan	Luas (Ha)
2001	HSK Sungai Terah	100	HSK Relai Kompartmen 22	20
2002	HSK Sungai Terah	100	HSK Relai Kompartmen 32	20
2003	HSK Sungai Terah	100	HSK Lebir Kompartmen 11	30
2004	HSK Sungai Terah	100	HSK Lebir Kompartmen 10	20
2005	HSK Sungai Terah	100	HSK Ulu Sat Kompartmen 60	12
<b>Jumlah</b>		<b>500</b>		<b>102</b>

*Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan*

Jabatan menjelaskan masalah kewangan yang terhad, tenaga kerja yang tidak mencukupi dan kekurangan kawasan yang sesuai merupakan faktor yang menyebabkan keluasan ladang dikurangkan. Memandangkan keluasan ladang yang dibuka di sesuatu kawasan adalah antara 20 hingga 40 hektar bermakna ianya adalah tidak bertepatan dengan keluasan yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 50 hektar. Semakan Audit juga mendapati tidak ada penubuhan ladang hutan telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan 2005. Ekoran daripada keluasan yang gagal mencapai tahap yang ditetapkan, penubuhan ladang hutan tidak mencapai matlamatnya malah ianya lebih merupakan satu konsep penanaman kawasan lapang.

**Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mematuhi keluasan yang ditetapkan bagi sesebuah ladang iaitu tidak kurang daripada 50 hektar supaya ianya ekonomik untuk disenggarakan.**

### **iii) Pemilihan Pokok Tidak Mengikut Perancangan**

Manual menetapkan spesis yang hendak ditanam adalah berdasarkan kepada ciri berikut:

- cepat membesar dan berupaya mencapai saiz diameter sekurang-kurangnya 30 sentimeter kayu balak kecil dalam tempoh 15 tahun;
- kayunya sesuai untuk kegunaan am;
- mudah ditanam sebagai spesis ladang; dan
- mempunyai bekalan biji benih yang banyak dan senang diperolehi.

Selaras dengan itu spesis pokok yang telah dipilih untuk ditanam mengikut RMKe-8 ialah Sentang, Kembang Semangkuk, Sesenduk dan Kedondong dan diikuti dengan tanaman tutup bumi. Semakan Audit mendapati setakat ini hanya ladang hutan kompartmen 55 HSK Serasa sahaja yang ditanam dengan pokok Sentang sebagaimana yang dirancang seperti di **Foto 24**.

**Foto 24**  
**Contoh Spesis Pokok Sentang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28 Jun 2006  
Lokasi: HSK Serasa

Ladang hutan yang lain seperti di HSK Lebir dan HSK Relai masing-masing telah ditanam dengan spesis pokok Khaya dan Merawan seperti di **Foto 25** dan **26**.

**Foto 25**  
**Contoh Spesis Pokok Khaya di HSK Lebir**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 12 Jun 2006  
Lokasi: HSK Lebir

**Foto 26**  
**Contoh Spesis Pokok Merawan di HSK Relai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 28 Jun 2006

Lokasi : HSK Relai

Dalam hal ini Jabatan menjelaskan penukaran penanaman anak pokok ini disebabkan oleh kesukaran untuk mendapat anak benih bagi spesis pokok yang dirancang. Setakat ini tidak ada kelulusan diperolehi dari Jabatan berkaitan dengan pertukaran spesis pokok untuk tanaman ladang. Selain itu, semakan Audit juga mendapati semua ladang hutan dan juga ladang hutan getah tidak ditanam dengan tanaman tutup bumi. Keadaan ini menyebabkan kesemua ladang telah diancam oleh tumbuhan menjalar dan pepanjat dan situasi ini menjelaskan tumbesaran anak pokok.

**Pada pendapat Audit, pemilihan pokok tidak dapat ditanam mengikut jenis spesis pokok yang dirancang adalah tidak memuaskan kerana kesukaran mendapat anak benih.**

#### **iv) Rawatan Tidak Mengikut Jadual**

Mengikut RMKe-8, ladang dijadualkan akan dirawat dalam tempoh 3 tahun pertama selepas ditanam. Kerja merawat ini akan dijalankan sebanyak 2 kali setiap tahun selama 3 tahun. Antara kerja merawat yang akan dilaksanakan ialah seperti membersih sekeliling pokok, menebas, membaja, memangkas dahan dan penjarangan. Semakan Audit mendapati setakat ini rawatan terhadap ladang hanya dibuat sekali sahaja dalam setahun. Malahan terdapat ladang hutan yang

dirawat setelah ia memasuki tahun kedua. Punca utama berlakunya keadaan ini adalah disebabkan peruntukan kewangan yang terhad. Ladang tersebut ialah ladang hutan getah di kompartmen 22 HSK Relai yang ditanam pada tahun 2001 hanya menjalani rawatan pada tahun 2003. Maklumat terperinci mengenai projek rawatan ladang hutan dan ladang hutan getah adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Perancangan Dan Pelaksanaan Sebenar Rawatan Bagi Tempoh**  
**RMKe-8 (2001-2005)**

Kawasan/ Tahun Dirawat	Tahun Ditanam	Luas (Ha)	Perancangan Rawatan				Rawatan Sebenar				Tidak Dirawat			
			2002	2003	2004	2005	2002	2003	2004	2005	2002	2003	2004	2005
Ladang Hutan HSK Serasa Kompartmen 55	Februari 2002	38		2	2	2		1	1	1		1	1	1
Ladang Hutan HSK Relai Kompartmen 18	Oktober 2002	40		2	2	2		1	1	1		1	1	1
Ladang Hutan HSK Lebir Kompartmen 10 A Dan B	2003	40			2	2			1	1			1	1
Ladang Hutan Getah HSK Relai Kompartmen 21	November 2001	10	2	2	2	2	1	1	1	1	1	1	1	1
Ladang Hutan Getah HSK Relai Kompartmen 22	Disember 2001 dan Oktoper 2002	20	2	2	2	2	-	1	1	1		1	1	1
Ladang Hutan Getah HSK Relai Kompartmen 32	November 2002	10		2	2	2	1	1	1	1		1	1	1
Ladang Hutan Getah HSK Lebir Kompartmen 11	November 2003	30			2	2			1	1			1	1
Ladang Hutan Getah HSK Lebir Kompartmen 10	Mac 2005	20												
Ladang Hutan Getah HSK Ulu Sat Kompartmen 60	Disember 2005	12												
<b>Jumlah</b>		<b>220</b>	<b>4</b>	<b>10</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>7</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>7</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Berdasarkan kepada pelaksanaan sebenar rawatan berbanding perancangan, rawatan yang dilakukan setakat ini adalah tidak mencukupi dan telah tidak

menepati perancangan. Akibat kegagalan mengikut jadual rawatan anak pokok yang ditanam telah disaingi oleh tumbuhan menjalar, pemanjat, rumput-rampai dan lalang. Berikut adalah contoh anak pokok di HSK Serasa dan Relai dipenuhi semak samun tumbuhan menjalar, lalang dan lain-lain tumbuhan seperti di **Foto 27** dan **28**.

**Foto 27**  
**Pancang Berwarna Biru Ialah Kedudukan Anak Pokok Yang Dipenuhi Oleh Tumbuhan Liar Di HSK Relai**



Sumber :Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh :28 Jun 2006  
Lokasi : HSK Relai

Kesan daripada persaingan dengan tumbuhan yang menjalar menyebabkan anak pokok telah dilindungi cahaya matahari dan seterusnya menjelaskan tumbesarananya.

**Pada pendapat Audit, Jabatan tidak melaksanakan program rawatan dengan memuaskan. Oleh itu, Jabatan Perhutanan hendaklah melaksanakan rawatan terhadap ladang hutan seperti mana perancangan dan ketetapan Manual Perhutanan untuk memastikan anak benih tumbuh dengan subur.**

**b) Pelaksanaan Penubuhan Dan Rawatan Ladang**

Sebagaimana yang dirancang projek penubuhan ladang hutan telah dilaksanakan secara kontrak. Semasa tempoh RMKe-8 dan tahun 2006 sebanyak 39 sebut harga telah ditawarkan kepada kontraktor untuk melaksanakan projek penubuhan dan rawatan ladang di 4 kawasan HSK yang telah dipilih. Daripada jumlah tersebut 10 sebut harga telah ditawarkan untuk projek penubuhan ladang hutan, 9 sebut

harga untuk projek penubuhan ladang hutan getah, 7 sebut harga untuk projek merawat ladang hutan dan 13 sebut harga untuk projek merawat ladang hutan getah. Semakan Audit terhadap 37 daripada 39 kerja sebut harga yang ditawarkan untuk projek penubuhan dan rawatan mendapati perkara seperti berikut:

### i) Kelewatan Memasuki Tapak

Mengikut syarat sebut harga, kontraktor hendaklah memasuki tapak dan memulakan kerja sepertimana yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati 15 daripada 37 kontraktor telah lewat memasuki tapak untuk memulakan kerja mereka. Sebelas daripadanya mula memasuki tapak selepas 24 hari hingga 90 hari dari tarikh milik tapak sepertimana di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Kelewatan Memasuki Tapak Dari 24 Hari Hingga 90 Hari**

Bil.	No.Sebut Harga	Kawasan/ No.Blok	Nama Syarikat	Tarikh Milik Tapak	Tarikh Sebenar Mula Kerja	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	LH 1/01	HSK Serasa/A	Warisan D' Kota	16.7.2001	15.10.2001	90
2.	LH 2/01	HSK Serasa/B	Sykt. Zaiha Trading	16.7.2001	15.10.2001	90
3.	LH 3/01	HSK Serasa/C	Usaha Enterprise	16.7.2001	15.10.2001	90
4.	LH 4/01	HSK Serasa/D	Usaha Anida Trading	16.7.2001	15.10.2001	90
5.	LHG 2/02	HSK Relai	Agro Forestry	10.4.2002	2.6.2002	53
6.	RLH 2/05	HSK Serasa Kompartmen 55 dan HSK Relai Kompartmen 18	Cahaya Mengkebang Enterprise	24.4.2005	7.6.2005	30
7.	LH 3/02	HSK Relai/C	Mahmood B.Awang	10.5.2002	3.6.2002	24
8.	LH 4/02	HSK Relai/D	Mahmood B.Awang	10.5.2002	16.6.2002	34
9.	LH 1/03	HSK Lebir/10 B	Bidimy Enterprise	10.6.2003	12.7.2003	32
10.	LHG 2/03	HSK Lebir Blok A	Sri Murni	10.6.2003	13.7.2003	33
11.	LHG 2/03	HSK Lebir Blok B	R.Z.Enterprise	10.6.2003	18.7.2003	38

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Syarikat Warisan D' Kota, Syarikat Zaiha Trading, Syarikat Usaha Enterprise dan Syarikat Usaha Anida Trading yang melaksanakan kerja penubuhan ladang hutan di kawasan HSK Serasa adalah antara kontraktor yang memasuki tapak apabila tamatnya tempoh kontrak. Dua kontraktor iaitu Syarikat Cahaya Mengkebang

Enterprise dan Syarikat Agro Forestry pula memasuki tapak selepas 2 bulan dari tarikh milik tapak. Manakala 5 kontraktor lagi memasuki tapak projek selepas sebulan dari tarikh milik tapak. Sungguhpun terdapat surat peringatan dikemukakan kepada kontraktor mengenai perkara ini tetapi tidak ada kemajuan telah dicapai. Pihak Audit difahamkan kelewatan ini berlaku kerana kegagalan kontraktor untuk mendapatkan tenaga kerja dan tawaran gaji yang tidak menarik. Kelewatan ini telah menjaskankan perancangan penubuhan ladang dan seterusnya mengakibatkan berlakunya kelewatan menyiapkan projek. Setakat ini tidak ada tindakan tegas diambil terhadap kontraktor berkaitan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kerja kontraktor yang dilantik adalah tidak memuaskan kerana lewat masuk tapak. Oleh itu, Jabatan hendaklah memastikan kontraktor mematuhi syarat tawaran sebut harga.**

**ii) Lanjutan Masa**

Syarat sebut harga juga telah menetapkan projek penubuhan dan rawatan ladang sama ada ladang hutan atau ladang hutan getah hendaklah disiapkan dalam tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati kemajuan kerja bagi 11 kontraktor amat lembap dan tidak memuaskan. Walaupun terdapat peringatan dan amaran dikeluarkan oleh Jabatan tetapi kemajuan kerja masih berada di tahap yang sama. Kontraktor tersebut adalah terdiri daripada 8 kontraktor yang mengerjakan penubuhan ladang hutan dan 3 kontraktor yang mengerjakan penubuhan ladang hutan getah. Ekoran daripada kegagalan mematuhi tempoh kontrak, kontraktor telah memohon lanjutan masa antara 1 hingga 5 bulan dengan alasan masalah cuaca yang tidak baik. Permohonan ini bagaimanapun telah diluluskan walaupun tidak terdapat dalam syarat kontrak yang membenarkannya. Maklumat terperinci mengenai lanjutan masa adalah seperti **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Tempoh Lanjutan Masa Projek Penubuhan Dan Rawatan Ladang**

Bil.	Sebut Harga	Kompertmen/ Kawasan/ Blok	Nama Syarikat	Tarikh Sepatutnya Siap Kerja	Tempoh Lanjutan Masa	
					Tarikh	Hari
1.	LH 1/01	Kompertmen55 HSK Serasa/A	Warisan D' Kota	15.10.2001	16.10.2001 -28.2.2002	113
2.	LH 2/01	Kompertmen55 HSK Serasa/B	Usaha Enterprise	15.10.2001	16.10.2001 -28.2.2002	113
3.	LH 3/01	Kompertmen55 HSK Serasa/C	Sykt. Zaiha Trading	15.10.2001	16.10.2001 -28.2.2002	113
4.	LH 4/01	Kompertmen55 HSK Serasa/D	Usaha Anida Trading	15.10.2001	16.10.2001 -28.2.2002	113
5.	LH 1/02	Kompertmen18 HSK Relai/A	Sykt. Mohd. Roslan B. Ab.Aziz	9.8.2002	10.8.2002- 30.9.2002	50
6.	LH 2/02	Kompertmen18 HSK Relai/B	Sykt. Sri Telipot Trading	9.8.2002	10.8.2002- 30.9.2002	50
7.	LH 3/02	Kompertmen18 HSK Relai/C	Mahmood B. Awang	9.8.2002	10.8.2002- 30.9.2002	50
8.	LH 4/02	Kompertmen18 HSK Relai/D	Mahmood B. Awang	9.8.2002	10.8.2002- 30.9.2002	50
9.	LHG 2/01	Kompertmen22 HSK Relai	Tunjang Trading	10.8.2001	11.8.2001- 20.9.2001	40
10.	LHG 1/02	Kompertmen22 HSK Relai	Nuaina Enterprise	9.7.2002	10.7.2002- 30.9.2002	80
11.	LHG 2/02	Kompertmen32 HSK Relai	Agroforestry Trading	9.7.2002	10.7.2002- 30.9.2002	80

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Semakan Audit juga mendapati alasan sebenar keadaan ini berlaku ialah disebabkan kelewatan memasuki tapak. Keadaan ini terbukti kerana 7 daripada 11 kontraktor yang diberikan lanjutan masa adalah terdiri daripada mereka yang lewat memasuki tapak seperti mana yang dibangkitkan di atas.

**Pada pendapat Audit, Jabatan tidak sepatutnya membenarkan lanjutan masa terhadap kerja melalui tawaran sebut harga.**

### **iii) Kelewatan Menyiapkan Projek**

Mengikut syarat sebut harga, projek sama ada penubuhan atau rawatan ladang hendaklah disiapkan dalam tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati 12 projek penubuhan ladang dan 1 projek rawatan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Malahan 7 daripadanya adalah terdiri daripada projek yang diberi lanjutan masa tetapi masih juga gagal untuk disiapkan dalam tempoh lanjutan masa tersebut. Tujuh projek yang dimaksudkan ialah 4 projek penubuhan ladang hutan di kawasan HSK Serasa yang dilaksanakan oleh 4 kontraktor ialah Syarikat Warisan D' Kota, Syarikat Usaha Enterprise, Syarikat Zaiha Trading dan Syarikat

Usaha Anida Trading, 2 projek penubuhan ladang yang dilaksanakan oleh Mahmood B. Awang di kawasan HSK Relai dan 1 projek penubuhan ladang hutan getah yang dilaksanakan oleh Syarikat Nuaina Enterprise di kawasan HSK Relai. Kelewatan yang diambil untuk menyiapkan projek berkaitan adalah antara 1 hingga 2 bulan selepas tamat tarikh lanjutan masa. Selain itu, projek penubuhan ladang hutan getah di kompartmen 10 HSK Lebir yang dilaksanakan oleh Bidimy Enterprise pula telah mengambil masa sehingga 1 tahun 2 bulan untuk disiapkan. Keadaan ini tidak sepatutnya dibiarkan dan Jabatan sepatutnya memansuhkan kontrak ini kerana ia menjelaskan imej Jabatan. Manakala 5 lagi projek tempoh kelewatannya ialah antara 2 hingga 3 bulan selepas tarikh siap kerja. Akibat daripada kelewatan ini ia telah menjelaskan program rawatan yang akan dijalankan selepas kerja menanam disiapkan.

**Pada pendapat Audit, kontraktor yang dilantik telah gagal melaksanakan kerja mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Oleh itu, Jabatan hendaklah menamatkan kontrak bagi kerja yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh.**

#### **iv) Bekalan Pekerja Tidak Mencukupi**

Mengikut syarat sebut harga, kontraktor dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang pekerja. Semakan Audit mendapati 21 kontraktor telah gagal untuk menyediakan pekerja dengan secukupnya sebagaimana yang ditetapkan. Lapan belas kontraktor hanya menyediakan antara 5 hingga 8 orang tenaga pekerja sahaja. Manakala bilangan pekerja bagi 3 lagi kontraktor iaitu Usaha Enterprise, R.Z. Enterprise dan Syarikat Mohd Roslan tidak diketahui kerana ketiadaan maklumat mengenainya. Akibat tenaga kerja yang tidak mencukupi telah menjelaskan kelincinan pelaksanaan penubuhan dan rawatan ladang. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya kelewatan menyiapkan kerja. Kedudukan ini terbukti apabila projek penubuhan ladang di kawasan HSK Serasa yang dilaksanakan oleh 4 kontraktor iaitu Syarikat Warisan D' Kota, Syarikat Usaha Enterprise, Syarikat Zaiha Trading dan Syarikat Usaha Anida Trading yang menggunakan antara 5 hingga 8 orang telah mengambil masa selama 10 bulan untuk menyiapkan projek masing-masing. Manakala Syarikat Cahaya Mengkebang Enterprise yang menggunakan 8 orang pekerja untuk projek merawat di ladang seluas 78 hektar kawasan di HSK Serasa dan HSK Relai didapati tidak dapat menyiapkan kerja dengan sepenuhnya.

**Pada pendapat Audit, kontraktor telah gagal menyediakan pekerja mengikut syarat-syarat disebut harga. Jabatan hendaklah memastikan kontraktor**

menyediakan pekerja yang mencukupi sebagaimana yang ditetapkan oleh syarat kontrak.

#### v) Spesis Pokok Ditanam Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak

Spesifikasi kerja sebut harga projek penubuhan ladang telah menetapkan jenis spesis pokok yang akan ditanam di sesuatu kawasan ladang hutan. Semakan Audit mendapati spesis pokok yang ditanam di 2 kawasan projek penubuhan ladang telah tidak menepati spesifikasi kontrak. Ladang hutan di kompartmen 55 blok C HSK Serasa yang sepatutnya ditanam dengan spesis Sentang telah diganti dengan tanaman spesis Merawan. Penukaran spesis di kawasan ini adalah disebabkan spesis sedia ada di kawasan ini hidup subur. Begitu juga dengan ladang hutan di kawasan HSK Lebir yang sepatutnya ditanam dengan spesis Merawan tetapi telah ditanam dengan spesis Khaya. Penukaran ini pula dibuat atas sebab percubaan. Setakat ini tidak ada kelulusan Jabatan telah diberikan kepada kontraktor untuk berbuat demikian. Semakan Audit juga mendapati spesis Merawan dan Khaya ini turut ditanam di ladang hutan kompartmen 18 Blok A hingga D di kawasan HSK Relai walaupun telah tidak dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Dengan itu tidak dapat dipastikan sama ada kelulusan telah diberikan untuk tanaman spesis pokok berkenaan. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Spesis Pokok Ditanam Tidak Mengikut Spesifikasi**

Sebut Harga	Keluasan (Hektar)	Kompartmen/ Kawasan HSK/ Blok	Nama Syarikat	Jenis Pokok Sepatut Tanam	Jenis Pokok Sebenar Tanam
LH 3/01	10	Kompartmen 55/ HSK Serasa/C	Sykt. Zaiha Trading	Sentang	Merawan
LH 1/03	20	Kompartmen 10/ HSK Lebir/A	Koperasi Pengguna Felcra	Merawan	Khaya
LH 2/03	20	Kompartmen 10/ HSK Lebir/B	Bidimy Enterprise	Merawan	Khaya
LH 1/02	10	Kompartmen 18/ HSK Relai/A	Sykt. Mohd. Roslan B. Ab.Aziz	Tidak Dinyatakan	Merawan
LH 2/02	10	Kompartmen 18/ HSK Relai/B	Sykt. Sri Telipot Trading	Tidak Dinyatakan	Khaya
LH 3/02	10	Kompartmen 18/ HSK Relai/C	Mahmood B. Awang	Tidak Dinyatakan	Merawan
LH 4/02	10	Kompartmen 18/ HSK Relai/D	Mahmood B. Awang	Tidak Dinyatakan	Khaya

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**Pada pendapat Audit, spesis pokok yang ditanam oleh Syarikat tidak memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi kontrak.**

#### **vi) Jarak Tanaman Tidak Mengikut Spesifikasi**

Mengikut Manual, jarak tanaman yang dipraktikkan ialah 3.7m x 3m. Jarak tanaman mempunyai kesan ke atas perkara seperti berikut:

- kos penubuhan ladang;
- jangka masa di antara menanam dan penutupan silara di mana jarak tanaman yang rapat akan mempercepatkan penutupan silara dan spesis rumput yang bersaing akan tertindas;
- bentuk pokok kerana jarak tanaman yang rapat akan mengurangkan dahan dan cabang;
- saiz pokok kerana jarak tanaman yang rapat menghasilkan pokok berdiameter kecil; dan
- pengeluaran kayu kerana jarak yang rapat memberikan isi padu yang tinggi dalam masa yang singkat.

Manakala mengikut spesifikasi kerja sebut harga, jarak tanaman anak pokok ialah 3mx4m bagi ladang hutan dan 5mx5m setiap baris bagi ladang hutan getah. Semakan Audit terhadap spesifikasi kerja mendapati jarak pokok yang ditanam di ladang hutan HSK Relai dan HSK Serasa ialah 2m x 4m dan jarak pokok getah yang ditanam di Ladang Hutan Getah Relai dan Ulu Sat ialah 4m x 4m. Manakala anak pokok di kawasan HSK Lebir sama ada ladang hutan atau ladang hutan getah telah ditanam secara teres. Contoh tanaman anak getah yang ditanam secara teres adalah seperti di **Foto 29**.

**Foto 29**

**Pokok Getah Yang Ditanam Secara Teres Di Ladang HSK Lebir**



Sumber :Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 Jun 2006  
Lokasi : HSK Lebir

Kedudukan jarak anak benih yang ditanam adalah tidak bertepatan dengan spesifikasi kerja. Jabatan menjelaskan mengikut kajian yang dijalankan jarak tanaman mengikut Manual tidak sesuai untuk spesis hutan seperti Merawan, Meranti, Sesenduk, Kedondong dan sebagainya. Bagaimanapun penetapan jarak tanaman dalam sebut harga telah tidak mengikut jarak yang telah disyorkan dalam kajian jarak tanaman yang dilaksanakan oleh Jabatan. Penanaman spesis ladang hutan getah pula dibuat secara teres adalah bagi memudahkan pengurusannya dan juga dapat mengurangkan hakisan permukaan.

**Pada pendapat Audit, jarak penanaman anak pokok adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut spesifikasi sebut harga. Manakala Jabatan dalam menyediakan spesifikasi kerja kontrak tidak berpandukan kajian yang telah dijalankan.**

#### **vii) Projek Tidak Siap Dengan Sempurna**

Mengikut syarat sebut harga, projek penubuhan dan rawatan ladang hutan dan ladang hutan getah hendaklah disiapkan dalam tempoh 3 bulan. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan menunjukkan semua projek telah siap dilaksanakan. Semakan Audit mendapati 10 projek penubuhan dan 1 projek rawatan tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Keadaan ini dapat dilihat dari 2 sudut iaitu keluasan sebenar dibangunkan berbanding dengan keluasan kawasan ladang yang sepatutnya dibangunkan dan bilangan anak pokok yang ditanam berbanding dengan bilangan anak pokok yang sepatutnya ditanam. Penubuhan ladang hutan di HSK Serasa menunjukkan hanya 38 hektar sahaja yang telah dimajukan berbanding dengan keluasan sebenar ladang iaitu 40 hektar. Manakala di HSK Ulu Sat hanya seluas 12 hektar daripada 20 hektar ladang hutan getah telah dimajukan. Begitu juga dengan projek rawatan di HSK Serasa dan HSK Relai yang luasnya 78 hektar didapati hanya 18 hektar sahaja yang dirawat. Bagaimanapun bayaran telah dibuat mengikut pelaksanaan kerja yang telah disiapkan seperti mana di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Perbandingan Antara Arahan Kerja**  
**Dan Pelaksanaan Sebenar Kerja**

Bil.	Kawasan Ladang	Keluasan Mengikut Spesifikasi Kerja (Ha)	Keluasan Sebenar Dilaksana (Ha)	Kos (RM)	Bayaran (RM)
1.	HSK Serasa (Penubuhan)	40	38	184,313	178,913
2.	HSK Ulu Sat (Penubuhan)	20	12	83,885	51,627
3.	HSK Serasa dan Relai (Rawatan)	78	18	108,810	23,407

Sumber : Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

Selain daripada keluasan, bilangan anak pokok yang ditanam juga tidak tepat. Ladang terlibat ialah di HSK Lebir, Ulu Sat dan Relai. Maklumat terperinci mengenai tanaman anak pokok dan kos penubuhan ladang adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Perbandingan Antara Jumlah Anak Pokok Dan Kos Yang Sepatut Dan Sebenar**

Bil.	Kawasan Hutan	Kompartmen/ Blok	Sepatut Ditanam (Bil. Anak Pokok)	Sebenar Ditanam (Bil. Anak Pokok)	Sebut Harga (RM)	Bayaran (RM)
1.	LH HSK Lebir	Kompartmen10/A	16,600	5,750	77,588	74,390
2.	LH HSK Lebir	Kompartmen10/B	16,600	6,352	80,454	76,616
3.	LHG HSK Relai	Kompartmen 21	6,250	4,034	48,250	48,250
4.	LHG HSK Lebir	Kompartmen10/C	12,500	8,232	113,000	100,359
5.	LHG HSK Lebir	Kompartmen11/A	6,250	4,121	58,787	57,228
6.	LHG HSK Lebir	Kompartmen11/B	6,250	5,588	60,212	59,256
7.	LHG HSK Ulu Sat	Kompartmen60/A	6,250	3,116	40,959	28,592
8.	LHG HSK Ulu Sat	Kompartmen60/B	6,250	3,557	43,290	23,035

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

**Pada pendapat Audit, projek penubuhan dan rawatan hutan dan hutan ladang adalah tidak memuaskan kerana projek tidak dilaksanakan oleh kontraktor dengan sempurna.**

### c) Penswastaan Projek

Selain daripada projek ladang yang dilaksanakan sendiri oleh Jabatan terdapat juga projek ladang hutan yang diswastakan kepada Agensi Kerajaan dan juga Swasta. Pemberian penswastaan projek ladang hutan ini adalah berdasarkan kepada beberapa syarat seperti berikut:

- i) pemohon hendaklah membuat kajian teliti terhadap tanah yang dicadangkan dan antara kajian yang perlu dibuat ialah kajian impak alam sekitar, kajian ekonomi ke atas projek dan mengemukakan cadangan rancangan pengurusan ladang hutan;
- ii) tanah yang berkenaan tidak boleh dicagar;
- iii) membayar premium;
- iv) membayar hasil tanah tahunan;
- v) membayar permit penggunaan;
- vi) membayar pampasan hutan;
- vii) membayar permit ladang hutan; dan
- viii) membayar royalti hutan dan ses.

Sehingga tahun 2006 seluas 17,340 hektar kawasan HSK telah diserahkan kepada 3 buah Agensi Kerajaan dan 6 buah syarikat swasta untuk dilaksanakan projek ladang hutan. Agensi Kerajaan yang terlibat ialah Yayasan Islam Kelantan, Yayasan Kelantan Darul Naim dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan manakala syarikat swasta ialah Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd., SKKPJ (TM) Development Sdn.Bhd., Bahtera Resource Sdn. Bhd. dan lain-lain. Maklumat terperinci mengenai Agensi Kerajaan dan syarikat swasta yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Senarai Agensi/Syarikat Dan Kawasan Ladang Hutan Swasta**

Bil.	Nama Agensi/Syarikat	Kawasan Hutan	Keluasan (Hektar)
1.	Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd.	HSK Relai/Serasa	8,800
2.	Yayasan Islam Kelantan	Relai	2,960
3.	Yayasan Kelantan Darul Naim	Jentiang	2,024
4.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	HSK Jedok/Jeli/Sg. Sator/Sungai Basor	2,024
5.	SKKPJ (TM) Development Sdn.Bhd.	HSK Gunong Stong Selatan	607
6.	Bahtera Resource Sdn. Bhd.	HSK Gunong Stong Selatan	222
7.	Bukit Liang Sdn. Bhd.	HSK Bukit Hantu	264
8.	Syarikat Orkid Bina	HSK Sungai Betis	35
9.	Syarikat Dua Tiara	HSK Limau Kasturi	404
<b>Jumlah</b>			<b>17,340</b>

*Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan*

Semakan Audit telah dilaksanakan terhadap 2 daripada 9 projek penswastaan ladang hutan yang melibatkan syarikat swasta yang diberikan keluasan kawasan yang besar iaitu Ladang Hutan yang dimajukan Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd. dan SKKPJ (TM) Development Sdn. Bhd. (pemaju) mendapati perkara seperti berikut:

#### **i) Kelewatan Pemaju Memulakan Projek**

Pada tahun 1999 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Ladang Hutan di kawasan HSK Gunong Stong Selatan dalam Jajahan Gua Musang seluas 607 hektar melalui surat yang dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi kepada SKKPJ (TM) Development Sdn. Bhd. untuk tujuan tanaman spesis pokok Jati pada 24 Mac 1999. Manakala projek ladang Acacia di HSK Relai dan Serasa telah diluluskan kepada Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd. melalui surat bertarikh 6 Februari 2003 seluas 8,800 hektar. Kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat. Jabatan masing-masing pada Jun 1999 dan Februari 2003 telah bersetuju kerja pembangunan ladang dimulakan oleh pihak pemaju dengan mengemukakan permohonan permit penggunaan tanah, bayaran pampasan, mengemukakan Rancangan Pengurusan Ladang dan lain-lain kajian yang berkaitan. Semakan Audit mendapati kedua-dua pemaju ini telah mengambil masa yang lama untuk memulakan kerja pembangunan ladang iaitu antara 2 hingga 5 tahun dari tarikh

kelulusan yang telah diberi. Perkara ini berlaku disebabkan wujud pertikaian antara pemaju dengan Jabatan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan bayaran seperti bayaran pampasan, bayaran premium dan juga permit penggunaan hutan. Adalah didapati isu yang berkaitan hanya dapat diselesaikan pada tahun 2005 apabila Jabatan bersetuju mempertimbangkan isu terutama mengenai bayaran pampasan kayu sama ada dengan mengurangkan atau membenarkan bayaran berperingkat. Akibatnya berlaku kelewatan bayaran tersebut dan seterusnya melengahkan pemaju untuk memulakan kerja. Selain itu, beberapa proses pra-pelaksanaan projek yang dilaksana oleh pemaju termasuk menjalankan kajian kesesuaian kawasan dan mengecam kawasan projek, pengukuran halus sempadan kawasan projek dan pengusahasilan balak turut menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek dan keadaan ini telah menjelaskan status kemajuan projek.

**Pada pendapat Audit, proses bayaran pampasan premium dan permit penggunaan hutan perlu dipercepatkan bagi mengelakkan kelewatan pemaju memulakan projek menyebabkan prestasi projek tidak memuaskan.**

## **ii) Perjanjian Belum Ditandatangani**

Salah satu daripada syarat kelulusan penswastaan ladang hutan ialah pemaju dikehendaki mengemukakan draf perjanjian antara syarikat dengan Kerajaan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan. Semakan Audit mendapati Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd. telah lewat mengemukakan draf berkenaan dan perjanjian konsesi perhutanan semula hanya ditandatangani setahun selepas tarikh kelulusan iaitu pada Januari 2004. Manakala SKPPJ (TM) Development Sdn. Bhd. masih belum mengemukakan draf perjanjian tersebut dan perjanjian mengenainya masih belum ditandatangani walaupun kerja pembukaan ladang hutan telah bermula. Tanpa perjanjian rasmi dikhuatiri akan menjelaskan kepentingan Kerajaan dan seterusnya menggagalkan objektif Kerajaan untuk merealisasikan projek tersebut.

**Pada pendapat Audit, proses kerja tanpa perjanjian rasmi dimeterai terlebih dahulu adalah tidak memuaskan kerana dikhuatiri kepentingan Kerajaan tidak terjamin.**

### **iii) Kegagalan Mematuhi Syarat Kelulusan**

Mengikut syarat-syarat kelulusan penswastaan ladang hutan, pemaju dikehendaki mengemukakan cadangan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat kelulusan. Selain itu pemaju dikehendaki menyediakan laporan Kajian Impak Alam Sekitar yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga mengemukakan satu laporan kajian kemungkinan ekonomik ke atas projek yang dicadangkan. Semakan Audit mendapati pemaju tidak mematuhi sepenuhnya syarat berkaitan. Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn.Bhd. didapati telah lewat mengemukakan dokumen yang berkaitan yang mana ianya dikemukakan pada bulan September 2003 dan bukannya pada bulan Ogos 2003 sebagaimana sepatutnya. Manakala bagi Syarikat SKPPJ (TM) Development Sdn. Bhd. didapati masih belum mengemukakan dokumen tersebut.

**Pada pendapat Audit, kelewatan pemaju mengemukakan laporan kajian impak alam sekitar, laporan kajian kemungkinan ekonomik dan cadangan rancangan pengurusan ladang hutan mengikut tempoh yang ditetapkan adalah tidak memuaskan. Bagaimanapun, tindakan sewajarnya tidak dapat diambil terhadap pemaju berkenaan kerana surat perjanjian belum ditandatangani.**

### **iv) Kegagalan Mematuhi Perjanjian**

Pada 27 Januari 2004, satu perjanjian konsesi perhutanan semula telah ditandatangani di antara Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Negeri untuk memajukan ladang hutan Acacia di HSK Relai dan Lebir. Ladang hutan Acacia ini pada asalnya adalah merupakan salah satu projek yang dilaksanakan oleh Jabatan yang mana seluas 2,435 hektar telah pun ditanam dengan pokok Acacia sejak tahun 1983 lagi dan baki kawasan seluas 6,200 hektar lagi adalah diliputi hutan **Foto 30** menunjukkan pokok Acacia yang telah ditanam di kawasan ladang hutan Relai/Serasa yang diberikan kepada pemaju untuk diusahakan.

**Foto 30**  
**Kawasan Hutan Acacia Yang Telah Dimajukan Oleh Jabatan**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 26 Jun 2006

Lokasi : HSK Relai/Serasa

Pemaju telah diberi tempoh selama 66 tahun untuk memajukan kawasan ini. Semakan Audit mendapati pihak syarikat telah gagal untuk mematuhi syarat perjanjian dengan sepenuhnya. Antaranya adalah seperti berikut:

- ***Development of Furniture Factory And ‘Sharecropping’***

Mengikut seksyen 2.06 (a) perjanjian, syarikat dikehendaki membangunkan kilang perabot dalam tempoh satu tahun daripada tarikh perjanjian ini ditandatangani bagi tujuan menggalakkan industri perabot tempatan berdasarkan kayu Acacia. Pada 14 Mei 2006 syarikat telah mendirikan sebuah kilang perabot sebagaimana yang dijanjikan. Lawatan Audit ke tapak pada 26 Jun 2006 mendapati kilang berkenaan hanyalah sebuah struktur yang telah dibina seperti di **Foto 31** dan **32**.

**Foto 31**

**Bangunan Kilang Perabot Tidak Siap**



**Foto 32**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
 Tarikh : 26 Jun 2006  
 Lokasi : HSK Relai

Kegagalan syarikat mematuhi syarat perjanjian di atas akan menjelaskan salah satu daripada objektif projek iaitu untuk memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan penglibatan bumiputera dalam industri perabot. Bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan pihak pengurusan ladang telah mengambil tindakan mengenai perkara ini selepas lawatan Audit di mana 11 unit mesin gergaji telah dipasang dan sebuah mesin veneer untuk memproses kayu telah dibeli dan akan dipasang segera.

- **Penglibatan Masyarakat Setempat Dalam Penanaman Acacia**

Seksyen 2.06, (b) perjanjian menjelaskan syarikat dikehendaki mengambil langkah menggalakkan penglibatan masyarakat setempat (orang kampung) untuk menanam Acacia di tanah mereka dengan konsep ‘share cropping’. Hasil tanaman ini pula akan dibeli oleh pihak syarikat dengan harga yang ditetapkan mengikut perjanjian dengan syarikat. Setakat ini tidak ada usaha telah dibuat oleh syarikat untuk berbuat demikian. Keadaan ini telah menjelaskan objektif Jabatan sebagaimana yang tertera dalam perjanjian. Berkenaan perkara ini, Jabatan telah dimaklumkan satu perjumpaan telah diadakan dengan masyarakat setempat mengenai perkara ini dan sambutan yang diperolehi agak menggalakkan.

- **Tidak Mematuhi Panduan Jabatan**

Mengikut seksyen 6.01 perjanjian, syarikat dikehendaki melaksanakan program menanam semula pokok mengikut garis panduan Jabatan seperti mengadakan garisan tapak, garisan tanaman, menyediakan pancang dan sebagainya. Tanaman semula ini dikehendaki ditanam secara blok seluas 500 hektar. Semakan Audit mendapati program menanam semula yang dilaksanakan di Blok T4 ladang Acacia Relai telah tidak mematuhi panduan Jabatan. Anak pokok Acacia telah ditanam tidak secara bersistematis iaitu telah ditanam tanpa garisan tapak, tiada pancang dan sebagainya. **Foto 33** menunjukkan keadaan anak pokok yang telah ditanam oleh pemaju.

**Foto 33**

**Anak Pokok Acacia Yang Ditanam Tidak Mematuhi Panduan Jabatan**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 26 Jun 2006

Lokasi: HSK Relai

Manakala mengikut seksyen 6.02 syarat perjanjian pemaju dikehendaki membayar deposit berjumlah RM1 juta sebelum memulakan sesuatu kerja di sesuatu blok dan deposit itu boleh dipindahkan ke blok baru apabila kerja menanam siap.

Bagaimanapun, semasa lawatan Audit pada 25 Jun 2006 bersama pegawai Jabatan Perhutanan mendapati pemaju telah menjalankan aktiviti pengeluaran balak di Blok T6 walaupun kerja membersih dan menanam di Blok T4 belum siap sepenuhnya. Banyak lagi saki baki balak di Blok T4 masih dibiarkan tanpa dipotong seperti di **Foto 34**.

**Foto 34**  
**Pembenihan Dan Penanaman Balak Terbiar Di Blok T4**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 27 Jun 2006

Lokasi: HSK Relai

Beginu juga masih terdapat kawasan yang dibersihkan masih tidak ditanam dengan anak pokok di Blok T4 seperti mana di **Foto 35**.

**Foto 35**  
**Kawasan Yang Dibersih Tetapi Belum Ditanam**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 27 Jun 2006

Lokasi : HSK Relai

Keadaan ini menunjukkan aktiviti pembalakan diutamakan berbanding dengan menanam semula seperti yang dirancangkan oleh Jabatan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ladang hutan acacia adalah tidak memuaskan kerana kegagalan pemaju mematuhi syarat perjanjian yang ditetapkan.**

**d) Prestasi Projek Ladang Hutan Tidak Memuaskan**

Pada keseluruhannya, projek ladang hutan dan ladang hutan getah yang dilaksanakan oleh Jabatan di kawasan HSK Relai, HSK Lebir, HSK Serasa dan HSK Ulu Sat adalah tidak memuaskan. Keadaan ini adalah berdasarkan kepada peratus kematian anak pokok tinggi dan kerja rawatan yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan pada setiap tahun melibatkan kerja menyulam anak pokok. Selain itu ada juga projek yang tidak berdaya maju dan ekonomik untuk disenggarakan. Kedudukan prestasi ladang hutan dan ladang hutan getah adalah seperti berikut:

**i) Ladang Hutan Kompartmen 55 HSK Serasa**

Ladang ini telah dibuka pada tahun 2002 dengan keluasan 38 hektar dan ia telah ditanam dengan pokok Sentang dan Merawan. Sejumlah 50,000 anak pokok terdiri daripada 37,500 spesis sentang dan 12,500 spesis pokok Merawan telah ditanam. Walau bagaimanapun daripada jumlah tersebut sejumlah 45,720 anak pokok terutama anak pokok Sentang yang ditanam dilaporkan mati atau terbantut tumbesarananya. Ini bermakna hanya sejumlah 4,280 anak pokok sahaja yang hidup. Pada tahun 2004 sejumlah 9,000 anak pokok Merawan telah disulam di ladang ini. Manakala pada tahun 2005 pula sejumlah 3,160 anak pokok lagi telah disulam. Sehingga tarikh pengauditan ini dijalankan jumlah anak pokok yang dilaporkan hidup cuma 7,440 pokok. Lawatan Audit ke tapak juga menunjukkan ladang ini telah ditutupi oleh tumbuhan menjalar dan pepanjat. Tumbesaran anak pokok yang disulam di sesetengah tempat juga tidak begitu memberangsangkan. Keadaan anak pokok Merawan yang disulam di sebahagian kawasan HSK Serasa seperti di **Foto 36**.

**Foto 36**  
**HSK Serasa Yang Disulam Dengan Anak Pokok Merawan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 28 Jun 2006

Lokasi : HSK Serasa

Pada tahun 2006 sejumlah 16,000 lagi anak pokok perlu disulam di ladang ini dan angka ini adalah berdasarkan butiran kerja yang telah dikeluarkan oleh Jabatan. Ini bermakna kematian anak pokok adalah sejumlah 45,720 atau 93% dan penyulaman anak pokok adalah berjumlah 12,160 di ladang ini.

**Pada pendapat Audit, ladang hutan di kawasan HSK Serasa tidak lagi ekonomik untuk disenggara.**

**ii) Ladang Hutan Kompartmen 18 HSK Relai**

Ladang ini telah dibuka pada tahun 2002 dengan keluasan 40 hektar dengan 30 hektar ditanam dengan pokok Merawan dan 10 hektar dengan pokok Khaya. Sejumlah 24,140 anak pokok Merawan dan 8,330 anak pokok Khaya telah ditanam menjadikannya 32,470 batang anak pokok yang ditanam. Pada tahun 2004 sejumlah 9,000 anak pokok telah disulam di ladang hutan ini dan tidak ada kerja menyulam dibuat pada tahun 2005. Hasil dari laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan setakat ini jumlah anak pokok yang masih hidup ialah 4,150 atau 15% sahaja. Bagi menjayakan ladang ini Jabatan bercadang untuk menyulam sejumlah 16,000 anak pokok pada tahun 2006. Lawatan Audit ke tapak mendapati ladang ini telah diselubungi oleh lalang dan rumput rumpai dan tidak ada anak pokok yang ditanam kelihatan. Keadaan ladang di HSK ini adalah seperti di **Foto 37**.

**Foto 37**  
**Keadaan Ladang Hutan Di Kompartmen 55 HSK Relai Dipenuhi  
Lalang Dan Rumput Rumpai**



Sumber:Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh:28 Jun 2006

Lokasi: HSK Relai

**Pada pendapat Audit, ladang ini pada amnya tidak berpotensi dan ekonomik untuk disenggarakan dan kerja merawat iaitu menyulam perlu dikaji semula.**

**iii) Ladang Hutan Kompartmen 10 HSK Lebir**

Ladang hutan ini telah dibuka pada tahun 2003 dengan keluasan 40 hektar dan ditanam dengan pokok Khaya. Semakan Audit mendapati ladang ini telah tidak disiapkan dengan sempurna. Ini memandangkan hanya sejumlah 12,102 daripada 33,100 anak pokok yang berjaya ditanam. Pada tahun 2005 sejumlah 1,469 anak pokok telah disulam untuk menggantikan pokok yang mati. Sehingga kini jumlah pokok yang hidup ialah 8,824 atau 73%. Contoh anak pokok adalah seperti di **Foto 38.**

**Foto 38**  
**Anak Pokok Khaya Yang Ditanam di HSK Lebir**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 12 Jun 2006

Lokasi: HSK Lebir

Pada pendapat Audit, ladang ini berdaya maju sekiranya penjagaan yang kerap dilaksanakan kerana tahap tumbesaran anak pokok yang ditanam adalah memberangsangkan.

**iv) Ladang Hutan Getah Kompartmen 21, 22 dan 32 HSK Relai.**

Ladang hutan getah ini dibangunkan pada dua peringkat iaitu pada tahun 2001 dan 2002 dengan keluasan 40 hektar. Jumlah anak getah yang ditanam ialah 22,784. Sehingga tahun 2005 sejumlah 12,307 anak getah telah disulam di ladang ini. Keadaan ini menunjukkan hampir 50% anak getah yang ditanam telah mati. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kurang penyenggaraan dan mengikut Jabatan ia juga akibat daripada serangan musuh yang berupa binatang liar atau ditumbuhi lalang dan pokok liar seperti **Foto 39** dan **40**.

**Foto 39**

**Foto 40**

**Pemandangan Ladang Hutan Getah Di HSK Relai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 25 Jun 2006

Lokasi :HSK Relai

Dengan kadar peratus kematian yang agak tinggi dan tumbesaran pokok yang lembap ladang ini menunjukkan ia juga tidak begitu berjaya.

**Pada pendapat Audit, ladang ini tidak berdaya maju dan Jabatan perlu mengambil tindakan yang proaktif terhadap penyenggaraan dan perlindungannya.**

**v) Ladang Hutan Getah Kompartmen 11 HSK Lebir**

Ladang ini dimajukan pada tahun 2003 dengan keluasan 30 hektar dan sejumlah 9,709 anak pokok getah telah ditanam. Pokok getah di sini ditanam dengan secara teres dan sehingga tahun 2005 iaitu setelah 2 tahun ditanam sejumlah 4,299 telah disulam. Berdasarkan kepada sebut harga rawatan ladang tahun 2006 yang telah ditawarkan sejumlah 4,000 anak pokok lagi akan disulam. Tumbesaran anak pokok di sini tidak memberangsangkan disebabkan serangan binatang liar terutamanya babi hutan yang merosakkan tanaman di peringkat anak pokok yang baru ditanam atau disulam. Pemandangan anak pokok getah di ladang berkenaan adalah seperti di **Foto 41**.

**Foto 41**  
**Pemandangan Ladang Hutan Getah Di HSK Lebir**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 11 Jun 2006

Lokasi : HSK Lebir

**Pada pendapat Audit, dengan bilangan kekerapan yang tinggi bagi kerja menyulam menunjukkan ladang ini bermasalah dan tidak berpotensi untuk maju.**

**vi) Ladang Hutan Getah Kompartmen 60 HSK Ulu Sat**

Ladang ini telah ditubuhkan pada tahun 2005 dengan keluasan 20 hektar dan sejumlah 6,869 anak pokok getah telah ditanam. Jumlah ini adalah sedikit berbanding jumlah yang sepatut ditanam iaitu 12,500 anak pokok. Setakat ini anak pokok yang dilaporkan telah mati ialah sejumlah 236. Lawatan Audit ke tapak menunjukkan tahap tumbesaran anak pokok agak memuaskan dan anak pokok berpotensi untuk membesar seperti mana di **Foto 42** dan **43**.

**Foto 42**  
**Ladang Hutan Getah Di Kompartmen 60 HSK Ulu Sat**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 4 Julai 2006  
Lokasi : HSK Ulu Sat*

Memandangkan ladang ini baru dibuka dan kadar kematian anak pokok agak rendah ia mempunyai peluang untuk berdaya maju sekiranya rawatan intensif dijalankan.

**Pada pendapat Audit, ladang ini berpotensi untuk dimajukan jika disenggara dengan teratur. Bagaimanapun, jumlah pokok yang ditanam hendaklah dikaji semula.**

#### vii) Ladang Hutan Acacia Di HSK Relai/Lebir

Ladang hutan Acacia ditubuhkan pada tahun 1984 dengan keluasan 8,835 hektar dan ditanam dengan pokok Acacia. Pada tahun 2004 ladang ini telah diswastakan kepada Syarikat Acacia Industries (Kelantan) Sdn. Bhd. untuk diurus dan seterusnya dimajukan dengan melaksanakan tanaman semula. Semakan Audit mendapati setakat ini pihak pemaju telah tidak menguruskan ladang ini dengan sempurna. Keadaan ini jelas dengan keadaan anak pokok yang tumbuh melata tetapi tidak dibuat penjarangan seperti di **Foto 44** dan **45**.

**Foto 44**

**Ladang Hutan Acacia Di HSK Relai/Lebir Yang Tidak Diurus Dengan Sempurna**



**Foto 45**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 25 Jun 2006

Lokasi : HSK Relai/ Lebir

Pemaju didapati lebih memberi tumpuan kepada program mengeluarkan balak daripada program penjarangan terhadap pokok Acacia yang tumbuh melata atau program menanam semula anak pokok.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan cadangan projek adalah tidak memuaskan. Jabatan hendaklah mengambil kira kriteria perancangan semasa melaksanakan projek, memastikan semua kerja penubuhan dan rawatan ladang dilaksanakan dengan sempurna dan mematuhi syarat serta perjanjian penswastaan hendaklah dimeterai dan ditandatangani serta dipatuhi.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan projek ladang hutan adalah kurang memuaskan. Jabatan hendaklah melaksanakan kajian semula terhadap projek bagi memastikan pencapaian objektif yang telah ditetapkan dari awal.**

### **15.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang cekap dan berkesan akan menjamin kelancaran dan kejayaan sesebuah projek. Sebagaimana yang dirancang, projek yang dilaksanakan akan diawasi oleh Jabatan. Semakan Audit mendapati pemantauan yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan disebabkan beberapa penemuan seperti berikut:

### **15.3.1 Pengawasan Harian Tidak Dilakukan**

Mengikut Manual Perhutanan, Pengawas Hutan dibantu oleh Pekerja Hutan dikehendaki mengawasi pelaksanaan kerja projek pada setiap hari di seluruh kawasan. Satu laporan mengeninya akan disediakan dan dikemukakan kepada Renjer Hutan. Semakan Audit mendapati setakat ini pengawasan harian yang dimaksudkan tidak dilaksanakan sebaliknya pengawasan kerja hanya dibuat sebulan sekali sahaja. Keadaan ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan dan juga kenderaan yang tidak mencukupi. Tanpa pengawasan yang berterusan oleh Jabatan boleh menyebabkan prestasi kontraktor kurang memuaskan. Perkara ini jelas dengan wujudnya masalah kelewatan memasuki tapak, kelewatan menyiapkan kerja dan mutu kerja yang tidak memuaskan.

### **15.3.2 Kerja Bancian Kehidupan Tidak Dibuat**

Manual juga menetapkan Jabatan dikehendaki menjalankan bincian kehidupan 100% terhadap pokok yang ditanam selepas 1 bulan pokok ditanam. Bancian ini penting untuk mengetahui peratus kehidupan pokok dan jumlah pokok yang akan disulam. Bagi ladang yang memerlukan sulaman, kerja menyulam hendaklah dijalankan dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas kerja menanam dimulakan. Semakan Audit mendapati kesemua projek penubuhan tidak dijalankan kerja bincian kehidupan 100%. Dengan ketiadaan bincian 100% bermakna kerja menyulam tidak akan dilaksanakan dalam tempoh berkuat kuasa kontrak penubuhan dan kontraktor yang menjalankan kerja penubuhan tidak akan terlibat dengan kerja sulaman. Keadaan ini menunjukkan kerja pemantauan yang dilaksanakan adalah menyalahi peraturan yang ditetapkan.

### **15.3.3 Kerja Pengawasan Tidak Seragam**

Semasa menjalankan kerja pengawasan beberapa jenis borang telah diperkenalkan untuk digunakan bagi memastikan keberkesanan kerja pengawasan. Antara borang yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

- a)** Lampiran 4 (Menyemak 10% Kerja Penyediaan Blok di Lapangan Untuk Kerja Menanam); dan
- b)** Lampiran 6 (Menyemak Kerja 100%).

Semakan Audit mendapati tidak semua kerja pengawasan yang dilaksanakan terhadap kerja penubuhan ataupun rawatan ladang telah menggunakan Lampiran yang tersebut untuk merekod dan melaporkan hasil pembancian yang telah dijalankan. Sejumlah 17 projek penubuhan dan rawatan telah tidak disertakan dengan Lampiran 4 dan 24 projek penubuhan dan rawatan tidak disertakan Lampiran 6. Tanpa kedua Lampiran ini adalah tidak pasti sama ada tugas pengawasan dimaksudkan telah dilaksanakan ataupun

sebaliknya. Kerja pengawasan dengan tidak menggunakan Lampiran ini juga menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam kerja pengawasan terhadap sesuatu projek. Malahan terdapat juga kerja pengawasan telah tidak menggunakan langsung kedua Lampiran di atas seperti mana berlaku terhadap projek penubuhan ladang hutan getah di kompartmen 10 HSK Lebir dan projek ladang hutan getah di kompartmen 32 HSK Relai.

#### **15.3.4 Laporan Semakan Tidak Disediakan**

Selain daripada lampiran untuk semakan, beberapa jenis lampiran untuk laporan juga telah disediakan untuk digunakan dalam menyediakan laporan. Lampiran berkaitan adalah seperti berikut:

- a) Lampiran 5 (Laporan Semakan 10% Penyediaan Blok);
- b) Lampiran 7 (Laporan Semakan 100%);
- c) Lampiran 8 (Laporan Siap Kerja); dan
- d) Lampiran 9 (Laporan Prestasi Kontraktor).

**Semakan Audit juga mendapati tidak semua laporan ini telah disediakan dan dikemukakan dalam menjalankan tugas pengawasan terhadap penubuhan dan juga rawatan ladang oleh Jabatan. Sejumlah 21 kerja kontrak penubuhan ladang dan rawatan sama ada ladang hutan atau ladang hutan getah telah tidak disediakan Lampiran 5. Manakala 23 kerja kontrak tidak disediakan Laporan Siap Kerja iaitu Lampiran 8 dan 22 kerja kontrak tidak disediakan Laporan Prestasi Lampiran 9. Dengan ketiadaan laporan tersebut menunjukkan kerja pengawasan yang dilaksanakan amat lemah dan juga gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

Bagi ketiga-tiga perkara yang dibangkitkan Jabatan menjelaskan projek penubuhan ladang dan rawatan sebenarnya tidak tertakluk kepada keperluan MS ISO 9001:2000. Walaupun begitu penggunaan borang-borang pemantauan dan semakan dari aktiviti lain dalam MS ISO 9001:2000 seperti Tanaman Mengaya telah diubahsuai dan diguna pakai.

**Pada pendapat Audit, pemantauan Jabatan adalah tidak memuaskan. Jabatan hendaklah memantau berpandukan Manual Perhutanan. Selain itu, Jabatan hendaklah menjalankan pengawasan harian dan secara berterusan serta bincian kehidupan untuk memastikan kerja kontrak dilaksanakan dengan sempurna. Penggunaan borang yang seragam adalah penting dalam melaksanakan**

**pengawasan kerana ia memudahkan penyediaan laporan. Penyediaan Laporan Siap Kerja dan Laporan Prestasi juga adalah penting untuk mengukur prestasi kontraktor.**

## **16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan projek ladang hutan dan ladang hutan getah yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe-8 adalah kurang memuaskan. Pelaksanaan projek yang tidak mengikut perancangan merupakan faktor penyumbang kepada kegagalan projek. Perkara ini jelas kerana beberapa kajian yang sepatutnya dijalankan semasa penyediaan rancangan tidak dilaksanakan seperti kajian kesesuaian tapak tanaman, kajian impak alam sekitar dan kajian tanah tanih. Sebagai contoh pemilihan spesis pokok Sentang yang ditanam dan didapati tidak sesuai sepatutnya dikaji sebelum ditanam. Kerja merawat juga dilaksanakan secara tidak teratur mengakibatkan peratus kehidupan anak pokok amat rendah. Perbelanjaan keseluruhan yang dilakukan sepanjang tempoh RMKe-8 terhadap projek ladang hutan juga menunjukkan ianya tidak ekonomik dan pencapaian projek tidak memuaskan. Dengan kelemahan tersebut disyorkan projek ini dikaji semula dan penambahbaikan hendaklah dibuat supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan baik. Adalah disyorkan pihak Jabatan Perhutanan Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Mengkaji semula dasar jabatan ke atas penubuhan ladang hutan/ladang hutan getah.
- b) Memastikan peruntukan kewangan untuk projek ini mencukupi dan mengambil kira perbelanjaan berhemat.
- c) Menstrukturkan semula unit ladang hutan supaya lebih cekap dan berkesan.
- d) Menumpukan kepada kerja rawatan terhadap ladang yang sedia ada.
- e) Memilih kontraktor yang kompeten dan berwibawa.
- f) Menjalankan kajian kemungkinan bagi projek ladang hutan swasta.
- g) Memastikan kontraktor yang dilantik mematuhi syarat perjanjian Projek Ladang Hutan (swasta).
- h) Memastikan semua keperluan pra-pelaksanaan projek disediakan seperti kajian impak alam sekitar, kajian kemungkinan ekonomi dan rancangan pengurusan ladang hutan.

## **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN**

### **PENGURUSAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN**

#### **17. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (Perbadanan) bermula dengan nama Perpustakaan Umum Carnegie yang ditubuhkan pada tahun 1938 hasil bantuan dari Yayasan Carnegie di New York dan Kerajaan Negeri. Bangunannya terletak di Jalan Doktor, pusat bandar Kota Bharu. Mulai Januari 1965, pentadbiran perpustakaan telah diambil alih oleh Jumaah Amanah Perpustakaan Umum Carnegie dan hasil usaha Ahli Jumaah, perpustakaan ini mula dibuka kepada umum pada bulan Julai 1967. Dengan berkuat kuasa Enakmen No.14 Tahun 1973, Perpustakaan Umum Carnegie telah dikenali sebagai Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Pada masa itu, Perbadanan hanya dikendalikan oleh 3 orang kakitangan sahaja iaitu 2 kerani rendah dan seorang pelayan pejabat. Sehingga tahun 1978, sumbangan Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM5,000 setahun dan mulai meningkat pada tahun 1979 sehingga tahun 1982 iaitu RM35,000 setahun dan kakitangan juga bertambah kepada 6 orang.

Semasa RMKe-3, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM1.50 juta untuk pembinaan bangunan baru. Urusan pembinaan dimulakan pada bulan April tahun 1981 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober tahun 1982 dengan jumlah perbelanjaan hampir RM4 juta. Selaras dengan perkembangan semasa, kini Perbadanan telah mempunyai 5 buah cawangan iaitu Cawangan Jeli, Cawangan Pasir Mas, Cawangan Bachok, Cawangan Pasir Puteh dan Cawangan Kuala Krai. Perbadanan juga telah membuka 3 buah perpustakaan desa iaitu Perpustakaan Desa Salor, Perpustakaan Desa Dabong dan Perpustakaan Desa Ciku. Pada tahun 2005, sebanyak 14 buah perpustakaan desa ditubuhkan di bawah Projek Khas Perpustakaan Negara Malaysia yang mana peruntukan kewangan dan kakitangan diuruskan oleh Perpustakaan Negara manakala Perbadanan hanya terlibat di peringkat penyeliaan operasinya sahaja. Selain itu, Perbadanan memiliki 5 buah bas sebagai perpustakaan bergerak bagi memberi perkhidmatan kepada masyarakat di kawasan pedalaman. Pada tahun 2006, Perbadanan diluluskan sebanyak 18 perjawatan yang diketuai oleh seorang pengarah bergred S41.

Peruntukan dan perbelanjaan tahunan Perbadanan adalah masing-masing berjumlah RM2.17 juta dan RM2.28 juta. Manakala aset Perbadanan pula berjumlah RM6.76 juta. Pada tahun 2004, Perbadanan telah membangunkan satu sistem aplikasi perpustakaannya sendiri yang dinamakan *System And Application For Library Automation Management* (SALAM) yang bertujuan untuk mempertingkatkan operasi perpustakaan

Perbadanan. Di samping menyediakan perkhidmatan pinjaman, rujukan dan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk kanak-kanak dan dewasa, perpustakaan ini juga menyediakan perkhidmatan *audio-visual*, *multimedia* dan *Internet* termasuk *digital library* yang semakin popular. Perkhidmatan baru ini adalah selaras dengan perkembangan sains dan teknologi dalam pembangunan negara serta membantu masyarakat ke arah literasi teknologi maklumat.

## **18. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat penubuhannya.

## **19. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pemilihan tajuk kajian Audit terhadap pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan adalah kerana kajian sebegini tidak pernah dijalankan di Perbadanan. Selain itu, Perbadanan merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri yang memberi perkhidmatan tanpa keuntungan dan melibatkan penyaluran wang kerajaan yang agak besar. Selaras dengan itu pihak pengurusan Perbadanan perlu menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan bagi mencapai cita-cita Kerajaan yang ingin rakyat celik huruf menjelang tahun 2020. Kajian Audit ini dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap pengurusan program/aktiviti Perbadanan seperti pengurusan kakitangan, pengurusan hasil dan perbelanjaan, pengurusan perkhidmatan yang diberi dan pengurusan penyenggaraan aset bagi tahun 2003 hingga 2005. Kajian Audit ini dilakukan dengan membuat semakan kepada rekod dan dokumen seperti fail pengurusan, fail rancangan tahunan, minit mesyuarat sama ada mesyuarat lembaga atau jawatankuasa, surat perjanjian penyewaan, penyata kewangan dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Perbadanan. Selain itu lawatan ke perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa serta pemerhatian kepada perpustakaan bergerak juga telah dilakukan. Pihak Audit juga telah melakukan perbincangan dan temu bual dengan kakitangan Perbadanan serta mengedarkan borang soal selidik Audit kepada orang ramai (pengunjung/ahli) bagi mendapat maklumat dan maklum balas yang berkaitan. Perpustakaan desa yang dibangunkan melalui Projek Khas Perpustakaan Negara Malaysia tidak termasuk dalam skop ini disebabkan peruntukan mengurus, pembangunan dan perjawatan diuruskan terus melalui Perpustakaan Negara.

## **20. PENEMUAN AUDIT**

### **20.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan perkara penting yang perlu disediakan sebelum sesuatu program dilaksanakan. Perancangan yang baik dapat membantu kelancaran pelaksanaan dan pencapaian matlamat sesuatu program atau aktiviti. Antara aspek perancangan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

#### **20.1.1 Dasar Kerajaan**

Dasar Kerajaan mengenai perpustakaan dan perkhidmatan maklumat ialah untuk memberi penekanan kepada aspek pengurusan perpustakaan awam negeri dan cawangannya. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan lagi peruntukan dan perkembangan secara berperingkat sumber-sumber, kemudahan, perkhidmatan dan matlamat perpustakaan supaya dapat memberikan sumbangan berkesan kepada pembangunan negara. Perbadanan sebagai organisasi Kerajaan Negeri berperanan menjadi pusat maklumat kepada Negeri Kelantan ke arah membentuk rakyat yang berbudaya membaca dan berilmu dan untuk memastikan penduduk buta huruf sifar menjelang tahun 2020 adalah relevan dan berterusan. Perbadanan berperanan menyediakan sumber dan kemudahan infrastruktur serta memastikan perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dapat disediakan secara lebih efektif dan terancang.

#### **20.1.2 Undang-undang**

Mengikut Seksyen 4(1) Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan 1973, Perbadanan hendaklah ditadbirkan oleh satu Lembaga yang mengandungi ahli-ahli seperti berikut :

- a)** Seorang Pengerusi.
- b)** Seorang Timbalan Pengerusi.
- c)** Seorang wakil daripada Persatuan Perpustakaan Awam.
- d)** Seorang wakil dari Perpustakaan Negara.
- e)** Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Pelajaran Negeri atau wakil-wakil mereka.
- f)** Empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar, dua daripadanya adalah wakil dari persatuan kesusastraan atau kebudayaan yang berdaftar.
- g)** Empat orang ahli yang dilantik oleh Menteri Besar untuk mewakili pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Manakala Seksyen 6(1) Enakmen yang sama menyatakan bahawa Perbadanan hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam sesuatu tahun kewangan.

Mengikut Seksyen 8 Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan 1973, tugas-tugas Perbadanan hendaklah:

- a) Menubuh, melengkap, mengurus dan menyenggara Perpustakaan Awam Kelantan;
- b) Mengembang dan menggalakkan penggunaan buku-buku di Perpustakaan Awam untuk rujukan dan untuk pinjaman tertakluk kepada pemeliharaan yang sempurna terhadap kehilangan atau kerosakan;
- c) Memperolehi suatu kumpulan lengkap buku-buku yang ada hubungan dengan negeri atau yang diterbitkan di dalam negeri.
- d) Mendapatkan dan mengadakan penerangan pusat mengenai sumber-sumber dan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan dalam negeri bagi pihak Perpustakaan Negara;
- e) Bertindak sebagai agensi pengelolaan untuk memberi pinjam dan pertukaran buku-buku pada peringkat antara negeri dan di antara Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Negara
- f) Mengadakan perkhidmatan rujukan, bibliografi dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan kepada Jabatan-jabatan Negeri dan Dewan Undangan Negeri;
- g) Melakukan apa-apa perkara dan benda lain yang difikirkan perlu bagi menjalankan atau melaksanakan ke semua atau apa-apa maksud Enakmen ini.

Mengikut Seksyen 9 Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan 1973 pula, Perbadanan boleh:

- a) Menubuh, mengurus dan menyenggara cawangan Perpustakaan Awam di mana-mana bahagian dalam negeri.
- b) Mengadakan dan menyenggara perpustakaan-perpustakaan bergerak.
- c) Menasihat perpustakaan-perpustakaan Jabatan Kerajaan Negeri di dalam negeri.
- d) Membeli, menukar, meminjam dan menerima buku-buku dan lain-lain harta alih yang berdampingan dengan penubuhan dan pengurusan Perpustakaan Awam.
- e) Membeli, menukar, memajak dan memiliki tanah-tanah, bangunan-bangunan dan lain-lain harta takalih bagi penubuhan Perpustakaan Awam dan bagi apa-apa tujuan yang perlu bagi menjalankan tugas-tugas Perbadanan.
- f) Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang telah sedia ada dalam negeri dengan kebenaran perpustakaan tersebut dan bagi tujuan itu bolehlah Perbadanan

- memasuki kontrak atau perkiraan yang munasabah dengan mana-mana orang, kelab, persatuan atau Kerajaan Tempatan, dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat.
- g) Membuat perhubungan dan bekerjasama setakat mana yang boleh dan di atas syarat-syarat yang tertentu yang difikirkan mustahak dengan perpustakaan-perpustakaan lain, institusi-institusi pengajian tinggi atau mana-mana pertubuhan antarabangsa sama ada di Malaysia atau sebaliknya.
  - h) Mengadakan latihan bagi seseorang menjalankan tugas-tugas pustakawan dan lain-lain kakitangan dalam kerja-kerja perpustakaan.
  - i) Melantik Jawatankuasa khas pada mana ianya boleh mewakilkan mana-mana tugas pentadbirannya.
  - j) Memasuki mana-mana kontrak atau melakukan lain-lain tindakan atau kerja yang perlu dan berpatutan bagi melaksanakan maksud-maksud Enakmen ini.

#### **20.1.3 Sasaran Perkhidmatan**

Perbadanan menyediakan perkhidmatan bagi semua lapisan masyarakat. Ia akan diberi tumpuan kepada 3 kategori iaitu kanak-kanak (berumur 7 hingga 12 tahun), remaja (berumur 13 hingga 23 tahun) dan dewasa (berusia 23 tahun ke atas). Perbadanan juga mensasarkan seramai 80,000 pengunjung pada tahun 2005 dan seramai 100,000 pengunjung bagi tahun 2006. Manakala sasaran pinjaman buku pada tahun 2005 adalah berjumlah 34,000 naskhah dan sasaran tahun 2006 pula berjumlah 40,000 naskhah buku. Pecahan sasaran pinjaman buku mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Sasaran Pinjaman Buku Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Bil.	Kategori	Tahun 2005 (Buku)	Tahun 2006 (Buku)
1.	Kanak-kanak	16,000	18,000
2.	Remaja	8,000	10,000
3.	Dewasa	10,000	12,000
<b>Jumlah</b>		<b>34,000</b>	<b>40,000</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Selain itu, Perbadanan telah merancang menyediakan kemudahan rujukan koleksi, peralatan multimedia dan alat pandang dengar kepada penduduk Negeri Kelantan. Kemudahan lain yang disediakan oleh perpustakaan adalah seperti di **Jadual 38**. Perbadanan juga akan mengadakan kempen/aktiviti galakan membaca untuk menarik minat penduduk Negeri Kelantan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan dan seterusnya menjadi ahli perpustakaan.

**Jadual 38**  
**Kemudahan Lain Yang Disediakan Oleh Perpustakaan**

Bil	Kemudahan	Jumlah
1.	Koleksi	
	- Buku Rujukan	15,657 buah
	- Keratan Akhbar	2,347 keping
	- Kelantan	2,242 buah
2.	Alat Pandang Dengar	1 set
3.	Multimedia	37 buah

Sumber : Rekod Perbadanan

#### **20.1.4 Komponen Dan Prosedur Pengurusan Perkhidmatan**

Komponen pengurusan perkhidmatan Perbadanan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

##### **a) Bahagian Pengurusan Dan Kewangan**

Bahagian Pengurusan akan bertanggungjawab menentukan pengurusan pentadbiran dan hal ehwal kewangan Perbadanan berjalan dengan lancar, cekap dan teratur berdasarkan pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa. Bahagian Pentadbiran akan bertanggungjawab memastikan segala urusan yang berkaitan dengan perjawatan, pentadbiran dan keselamatan dilakukan dengan sempurna. Ia juga akan berperanan memastikan segala rekod Perbadanan sentiasa dikemas kini dan tersimpan dengan baik.

Bahagian Kewangan pula akan bertanggungjawab memastikan perjalanan urusan kewangan berjalan dengan lancar dan teratur serta menepati vot Perbadanan. Bahagian ini juga akan bertanggungjawab menyediakan maklumat terperinci bagi merangka penyediaan bajet tahunan.

##### **b) Bahagian Perolehan**

Bahagian ini akan bertanggungjawab memperoleh bahan-bahan sama ada melalui pembelian, hadiah (sumbangan) atau pertukaran. Bahan yang akan diperoleh bukan sahaja untuk koleksi perpustakaan pusat, tetapi juga untuk perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa. Pembelian bahan koleksi adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan.

##### **c) Bahagian Teknikal (Katalog & Klasifikasi)**

Bahagian ini akan berfungsi sebagai pengelasan dan mengkatalogkan bahan perpustakaan. Perbadanan akan mengkatalogkan bahan-bahan tersebut dengan

menggunakan *Softrade Library System* iaitu *Anglo American Cataloguing Rules 2* dan dikelaskan mengikut *Dewey Decimal Classification* (DDC) atau Sistem Pengkelasan Perpuluhan Dewey. Kemudiannya bahan-bahan yang telah siap diproses akan diedarkan ke perpustakaan pusat, perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa serta bas perpustakaan bergerak. Bagi mengakses katalog perpustakaan, pengguna akan dibekalkan dengan sistem SALAM (*System And Application For Library Automation Management*) yang dibangunkan dengan sistem OPAC (*Online Public Access Catalogue*) sebagai agen carian.

Bahagian ini juga akan bertanggungjawab untuk menyenggarakan rekod dan perangkaan bahan-bahan koleksi yang dimiliki oleh Perbadanan. Ia juga bertanggungjawab untuk membaik pulih bahan-bahan yang rosak serta menyelaras bahan-bahan untuk pembatalan.

**d) Bahagian Sirkulasi, Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa**

Bahagian Sirkulasi (*Circulation Unit*), Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak, Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa akan bertanggungjawab dalam menyenggarakan hal-hal berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat. Antara perkhidmatan yang akan disediakan oleh unit ini ialah pendaftaran ahli, tempahan pinjaman dan pemulangan bahan, mengendalikan urusan tempahan buku serta menjalankan aktiviti dalam usaha menggalakkan penggunaan perpustakaan.

**i) Unit Sirkulasi**

Unit ini akan menjalankan tugas untuk menguruskan proses pinjaman dan pemulangan buku-buku. Unit ini akan menguruskan pendaftaran ahli-ahli perpustakaan pusat, cawangan dan bas perpustakaan bergerak. Setiap pengguna yang ingin menjadi ahli perlu melengkapkan borang keahlian yang disediakan mengikut kategori seperti kategori kanak-kanak, belia dan dewasa. Bayaran pendaftaran keahlian yang akan dikenakan adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Bayaran Pendaftaran Keahlian Perpustakaan**

Kategori Ahli	Yuran Tahunan ( RM )	Kad Ahli ( RM )
Kanak-kanak (6 – 12 tahun)	2.00	3.00
Belia (13 – 23 tahun)	5.00	5.00
Dewasa (24 tahun ke atas)	10.00	10.00

Sumber : Rekod Bahagian Sirkulasi

Ahli berdaftar dibenarkan meminjam maksimum 2 buah buku dalam jangka masa 2 minggu. Sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan buku yang dipinjam, peminjam akan dikehendaki membayar harga buku serta kos proses buku (RM1.00). Denda 10 sen sehari akan dikenakan bagi setiap buku yang lewat dipulangkan, tidak termasuk hari Ahad dan cuti umum.

### **ii) Unit Bas Perpustakaan Bergerak**

Unit ini ditubuhkan bagi memberi perkhidmatan perpustakaan bergerak kepada penduduk di kawasan luar bandar iaitu lebih dari 25 kilometer dari bandar Kota Bharu. Unit ini mempunyai 5 buah bas untuk perpustakaan biasa dan sebuah bas untuk perpustakaan multimedia (e-pustaka). Bas-bas ini akan menjalankan perkhidmatan kepada 60 destinasi yang dipilih dengan kekerapan 2 minggu sekali bagi setiap destinasi. Manakala bas e-pustaka akan menjalankan perkhidmatan ke 12 destinasi dengan kekerapan 4 destinasi seminggu. Unit berfungsi seperti perpustakaan biasa yang lain iaitu bagi tujuan rujukan, pinjaman dan pemulangan kepada pengguna.

### **iii) Unit Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa**

Unit perpustakaan cawangan akan bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada penduduk di setiap daerah di Negeri Kelantan. Sehingga kini terdapat 6 cawangan dibuka iaitu Perpustakaan Cawangan Pasir Puteh, Perpustakaan Cawangan Bachok, Perpustakaan Cawangan Pasir Mas, Perpustakaan Cawangan Jeli, Perpustakaan Cawangan Tumpat dan Perpustakaan Cawangan Kuala Krai. Perpustakaan ini berfungsi untuk memberi perkhidmatan nasihat, rujukan, pinjaman dan pemulangan buku kepada pelanggan di daerah masing-masing.

Perpustakaan desa akan ditubuhkan di kawasan luar bandar yang dipilih atas permintaan daripada sama ada wakil rakyat, penghulu ataupun orang ramai. Perpustakaan desa pada mulanya ditubuhkan hanya berfungsi sebagai pusat pembacaan/rujukan sahaja.

**e) Bahagian Rujukan Dan Perkhidmatan Pembaca**

Bahagian ini adalah bertujuan untuk membantu pengguna perpustakaan mencari maklumat ataupun bahan-bahan bacaan serta membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna dalam pencarian maklumat. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh bahagian ini:

**i) Perkhidmatan Rujukan Maklumat Umum Dan Rujukan Pembaca**

Ia akan memberi penerangan pengguna koleksi buku-buku yang tidak boleh dipinjam dan meliputi pelbagai bidang yang terletak di bahagian ini untuk rujukan para pengguna. Perkhidmatan juga diberikan kepada pengguna yang menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat koleksi buku-buku dan apa-apa bahan di bahagian lain.

**ii) Perkhidmatan Maklumat Terbitan Bersiri (Majalah)**

Bahagian ini juga akan menyediakan koleksi majalah, jurnal, risalah serta judul akhbar untuk dirujukkan oleh para pengguna perpustakaan. Bahan tersebut tidak boleh dipinjam tetapi boleh dibuat salinan fotokopi.

**iii) Perkhidmatan Sistem Pembekalan Penerbitan**

Selain itu, bahagian ini juga akan bertanggungjawab mengendalikan pinjaman antara perpustakaan yang berdaftar dengan Perpustakaan Negara Malaysia melalui perkhidmatan Sistem Perbekalan Penerbitan. Antara koleksi yang boleh dipinjam ialah koleksi pinjaman, koleksi monograf umum, koleksi rujukan umum dan koleksi rujukan Malaysia.

**iv) Perkhidmatan Keratan Akhbar**

Bahagian ini akan menyediakan koleksi keratan akhbar tentang peristiwa di Negeri Kelantan berkaitan dengan isu-isu semasa seperti pilihan raya, isu sumbang muhrim, isu sekolah pondok dan sebagainya.

**v) Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok**

Perkhidmatan pinjaman berkelompok ini akan memberi peluang dan menyediakan pinjaman buku-buku kepada organisasi atau badan-badan

Kerajaan dan swasta yang memerlukan bahan bacaan untuk menjalankan kegiatannya.

**vi) Koleksi Kelantan**

Perkhidmatan koleksi Kelantan ini merupakan bahagian khas yang diwujudkan bagi menempatkan bahan-bahan yang berkaitan dan menyentuh hal ehwal Negeri Kelantan. Ia diwujudkan atas usaha untuk mengumpul dan memelihara warisan dan khazanah Kelantan. Dengan adanya perkhidmatan ini para pengguna akan mendapat manfaat dan pengetahuan berkenaan sejarah, kebudayaan dan adat resam Negeri Kelantan serta hasil karya anak tempatan bagi tujuan penyelidikan dan rujukan.

**f) Bahagian Internet Dan Multimedia**

Bahagian ini berfungsi menyelaras kerja-kerja ICT dan pengkomputeran, membangunkan laman web jabatan dan apa-apa berkaitan dengan teknologi maklumat.

Bahagian ini juga mempunyai sebuah makmal komputer yang memuatkan 12 unit komputer untuk kegunaan orang awam dengan mengenakan bayaran yang minimum. Antara perkhidmatan yang disediakan:

- i) Penggunaan komputer untuk sebarang aktiviti seperti melayari internet, carian koleksi secara digital dan sistem carian akhbar digital.
- ii) Perkhidmatan mengimbas gambar atau dokumen.
- iii) Perkhidmatan percetakan dokumen.

**20.1.5 Waktu Perkhidmatan**

Perbadanan merancang akan membuka waktu beroperasi bagi Perbadanan, Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Desa seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Perancangan Waktu Operasi**

Bil.	Hari	Waktu Perkhidmatan
<b>1. Perbadanan Perpustakaan Awam</b>		
	Ahad - Rabu	10.00 pagi – 6.00 petang
	Khamis dan Sabtu	10.00 pagi – 5.00 petang
	Jumaat dan Cuti Am	Tutup
<b>2. Cawangan Dan Desa</b>		
	Sabtu - Rabu	9.30 pagi – 5.30 petang
	Khamis, Jumaat dan Cuti Am	Tutup

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Manakala Perbadanan juga merancang untuk memberi perkhidmatan melalui Bas Perpustakaan Bergerak dan bas e-pustaka dengan merancang mengadakan lawatan seperti di **Jadual 41** dan **42**.

**Jadual 41**  
**Rancangan Lawatan Perpustakaan Bergerak**

Hari	Waktu	Bas Perpustakaan Bergerak 1	Bas Perpustakaan Bergerak 2	Bas Perpustakaan Bergerak 3	Bas Perpustakaan Bergerak 5
Sabtu	9.30 pg.– 12.30 tgh.	-	-	Dewan Beta	-
		-	-	UPP Pklg. Kubor	-
	2.30 ptg. –	-	-	Kg. Batu Tinggi	-
	4.30 ptg.	-	-	SK Telok Jering	-
Ahad	9.30 pg.– 12.30 tgh.	-	SK Kedai Piah	SK Jeram	SK Lubok Setol
		-	SMU Darul Saadah	SK Kandis	SK Gong Manok
	2.30 ptg. –	-	SMU Syamsul Maarif	SK Changgai	Kg. To'Deh
	4.30 ptg.	-	Masjid Bendang Nyior	SK Jelawat	Kg. Gong Kedok
Isnin	9.30 pg.– 12.30 tgh.	Sk Gong Kulim	-	SK Tawang	SK Pantai Senok
		SMU Bunut Sarang Burung	-	SK Ulu Kursial	SK Kemahang 1
	2.30 ptg. –	Sk Telekong	-	SK Pauh Sembilan	Kg. Perupok
	4.30 ptg.	Masjid Kajang Sebidang	-	Kg. Gual Ipoh	Kg. Batang Merbau
Selasa	9.30 pg.– 12.30 tgh.	Sk Kubang Kuau	SK Bukit Jawa	-	SK Kg. Pek
		SK Bukit Panau	SMA KK T. Merah	-	SK Kubang Telaga
	2.30 ptg. –	SMU(A) Tarbiah Islamiah	Kg. Pdg Pak Amat	-	Kg. Kerawat
	4.30 ptg.	Masjid Bukit Kecik	SK Chetok	-	Kg. Beris Lalang
Rabu	9.30 pg.– 12.30 tgh.	SK Alor Pasir	SK Sri Kiambang	-	-
		SK Pasir Gajah	SK Kedai Tanjung	-	-
	2.30 ptg. –	Pekan Kemahang 3	Kg. Gelang Mas	-	-
	4.30 ptg.	SK Telekong	Kedai Meranti	-	-

Sumber : Rekod Perbadanan

**Jadual 42**  
**Rancangan Lawatan Bas e-pustaka**

Hari	Waktu Perkhidmatan	Destinasi
Ahad	9.00 pagi – 4.00 petang	SK Pasir Gajah, K. Krai
	9.00 pagi – 4.00 petang	SMU (A) Banggol Kulim
Isnin	9.00 pagi – 4.00 petang	SM Geting
	9.00 pagi – 4.00 petang	SK Kebakat
Selasa	9.00 pagi – 4.00 petang	SMU (A) Arabiah Pasir Mas
	9.00 pagi – 4.00 petang	SK Alor Bakat
Rabu	9.00 pagi – 4.00 petang	SMU (A) Ya'akubiah
	9.00 pagi – 4.00 petang	SMU (A) Tumpat

Sumber : Rekod Perbadanan

#### **20.1.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Mengikut senarai perjawatan yang diluluskan, Perbadanan mempunyai seramai 18 kakitangan. Ia melibatkan 1 jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, 1 jawatan Kumpulan Sokongan I dan 16 jawatan daripada Kumpulan Sokongan II. Senarai perjawatan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Senarai Perjawatan Perbadanan Yang Sedia Ada**

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pegawai Perpustakaan (Pengarah)	S41	1
2.	Penolong Pegawai Perpustakaan	S27	1
3.	Pembantu Perpustakaan	S17	2
4.	Pembantu Tadbir	N17	1
5.	Penyemak Perpustakaan	S11	1
6.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	4
7.	Pembantu Am Rendah Kanan	N4	1
8.	Pembantu Am Rendah	N1	7
<b>Jumlah</b>			<b>18</b>

Sumber : Rekod Perbadanan

Latihan dan kursus berkaitan kerja perlu dirancang dan diberikan kepada kakitangan Perbadanan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan supaya berkeupayaan menjalankan tugas harian dengan cekap dan berkesan. Perbadanan tidak menyediakan sebarang

perancangan latihan secara terperinci kepada kakitangan Perbadanan bagi tahun 2004, tahun 2005 dan tahun 2006 tetapi akan menghantar kakitangan untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh badan-badan lain seperti INTAN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga pihak swasta mengikut keperluan semasa.

#### **20.1.7 Keperluan Kewangan**

Pada setiap tahun, peruntukan perbelanjaan mengurus akan dibiayai menerusi caruman tahunan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada kadar nisbah 1:1. Pada setiap tahun Perbadanan akan menyediakan anggaran perbelanjaan mengurus untuk dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Anggaran perbelanjaan mengurus Perbadanan bagi tahun 2004 hingga 2006 yang telah disediakan adalah seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Anggaran Perbelanjaan Mengurus**  
**Tahun 2004 Hingga 2006**

<b>Jenis Perbelanjaan</b>	<b>2004 ( RM )</b>	<b>2005 ( RM )</b>	<b>2006 ( RM )</b>
Emolumen	718,682	672,162	758,799
Perkhidmatan Dan Bekalan	621,254	629,589	647,833
Aset	650,948	643,708	695,375
Lain-lain Perbelanjaan	213,156	222,541	265,993
<b>Jumlah</b>	<b>2,204,040</b>	<b>2,168,000</b>	<b>2,368,000</b>

Sumber : Rekod Perbadanan.

#### **20.1.8 Keselamatan**

Aspek keselamatan perlu dititikberatkan oleh Perbadanan memandangkan terdapatnya harta Kerajaan yang perlu diselenggarakan oleh Perbadanan. Aspek keselamatan yang perlu dijaga adalah berkaitan dengan kes vandalisme terhadap buku-buku dan juga aset-asetnya yang lain. Bagi menangani kes-kes sebegini pihak Perbadanan akan sentiasa memantau dengan membuat rondaan di kawasan sekitar perpustakaan.

Bagi aspek keselamatan pengunjung pula, khususnya bangunan perpustakaan pihak Perbadanan akan mematuhi arahan daripada pihak berkuasa terbabit seperti Jabatan Kerja Raya dan juga Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

### **20.1.9 Promosi**

Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat Negeri Kelantan, Perbadanan telah merancang menjalankan beberapa aktiviti promosi sepanjang tahun 2005 dan 2006 seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Rancangan Aktiviti Promosi Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Sehari Bersama Tokoh Penulisan Sejarah	Februari
2.	Pameran Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan	Mac
3.	Seminar Kesihatan	Mac
4.	Acara Ceramah Motivasi Daerah	April
5.	Promosi Mylib	April
6.	Ceramah Motivasi Daerah	Mei
7.	Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Jajahan	Mei
8.	Pameran Hari Ibu dan Hari Pekerja	Mei
9.	Program Bulan Membaca Kebangsaan	Jun - Julai
10.	Ceramah Motivasi Daerah	Jun – Julai
11.	Pameran Hari Kebangsaan	Ogos - Sept
12.	Aktiviti Sempena Bulan Bahasa dan Sastera Negara	Ogos - Sept
13.	Pameran Hari Wanita	Ogos - Sept
14.	Seminar AIDS	Oktober
15.	Pameran Hari Raya Aidil Fitri	Oktober
16.	Aktiviti Kanak-kanak Cuti Sekolah	Disember

Sumber : Rekod Perbadanan

### **20.1.10 Keperluan Kemudahan, Peralatan Dan Logistik**

#### **a) Pembangunan *System Application For Library Automation Management***

Pada tahun 2003, satu kertas kerja telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Perbadanan bagi pembangunan aplikasi perpustakaan yang dinamakan *System Application For Library Automation Management* atau panggilan singkatnya (SALAM). Aplikasi SALAM ini adalah bertujuan untuk mengkomputerkan sistem pengurusan buku-buku perpustakaan yang selama ini dilakukan secara manual. Sistem ini dikatakan akan mempercepatkan proses pengurusan buku bermula daripada perolehan hingga kepada pinjaman kepada pengguna. Seramai 5 orang yang dilantik bagi membangunkan sistem terdiri daripada wakil dari Hospital

Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, wakil dari Perbadanan sendiri dan 3 orang wakil daripada syarikat swasta. Kos bagi pembangunan aplikasi ini adalah berjumlah RM150,000 yang terbahagi kepada 3 fasa iaitu pembangunan 8 perisian SALAM, *setup Linux Server* dan kemasukan data-data katalog. Kos yang terlibat secara terperinci adalah seperti di **Jadual 46**.

**Jadual 46**  
**Kos Pembangunan Aplikasi SALAM**

Bil.	Perkara	Kuantiti	Jumlah (RM)
<b>Perisian SALAM</b>			
1.	Sistem Perolehan	1	10,000
2.	Sistem Katalog	1	15,000
3.	Carian Awam OPAC	1	10,000
4.	Sistem Keahlian	1	20,000
5.	Sistem Pinjaman	1	15,000
6.	Pendaftaran Ahli Secara Online	1	15,000
7.	Statistik Untuk Laporan	1	20,000
8.	Pengurusan Pengguna/Keselamatan	1	20,000
<b>Setup Linux Server</b>			
1.	Setup dan <i>install Linux Server</i> untuk capaian dalam dan luaran (intranet and Internet)	1	10,000
<b>Kemasukan Data-data Katalog</b>		1	15,000
<b>Jumlah Kos Keseluruhan</b>			<b>150,000</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Melalui kertas kerja ini Perbadanan telah memohon daripada pihak Perpustakaan Negara untuk menggunakan peruntukan projek “Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Negeri” sejumlah RM100,000 dan juga memohon peruntukan tambahan sejumlah RM50,000 lagi bagi membiayai kos pembangunan sistem aplikasi SALAM ini. Sekiranya tidak mendapat kelulusan daripada Perpustakaan Negara maka pihak Perbadanan akan memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri sebagai ganti.

**b) Pembangunan Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa**

Perbadanan bercadang untuk membina 3 buah perpustakaan cawangan iaitu di Gua Musang, Tanah Merah dan juga Machang. Peruntukan untuk ketiga-tiga cawangan ini yang berjumlah RM3.50 juta setiap satu akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri dan juga daripada Perbadanan Perpustakaan Negara. Dalam RMKe-9, Perbadanan juga merancang untuk membina 3 buah perpustakaan pekan, 9 buah perpustakaan desa, sebuah perpustakaan awam kanak-kanak dan 5 buah bas perpustakaan bergerak multimedia. Manakala penaiktarafan bangunan Perpustakaan Negeri dan cawangan serta pembangunan koleksi perpustakaan juga akan dilakukan.

**c) Lain-lain Keperluan**

Pada bulan September 2004, Perbadanan telah menerima lawatan daripada wakil Lincoln Research Center yang bertujuan untuk mewujudkan sudut *Lincoln Corner*. Sudut *Lincoln Corner* ini adalah bertujuan untuk menyediakan laman web Amerika Syarikat yang dapat dicapai secara terus oleh pengguna untuk berhubung dan berdialog dengan para pegawai di kedutaan Amerika menerusi sidang video secara *on-line*. Sudut ini juga akan disediakan lebih kurang 2,000 buah majalah sama ada secara elektronik ataupun secara fizikal. Kelantan merupakan negeri ke 5 yang menerima tawaran ini.

**20.1.11 Pelupusan Buku**

Buku-buku perpustakaan merupakan bahan yang mudah rosak disebabkan oleh keadaan persekitaran yang sering terdedah kepada salah penggunaan, vandalisme, kecurian dan sebagainya. Buku-buku ini juga merupakan dokumen yang sering berubah-ubah datanya dan menyebabkan ia sudah tidak boleh digunakan. Bagi menjimat ruang penyimpanan yang terhad, pelupusan terhadap buku-buku ini perlu dilakukan oleh pihak pengurusan. Sebelum sesuatu buku dicadang untuk dilupuskan, satu asas akan ditetapkan oleh pihak pengurusan seperti buku usang, rosak teruk (koyak) dan ketinggalan zaman bagi membolehkan buku dilupuskan.

**20.1.12 Kaedah Pemantauan**

Mekanisme pemantauan adalah perlu bagi menilai perancangan yang telah dibuat dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap mana-mana kekurangan dan permasalahan yang timbul. Mekanisme pemantauan Perbadanan akan dibuat melalui mesyuarat jawatankuasa dan juga Mesyuarat Ahli Lembaga. Mesyuarat ini akan membincangkan segala permasalahan yang timbul sama ada yang dibangkitkan oleh

orang ramai atau persatuan yang terlibat secara langsung dengan Perbadanan dan mencari jalan penyelesaian.

#### **20.1.13 Kepuasan Pengguna**

Perbadanan sebagai agensi yang memberi perkhidmatan untuk menaik taraf minat membaca di kalangan rakyat negeri perlu mengetahui kepuasan hati pengguna terhadap perkhidmatan yang telah diberikan. Kepuasan pengguna ini akan memberi petunjuk kepada tahap perkhidmatan yang telah diberikan dan juga mendapatkan maklum balas keperluan lain yang diperlukan oleh pengguna.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah membuat perancangan yang memuaskan terutamanya berkenaan jumlah pertambahan perpustakaan dan kakitangan serta perkhidmatan yang akan disediakan kepada penduduk Negeri Kelantan. Rancangan aktiviti yang akan dijalankan dapat meningkatkan minat penduduk tempatan mengguna kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan.**

### **20.2 PELAKSANAAN**

#### **20.2.1 Dasar Kerajaan**

Semakan Audit mendapati penubuhan perpustakaan adalah selari dengan dasar Kerajaan iaitu menyediakan perkhidmatan dan kemudahan maklumat kepada rakyat terutama rakyat di Negeri Kelantan. Pembinaan beberapa buah perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa yang terletak di kawasan luar bandar serta perpustakaan bergerak telah membantu menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Negeri Kelantan.

**Pada pendapat Audit, penubuhan Perbadanan adalah berlandaskan kepada dasar yang telah ditetapkan. Penyediaan dan pembinaan perpustakaan baru berserta dengan koleksi buku dan kemudahan komputer telah meningkatkan kualiti membaca masyarakat luar bandar Negeri Kelantan.**

#### **20.2.2 Undang-undang**

Semakan Audit mendapati Perbadanan ditadbirkan oleh Lembaga Pengarah seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang tubuh Perbadanan. Semakan Audit terhadap senarai ahli Lembaga Pengarah Perbadanan bagi sesi tahun 2003 hingga 2006 mendapati pihak Perbadanan telah melantik seramai 23 orang ahli. Jumlah ini telah melebihi dari jumlah yang dibenarkan dalam Enakmen penubuhan lembaga iaitu

seramai 15 orang sahaja. Senarai ahli Lembaga Perbadanan pada tahun 2005 adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Senarai Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan**  
**Pada Tahun 2004 Hingga 2006**

Jawatan	Keanggotaan
<b>Pengerusi</b>	YB. Tuan Haji Takiyuddin b. Haji Hassan Exco Kerajaan Negeri
<b>Timbalan Pengerusi</b>	Dato' Haji Wan Hashim b. Wan Ahmad
<b>Setiausaha</b>	Tuan Haji Nik Mohd. Azlan b. Haji Abdul Hadi
<b>Ahli</b>	YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri YB. Pegawai Kewangan Negeri Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur Pengarah Pendidikan Kelantan Pengarah Yayasan Islam Kelantan Yang Di Pertua Majlis Belia Kelantan Yang Di Pertua Majlis Daerah Pasir Mas Yang Di Pertua Majlis Daerah Bachok Yang Di Pertua Majlis Daerah Tumpat Yang Di Pertua Majlis Daerah Pasir Puteh Yang Di Pertua Majlis Daerah Kuala Krai Utara Pengarah Akademi Islam Universiti Malaya Pengarah Kampus Universiti Sains Malaysia Rektor Kolej Jamiah Islamiah Putra Pengarah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra Yang Di Pertua Kesatuan Guru-Guru Melayu Kelantan Tuan Haji Yahya b. Seman @ Osman Puan Sofiah bt. Hashim

Sumber : Rekod Perbadanan

Pada bulan September 2006 pertukaran ahli jawatankuasa telah dibuat dengan Pengerusi Perbadanan diambil alih oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nik Amar b. Nik Abdullah dan Timbalan Pengerusi pula dipegang oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Baiki b. Haji Abdullah. Pertukaran ini dibuat selepas kedua-kedua pemegang jawatan ini telah tamat tempoh perkhidmatan selama 3 tahun. Manakala keahlian Lembaga juga telah dikurangkan kepada 15 orang seperti yang telah ditetapkan oleh Enakmen Perbadanan. Enakmen ini juga menyatakan bahawa mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-sekurangnya 4 kali pada setiap tahun kewangan dengan korum seramai 8 orang. Pada tahun 2004, 2005 dan 2006 sebanyak 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan bagi membincangkan perkara berikut :

- a) Rancangan penubuhan perpustakaan cawangan/desa.
- b) Kedudukan kewangan Perbadanan.
- c) Program yang akan dijalankan sepanjang tahun.

- d) Cadangan penstrukturkan semula perjawatan.

Semakan terhadap minit mesyuarat ahli lembaga bagi tahun 2004 dan 2005 mendapati, semua keputusan Lembaga telah diambil tindakan dan susulan kepada tindakan tersebut dilaporkan kembali dalam mesyuarat Lembaga Perbadanan.

**Pihak pendapat Audit, pematuhan Perbadanan terhadap keperluan undang-undang adalah kurang memuaskan di mana perjalanan Mesyuarat Lembaga adalah kurang daripada bilangan yang sepatutnya. Namun, Lembaga Pengarah telah menjalankan tugas dengan baik dalam membantu perjalanan Perbadanan.**

#### 20.2.3 Pencapaian Sasaran Perkhidmatan

Pada tahun 2004 dan 2005 Perbadanan telah mensasarkan pengunjung masing-masing seramai 80,000 orang dan 100,000 orang setahun. Jumlah pengunjung sebenar perpustakaan adalah seramai 131,356 orang pada tahun 2004 dan pada tahun 2005 pula seramai 174,232. Terdapat peningkatan seramai 42,876 orang pengunjung tahun 2005 berbanding tahun 2004. Pecahan pengunjung perpustakaan bagi tahun 2004 dan tahun 2005 mengikut kategori dan jenis perpustakaan adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48  
Pengunjung Perpustakaan Mengikut Kategori Dan  
Jenis Perpustakaan Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Kategori Perpustakaan/ Tahun	Kanak-kanak		Belia/Dewasa		Jumlah	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Pusat	12,288	17,283	47,789	61,722	60,077	79,005
Cawangan	24,859	26,099	33,665	34,076	58,524	60,175
Desa	3,189	7,644	1,394	8,104	4,583	15,748
Perpustakaan Bergerak	6,775	15,967	1,397	3,337	8,172	19,304
<b>Jumlah</b>	<b>47,111</b>	<b>66,993</b>	<b>84,245</b>	<b>107,239</b>	<b>131,356</b>	<b>174,232</b>

Sumber : Rekod Perbadanan

Sehingga bulan Oktober 2006, seramai lebih kurang 202,800 orang telah mendaftar menjadi ahli perpustakaan. Manakala sepanjang tahun 2004 dan tahun 2005, seramai 2,469 orang dan 3,770 orang yang mendaftar untuk menjadi ahli perpustakaan. Pecahan keahlian perpustakaan bagi tahun 2004 dan tahun 2005 mengikut kategori dan jenis perpustakaan adalah seperti di **Jadual 49**.


**Jadual 49**  
**Keahlian Perpustakaan Mengikut Kategori Dan**  
**Jenis Perpustakaan Pada Tahun 2004 Dan 2005**

Kategori Perpustakaan/ Tahun	Kanak-kanak		Belia/Dewasa		Jumlah	
	2004	2005	2004	2005	2004	2005
Pusat	217	289	512	583	729	872
Cawangan	383	1,005	701	841	1,084	1,846
Desa	34	210	14	140	48	350
Perpustakaan Bergerak	491	571	117	131	608	702
<b>Jumlah</b>	<b>1,125</b>	<b>2,075</b>	<b>1,344</b>	<b>1,695</b>	<b>2,469</b>	<b>3,770</b>

Sumber : Rekod Perbadanan


Pada tahun 2004, sejumlah 94,029 buah naskhah buku telah dipinjam berbanding 18,000 setahun yang disasarkan oleh Perbadanan. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 122,770 buah naskhah pada tahun 2005 berbanding 20,000 setahun seperti yang dianggarkan sebelum ini. Pecahan pinjaman buku-buku perpustakaan pada tahun 2004 dan tahun 2005 mengikut kategori dan jenis perpustakaan adalah seperti di **Carta 4** dan **Carta 5**.

**Carta 4**  
**Pinjaman Buku Perpustakaan Oleh Kanak-kanak Pada Tahun 2004 Dan 2005**



Sumber : Rekod Perbadanan

**Carta 5**  
**Pinjaman Buku Perpustakaan Oleh Orang Dewasa  
Pada Tahun 2004 Dan 2005**



Sumber : Rekod Perbadanan

Perbadanan juga didapati telah berjaya menyediakan perkhidmatan/kemudahan multimedia, rujukan serta pinjaman buku kepada orang ramai. Beberapa kempen/aktiviti galakan membaca yang diadakan oleh Perbadanan telah berjaya menarik minat penduduk Negeri Kelantan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan dan seterusnya menjadi ahli perpustakaan.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah mencapai sasaran perkhidmatannya dengan baik melalui peningkatan dalam bilangan pengunjung perpustakaan, keahlian baru dan jumlah pinjaman buku. Kemudahan komputer dan internet yang ditawarkan oleh Perbadanan juga telah berjaya menarik minat pengguna untuk menggunakan kemudahan yang ada.**

#### **20.2.4 Komponen Pengurusan Perkhidmatan**

Semakan Audit terhadap pengurusan komponen tersebut adalah seperti berikut:

##### **a) Bahagian Pengurusan Dan Kewangan**

Semakan Audit terhadap kawalan hasil Perbadanan mendapati pada keseluruhannya ia telah diuruskan dengan baik. Penyelenggaraan Daftar Borang Hasil, Daftar Mel dan kawalan terhadap terimaan wang tunai adalah didapati telah mematuhi pekeliling yang berkuatkuasa.

Bagi kawalan perbelanjaan, semakan Audit mendapati ia tidak diurus dengan sewajarnya. Daftar Bil didapati tidak diselenggara dengan kemas kini dan tidak disemak oleh pegawai yang diberi kuasa pada setiap bulan. Pembayaran bil tidak mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 103 kerana pembayaran bil lewat melebihi setahun. Pembayaran bil lewat kebanyakannya berlaku terhadap pembelian/perolehan buku-buku perpustakaan dan juga bil-bil kontraktor penyenggaraan bangunan. Sehingga bulan Oktober 2006, sejumlah RM611,751 bil pembekal buku tertunggak sejak dari tahun 2005 dan ianya berlaku pada setiap tahun disebabkan sistem perolehan koleksi buku perpustakaan adalah tidak teratur dan tidak mengikut prosedur perolehan iaitu tidak mengikut bajet, tiada sebut harga dan tiada Jawatankuasa yang bertindak untuk pemilihan buku-buku. Pesanan buku dibuat oleh Pengarah Perbadanan tanpa membuat rujukan kepada bahagian berkenaan yang menyebabkan peruntukan kewangan tahun semasa digunakan bagi membayar bil-bil tahun terdahulu. Akibatnya Perbadanan tidak dapat membuat perolehan buku-buku baru sepanjang tahun 2006 walaupun peruntukan tersebut telah diperolehi berjumlah RM268,891. Selain itu, adalah juga didapati sejumlah RM97,760 bil penyenggaraan tahun terdahulu masih belum dibayar sehingga kini

disebabkan Perbadanan tidak meneliti kedudukan kewangan semasa membuat perolehan. Senarai pembekal yang lewat dibayar adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Senarai Pembekal Yang Lewat Dibayar**

Bil.	Nama Pembekal	Tahun Invois	Jumlah (RM)
Pembekal Buku			
1.	Pekan Ilmu Publications	2005	102,348
2.	Strata Merge	2005	60,786
3.	Toko Buku Rakesh	2005	13,065
4.	Deni Enterprise	2005	41,650
5.	Edaran Ilmu Trade	2005	144,298
6.	Edaran Ilmu Trade	2005	89,161
7.	Edaran Inovasi Enterprise	2005	48,256
8.	Ilmu Media Trade	2005	55,850
9.	Pustaka Johan	2005	44,807
11.	Edaran Johan	2005	11,530
Lain-lain Pembekalan & Perkhidmatan			
1.	Hasan @ Yusof Jaafar	2005	49,000
2.	Kini Resources	2005	25,000
3.	Sulaman Emas	2005	23,760
Jumlah			<b>709,511</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Contoh pembinaan surau berharga RM49,000 yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2005 tetapi belum dibayar adalah seperti di **Foto 46**.

**Foto 46**  
**Surau Perbadanan Telah Siap Tetapi Belum Dibayar  
Kepada Kontraktor**



*Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 11 Disember 2006  
Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan*

Selain itu, semakan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori Perbadanan mendapati ia perlu diperbaiki supaya selari dengan kehendak Tatacara Pengurusan Stor serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Beberapa aset Perbadanan seperti televisyen, perakam video dan komputer tidak direkodkan ke Daftar Harta Modal. Semua harta modal dan inventori Perbadanan tidak diletakkan tanda pengenalan, kecuali koleksi buku.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Perbadanan adalah tidak memuaskan. Perbadanan tidak mematuhi sepenuhnya kehendak pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa. Kegagalan Perbadanan mematuhi peraturan kewangan boleh melemahkan sistem kawalan dalamannya.**

**b) Bahagian Perolehan**

Pada keseluruhannya, bahagian ini bertanggungjawab untuk memproses dan mendokumentasikan bahan-bahan tambahan kepada koleksi perpustakaan. Manakala pemilihan buku-buku koleksi bagi tujuan pembelian telah dilakukan oleh Pengarah Perbadanan tanpa penglibatan pihak lain seperti Jawatankuasa Kewangan Dan Perkhidmatan dan juga kakitangan di bahagian ini. Tiada perancangan yang teliti dilakukan sebelum memilih jenis buku yang dibeli menyebabkan buku berkenaan tidak mendapat perhatian/minat daripada pengguna dan juga buku kurang bermutu. Proses semakan dan pendokumentasian tidak dilakukan serta merta selepas

penerimaan buku-buku tetapi hanya dilakukan setelah mendapat arahan dari Bahagian Kewangan semasa membuat pembayaran. Ini menyebabkan berlakunya lambakan buku-buku yang belum diambil tindakan semakan di tempatkan di bahagian ini seperti di **Foto 47** dan **48**.

**Foto 47**

**Buku Dalam Kotak Belum Diproses**



**Foto 48**



Sumber : Jabatan Audit Negara

Tarikh : 11 Disember 2006

Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

Semakan Audit juga mendapati ada sesetengah pembekal tidak membekalkan dengan mencukupi buku yang ditempaht dan menyebabkan bahagian ini terpaksa meminta kembali daripada pembekal bagi jumlah yang tidak mencukupi itu. Contoh kes pembekal yang gagal membuat bekalan yang mencukupi adalah seperti di **Jadual 51**. Memandangkan tindakan penyemakan lewat dilakukan menyebabkan buku tersebut telah tiada di pasaran dan pembekalan tidak dapat dilakukan dan merugikan Perbadanan dan juga para pengguna amnya.

**Jadual 51**  
**Contoh Pembekal Yang Menghantar Buku Yang Tidak Mencukupi**

Bil.	Nama Pembekal/Judul	Jumlah Buku		Perbezaan
		Bekalan	Invois	
1.	Pekan Ilmu Publication			
	a. The Garden	7	17	10
	b. The Shop	7	17	10
	c. Aku Hanya Mahu Ke Seberang	0	17	17
	d. English Model Composition	7	17	10
2.	Ilmu Media Trade			
	a. My Science Primier	24	35	11
	b. The Loving Families	0	28	28
	c. Siri Permainan Tradisional	86	102	16
3.	Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.			
	a. Kerusi Dan Konserto Terakhir	5	17	12
	b. Sulaman Benang & Manik Labuci	7	17	10
	c. Pidato Politik	12	17	5
	d. Undang-undang Melaka	8	17	9

Sumber : Rekod Perbadanan

Pihak Audit mendapati Perbadanan menggunakan peruntukan mengurus yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membeli bahan bacaan, peralatan dan kelengkapan asas perpustakaan. Sehingga bulan Disember 2004, Perbadanan telah merekodkan sebanyak 376,454 buah koleksi buku. Statistik anggaran jumlah koleksi buku Perbadanan sehingga bulan Oktober 2006 ditunjukkan di **Jadual 52**.

**Jadual 52**  
**Statistik Koleksi Buku Perbadanan Sehingga Bulan Oktober 2006**

Kategori Perpustakaan	Buku Kanak-kanak	Buku Dewasa	Jumlah
Perpustakaan Pusat	98,258	48,395	146,653
Perpustakaan Cawangan	104,965	51,699	156,664
Perpustakaan Desa	15,705	7,734	23,439
Perpustakaan Bergerak	31,410	15,474	46,884
Perpustakaan e-Pustaka	1,885	929	2,814
<b>Jumlah</b>	<b>252,223</b>	<b>124,231</b>	<b>376,454</b>

Sumber : Rekod Perbadanan.

Pada pendapat Audit, proses perolehan buku Perbadanan tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Perolehan buku tanpa mengira sumber kewangan akan menyebabkan buku lambat diproses, dibayar dan tidak dapat diguna.

**c) Bahagian Teknikal (Katalog Dan Klasifikasi)**

Semua buku akan dibuat pengelasan dan dikatalogkan oleh unit ini. Jumlah buku yang telah dikelaskan dan dikatalogkan pada tahun 2004 dan tahun 2005 masing-masing berjumlah 17,227 dan 12,396 buah. Pada bulan Mac tahun 2005 berlaku kerosakan teknikal kepada sistem SALAM yang digunakan untuk pendaftaran buku menyebabkan urusan pendaftaran dan pengagihan buku terbengkalai dan lewat diaghikan ke tempat yang telah dirancang. Kesemua buku telah dikelaskan dengan menggunakan sistem *Dewey Decimal Classification* seperti yang diamalkan oleh lain-lain perpustakaan di Malaysia dengan baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan Bahagian Teknikal (Katalog Dan Klasifikasi) Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana kelewatan mengagihkan buku ke semua perpustakaan disebabkan oleh kerosakan sistem SALAM.

**d) Bahagian Sirkulasi, Bas Perpustakaan Bergerak, Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa**

Bahagian ini pada keseluruhannya bertanggungjawab lebih kepada pelanggan terutamanya berkenaan pendaftaran keahlian, proses pinjaman dan pemulangan buku serta khidmat pelanggan. Semakan Audit terhadap tanggungjawab yang dijalankan oleh bahagian ini mendapati perkara berikut :

### i) Bahagian Sirkulasi

Bahagian dipertanggungjawabkan merekodkan keahlian, pengurusan terhadap khidmat pelanggan seperti jumlah pengunjung, jumlah keahlian dan pinjaman bagi Perpustakaan Pusat, cawangan dan juga desa. Selain daripada itu pemantauan terhadap pemulangan buku juga dilakukan. Semakan Audit, terhadap pemulangan buku di Perpustakaan Pusat, Cawangan Pasir Mas, Cawangan Pasir Puteh dan Cawangan Bachok mendapati sebanyak 2,692 naskhah buku yang dipinjam oleh ahli tidak dipulangkan. Bagi perpustakaan desa pula yang mula membenarkan pinjaman buku pada tahun 2004, didapati bagi tempoh tahun 2004 dan 2005 sebanyak 25 buah buku tidak dipulangkan oleh peminjam. Bahagian dan juga cawangan telah menghantar nota peringatan kepada ahli-ahli yang ingkar tetapi hanya 1% daripadanya yang berjaya dipungut. Bilangan buku yang tidak dipulangkan adalah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Bilangan Buku Yang Tidak Dipulangkan Oleh Peminjam**  
**Sehingga Bulan Oktober 2006**

Bil.	Perpustakaan	Dewasa (Buku)	Kanak-kanak (Buku)	Tahun
1.	Perbadanan	884	415	1984
2.	Cawangan	2,072	2,662	1991
3.	Desa	20	5	2004
4.	Bergerak	46	1,396	1991
<b>Jumlah</b>		<b>3,022</b>	<b>4,478</b>	

Sumber : Rekod Perbadanan

Manakala buku yang hilang atau tidak dipulangkan tidak diganti oleh Perbadanan. Ini menyebabkan buku berkenaan tidak ada lagi dalam simpanan masing-masing terutamanya di cawangan yang hanya dibekalkan dengan sebuah buku sahaja bagi suatu judul.

### ii) Perpustakaan Bergerak

Setiap bas perpustakaan bergerak perlu membuat perjalanan ke 12 destinasi dalam tempoh 2 minggu iaitu 2 destinasi sehari (pagi dan petang) selama 3 hari seminggu. Destinasi perhentian bas-bas ini adalah mengikut permohonan daripada sama ada Pegawai Daerah, Penggawa, pihak sekolah atau pun orang ramai. Tinjauan Audit terhadap operasi perkhidmatan bas ini mendapati

kebanyakan destinasi yang dipilih adalah sekolah rendah dan sekolah menengah agama. Sambutan pelajar terhadap bas perpustakaan ini agak menggalakkan sekiranya kehadiran pada waktu persekolahan. Bagaimanapun, sambutan akan berkurangan jika destinasi tersebut merupakan kawasan kampung dan di luar waktu persekolahan. Ini menyebabkan ada bas tidak digerakkan ke destinasi tersebut walau pun telah dijadualkan. Selain itu, keadaan bas yang agak sempit dan tanpa tempat duduk kurang sesuai sebagai tempat membaca oleh kanak-kanak dan orang dewasa ditambah lagi tiada penyaman udara juga menyebabkan suasana perpustakaan bergerak ini agak merimaskan. Contoh bas perpustakaan bergerak ketika dipenuhi dengan para pelajar sewaktu puncak adalah seperti di **Foto 49**.

**Foto 49**  
**Kesesakan Pelajar Di Dalam Salah Satu Bas Perpustakaan Bergerak**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 31 Oktober 2006  
Lokasi : Bas Bergerak Perbadanan

Pihak Audit telah mendapatkan maklum balas daripada pelanggan perpustakaan bergerak seperti guru-guru sekolah dan orang ramai yang mana ada antara pelanggan telah menyatakan bahawa buku-buku yang dipamerkan kurang menarik dan buku-buku lama. Adalah didapati tiada buku-buku baru diagihkan kepada perpustakaan bergerak sepanjang tahun 2005 dan 2006 dan juga sikap petugas bas perpustakaan bergerak yang tidak menukar buku-buku di atas bas masing-masing yang dijadualkan 3 bulan sekali.

Selain bas perpustakaan bergerak, Perbadanan juga menyediakan Bas e-Pustaka yang merupakan bas untuk perpustakaan multimedia yang sepatutnya menjalankan operasi ke 8 destinasi pada setiap bulan. Bagaimanapun bas ini telah mengalami kerosakan sejak bulan Mac tahun 2006 dan sehingga kini bas tersebut masih belum diperbaiki.

Di Perpustakaan Cawangan Kuala Krai pula ia mempunyai sebuah bas perpustakaan bergerak bagi menjalankan perkhidmatan di 12 destinasi di kawasan Jajahan Kuala Krai. Bagaimanapun bas perpustakaan bergerak tersebut tidak dapat beroperasi disebabkan oleh ketiadaan pemandu bagi menggantikan pemandu yang penced pada bulan Januari 2006. Manakala perjawatan tersebut telahpun dijumudkan.

**Pada pendapat Audit, Bahagian ini telah menjalankan tugas dengan memuaskan. Bagaimanapun pemantauan khas perlu dijalankan terhadap operasi bas perpustakaan bergerak bagi mengelakkan pemandu bas tidak ke lokasi yang telah ditetapkan. Kajian terperinci juga perlu dilakukan terhadap cadangan lokasi perhentian bas.**

#### e) **Bahagian Rujukan Dan Perkhidmatan Pembaca**

Bahagian ini dikendalikan oleh seorang penolong pegawai perpustakaan dengan dibantu oleh seorang pembantu perpustakaan. Bahagian ini telah disediakan bahan-bahan koleksi, majalah-majalah dan juga bahan-bahan lain seperti mana yang telah dipertanggungjawabkan.

##### i) **Koleksi Negeri Kelantan**

Koleksi Negeri Kelantan telah ditubuhkan bagi mengumpul dan memelihara warisan dan khazanah Negeri Kelantan. Antara koleksi yang terdapat di sini ialah koleksi kertas kerja, laporan Jabatan Kerajaan dan swasta, tesis, manuskrip, kaset, pita video, bibliografi dan buku-buku dan juga cakera padat berkaitan dengan kebudayaan yang terdapat di Negeri Kelantan. Koleksi yang disediakan hanyalah untuk tujuan rujukan dan tidak dibenarkan dibawa keluar kecuali dengan kebenaran pegawai bertugas. Bagaimanapun, pengguna boleh membuat salinan fotokopi. Sehingga bulan Oktober 2006 dianggarkan seramai 1,020 orang telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan.

Pada tahun 2002, Perbadanan Perpustakaan Negara telah membelanjakan sejumlah RM99,700 untuk membina portal Negeri Kelantan dan Portal Di Raja

yang bertujuan untuk mendokumentasikan keratan akhbar, majalah dan juga apa-apa tulisan yang berkaitan dengan DYMM Al-Sultan Kelantan dan Negeri Kelantan dalam bentuk digital. Tugas penyediaan portal ini telah diberikan kepada pihak swasta untuk menyediakan peralatan, membina dan memasukkan data-data ke dalam portal tersebut. Pada tahun 2005, Perbadanan telah mendapat peruntukan dari Projek Pembangunan Persekutuan berjumlah RM100,000. Pihak Perbadanan telah membelanjakan sejumlah RM99,932 dari sumber ini bagi membiayai projek pendigitan keratan akhbar dan projek Portal Di Raja dan pembelian sebuah mesin pengimbas. Mesin pengimbas ini adalah bertujuan bagi mengimbas keratan akhbar dan maklumat bagi Portal Di Raja untuk dimasukkan ke dalam komputer. Bagaimanapun, sepanjang tahun 2006 tiada aktiviti pengimbasan maklumat bagi keratan akhbar dan portal Di Raja dilakukan oleh kakitangan bahagian ini.

**Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang diberikan oleh bahagian ini adalah baik. Bagaimanapun, kelewatan untuk membuat pengimbasan maklumat akan mengakibatkan *back log* dan kelewatan maklumat dipamerkan pada portal.**

**f) Bahagian Internet Dan Multimedia**

Bahagian ini telah ditubuhkan bagi mengurus dan mengawal penggunaan komputer di Perbadanan. Bahagian ini diuruskan oleh seorang pembantu perpustakaan dan dibantu oleh 2 orang PAR. Antara perkhidmatan yang telah disediakan oleh bahagian ini adalah pengemaskinian laman web Perbadanan [www.ppac.kelantan.edu.my](http://www.ppac.kelantan.edu.my), pengurusan perkakasan komputer Perbadanan dan sistem SALAM. Bahagian ini juga menyediakan penggunaan komputer untuk sebarang aktiviti seperti melayari internet dengan bayaran yang dikenakan adalah RM2 sejam, imbasan yang dikenakan bayaran antara RM1 ke RM1.50 dan percetakan dokumen dengan bayaran RM0.30 hingga RM1. Bayaran yang dikenakan adalah agak murah berbanding dengan perkhidmatan yang sama di luar. Pada tahun 2005, Perbadanan berjaya mengutip sejumlah RM6,313 daripada sewaan penggunaan komputer/internet berbanding RM2,914 pada tahun 2004. Manakala sehingga bulan Julai 2006 hanya sejumlah RM101 berjaya dikutip daripada pengguna internet. Ini adalah disebabkan 6 daripada 12 komputer telah mengalami kerosakan dan masih belum diperbaiki kerana ketiadaan peruntukan.

Perbadanan telah menyediakan 2 buah komputer kepada setiap cawangan kecuali Cawangan Jeli yang mempunyai 10 buah komputer. Komputer ini adalah bertujuan

untuk tujuan pentadbiran. Lawatan Audit ke Cawangan Pasir Puteh, Pasir Mas dan Cawangan Bachok mendapati satu komputer di setiap cawangan telah rosak dan dihantar ke Bahagian ini pada tahun 2005 untuk dibaiki tetapi Bahagian ini masih menunggu keputusan Jawatankuasa IT Perbadanan untuk tindakan sama ada dilupuskan atau dibaiki. Contoh komputer yang rosak adalah seperti di **Foto 50**.

**Foto 50**  
**Komputer Rosak Yang Masih Belum Dibaiki**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 11 Disember 2006  
Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

Pada pendapat Audit, Bahagian ini telah menjalankan tugas dengan baik. Bagaimanapun perkhidmatan Bahagian ini kepada perpustakaan cawangan perlu diperkemas lagi memandangkan masalah kerosakan komputer lambat dibaiki masih lagi berlaku.

#### **20.2.5 Waktu Perkhidmatan**

Semakan Audit mendapati, semua perpustakaan telah dibuka dan beroperasi pada pukul 9.00 pagi hingga 5.15 petang kecuali Perpustakaan Pusat yang beroperasi dari pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang untuk memberi peluang kepada pengguna yang bekerja datang ke perpustakaan. Bagaimanapun pada awal tahun 2006 pihak pentadbiran telah mengubah waktu perkhidmatan kepada pukul 9.00 pagi hingga 5.15 petang bagi tujuan menyelaraskan dengan bahagian-bahagian lain.

Bagi perkhidmatan bas bergerak pula dijadualkan bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bagi sesi pagi dan pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang bagi sesi petang. Tinjauan Audit terhadap perjalanan bas Perpustakaan Bergerak ini mendapati

perjalanan bagi semua bas tidak menepati masa yang ditetapkan. Bas-bas ini biasanya lewat tiba di destinasi dan ada di antaranya pulang awal dari waktu yang sepatutnya. Alasan yang diberikan adalah murid-murid tidak dibenarkan keluar sebelum waktu rehat iaitu antara pukul 10 pagi hingga 11.00 pagi sahaja dan juga jarak perjalanan terlalu jauh sehingga di antaranya melebihi 80 kilometer dari pejabat. Pihak Perbadanan patut mengenal pasti jarak perjalanan sebenar bas-bas ini dan petugas patut merancang perjalanan dengan lebih baik supaya ketibaan bas adalah tepat sebagaimana yang dijanjikan kepada pelanggan.

**Pada pendapat Audit, waktu perkhidmatan bas perpustakaan bergerak adalah kurang memuaskan kerana kegagalan bas ini untuk sampai ke lokasi dalam masa yang telah ditetapkan. Manakala, bagi perkhidmatan perpustakaan lain pula, ia adalah baik kerana beroperasi seperti yang dinyatakan.**

#### **20.2.6 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

##### **a) Guna Tenaga**

Perbadanan ditadbir oleh seorang Pengarah berjawatan Pustakawan Gred S41 dan dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu Bahagian Teknikal (Katalog & Klasifikasi) yang diketuai oleh Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 dan Bahagian Multimedia Dan Internet diketuai oleh Pembantu Perpustakaan Gred S17. Manakala 4 bahagian lagi ketuai oleh kakitangan sambilan iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang diketuai oleh Penolong Akauntan Gred W27, Bahagian Rujukan Dan Perkhidmatan Pembaca yang diketuai oleh Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27, Bahagian Perolehan diketuai oleh Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 dan Sirkulasi/Perkhidmatan Bas Perpustakaan Bergerak/Cawangan/Desa diketuai oleh Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27.

Sejumlah 18 perjawatan telah diluluskan untuk diisi Perbadanan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan kesemuanya telah diisikan dengan kakitangan tetap. Perbadanan telah mengambil 35 orang kakitangan sambilan untuk mengurus dan menyenggarakan bahagian dan perpustakaan di sekitar Negeri Kelantan iaitu perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa. Bilangan pengisian dan kekosongan jawatan di Perbadanan sehingga Oktober 2006 adalah seperti di **Jadual 54**.

**Jadual 54**  
**Kedudukan Perjawatan Perbadanan Perpustakaan**  
**Awam Kelantan Sehingga Bulan Oktober 2006**

Jawatan (Gred)	Jawatan Tetap Diluluskan		Jawatan Sambilan	Jumlah Kakitangan Tetap & Sambilan
	Isi	Kosong		
Pustakawan S41	1	-	-	1
Pen. Peg. Perpustakaan S27	1	-	3	4
Pen. Akauntan W27	-	-	1	1
Pembantu Perpustakaan S17	2	-	11	13
Pembantu Tadbir N17	1	-	-	1
Pemandu/Penyemak Perp. S11	1	-	4	5
Pembantu Tadbir Rendah N11	4	-	3	7
Pembantu Am Rendah Kanan N4	1	-	-	1
Pembantu Am Rendah N1	7	-	13	20
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>-</b>	<b>35</b>	<b>53</b>

Sumber : Rekod Perbadanan.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 satu kertas kerja cadangan penstrukturkan semula dan perwujudan jawatan baru telah disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Mesyuarat Lembaga Bilangan 1 tahun 2006 dimaklumkan bahawa kertas cadangan tersebut telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dalam semakan. Pada cadangan ini sejumlah 21 perjawatan baru telah dicadang untuk diwujudkan.

Semakan Audit terhadap struktur organisasi Perbadanan mendapati terdapat beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan, antaranya :

- i) Empat daripada 6 bahagian yang ditubuhkan oleh Perbadanan iaitu Pentadbiran Dan Kewangan, Perkhidmatan Dan Rujukan, Perolehan dan Bahagian Sirkulasi/Bas Perpustakaan Bergerak/Cawangan/Desa diketuai oleh kakitangan sambilan.
- ii) Perbadanan mempunyai 5 buah bas yang dijadikan sebagai Perpustakaan Bergerak dan sebuah Perpustakaan Bergerak Multimedia. Semua kakitangan ini merupakan kakitangan sambilan. Manakala bas perpustakaan bergerak Kuala Krai tidak mempunyai pemandu.

- iii) Semua 6 buah Perpustakaan Cawangan dan 3 buah Perpustakaan Desa milik Perbadanan diuruskan oleh kakitangan sambilan. Perpustakaan Cawangan diuruskan Pembantu Perpustakaan S17 dan dibantu oleh Pembantu Am Rendah N1 sambilan. Manakala Perpustakaan Desa pula diuruskan oleh Pembantu Am Rendah N1 sambilan.
- iv) Seramai 7 orang kakitangan sambilan telah berkhidmat dengan Perbadanan antara 10 hingga 20 tahun manakala 8 orang antara 5 hingga 10 tahun dan selebihnya 4 tahun ke bawah.

**Pada Pendapat Audit, keperluan guna tenaga di Perbadanan kurang memuaskan di mana pegawai yang dilantik mengetuai 4 bahagian hanya terdiri daripada kakitangan sambilan sahaja. Selain itu, ketiadaan pemandu bas perpustakaan bergerak telah menyebabkan perkhidmatan ini tidak dapat diberikan kepada penduduk pedalaman.**

**b) Latihan**

Perbadanan tidak membuat sebarang perancangan menyediakan latihan dan kursus kepada pegawai dan kakitangannya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pada tahun 2004 hingga bulan Oktober 2006, lebih daripada 12 kursus telah dihadiri oleh 10 orang kakitangan Perbadanan yang dianjurkan sama ada oleh Biro Tata Negara, Institut Tadbiran Awam Negara, Perpustakaan Negara Malaysia mahupun Kerajaan Negeri Kelantan. Perbadanan juga menganjurkan kursus berkaitan dengan aplikasi komputer seperti *Macromedia Dreamweaver*, SALAM dan sebagainya.

**Pada pendapat Audit, kehadiran latihan dan kursus pegawai dan kakitangan Perbadanan adalah memuaskan. Bagaimanapun kursus untuk sistem SALAM perlu diperluaskan kepada kakitangan di cawangan dan desa supaya mereka dapat menggunakan sistem yang dibangunkan itu.**

**20.2.7 Prestasi Kewangan**

Pada tahun 2004 hingga 2006, Perbadanan telah menerima peruntukan kewangan perbelanjaan mengurus daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 55**.

**Jadual 55**  
**Prestasi Kewangan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2004 Hingga Bulan Oktober 2006**

Sumber Peruntukan	2004			2005			2006		
	Peruntukan (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	(%)	Peruntukan (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	(%)	Peruntukan (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	(%)
Kerajaan Negeri	0.80	1.37	171	0.90	1.38	153.4	0.60	0.58	97
Kerajaan Persekutuan	0.59	0.53	90.7	0.90	0.89	99.5	0.65	0.50	76.4
<b>Jumlah</b>	<b>1.39</b>	<b>1.90</b>	<b>137</b>	<b>1.80</b>	<b>2.27</b>	<b>126.4</b>	<b>1.25</b>	<b>1.08</b>	<b>86.3</b>

Sumber : Rekod Perbadanan.

Pada tahun 2004 dan tahun 2005, perbelanjaan Perbadanan melebihi peruntukan yang diterima daripada kedua-dua sumber yang masing-masing berjumlah RM513,387 dan RM475,916. Kelebihan perbelanjaan ini adalah bagi sumber peruntukan Kerajaan Negeri bagi peruntukan mengurus dan ia ditampung dari pendapatan yang dijana oleh Perbadanan seperti hasil sewaan bangunan, bayaran yuran keahlian perpustakaan dan lain-lain caj yang dikenakan kepada pengguna.

Dari segi penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara, Perbadanan telah lewat membuat serahan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 pada bulan September 2005. Manakala Penyata Kewangan 2005 belum diserahkan. Kelewatan ini disebabkan pada tahun 2004, pihak Perbadanan telah menamatkan kontrak penyediaan penyata kewangan kepada pihak luar dan telah mengambil kakitangan sambilan untuk menguruskan Bahagian Kewangan. Bagaimanapun, Perbadanan masih mengkontrakkan penyediaan Penyata Pewangan kepada pihak luar. Berdasar pengauditan terhadap Penyata Kewangan Perbadanan bagi tahun 2003 dan tahun 2004, Penyata Kewangan Perbadanan bagi kedua-dua tahun itu telah diberikan sijil berteguran disebabkan aset Perbadanan tidak dapat disahkan kerana ketiadaan daftar aset yang lengkap dan kemas kini.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Perbadanan adalah kurang memuaskan disebabkan belanjawan berhemah tidak diterapkan untuk mengelakkan berlakunya kekurangan dana. Di samping itu juga penyerahan Penyata Kewangan Perbadanan tidak mengikut jadual.**

#### **20.2.8 Keselamatan Perpustakaan**

Perbadanan ada melantik pengawal keselamatan dari firma swasta untuk menjaga kepentingan dan harta benda Perbadanan daripada dicerobohi dan dicuri pada sebelah malam. Perbadanan hanya menyediakan khidmat kawalan keselamatan ini di Perpustakaan Pusat dan sebuah Perpustakaan Cawangan. Pada waktu operasi, pihak Perbadanan mengarahkan kakitangan membuat pemantauan bagi mengelakkan berlakunya vandalisme dan juga perbuatan yang dilarang seperti duduk berdua-duaan antara lelaki dan perempuan, merokok dan membuat bising.

Bagi meningkatkan kawalan dalamannya, Perbadanan telah memasang sebuah pengimbas sejak tahun 2005 di pintu keluar masuk Perpustakaan Pusat bagi mengelakkan koleksi bukunya dari dicuri atau dibawa keluar tanpa kebenaran. Bagaimanapun pengimbas ini masih tidak dapat digunakan disebabkan sistemnya masih tidak diaktifkan oleh pihak pembekal. Pihak Audit dimaklumkan pembekal enggan meneruskan kerja-kerja pemasangan disebabkan Perbadanan gagal menjelaskan bayaran sejumlah RM49,000. Jeriji besi juga ada diletakkan di setiap perpustakaan bagi mengelakkan ia dicerobohi.

**Pada pendapat Audit, keselamatan perpustakaan adalah memuaskan. Perbadanan telah mengambil tindakan bagi mengawal keselamatan harta benda dengan melantik pengawal keselamatan, membuat pemantauan dan mengadakan jeriji besi kecuali penggunaan mesin pengimbas.**

#### **20.2.9 Promosi**

Perbadanan menjalankan promosi dengan mengadakan aktiviti sepanjang tahun di serata tempat di seluruh Negeri Kelantan. Aktiviti ini dijalankan sepanjang tahun dengan berbagai acara dijalankan. Pada tahun 2004 sebanyak 11 aktiviti yang dijalankan. Manakala pada tahun 2005 dan 2006 pula masing-masing sebanyak 15 aktiviti dan 20 aktiviti sepanjang tahun tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Perbadanan adalah seperti pameran buku, pertandingan melukis dan mewarna, pesta buku, ceramah motivasi dan program membaca. Perbadanan juga terlibat dalam memberi kursus dan bengkel pengkatalogan kepada guru-guru dan murid-murid sekolah.

Aktiviti ini kebanyakannya dijalankan di Perpustakaan Pusat dan juga di tempat agensi yang menganjurkan sesuatu aktiviti. Pihak Perbadanan kurang menjalankan aktiviti di perpustakaan cawangan atau di perpustakaan desa. Pihak Audit difahamkan bahawa kekurangan aktiviti dijalankan di tempat ini menyebabkan penduduk di kawasan sekitar

perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa kurang berminat untuk datang ke perpustakaan.

**Pada pendapat Audit, aktiviti yang dijalankan oleh pihak Perbadanan adalah baik dan telah memberi promosi berkesan terhadap minat membaca di kalangan orang ramai. Bagaimanapun aktiviti promosi perlu juga dijalankan di cawangan dan desa untuk memberi pendedahan tentang kewujudan perpustakaan kepada penduduk setempat.**

#### **20.2.10 Keperluan Kemudahan, Peralatan Dan Logistik**

##### **a) Pembangunan Sistem SALAM**

Pada tahun 2004 pihak Lembaga Pengarah telah memberi kebenaran kepada pihak pengurusan Perbadanan untuk meneruskan projek pembangunan aplikasi SALAM melalui Mesyuarat Lembaga bilangan 2 tahun 2004. Pada mesyuarat ini juga bersetuju seperti kertas cadangan untuk membuat permohonan peruntukan daripada Perpustakaan Negara Malaysia atau daripada Kerajaan Negeri sekiranya perlu. Pasukan yang ditugaskan ini telah membangunkan sistem aplikasi ini dan telah diguna pakai oleh Perbadanan. Terdapat 7 modul yang telah dibangunkan oleh pasukan ini. Semakan Audit terhadap pembangunan sistem ini mendapati beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh Perbadanan.

###### **i) Perolehan Sistem**

Pihak Perbadanan telah menyerahkan pembangunan sistem aplikasi SALAM kepada sebuah syarikat swasta iaitu Syarikat Gubit Explorer Sdn. Bhd. dengan berjanji untuk membuat bayaran sejumlah RM150,000 bagi keseluruhan sistem dan perkakasannya. Perolehan ini tidak melalui sebut harga yang memerlukan sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan telah ditegur oleh pihak Perpustakaan Negara melalui surat PNM 57.3.3 Jld.4(68) bertarikh 9 Mac 2005. Perpustakaan Negara enggan membuat pembayaran terhadap bil tersebut disebabkan oleh Perbadanan tidak mengikut prosedur kewangan dan sehingga tarikh pemeriksaan Audit bil tersebut belum dijelas kerana tiada peruntukan.

###### **ii) Tuntutan bayaran.**

Pada penghujung bulan Disember 2004, syarikat yang membangunkan sistem aplikasi SALAM iaitu Gubit Explorer Sdn. Bhd. telah membuat tuntutan bayaran berjumlah RM149,680 dengan pecahan tuntutan adalah seperti **Jadual 56**.

**Jadual 56**  
**Tuntutan Bayaran Terhadap Pembangunan Aplikasi SALAM**

Bil.	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Modul Perolehan	1	18,000	18,000
2.	Modul Web OPAC	1	13,000	13,000
3.	Modul Statistik & Laporan	1	17,000	17,000
4.	Modul Katalog	1	18,000	18,000
5.	Modul Pengurusan Pengguna Dan Keselamatan	1	17,000	17,000
6.	Modul Sirkulasi	1	18,000	18,000
7.	Modul Patron (Keahlian)	1	18,000	18,000
8.	Kamera Digital (Canon)	1	900	900
9.	ECC RAM 512MB	2	500	1,000
10.	Installation & Configuration Sever - Linux, PHP dan MySQL	1	14,900	14,900
11.	Pencetak Laser (HP1320)	3	1,790	5,370
12.	Scanner Flatbed (BenQ)	2	180	360
13.	Laminating machine (A3)	7	450	3,150
14.	Pencetak Kad Metrik	1	5,000	5,000
<b>Jumlah</b>				<b>149,680</b>

Sumber : Rekod Perbadanan

Jumlah tuntutan ini telah dibuat pengesahan oleh Pengarah dan juga pegawai yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sistem.

**Pihak Audit telah membuat pemeriksaan terhadap peralatan yang dibekalkan oleh syarikat mendapati peralatan seperti kamera digital, pencetak laser, scanner Flatbed, laminating machine dan pencetak kad metrik tiada dalam simpanan Perbadanan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa syarikat tidak pernah membekalkan peralatan tersebut kepada Perbadanan dan tuntutan yang terlibat adalah berjumlah RM14,780.**

### iii) Dokumentasi Aplikasi

Setiap sistem aplikasi yang dibangunkan mempunyai dokumentasi lengkap bagi penerangan kepada sistem tersebut. Dokumen ini adalah merupakan sumber rujukan kepada pengguna cara untuk melaksana atau menggunakan aplikasi yang telah dibangunkan. Dokumentasi berkaitan pembangunan ini tidak diserahkan oleh pihak Gubit Explorer kepada pihak Perbadanan. Pihak Audit tidak dapat membuat semakan dan mengesahkan ketulenan sistem aplikasi SALAM yang dibangunkan ini.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pembangunan sistem SALAM adalah tidak memuaskan kerana pembangunannya tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan tidak dibayar oleh Perbadanan. Manakala tuntutan vendor terhadap pembekalan peralatan yang tidak dibekalkan perlu diambil perhatian serius.**

### b) Pembangunan Perpustakaan Cawangan Dan Perpustakaan Desa

Sehingga tahun 2006, pembinaan perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa masih belum dilaksanakan. Bagaimanapun proses permohonan pemilikan tanah telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan telah pun mendapat kelulusan. Manakala perpustakaan desa Pulai Chondong telah dibina melalui Projek Khas Perpustakaan Negara tahun 2006 dan kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya. Kedudukan terkini projek tambahan perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa seperti di **Jadual 57**.

**Jadual 57**  
**Kedudukan Terkini Tambahan Perpustakaan Cawangan**  
**Dan Perpustakaan Desa**

Bil.	Nama Projek	Kedudukan Terkini
1.	Perpustakaan Cawangan Gua Musang	Telah dipindahkan ke tapak baru kerana tapak lama telah diambil untuk projek perumahan.
2.	Perpustakaan Cawangan Tanah Merah	Tapak yang di cadangkan di Lot 253 yang berkeluasan 0.75 ekar masih belum mendapat status.
3.	Perpustakaan Cawangan Machang	Pihak Perbadanan telah pun mendapat geran hak milik sementara di tapak PT3535 seluas 8,094 kaki persegi.
4.	Perpustakaan Desa Pulai Chondong	Pembinaan sedang dijalankan di bawah Projek Khas Perbadanan Perpustakaan Negara 2006.

Sumber : Rekod Perbadanan.

Manakala pada tahun 2005, sudut *Lincoln Corner* telah dibuka kepada pengunjung. Di sudut ini disediakan jurnal, buku-buku dan juga majalah berbahasa Inggeris untuk tujuan pembacaan dan rujukan. Keadaan *Lincoln Corner* adalah seperti di **Foto 51.**

**Foto 51**  
***Lincoln Corner Di Perbadanan***



*Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 11 Disember 2006  
Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan*

**Pada pendapat Audit, pembangunan perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa yang baru kurang memuaskan kerana kerja-kerja pembinaan masih belum dijalankan seperti perancangan asal kerana kekurangan sumbar kewangan.**

#### **20.2.11 Pengurusan Pelupusan Buku**


Bahagian Teknikal Dan Katalog bertanggungjawab memproses pelupusan buku yang tidak diperlukan lagi dan rosak teruk. Sehingga tahun 2006 pihak Perbadanan belum membuat sebarang pelupusan terhadap buku-buku yang tidak berguna atau rosak. Pihak Audit dimaklumkan Perbadanan sedang dalam proses mengumpulkan buku-buku untuk dibuat pelupusan. Daripada tinjauan Audit mendapati banyak buku yang perlu diambil tindakan pelupusan oleh pihak Perbadanan sama ada di Perpustakaan Pusat atau di Perpustakaan Cawangan. Contoh buku-buku yang perlu dibuat pelupusan adalah seperti di **Foto 52** dan **Foto 53.**

**Foto 52**  
**Timbunan Buku Yang Perlu Dilupuskan Di Perpustakaan Pusat**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 11 Disember 2006  
Lokasi : Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

**Foto 53**  
**Kotak-kotak Buku Yang Perlu Dilupuskan Di Perpustakaan Pasir Mas**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 10 Oktober 2006  
Lokasi : Perpustakaan Cawangan Pasir Mas

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan buku Perbadanan tidak memuaskan di mana buku-buku yang rosak tidak dilupuskan sehingga menyebabkan kesesakan ruang.

### **20.2.12 Kepuasan Pengguna**

Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik bagi mengetahui tahap kepuasan pengunjung perpustakaan terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh Perbadanan. Sebanyak 90 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengunjung perpustakaan di perpustakaan pusat, 5 buah perpustakaan cawangan dan 3 buah perpustakaan desa dan kesemuanya telah diterima. Analisis Audit terhadap soal selidik ini adalah seperti berikut :

#### **a) Kekerapan Mengunjungi Perpustakaan**

Seramai 45 orang (51.1%) responden datang ke perpustakaan lebih daripada 3 kali sebulan dan 55 orang (66.5%) responden adalah merupakan pelajar sekolah sama ada menengah atau rendah. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk meminjam buku (20.7%), mengulangkaji (18.6%), mengakses internet (17.1%) dan membuat rujukan (16.2%) dan lain-lain 27.4%.

#### **b) Perkhidmatan Yang Diberikan**

Responden telah berpuashati dengan perkhidmatan kaunter yang telah diberikan di mana 37.8% menyatakan layanan memuaskan, 30.8% menyatakan kakitangan berbudi bahasa, 12.2% menyatakan cara pengendalian proses pinjaman memuaskan dan 10.5% pula menyatakan syarat dan peraturan perpustakaan adalah memuaskan.

#### **c) Koleksi Buku Perpustakaan**

Seramai 71.6% responden menyatakan koleksi perpustakaan perlu tambahan berbanding responden yang menyatakan koleksi tersebut terkini (12.5%) dan mudah diperolehi (10.2%). Manakala bagi koleksi majalah pula, 64.8% juga mengatakan ianya perlu tambahan berbanding yang menyatakan koleksi adalah terkini (19.3%). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden kurang berpuashati dengan koleksi buku dan majalah yang disediakan oleh perpustakaan.

#### **d) Cadangan Penambahbaikan**

Seramai 28.4% responden menyatakan Perbadanan perlu menambahkan bahan rujukan terutama bagi menggantikan buku-buku lama. Manakala 12.5% pula menyatakan penyenggaraan terhadap peralatan yang rosak terutama komputer perlu dibaiki dengan segera. Lain-lain cadangan adalah untuk menambah komputer terutama di cawangan dan desa, membesarlu ruang perpustakaan dan perkhidmatan bayaran fotostat perlu selaras dengan pihak luar.

**Pada pendapat Audit, pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Perbadanan terutama dari segi koleksi buku-buku perpustakaan dan penyenggaraan terhadap komputer. Bagaimanapun para pengunjung berpuas hati terhadap layanan yang diberikan oleh kakitangan perpustakaan.**

### **20.3 PEMANTAUAN**

Sistem pemantauan yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan sesuatu aktiviti atau projek mencapai matlamatnya serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan oleh pihak tertentu amat penting bagi memastikan perjalanan dan pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dibuat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap pemantauan yang dibuat oleh Perbadanan mendapati perkara berikut:

**a) Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah**

Enakmen Perbadanan telah menetapkan supaya mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setiap tahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan 2 kali sahaja sepanjang tahun 2004 hingga 2005. Manakala pada tahun 2006, Lembaga Pengarah hanya mengadakan 2 kali mesyuarat sahaja itu pada bulan April dan bulan Disember. Kesemua mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pengerusi Perbadanan dan turut dihadiri oleh ahli atau wakil mereka. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:

- i) Rancangan penubuhan perpustakaan cawangan/desa.
- ii) Kedudukan kewangan Perbadanan.
- iii) Program yang akan dijalankan sepanjang tahun.
- iv) Cadangan penstrukturkan semula perjawatan.

**b) Jawatankuasa**

Bagi memantapkan lagi pengurusan Perbadanan, mulai tahun 2006 lima jawatankuasa baru telah ditubuhkan bagi sesi 2006 hingga 2008 untuk menggantikan jawatankuasa kerja yang lama seperti Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Perkhidmatan, Jawatankuasa Disiplin Dan Tatatertib, Jawatankuasa Gerakan Membaca Dan Khazanah Ilmu dan Jawatan Pembangunan Ilmu Dan ICT.

Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu lebih aktif mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu-isu berkaitan bidang tugas masing-masing. Segala keputusan jawatankuasa kerja perlu dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan.

c) **Laporan Prestasi Fizikal Dan Kewangan**

Perbadanan ada menyediakan laporan prestasi fizikal dan kewangan pada setiap bulan bagi semua projek yang dilaksanakannya. Laporan tersebut akan dihantar kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Kerajaan Negeri untuk tujuan pemantauan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan oleh jawatankuasa yang ada kurang memuaskan dan tidak banyak membantu menyelesaikan masalah utama yang dihadapinya iaitu berkenaan perjawatan dan kewangan. Jawatankuasa yang ditubuhkan perlu berfungsi dengan lebih cekap dan memberi manfaat kepada pengurusan Perbadanan.**

## **21. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada umumnya pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan boleh dipertingkatkan lagi bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada pengguna agar kewujudan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dapat memberi manfaat kepada masyarakat Negeri Kelantan dan membasmi buta huruf menjelang tahun 2020. Hasil kajian Audit menunjukkan terdapat kelemahan berkenaan sistem perolehan, perjawatan, pengurusan belanjawan, perkhidmatan bas perpustakaan bergerak dan kekurangan promosi aktiviti perpustakaan. Adalah disyorkan pihak Perbadanan mengambil tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelemahan tersebut:

- a) Pihak Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa yang dilantik perlu lebih aktif untuk memberi sumbangan idea dan kepakaran kepada Perbadanan terutamanya Jawatankuasa Kewangan berkaitan dengan sistem perolehan Perpustakaan.
- b) Perjawatan di Perbadanan perlu dikaji semula khususnya bagi mendapat kakitangan tetap supaya mereka lebih komited terhadap tugas yang perlu dijalankan.
- c) Pihak pentadbiran perlu mengguna peruntukan dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan dari pembaziran dan kekurangan peruntukan tahunan.
- d) Penstrukturkan semula Bahagian Sirkulasi/Bas Perpustakaan Bergerak/Cawangan/Desa perlu dilaksanakan agar perkhidmatan yang lebih baik dan bermutu dapat diberikan kepada para pengguna.

- e) Promosi serta aktiviti di perpustakaan cawangan dan perpustakaan desa perlu dipertingkatkan supaya penduduk sekitar mengetahui kewujudan perpustakaan di kawasan mereka.

## MAJLIS DAERAH TUMPAT

### PROJEK USAHASAMA PEMBANGUNAN BANDAR BARU PASIR PEKAN

#### **22. LATAR BELAKANG**

**22.1** Majlis Daerah Tumpat (Majlis) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1979 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sebelum ini Majlis dikenali sebagai Lembaga Bandaran Tumpat sejak tahun 1958. Majlis mempunyai keluasan kawasan seluas 147.1 kilometer persegi daripada 169.5 kilometer persegi keluasan keseluruhan jajahan Tumpat. Keluasan Majlis pula dibahagikan kepada 7 daerah iaitu Tumpat, Pengkalan Kubor, Jal, Terbak, Wakaf Bharu, Kebakat dan Sungai Pinang. Daerah-daerah ini adalah terdiri daripada 28 mukim. Majlis Daerah Tumpat merupakan sebuah jajahan yang paling utara di Negeri Kelantan di mana ia bersempadan dengan Negara Thailand (Takbai) di sebelah utara, Kota Bharu di sebelah selatan dan Pasir Mas di sebelah barat. Manakala di sebelah timur dibatasi oleh Laut Cina Selatan. Mengikut perangkaan terbaru, Majlis mempunyai seramai 126,831 penduduk yang terdiri daripada etnik Melayu 91.2%, Siam 4%, Cina 3.7%, India 0.1% dan bukan warga negara 1%.

**22.2** Secara umumnya Majlis berperanan untuk menyediakan kemudahan perbandaran seperti jalan Majlis, lampu jalan, pembetungan, memajukan kawasan awam seperti kawasan riadah, taman permainan kanak-kanak, bangunan perniagaan, perumahan dan sebagainya mengikut keadaan dan kesesuaian semasa. Majlis juga memberi dan menyediakan perkhidmatan seperti pungutan dan melupuskan sampah, perkhidmatan tempat letak kereta, meluluskan pelan bangunan dan mengeluarkan lesen premis perniagaan. Bagi membayai dan melaksanakan perkhidmatan tersebut, selain daripada menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Majlis juga telah diberi kuasa melalui Seksyen 39 Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk memungut hasil seperti cukai, sewa, lesen dan semua caj atau keuntungan hasil daripada perdagangan dan perkhidmatan yang dijalankan oleh Majlis.

**22.3** Selaras dengan perkembangan pembangunan sosial dan industri serta usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat, Majlis telah mengambil beberapa langkah positif dengan mengadakan projek usahasama dengan pihak swasta. Sehingga akhir tahun 2006, sebanyak 9 projek telah dirancang dan sedang dilaksanakan termasuk Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan. Projek ini merangkumi pembinaan sejumlah 482 unit bangunan terdiri daripada 54 unit kedai pejabat 2 tingkat, 70 unit rumah teres 1 tingkat, 30 unit rumah berkembar 1 tingkat, 170 unit rumah berkembar

2 tingkat, 144 unit rumah teres kos rendah 2 tingkat dan 14 unit rumah banglo serta kemudahan sosial yang dianggarkan bernilai RM42.51 juta. Melalui pelaksanaan usaha sama ini, Majlis dijangka akan memperoleh unit-unit bangunan bersamaan dengan RM3 juta.

### **23. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat yang dijalankan oleh Majlis Daerah Tumpat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat dan sasaran pembangunan.

### **24. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Kajian Audit ini meliputi aktiviti perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan, Tumpat antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd.. Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak fail projek berkaitan dengan perancangan dan dasar projek, pemilihan pemaju, dokumen perjanjian usaha sama, rekod kewangan, pengurusan dan pemantauan projek di Bahagian Pembangunan Majlis. Semakan juga dilakukan di Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Kelantan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN). Selain itu analisis Audit juga dibuat bagi menilai kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek. Lawatan ke tapak projek dan temu bual juga dijalankan terhadap pegawai Majlis yang terlibat, pemaju serta orang awam di kawasan sekitar.

### **25. PENEMUAN AUDIT**

#### **25.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan faktor penting dalam menggariskan agenda yang akan diikuti serta kaedah pelaksanaan yang akan dijalankan bagi memastikan kejayaan sesuatu projek. Perancangan dari segi dasar Kerajaan Negeri, undang-undang dan peraturan, kertas cadangan usahasama, sasaran projek usaha sama, komponen projek, kaedah pelaksanaan projek, keperluan kakitangan dan latihan, keperluan kewangan dan kaedah pemantauan hendaklah dirancang dengan baik agar projek yang akan dijalankan berjaya mencapai matlamat yang disasarkan serta memberi pulangan dari segi kewangan dan faedah kepada Majlis.

##### **25.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Setiap projek/program yang akan dilaksanakan hendaklah selari dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan hendaklah menepati matlamat pembangunan atau

projek/program yang hendak dilaksanakan itu. Dasar berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Kelantan telah dirangka oleh Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan di mana antara dasarnya ialah untuk memajukan Pihak Berkuasa Tempatan supaya lebih dinamik dan berdikari dari segi kewangan dan dapat memberi perkhidmatan asas dengan cekap dan efektif kepada masyarakat serta memastikan perancangan bandar yang maju, sistematik dan mempunyai alam persekitaran yang bersih dan indah berlandaskan kepada Dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pembangunan juga akan memusatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengembangkan ekonomi negeri selaras dengan perkembangan ekonomi negara.

Majlis pula akan menetapkan dasar pembangunannya supaya selari dengan Dasar Pembangunan Kerajaan Negeri Kelantan melalui Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat yang telah diwartakan pada bulan Disember 1998. Rancangan struktur ini dirangka untuk memandu dan menyelaras pembangunan dalam kawasan pembangunan yang ditetapkan. Oleh itu, matlamat Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat ialah untuk menggalak, memaju dan memandu pembangunan secara teratur dan sistematik selaras dengan hasrat Kerajaan dan rakyat. Strategi menumpukan pembangunan di pusat-pusat penempatan utama di samping menggalakkan pembangunan di koridor yang menunjukkan potensi berdaya maju. Dengan terlaksananya projek usahasama ini adalah dijangka ia akan memberi impak yang besar dalam mengubah prospek ekonomi ke kawasan-kawasan yang kurang membangun kepada ekonomi bandar yang lebih produktif melalui perwujudan pusat-pusat perkhidmatan.

### **25.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan**

Secara umumnya Seksyen 39 (b) Bahagian IV, Peruntukan-Peruntukan Am Kewangan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), membolehkan Majlis memperoleh hasil dalam menjalankan apa-apa perdagangan atau perkhidmatan dalam bidang kuasa Majlis. Kerajaan Negeri juga mengeluarkan peraturan berkaitan dengan projek usahasama antara Majlis dengan pihak swasta terutama dari segi kelulusan, syarat usahasama dan perkara yang perlu dibuat oleh pemaju sebagai mematuhi dasar Kerajaan Negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan garis panduan berhubung dengan kaedah pembangunan tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2005. Melalui pekeliling ini Kerajaan Negeri telah membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan mengusahakan dan memajukan sendiri projek yang tidak melebihi 30 lot.

### **25.1.3 Kertas Cadangan Pemajuan Projek**

Laporan Cadangan Pemajuan Projek adalah merupakan satu kertas justifikasi pelaksanaan projek. Sebelum sesuatu projek dijalankan, satu kertas cadangan hendaklah disediakan untuk dibincangkan oleh Mesyuarat Penuh Majlis dan seterusnya dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan untuk semakan sebelum diperakuan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Di peringkat Majlis, satu Jawatankuasa akan diwujudkan atau menggunakan Jawatankuasa yang sedia ada bagi merancang, menilai dan membuat kajian terhadap kesesuaian cadangan yang dikemukakan oleh pihak pemaju. Kertas cadangan ini biasanya akan mengandungi tujuan atau asas pertimbangan cadangan, profil syarikat pemaju, implikasi kewangan serta faedah yang diperoleh oleh Majlis dan perkara tambahan seperti asas yang perlu dipatuhi oleh pemaju dalam membangunkan cadangan tersebut.

Projek Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan dirancang secara usahasama dengan pihak pemaju melibat kos yang tinggi. Justeru itu, faktor penentuan lokasi projek akan diberi perhatian bagi menentukan supaya projek yang akan dibangunkan itu berdaya maju dan berjaya. Kedudukan lokasi projek yang strategik akan dapat menarik minat pemaju untuk turut menyertai projek usahasama dan yang paling pentingnya dapat memastikan pembangunan yang akan dibangunkan mendapat sambutan daripada pembeli serta dapat mencapai matlamat yang disasarkan. Selain itu satu pelan susunatur projek pembangunan ini yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri akan dikemukakan kepada pihak pemaju supaya pembangunan yang akan dilaksanakan nanti akan dapat dijalankan dengan terancang dan tersusun serta menepati hasrat Kerajaan. Antara elemen penting yang akan dimasukkan dalam pelan susunatur tersebut selain daripada pembangunan rumah kedai/pejabat dan penginapan yang bercampur-campur, ia juga mengambil kira kemudahan awam dan keperluan asas seperti kawasan permainan (kawasan lapang), masjid, tangki air, pencawang elektrik, surau dan jalan. Pelan ini juga akan bertindak sebagai garis panduan kepada pihak pemaju semasa melaksanakan pembangunan.

### **25.1.4 Sasaran Projek Usahasama**

Majlis mensasarkan Bandar Baru Pasir Pekan akan dibangunkan sebagai sebuah bandar yang terancang dan menarik. Oleh itu dalam membangunkan Bandar Baru Pasir Pekan beberapa objektif akan ditetapkan sebagai garis panduan kepada pemaju untuk memastikan perancangan yang akan dilaksanakan hendaklah mengambil kira faktor-faktor alam sekitar dan ciri-ciri estetik. Ia akan memberi penekanan kepada persekitaran kawasan perumahan yang bercirikan kehijauan. Pembangunan ini juga akan menyediakan langkah kawalan yang perlu untuk memastikan pembangunan ini tidak

mendatangkan implikasi negatif terhadap kawasan persekitarannya. Selain itu pembangunan ini juga akan dapat memberi faedah kepada masyarakat sekitar kerana ia akan menjadi pemangkin untuk memajukan kawasan-kawasan lain yang berdekatan dan menawarkan perkhidmatan kepada komuniti setempat selaras dengan Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat. Projek Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan akan dimajukan dalam tempoh 5 tahun (60 bulan) dari tarikh pindah milik tanah kepada pemaju. Selain itu, Majlis juga akan menetapkan pulangan yang akan diperoleh hasil daripada usahasama ini. Antaranya ialah hak keuntungan kepada Majlis sebanyak 30% keuntungan bersih berdasarkan unjuran Akaun Untung Rugi projek berkenaan. Pembahagian keuntungan ini adalah bersamaan dengan nisbah 3:7 iaitu unjuran keuntungan diramalkan kepada Majlis berjumlah RM4.24 juta. Jumlah ini boleh berubah sekiranya harga jualan bertambah atau berkurang dan unit-unit bangunan bertambah atau berkurang akibat keluasan yang berubah. Majlis juga telah bersetuju dengan tawaran pemaju bagi membayar kos tanah RM3 bagi sekaki persegi bagi setiap tanah yang dibangunkan. Ia dianggarkan berjumlah RM3.51 juta dan akan berubah mengikut keluasan lot sebenar.

#### **25.1.5 Konsep Dan Komponen Projek**

Konsep pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan dirancang untuk memberi aksesibiliti yang tinggi kepada penghuni di samping mempunyai jarak pencapaian yang baik ke tempat-tempat awam bersesuaian dengan lokasi projek yang terletak di jalan utama dari Bandar Pasir Mas dan Tumpat ke pusat Bandar Kota Bharu. Justeru itu, kawasan perkedaian dan pejabat akan terletak di bahagian hadapan jalan utama dan kawasan kediaman di bahagian belakang supaya ianya dapat memberi perkhidmatan dan memudahkan pergerakan penduduk kawasan sekitar cadangan dan mewujudkan suasana kediaman yang selesa dan harmoni. Manakala komponen pembinaan kediaman adalah bercampur-campur di mana rumah kos rendah, teres, rumah berkembar dan rumah banglo dibina bersama ke arah menyatupadukan penghuni Bandar Baru Pasir Pekan. Sebanyak 488 unit kedai/pejabat dan rumah kediaman dicadangkan bagi projek pembangunan ini. Selain daripada pembinaan kedai/pejabat dan rumah kediaman yang bercampur, cadangan komponen pembangunan lain ialah sistem sirkulasi, sistem saliran, sistem pembetungan, sistem bekalan air, bekalan elektrik, kemudahan awam dan landskap.

**a) Kedai/Pejabat**

Bersesuaian dengan cadangan untuk membangunkan sebuah Bandar Baru Pasir Pekan, sebanyak 45 unit lot kedai/pejabat akan dibina terletak di bahagian hadapan projek bagi menampung kawasan pembangunan dan sekitar. Sebanyak 6 blok bangunan dengan ukuran saiz 20' x 70' seunit sebanyak 18 unit dan saiz 20' x 80' sebanyak 27 unit kedai/pejabat akan dibina. Selain itu, tapak stesen minyak juga disediakan dengan keluasan 0.68 ekar.

**b) Rumah Kediaman**

Lima jenis kediaman yang dicadangkan iaitu rumah banglo, rumah berkembar dua, rumah berkembar empat, teres dan rumah kos rendah. Ukuran keluasan dan jumlah unit kediaman tersebut adalah sebagaimana di **Jadual 58**.

**Jadual 58**  
**Cadangan Pembangunan Kediaman**

Jenis Kediaman	Ukuran	Jumlah (Unit)
Rumah Banglo	8,000 kp2	13
Rumah Berkembar Dua	30' x 70'	132
Rumah Berkembar Empat	30' x 60'	68
Rumah Teres	20' x 70'	100
Rumah Kos Rendah	20' x 55'	130
<b>Jumlah</b>		<b>443</b>

Sumber : Laporan Cadangan Pemajuan Projek Bandar Baru Pasir Pekan.

**c) Sistem Sirkulasi**

Sistem sirkulasi ialah sistem jalan yang dirancang untuk dibina dalam kawasan projek. Ia akan menjadi penghubung antara satu kawasan dengan kawasan yang lain dalam tapak projek. Jalan masuk utama ke tapak projek dicadangkan terus dari *roundabout* sedia ada dengan kelebaran jalan 66 kaki untuk memudahkan perhubungan sambil memberi keutamaan kepada aspek keselamatan. Ia juga akan memberi kelancaran kepada perjalanan trafik. Manakala jalan untuk kawasan perkedaihan/pejabat dan jalan masuk ke tapak masjid dicadangkan selebar 50 kaki dengan jalan belakang selebar 20 kaki. Jalan untuk kawasan kediaman dicadangkan selebar 40 kaki dan rangkaian jalan akan bersambung dengan jalan-jalan kampung sedia ada supaya perhubungan dengan kawasan kampung bersebelahan tidak terputus. Di sebelah utara tapak cadangan akan disediakan untuk rizab pembesaran jalan Pasir Pekan. **Jadual 59** menunjukkan cadangan hierarki sistem jalan kawasan tapak cadangan.

**Jadual 59**  
**Cadangan Hierarki Jalan Raya**

Jenis	Kategori Jalan	Kelebaran Jalan (Kaki)
Jalan Utama	Utama	66
Jalan Perkedaian	Perkhidmatan	50
Jalan Kediaman	Pengumpul	40
Lorong	Belakang	20

Sumber : Laporan Cadangan Pemajuan Projek Bandar Baru Pasir Pekan.

**d) Sistem Saliran**

Bagi sistem saliran pula, satu sistem perparitan yang berpandukan garis panduan Jabatan Parit Dan Saliran akan dibina. Kawasan tадahan yang perlu diambil kira adalah terhad di kawasan kampung di sebelah barat sahaja. Rizab parit dan rizab sungai untuk *final discharge* terletak antara 150 hingga 450 meter dari tapak cadangan dan seterusnya ke rizab saliran yang terletak di sebelah barat tapak.

**e) Sistem Pembetungan**

Rangkaian pembetungan dicadangkan dengan air kumbahan dialirkan ke loji rawatan najis yang berkeluasan 3,158.8 meter persegi. Loji rawatan yang dicadangkan adalah jenis tangki binaan bawah tanah yang beroperasi secara mekanikal. Saiz dan lokasi loji adalah menurut piawaian yang diguna pakai oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan. Jarak loji ke pagar sempadan ialah 5 meter sementara jarak pagar sempadan ke lot kediaman ialah 5 meter.

**f) Sistem Bekalan Air**

Sistem bekalan air dicadangkan dengan menyambung daripada paip utama yang sedia ada di Jalan Kota Bharu-Tumpat ke tangki simpanan dengan keluasan 1,311 m<sup>2</sup>.

**g) Bekalan Elektrik**

Sebanyak 4 unit pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad dicadangkan dibina dengan keluasan 0.42 ekar bagi menampung keperluan tenaga keseluruhan kawasan cadangan pembangunan.

### **h) Kemudahan Awam**

Kemudahan awam yang akan disediakan meliputi masjid, tadika, tanah perkuburan dan kawasan lapang. Unit dan keluasan komponen kemudahan awam adalah seperti di **Jadual 60**.

**Jadual 60**  
**Cadangan Pembangunan Kemudahan Awam**

Komponen	Unit	Luas (Ekar)
Masjid Dan Surau	2	1.72
Tadika	1	0.11
Kawasan Lapang	6	4.36
Jalan	-	16.32
Loji Penapis Najis	1	3,158.8 m <sup>2</sup>
Tanah Perkuburan	1	1.84
Tangki Air	1	1,311 m <sup>2</sup>
Pencawang Elektrik	4	0.42

*Sumber : Laporan Cadangan Pemajuan Projek Bandar Baru Pasir Pekan.*

### **i) Landskap**

Pokok akan ditanam di kawasan pembangunan mengikut lukisan Pelan Landskap : KP/KAA-BPP/PL/01/05 bagi memberi penekanan kepada persekitaran kawasan perumahan yang bercirikan kehijauan. Sebanyak 8 jenis pokok akan ditanam sebagaimana di **Jadual 61**.

**Jadual 61**  
**Cadangan Penanaman Pokok**

Bil.	Lokasi	Jenis Pokok	Pokok	Ketinggian (m)
1.	Hadapan Kedai/Pejabat	Callistemon Citrinus (Bottle Brush Tree)	27	1.5
2.	Rumah Teres 1 tingkat	Bauhinia Blakeana (Tapak Kuda)	35	1.5
3.	Rumah Berkembar 1 tingkat	Gardenia Carinata (Kedah Gardenia)	15	1.5
4.	Rumah Berkembar 2 tingkat	Eythrina Glauca (Dedap)	81	1.5
5.	Rumah Kos Rendah	Michelia Chapaka (Cempaka) & Tabebuia Pentaphylolia (Tabebuai)	67&43	1.5
6.	Rumah Banglo	Filicium Decipiens (Kiara Payung)	13	1.5
7.	Kawasan Lapang	Samenea Saman (Hujan-Hujan)	40	2.0

*Sumber : Fail Projek*

### **25.1.6 Kaedah Pelaksanaan Usahasama**

Sebelum sesuatu projek pembangunan hendak dilaksanakan di Majlis sama ada projek itu secara usahasama ataupun sebaliknya, ia akan terlebih dahulu dibincangkan dan dipersetujui oleh satu jawatankuasa di peringkat Majlis yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan, Perancangan Dan Projek-Projek Khas sebelum diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis. Setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis, kertas cadangan berkenaan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan sebelum diperakukan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Kertas cadangan ini juga akan melalui proses perbincangan antara Majlis dan Jawatankuasa Penswastaan Negeri untuk tujuan penambahbaikan dan bagi memastikan hasrat dan dasar Kerajaan dipatuhi. Sebagai syarat persetujuan mengadakan usahasama antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd., Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan menetapkan beberapa syarat untuk dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:

- a) Syarikat hendaklah membuat kajian secara terperinci di atas kawasan yang dicadangkan dan mengemukakan Laporan Teknikal Dan Kewangan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri.
- b) Mematuhi Dasar dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian serta syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan Kerajaan Negeri.
- c) Tidak dibenarkan membuat cagaran terhadap tanah tersebut. Walau bagaimanapun *end financing* boleh dipertimbangkan dengan kelulusan pihak Kerajaan Negeri.
- d) Syarikat hendaklah mengemukakan penyata modal berbayar pada kadar minimum RM1 juta sebagai jaminan kepada pelaksanaan projek.
- e) Pelaksanaan projek hendaklah secara usaha sama antara Majlis Daerah Tumpat dan Simpura Aktif Sdn. Bhd.

Selain itu juga satu perjanjian akan ditandatangani antara Majlis dan syarikat pemaju terbabit untuk memastikan tugas dan tanggungjawab masing-masing terhadap usahasama yang akan dijalankan. Bagi mengelak perjanjian berat sebelah dan boleh dimanipulasikan, Majlis perlu menghantar draf perjanjian kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan kelulusan. Ini bagi memastikan hak dan kepentingan Majlis terpelihara dan dipatuhi supaya usahasama dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Semua syarat yang terkandung dalam perjanjian seperti pelaksanaan projek, balasan kepada Majlis dan pemaju, obligasi Majlis dan pemaju, pembinaan unit-unit Majlis, masa bagi menyiapkan pembangunan, penamatan dan sebagainya akan dipersetujui bersama oleh Majlis dan pemaju sebelum perjanjian ditandatangani.

### **25.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

#### **a) Guna tenaga**

Majlis akan hanya menggunakan khidmat seorang Pembantu Teknik untuk mengurus, menyelia dan memantau projek usahasama ini. Ini adalah kerana semua kerja berkaitan keperluan teknikal bagi projek usahasama ini adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab pemaju yang akan melantik konsultan projek seperti Arkitek, Jurukur dan Jurutera bagi mengawasi kerja teknikal.

#### **b) Latihan**

Majlis tidak merancang keperluan latihan kepada Pembantu Teknik yang ada kerana semua kerja berkaitan keperluan teknikal bagi projek usahasama ini adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab pemaju.

### **25.1.8 Keperluan Kewangan**

Kos pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah dianggarkan bernilai melebihi RM42.51 juta. Anggaran kos pembangunan ini dibuat oleh pemaju semasa mengemukakan Kertas Cadangan Pemajuan Projek. Majlis mengambil kira keperluan kewangan ini dan keputusan dibuat bagi mengusahakannya secara usahasama dengan syarikat pemaju swasta. Tanah tapak Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan yang melibatkan seluas 11 ekar adalah milik Kerajaan Negeri dan seluas 42 ekar lagi terlibat dengan pengambilan balik tanah. Melalui kaedah ini Majlis akan menyediakan tapak pembangunan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah dengan mendaftarkannya atas nama Majlis dan kemudiannya memindahkannya kepada pemaju. Ini bermakna pampasan kepada pemilik tanah, bayaran tukar syarat, pecah sempadan dan segala kos berhubung dengan tanah akan dibayar oleh Majlis terlebih dahulu sebelum mendapatkan bayaran balik daripada pemaju sebagaimana yang disyaratkan dalam Fasa 10.02 perjanjian.

### **25.1.9 Kaedah Pemantauan**

Mekanisme pemantauan haruslah dirancang bagi memastikan pembangunan berjalan dengan lancar dan segala keperluan perundungan dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak. Pemantauan yang berkesan akan dapat mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa pelaksanaan projek. Mengikut perjanjian usahasama, pemantauan akan dijalankan secara kolektif iaitu dengan menubuhkan jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama yang akan dianggotai oleh 9 orang ahli daripada kedua-dua belah pihak. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis, manakala 4 orang ahli akan dilantik oleh Majlis dan 4 orang ahli lagi akan dilantik oleh pemaju. Jawatankuasa ini akan berfungsi untuk membantu berhubung

dengan pihak berkuasa yang berkenaan seperti Jabatan Bekalan Air dan Tenaga Nasional Berhad. Selain itu, Jawatankuasa ini berperanan untuk membuat laporan kemajuan pembangunan bulanan dan juga membantu menyegerakan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan untuk keseluruhan pembangunan.

**Pada pandangan Audit secara keseluruhannya perancangan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah memuaskan.**

## **25.2 PELAKSANAAN**

Bagi merealisasikan hasrat membangunkan Bandar Baru Pasir Pekan serta untuk meningkatkan perkhidmatan dan menjadikan kawasan ini sebagai katalis kepada kawasan-kawasan yang berhampiran, Majlis telah menerima tawaran yang dibuat oleh Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. sebagai pemaju untuk memajukan satu kawasan seluas 53 ekar yang terletak antara Jajahan Tumpat dan Kota Bharu. Tapak kawasan ini adalah merupakan sebahagian daripada tanah yang pada mulanya diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan sebahagian lagi tanah milik penduduk sekitar yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Lokasi tapak kawasan pembangunan bandar baru Pasir Pekan ialah 3 kilometer dari bandar Kota Bharu dan 17 kilometer dari bandar Tumpat dan Pasir Mas.

### **25.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Dasar Kerajaan Negeri ialah untuk memajukan Pihak Berkuasa Tempatan supaya lebih dinamik dan berdikari dari segi kewangan dan dapat memberi perkhidmatan asas dengan cekap dan efektif kepada masyarakat serta memastikan perancangan bandar yang maju, sistematik dan mempunyai alam sekitar yang bersih dan indah berlandaskan kepada Dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pembangunan kawasan ini juga akan memusatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengembangkan ekonomi negeri selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Selain itu, pembangunan ini juga selaras dengan Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat yang telah diwartakan pada bulan Disember 1998. Rancangan struktur ini dirangka untuk memandu dan menyelaras pembangunan dalam kawasan pembangunan yang ditetapkan. Oleh itu, matlamat Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat ialah untuk menggalak, memaju dan memandu pembangunan secara teratur dan sistematik selaras dengan hasrat Kerajaan dan rakyat. Strategi menumpukan pembangunan di pusat-pusat penempatan utama di samping menggalakkan pembangunan di koridor yang menunjukkan potensi berdaya maju. Pelaksanaan projek ini juga dapat menjadikan Pasir Pekan sebagai bandar sokongan kepada bandar Kota

Bharu kerana lokasinya lebih dekat dengan Kota Bharu berbanding bandar Tumpat. Ini mengubah corak ekonomi dari kawasan yang kurang membangun kepada sebuah bandar yang lebih pesat membangun. Justeru itu, Projek Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk dibangunkan secara usahasama dengan pihak swasta.

**Pihak Audit berpendapat Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah baik kerana mematuhi dasar Kerajaan Negeri dan Majlis.**

#### **25.2.2 Undang-Undang Dan Peraturan**

Undang-undang yang ada membenarkan Majlis memperoleh hasil atau pendapatan daripada perdagangan atau perkhidmatan yang dijalankan. Ia diperuntukkan di bawah Seksyen 39 (b) Bahagian IV, Peruntukan-Peruntukan Am Kewangan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Semakan Audit mendapati projek usahasama yang dijalankan oleh Majlis dengan pihak swasta adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Selain itu, Majlis juga telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri khususnya untuk mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum projek hendak dilaksanakan.

**Pihak Audit berpendapat, projek usahasama yang dilaksanakan oleh Majlis adalah baik kerana selaras dengan peruntukan undang-undang yang ada dan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.**

#### **25.2.3 Kertas Cadangan Pemajuan Projek**

Idea pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan telah dicadangkan oleh pihak pemaju pada bulan Mac 1997. Kertas Cadangan Pemajuan Projek seterusnya telah dikemukakan kepada pihak Majlis untuk dipertimbangkan. Kertas cadangan ini kemudiannya telah dibincangkan oleh Yang Dipertua Majlis, Ketua Whip, Penggerusi Jawatankuasa Bangunan, Penggerusi Jawatankuasa Pelesenan dan Penggerusi Jawatankuasa Kebersihan Dan Keindahan. Hasil daripada perbincangan itu, satu cadangan balas telah dibuat dengan sedikit pengubahsuaian kepada kertas cadangan yang dikemukakan oleh pemaju dan ianya dipersetujui oleh pihak pemaju. Antara cadangan balas ialah :

- Pelaksanaan Fasa II tidak melibatkan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Cadangan bangunan kedai/pejabat 2 tingkat yang berhadapan dengan jalan besar Pasir Pekan-Kota Bharu dijadikan bangunan kedai/pejabat 3 tingkat.
- Cadangan rumah kos sederhana ditukar kepada pembinaan rumah kos rendah.

- Membatalkan pembinaan pusat industri kecil.

Kertas cadangan ini seterusnya dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan untuk mendapat maklum balas sebelum diperakukan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri yang bersidang pada bulan September 1997 telah menerima cadangan ini pada dasarnya dengan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- Syarikat pemaju hendaklah membuat kajian secara terperinci dan mengemukakan laporan teknikal dan kewangan kepada UPEN.
- Mematuhi dasar dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian serta syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Teknikal dan Kerajaan Negeri.
- Tidak dibenarkan membuat cagaran ke atas tanah tersebut. Bagaimanapun *end financing* boleh dipertimbangkan dengan kelulusan pihak Kerajaan Negeri.
- Syarikat hendaklah mengemukakan penyata modal berbayar pada kadar minimum RM1 juta sebagai jaminan kepada pelaksanaan projek.
- Pelaksanaan projek hendaklah secara usahasama antara Majlis Daerah Tumpat dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd.

Lanjutan daripada itu, satu lagi mesyuarat diadakan pada bulan Ogos 1997 untuk syarikat pemaju membentangkan kertas kerja cadangan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan. Hasilnya mesyuarat bersetuju supaya :

- Pemaju menyediakan pelan tataatur yang lebih terperinci dan mengikut piawaian tertentu.
- Mengemukakan penyata kewangan yang lebih terperinci.
- Muzium hendaklah diadakan dalam kawasan yang telah diperuntukkan sejak awal pengambilan tanah.

Semakan Audit mendapati pindaan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Majlis dan Jawatankuasa Penswastaan Negeri telah dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju kecuali pembinaan bangunan kedai/pejabat 3 tingkat dan kemudahan *end financing* tidak dipenuhi oleh pemaju kerana pemaju berpendapat bahawa kos jualan bangunan 3 tingkat adalah terlalu tinggi serta sukar untuk mendapatkan pembeli bagi kawasan berkenaan dan kemudahan *end financing* tidak dapat dielakkan untuk membiayai kos pembinaan yang tinggi. Tambahan pula Majlis membenarkan tanah tapak projek ditukar hak milik kepada pemaju sebagai salah satu syarat usahasama. Pemaju telah

mengemukakan maklum balas Laporan Cadangan Pemajuan Projek untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dengan membuat pindaan terhadap pembinaan kedai/pejabat 3 tingkat kepada 2 tingkat. Masalah *end financing* tidak dibincangkan langsung sama ada oleh Majlis ataupun pihak Kerajaan Negeri. Laporan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Disember 1997 dan memperakarkan projek pembangunan bandar baru Pasir Pekan dijalankan secara usahasama oleh Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. yang beralamat di Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Selain itu, lokasi projek yang strategik amat penting dalam menentukan sesuatu projek pembangunan berdaya maju dan mempunyai permintaan yang tinggi. Pada permerhatian Audit, lokasi pembangunan yang dipilih amatlah sesuai memandangkan ianya terletak hanya 3 kilometer dari bandar Kota Bharu dan menjadi satu kawasan bandar sokongan kepada bandar Kota Bharu. Ini ditambah lagi dengan pembinaan tambahan jambatan dua lorong merintangi sungai Kelantan dan pembesaran Jalan Pasir Pekan-Kota Bharu yang sedang dalam pembinaan akan menjadikan projek pembangunan kawasan ini amat strategik dan mendapat permintaan yang tinggi daripada pembeli.

Semakan Audit mendapati Majlis tidak membuat perancangan awal berhubung usahasama yang akan dijalankan dengan pihak swasta kerana idea pembangunan bandar baru Pasir Pekan dicetuskan oleh pihak pemaju. Kertas cadangan pemajuan projek tidak dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis sebaliknya hanya dibincangkan oleh YDP, Ketua Whip, Pengurus Jawatankuasa Bangunan, Pengurus Jawatankuasa Pelesenan dan Pengurus Jawatankuasa Kebersihan Dan Keindahan serta Setiausaha Majlis sahaja. Oleh itu, idea pembangunan ini tidak dibuat secara terancang dan kolektif. Terdapat beberapa perkara yang tidak disentuh semasa mempertimbangkan cadangan pemaju. Antaranya ialah masalah tanah tapak projek, kaedah pelaksanaan pembinaan dan kuota pemilikan rumah. Akibatnya ia telah memberi kesan kepada pelaksanaan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan.

#### a) **Masalah Tanah Tapak Projek**

Setelah kertas cadangan dikemukakan oleh pemaju pada bulan Mac 1997 dan kelulusan MMK berhubung dengan projek usahasama diperolehi pada bulan Disember 1997, pihak Majlis telah membuat permohonan pengambilan balik tanah kepada Pentadbir Tanah Jajahan Tumpat pada bulan Mei 1999. Kelulusan pengambilan balik tanah oleh MMK diperoleh pada bulan Mac 2000 manakala pewartaan pengambilan balik tanah oleh Pentadbir Tanah Jajahan Tumpat pada bulan Ogos 2000 dan seterusnya borang ‘K’ Seksyen 19 Akta Pengambilan Balik

Tanah 1960 (Notis Tanah Diambil Balik) dikeluarkan pada bulan Disember 2000. Semasa proses pengambilan balik tanah telah berlaku bantahan daripada tuan tanah. Daripada 42 ekar tanah yang terlibat dengan pembangunan ini, kawasan seluas 5 ekar telah dikeluarkan daripada kawasan pembangunan atas nasihat Menteri Besar. Dalam cadangan asal terdapat sebanyak 488 unit rumah di mana Majlis akan mendapat sebanyak 8 unit rumah kedai. Akibat bantahan pemilik tanah beberapa kawasan terpaksa dikeluarkan dan bilangan lot tanah berbaki 416 lot sahaja. Menteri Besar pada dasarnya telah bersetuju tanah yang dikeluarkan itu diganti dengan tanah tapak Muzium seluas lebih kurang 5 ekar. Dengan pengubahsuaian ini jumlah lot yang akan dibangunkan ialah sebanyak 483 lot. Manakala tanah tapak Muzium seluas 5 ekar akan diangkat kepada MMK untuk kelulusan. Proses pengambilan balik tanah selesai sepenuhnya apabila kelulusan MMK diperoleh bagi pindah milik tanah daripada Majlis kepada syarikat pemaju pada bulan Mei 2002. Proses ini memakan masa selama 2 tahun dari permohonan Majlis sehingga kelulusan MMK.

Selain itu, mengikut perjanjian, tanah yang diambil balik akan didaftarkan atas nama Majlis dan kemudian dipindah milik kepada syarikat pemaju dengan syarat satu *land bond* berjumlah RM1 juta dikemukakan oleh pemaju kepada Majlis sebagai jaminan bagi penyiapan unit-unit Majlis. Bagaimanapun syarikat pemaju memohon kepada Majlis untuk memindahkan tanah-tanah tersebut terus kepada pembeli dan *land bond* dikecualikan. Keadaan ini bercanggah dengan Fasal 6.01 perjanjian usahasama yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. Atas nasihat peguam panel dan keputusan Jawatankuasa Kewangan, Perancangan, Pembangunan Dan Projek-Projek Khas Majlis, satu kertas cadangan dikemukakan kepada MMK untuk meminda perjanjian yang telah ditandatangani. Cadangan ini mendapat kelulusan MMK pada bulan November 2003 dengan syarat perjanjian tambahan hendaklah dibuat dan *land bond* dikekalkan. Bagaimanapun perjanjian ini tidak diteruskan untuk ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

**Pihak Audit berpendapat, masalah tanah tapak projek telah menjaskan kelancaran pelaksanaan projek pembangunan.**

**b) Kuota Pemilikan Rumah**

Kuota pemilikan rumah ialah pembahagian pemilikan rumah antara Melayu dan bukan Melayu bagi satu-satu kawasan pembangunan. Penetapan kuota pemilikan rumah adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Penyelaras Projek Perumahan Terbengkalai Dan Kuota Penjualan Rumah Negeri Kelantan. Kuota ini bergantung

mengikut kawasan yang dibangunkan. Masalah kuota pemilikan ini berbangkit setelah permintaan yang tinggi daripada kaum bukan Melayu dan pemaju mencadangkan kepada Majlis supaya memohon kepada Kerajaan Negeri sebanyak 30% kuota untuk bukan Melayu bagi kategori kediaman. Bagaimanapun permohonan ini ditolak oleh Jawatankuasa Penyelaras Projek Perumahan Terbengkalai Dan Kuota Penjualan Rumah Negeri Kelantan. Kuota yang diluluskan ialah sebanyak 15% sahaja untuk bukan Melayu. Pemaju sekali lagi membuat rayuan kepada Menteri Besar supaya menambahkan kuota daripada 15% kepada 28% dengan alasan deposit rumah telah dikutip daripada pembeli bukan Melayu. Pemaju juga memberi alasan bahawa sukar untuk mendapatkan pembeli Melayu. Bagaimanapun rayuan ini ditolak oleh MMK dan mengekalkan kuota yang telah diluluskan sebelum ini. Dengan penolakan ini pemaju terpaksa memulangkan balik deposit yang diterima daripada pembeli bukan Melayu berjumlah RM0.99 juta sebagai tempahan sebanyak 55 unit rumah kediaman yang telah dijual kepada mereka. Ini merupakan salah satu sebab kerja-kerja pembinaan terhenti. Maklumat lanjut mengenai pemilikan rumah antara Melayu dan bukan Melayu adalah sebagaimana di **Jadual 62**.

**Jadual 62**  
**Perangkaan Pemilikan Rumah Melayu Dan**  
**Bukan Melayu Setakat Bulan Oktober 2006**

Bil.	Jenis Bangunan	Bil. Rumah Dibina	Melayu	Bukan Melayu	
				Lulus	Tidak Lulus
1.	Kedai/Pejabat 2 Tkt. (20'x70')	36	23	10	3
2.	Kedai/Pejabat 2 Tkt. (20'x80')	18	18	-	-
3.	Rumah Teres 1 tingkat (20' x 70')	70	46	16	8
4.	Rumah Berkembar 1 tingkat (30' x 70')	30	30	-	-
5.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 60')	68	26	21	21
6.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 70')	102	54	25	23
7.	Rumah Kos Rendah	144	144	-	-
8.	Rumah Banglo	14	14	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>482</b>	<b>355</b>	<b>72</b>	<b>55</b>

Sumber : Fail Projek

Laporan yang dibuat oleh pemaju pada mesyuarat pemantauan projek-projek Pelaburan Kerajaan Negeri Kelantan yang diadakan pada 3 Julai dan 2 Oktober 2006 menunjukkan kedudukan penjualan rumah kepada bukan Melayu sebanyak 127 unit. Bagaimanapun hanya sebanyak 72 unit telah diluluskan dan sebanyak 55 unit lagi tidak diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Ini kerana kedudukan kuota telah melebihi daripada yang diluluskan iaitu 26.4% sedangkan kuota yang diluluskan

hanya 15% sahaja. Oleh itu, penolakan 55 unit pembelian oleh bukan Melayu adalah selaras dengan polisi Kerajaan Negeri.

**Pihak Audit berpendapat, kuota pemilikan rumah tidak diberi perhatian yang serius oleh Majlis semasa menimbangkan Kertas Cadangan Pemajuan Projek.**

**Foto 54** adalah pemandangan dari atas Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan.

**Foto 54**  
**Pemandangan Dari Atas Projek Usahasama**  
**Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan**



01/11/2006

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Pihak Audit berpendapat, Kertas Cadangan Pemajuan Projek Usahasama Bandar Baru Pasir Pekan antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. tidak memuaskan kerana tidak dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis. Bagaimanapun, ia mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.**

#### **25.2.4 Sasaran Pelaksanaan Projek Usahasama**

Projek Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan pada mulanya mengambil masa selama 5 tahun untuk dibangunkan. Tarikh milik tapak projek ini pada awalnya ialah pada bulan Mac 2001 dan sepatutnya siap sepenuhnya pada bulan Mac 2006. Bagaimanapun ia bergantung pada tarikh pindah milik tanah kepada pemaju sebagai syarat yang terkandung dalam perjanjian antara Majlis dan pemaju terbabit. Pada tarikh milik tapak, masalah pengambilan balik tanah yang terlibat dengan pembangunan belum lagi dapat

diselesaikan. Pengambilan balik tanah selesai sepenuhnya pada bulan Mei 2002 setelah MMK memberi kelulusan untuk pindah milik tanah daripada Majlis kepada pemaju. Sebagai balasan pindah milik tanah, pemaju dikehendaki mengemukakan *land bond* sejumlah RM1 juta bagi menjamin penyiapan unit-unit Majlis. Berasaskan syarat perjanjian ini, Majlis telah mengemukakan Notis Pindah Milik Tanah kepada pemaju pada bulan Disember 2002. Sekiranya pemaju gagal mematuhi notis ini dalam masa 30 hari, Majlis akan menamatkan perjanjian tanpa sebarang notis lagi. Pemaju menyarankan kepada Majlis agar *land bond* dimansuhkan dan tanah tersebut dipindah milik terus kepada pembeli. Majlis bersetuju dengan cadangan pemaju supaya tanah dipindah milik terus kepada pembeli tetapi *land bond* tetap dikenakan. Satu perjanjian tambahan dibuat oleh Majlis untuk pindah milik tanah terus kepada pembeli manakala bagi meneruskan pembangunan pemaju telah menandatangani satu perjanjian dengan kontraktor Mutiara Raya Corporation Sdn. Bhd. sebagai kontraktor pembinaan pembangunan bandar baru Pasir Pekan. Tarikh milik tapak kontraktor terbabit ialah pada bulan Mei 2003 dan tarikh siap sepenuhnya pada bulan Mei 2006 (3 tahun). Pembinaan berjalan lancar sehingga bulan Mac 2005, ianya terhenti kerana berlaku pertelingkahan antara pemaju dengan kontraktor utama Mutiara Raya Corporation Sdn. Bhd. yang membawa kepada penamatan kontrak kontraktor terbabit. Berdasarkan Laporan Mesyuarat Pemantauan Projek-Projek Pelaburan Negeri Kelantan yang diadakan pada bulan Julai 2006, peratus penyiapan projek mengikut kategori sehingga bulan Jun 2006 seperti di **Jadual 63**.

**Jadual 63**  
**Kemajuan Kerja Keseluruhan Projek Pembangunan**  
**Bandar Baru Pasir Pekan Setakat Bulan Jun 2006**

Bil.	Jenis Bangunan	Bil. Unit	Kemajuan (%)
1.	Kedai Pejabat (20'x70')	36	85.2
2.	Kedai Pejabat (20'x80')	18	37.0
3.	Rumah Teres 1 tingkat (20' x 70')	70	99.2
4.	Rumah Berkembar 1 tingkat (30' x 70')	30	97.6
5.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 60')	68	41.9
6.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 70')	102	40.9
7.	Rumah Kos Rendah	144	0
8.	Rumah Banglo	14	0
9.	Stesen Minyak	1	0
10.	Komponen Kemudahan Awam Lain		0

Sumber : Fail Projek

Mengikut laporan pemaju yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemantauan Projek Majlis Daerah Tumpat, selepas penamatan kontrak kontraktor Mutiara Raya Corporation Sdn. Bhd., pemaju telah meneruskan kerja-kerja pembinaan yang terhenti dengan melantik 6 kontraktor mengikut pakej yang telah ditetapkan. Lawatan Audit pada 27 November 2006 menunjukkan keadaan bangunan rumah kedai/pejabat (20' x 70'), rumah berkembar 2 tingkat yang hampir siap, rumah berkembar 2 tingkat dan rumah kedai/pejabat (20' x 80') yang sedang dalam pembinaan dan rumah berkembar 1 tingkat serta rumah teres 1 tingkat yang hampir siap sepenuhnya adalah seperti di **Foto 55** hingga **Foto 60**.

**Foto 55**  
**Bangunan Rumah Kedai/Pejabat 20' x 70'**  
**Yang Hampir Siap 95%**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Foto 56**  
**Rumah Berkembar 2 Tingkat 30' x 60'**  
**Sedang Dalam Pembinaan 65%**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Foto 57**  
**Rumah Berkembar 2 Tingkat 30' x 70'**  
**Sedang Dalam Pembinaan 50%**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 58**  
**Bangunan Kedai/Pejabat 20' x 80' Dalam Pembinaan 37%**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 59**  
**Rumah Berkembar 1 Tingkat Yang Telah Siap Dibina 100%**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 60**  
**Rumah Teres 1 Tingkat Yang Telah Siap Dibina 100%**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

Akibat daripada kelewatan penyiapan projek pembangunan ini telah memberi kesan secara tidak langsung kepada imej Kerajaan Negeri kerana projek ini telah mendapat perhatian umum dan terletak bersebelahan dengan jalan utama Tumpat/Pasir Mas ke Kota Bharu. Tapak projek ini pada asalnya telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan Muzium tetapi telah ditukar kepada pembangunan komersial. Selain itu,

Majlis tidak dapat mengutip hasil Lesen Premis Perniagaan, Cukai Taksiran dan penggunaan bangunan yang akan menjadi milik Majlis. Pembeli pula secara langsung telah mengalami kerugian kerana sebahagiannya terpaksa membayar ansuran bulanan dengan pihak Kerajaan bagi yang mendapat pembiayaan Kerajaan dan institusi kewangan bagi yang membuat pinjaman dengan bank kerana projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Semakan juga mendapati pemaju telah menunaikan tanggungjawabnya di bawah perjanjian usahasama dan membayar wang pendahuluan sejumlah RM400,000, bayaran harga tanah RM4 juta (selepas ditolak RM400,000) dan sebahagian daripada perbelanjaan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah oleh Majlis. Bagaimanapun *land bond* RM1 juta tidak dikemukakan oleh pemaju. Ini menjelaskan perjalanan perjanjian usahasama antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd.. Selain itu, keputusan yang dibuat melalui Mesyuarat Penyelarasaran Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan pada awalnya telah menetapkan bahawa Majlis akan mendapat sebanyak 8 unit rumah kedai/pejabat terhadap cadangan asal pembangunan sebanyak 488 unit rumah. Bagaimanapun cadangan ini telah dipinda akibat bantahan daripada pemilik tanah dan persetujuan secara formal unit-unit bangunan yang akan menjadi milik Majlis belum lagi ditentukan oleh Majlis dan pemaju. Pihak Audit difahamkan bahawa sebanyak 9 unit rumah kedai/pejabat (20' x 80') akan diberikan kepada Majlis sebagai balasan projek usahasama ini. Bagaimanapun hasil lawatan Audit pada bulan 27 November 2006 mendapati bangunan yang akan menjadi hak Majlis masih belum disiapkan lagi dan kemajuannya hanyalah setakat 37% sahaja. Lawatan susulan pada 9 April 2007 kemajuan kerja bagi kedai pejabat ialah 95%, rumah teres satu tingkat (20'x70') ialah 99%, rumah berkembar satu tingkat (30' x70') ialah 99% dan rumah berkembar dua tingkat (30'x70') ialah 60%.

**Pihak Audit berpendapat, sasaran pelaksanaan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan tidak memuaskan kerana sehingga sekarang projek ini gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan pada 18 Mei 2006.**

#### **25.2.5 Komponen Projek Usahasama**

Pada mulanya pemaju bercadang untuk membina sejumlah 488 unit rumah kediaman dan kedai/pejabat di kawasan tanah seluas 42 ekar yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Bagaimanapun seluas 37 ekar (416 lot) sahaja dapat diselesaikan pengambilan manakala seluas 5 ekar lagi mendapat bantahan daripada tuan tanah. Satu mesyuarat Penyelarasaran Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan yang diadakan pada bulan Disember 2001 yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa

Pentadbiran, Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Wilayah Negeri Kelantan telah bersetuju dengan cadangan Menteri Besar untuk menggantikan tanah seluas 5 ekar dengan tanah tapak Muzium. Dengan pengubahsuaian ini jumlah lot kediaman dan kedai/pejabat yang dibangunkan ialah sebanyak 483 lot. Komponen lot kediaman dan komponen pembangunan kemudahan awam lain adalah sebagaimana di **Jadual 64** dan harga jualan adalah seperti di **Jadual 65**.

**Jadual 64**  
**Komponen Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan**

Bil.	Jenis Komponen	Bil. Unit
	<b>Kediaman/Kedai/Pejabat</b>	
1.	Kedai/Pejabat (20'x70')	36
2.	Kedai/Pejabat (20'x80')	18
3.	Rumah Teres 1 tingkat (20' x 70')	70
4.	Rumah Berkembar 1 tingkat (30' x 70')	30
5.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 60')	68
6.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 70')	102
7.	Rumah Kos Rendah	144
8.	Rumah Banglo	14
9.	Stesen Minyak	1
		-----
		<b>483</b>
		=====
	<b>Pembangunan Kemudahan Awam</b>	
1.	Masjid	1
2.	Surau	1
3.	Tadika	1
4.	Kawasan Lapang	6
5.	Jalan	-
6.	Loji Penapis Najis	1
7.	Kubur	1
8.	Tangki Air	1
9.	Pencawang Elektrik	4

Sumber : Fail Projek Majlis

**Jadual 65**  
**Harga Rumah Untuk Dijual**

Bil.	Jenis Bangunan	Harga Jualan (RM)	
		Bumiputera	Bukan Bumiputera
1.	Kedai/Pejabat (20'x70')	260,000	325,000
2.	Kedai/Pejabat (20'x80')	*	*
3.	Rumah Teres 1 tingkat (20' x 70')	88,900	106,000
4.	Rumah Berkembar 1 tingkat (30' x 70')	138,900	166,680
5.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 60')	151,900	181,000
6.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 70')	*	*
7.	Rumah Kos Rendah	*	*
8.	Rumah Banglo	*	*

Sumber : Fail Projek Majlis

Nota : \* Maklumat harga masih belum diputuskan oleh kontraktor dan Majlis.

**a) Kedai/Pejabat**

Cadangan untuk membina sebanyak 45 unit lot kedai/pejabat dengan ukuran saiz 20' x 70' seunit sebanyak 18 unit dan ukuran saiz 20' x 80' sebanyak 27 unit tidak dapat dilaksanakan kerana masalah pengambilan balik tanah. Pengubahsuaian telah dibuat terhadap jenis yang dibangunkan serta diluluskan oleh Majlis dan pihak Kerajaan Negeri. Dalam pengubahsuaian tersebut, pemaju melaksanakan pembinaan 4 blok kedai/pejabat bersaiz 20' x 70' sebanyak 36 unit dan 2 blok bangunan bersaiz 20' x 80' sebanyak 18 unit menjadikan pembinaan kedai/pejabat sebanyak 54 unit. Dari segi susun aturnya tidak banyak yang berubah daripada cadangan asal iaitu kedai/pejabat 20' x 70' diletak di bahagian hadapan menghadap ke jalan utama Tumpat/Pasir Mas ke Kota Bharu, manakala kedai/pejabat 20' x 80' dibina di belakang bangunan kedai/pejabat 20' x 70'. Ini memberi akses kepada pengguna yang berulang alik melalui jalan tersebut dan penduduk setempat untuk mendapatkan perkhidmatan yang akan ditawarkan di kawasan berkenaan. Sehingga bulan Nov 2006 kemajuan pembinaan kedai/pejabat 20' x 70' ialah 95% dan kedai/pejabat 20' x 80' ialah 37% sahaja.

**b) Rumah Kediaman**

Akibat daripada masalah tanah dan pengubahsuaian yang dibuat, pembinaan unit rumah kediaman juga telah dipinda. Terdapat 5 jenis kediaman yang dibina iaitu rumah banglo, rumah berkembar 1 tingkat, rumah berkembar 2 tingkat, rumah teres dan rumah kos rendah. Unit kediaman yang dibina adalah sebagaimana di **Jadual 66**.

**Jadual 66**  
**Unit Kediaman Yang Dibina**

Jenis Kediaman	Ukuran	Unit
Rumah Banglo	8,000 kp2	14
Rumah Berkembar 1 Tingkat	30' x 70'	30
Rumah Berkembar 2 Tingkat	30' x 60'	68
Rumah Berkembar 2 Tingkat	30' x 70'	102
Rumah Teres 1 Tingkat	20' x 70'	70
Rumah Kos Rendah	20' x 55'	144
<b>Jumlah</b>		<b>428</b>

Sumber : Laporan Cadangan Pemajuan Projek Bandar Baru Pasir Pekan.

Unit-unit kediaman dibina di belakang bangunan kedai/pejabat supaya iaanya dapat memberi perkhidmatan dan memudahkan pergerakan penduduk kawasan sekitar cadangan dan mewujudkan suasana kediaman yang selesa dan harmoni.

### c) Sistem Sirkulasi

Sistem sirkulasi ialah sistem jalan yang dirancang untuk dibina dalam kawasan projek. Ia akan menjadi penghubung antara satu kawasan dengan kawasan yang lain dalam tapak projek. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2006 mendapati sistem sirkulasi belum siap sepenuhnya. Tumpuan hanya diberikan kepada pembinaan bangunan. Bagaimanapun rizab jalan telah diperuntukkan bagi jalan masuk utama ke tapak projek dari bulatan (*roundabout*) sedia ada dengan kelebaran jalan 66 kaki untuk memudahkan perhubungan sambil memberi keutamaan kepada aspek keselamatan. Manakala jalan ke kawasan kedai/pejabat dan jalan masuk ke tapak masjid selebar 50 kaki dengan jalan belakang untuk kawasan kedai/pejabat selebar 20 kaki. Jalan ke kawasan kediaman pula selebar 40 kaki dan sebahagiannya telah diturap. Selain itu, jalan-jalan kawasan pembangunan telah dihubungkan dengan sistem jalan kampung berhampiran bagi memudahkan perhubungan penduduk sekitar kawasan berkenaan. Keadaan sistem sirkulasi di kawasan pembangunan adalah seperti di **Foto 61** hingga **Foto 66**.

**Foto 61**

**Jalan Hadapan/Belakang Yang Disediakan Untuk Bangunan Kedai/Pejabat 20' x 70'**



**Foto 62**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit*

*Tarikh : 27 November 2006*

*Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 63**  
**Jalan Kawasan Rumah Berkembar 1 Tingkat**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit*

*Tarikh : 27 November 2006*

*Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 64**  
**Jalan Kawasan Rumah Teres 1 Tingkat**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Foto 65**  
**Jalan Kawasan Perumahan Yang Menghubungkan  
Kampung Sebelah Barat**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Foto 66**  
**Jalan Kawasan Perumahan Yang Menghubungkan**  
**Kampung Sebelah Timur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**d) Sistem Saliran**

Lawatan Audit pada 27 November 2006 mendapati kerja-kerja berkaitan dengan sistem saliran hanya dilaksanakan di sebelah utara kawasan pembangunan sedangkan di sebelah barat masih lagi belum dilaksanakan oleh pihak pemaju. Ini kerana di sebelah barat pihak pemaju belum lagi memulakan kerja-kerja pembinaan rumah kos rendah. Mengikut cadangan kawasan tadahan yang perlu diambil kira adalah terhad di kawasan kampung di sebelah barat sahaja. Rizab parit dan rizab sungai untuk *final discharge* terletak antara 150 hingga 450 meter dari tapak cadangan dan seterusnya ke rizab saliran yang terletak di sebelah barat tapak. Jajaran longkang telah dibina di sebelah utara untuk mengalirkan air ke parit yang sedia ada di kawasan berkenaan iaitu lebih kurang 150 meter dari kawasan perumahan adalah seperti di **Foto 67** dan **Foto 68**.

**Foto 67**  
**Jajaran Longkang Final Discharge**  
**Di Kawasan Kampung Berhampiran**



**Foto 68**  
**Rizab Parit Final Discharge**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

#### e) Sistem Pembetungan

Sistem pembetungan yang dicadangkan pada permulaan ialah dengan mengalirkan air ke loji rawatan najis yang berkeluasan 3,158.8 meter persegi. Loji rawatan yang dicadangkan adalah jenis tangki binaan bawah tanah yang beroperasi secara mekanikal. Bagaimanapun oleh kerana berlaku perubahan susun atur dan masalah pengambilan balik tanah, pihak pemaju telah membuat rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Cawangan Timur supaya penggunaan sistem loji berpusat ditukar kepada tangki septik individu jenis *polysept*. Sehingga tarikh pengauditan, rayuan tersebut belum mendapat maklum balas daripada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Cawangan Timur. Lawatan Audit ke tapak projek pada 27 November 2006 mendapati pemaju telah membina tangki septik individu.

#### f) Sistem Bekalan Air

Sistem bekalan air dicadangkan dengan menyambung daripada paip utama yang sedia ada di jalan Kota Bharu-Tumpat ke tangki simpanan dengan keluasan 1,311 m<sup>2</sup>. Semasa lawatan Audit ke tapak projek pada 27 November 2006, kerja-kerja berkaitan bekalan air belum dilaksanakan lagi kecuali bagi rumah teres 1 tingkat dan rumah berkembar 1 tingkat yang sedang menunggu untuk mendapat Sijil Layak Diduduki. Bekalan air ini telah disambung terus dari paip utama yang sedia ada ke tangki simpanan dalam kediaman masing-masing.

### g) Bekalan Elektrik

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mensyaratkan supaya pemaju membina bangunan Pencawang Utama 2 tingkat berukuran 70' x 62' dengan keluasan tapak 100' x 100'. Selain itu, TNB juga mensyaratkan pembinaan 3 buah bangunan pencawang jenis *double chamber* berukuran 35' x 15' dengan keluasan tapak seluas 45' x 65'. Bagaimanapun Nasmie Associate bagi pihak pemaju telah memohon kepada TNB supaya dibina 2 pencawang *double chamber* dan se buah bangunan *single chamber*. TNB dalam maklum balasnya meminta supaya pihak pemaju membina 3 buah tapak berukuran 45' x 65' dan bangunan pencawang jenis *double chamber* berukuran 35' x 15'. Untuk Pencawang Utama, TNB bersetuju pemaju hanya perlu menyediakan tapak sahaja yang berukuran 100' x 100'. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2006 mendapati 2 unit bangunan telah dibina dan dalam proses siap sebagaimana di **Foto 69**. Manakala 1 unit bangunan *double chamber* belum dibina dan tapak Pencawang Utama belum lagi disediakan.

**Foto 69**  
**Bangunan Pencawang Elektrik Yang Sedang Dalam Pembinaan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 27 November 2006

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

### h) Kemudahan Awam

Kemudahan awam yang akan disediakan meliputi masjid, tadika, kawasan perkuburan dan kawasan lapang. Hasil lawatan Audit ke tapak projek pada bulan November 2006 mendapati kemudahan awam seperti masjid, surau, kawasan lapang dan tangki air belum dibina atau disediakan. Ini kerana kerja-kerja giat ditumpukan kepada pembinaan unit-unit kedai/pejabat dan rumah kediaman. Hasil temu bual Audit dengan penduduk kampung sekitar mendapati kawasan perkuburan adalah kawasan sedia ada dan pemaju berjanji akan mempertingkatkan lagi dengan membina pagar sekeliling kawasan kubur dan meninggikan kawasan berkenaan

kerana kawasan berkenaan menjadi lebih rendah daripada kawasan sekitar pembangunan. Tapak cadangan untuk membina sebuah Masjid di kawasan pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah seperti di **Foto 70**.

**Foto 70**  
**Tapak Cadangan Masjid Berhampiran Jalan Masuk**  
**Ke Kawasan Pembangunan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

i) **Landskap**

Lawatan Audit pada 27 November 2006 dan 9 April 2007 mendapati kerja-kerja penanaman pokok tidak dijalankan sepenuhnya. Pokok-pokok hanya ditanam di kawasan rumah berkembar dan rumah teres sahaja. Bagaimanapun penanaman pokok tidak dibuat secara sempurna kerana terdapat kawasan yang tidak ditanam dengan pokok sebagaimana di **Foto 71** dan **Foto 72**. Mengikut perjanjian pemaju dikehendaki menanam 8 jenis pokok sebanyak 321 batang.

**Foto 71**  
**Pokok Tidak Sepenuhnya Ditanam**  
**Di Kawasan Rumah Berkembar**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Foto 72**  
**Pokok Tidak Sepenuhnya Ditanam Di Kawasan Rumah Teres**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 27 November 2006  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Pihak Audit berpendapat, komponen pembangunan yang dibangunkan adalah baik dan sesuai dengan keadaan setempat serta diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.**

#### **25.2.6 Kaedah Pelaksanaan Usahasama**

Kaedah yang paling sesuai untuk membangunkan kawasan seluas 53 ekar ialah dengan mengadakan usahasama dengan pihak swasta kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Perkara ini telah diputuskan oleh Majlis setelah menerima cadangan daripada syarikat pemaju untuk mengusahakan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan dan telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Dalam kaedah ini Majlis menyediakan tapak (tanah) dan segala kemudahan pentadbiran yang diperlukan dalam membantu syarikat pemaju mengusahakan pembangunan. Manakala syarikat pemaju pula akan membiayai sepenuhnya kos projek tersebut sehingga projek tersebut siap sepenuhnya. Dalam kaedah ini juga telah ditetapkan tanggungjawab Majlis dan pemaju terbabit di samping balasan yang diperoleh oleh kedua-dua belah pihak hasil daripada kerjasama ini. Perkara ini terkandung dalam perjanjian usahasama yang ditandatangani oleh Majlis dan syarikat pemaju. Setelah mendapat kelulusan cadangan usahasama ini daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri pada bulan Disember 1997, satu perjanjian telah ditandatangani antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. pada bulan Disember 1998. Dokumen perjanjian ini mengikat kedua-dua belah pihak dari segi perundangan berkenaan peranan masing-masing membangunkan Bandar Baru Pasir Pekan. Draf dokumen perjanjian telah disediakan oleh Majlis dan dihantar kepada Tetuan Kamarudin, Wee & Co., panel peguam Majlis untuk mendapat nasihat, pandangan dan ulasan serta pindaan berhubung syarat-syarat yang telah digariskan sebelum diangkat kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan kelulusan. Ini bagi memastikan hak dan kepentingan masing-masing dapat dijaga dan dipatuhi agar usaha sama berjalan dengan lancar dan teratur.

Panel peguam Majlis dalam maklum balasnya mempersoalkan beberapa syarat perjanjian seperti keperluan pindah milik tanah kepada pemaju dan pembukaan akaun bersama. Panel peguam mengesyorkan supaya pindah milik tanah dibuat terus daripada Majlis kepada pembeli apabila lot-lot berkenaan dijual kelak tanpa membuat pindah milik tanah kepada syarikat pemaju. Manakala akaun bersama hendaklah ditentukan berhubung dengan pembukaan akaun dan kuasa menandatanganinya. Akaun ini hendaklah diselenggarakan untuk keseluruhan projek termasuk bayaran oleh pembeli. Selain itu Majlis hendaklah diberi hak yang sama ke atas penyelenggaraan atau operasi akaun ini. Majlis juga hendaklah diberi hak untuk menjual lot-lot komersial dan perumahan. Pada masa yang sama Syarikat Trisilco Management Services Sdn. Bhd. yang diuruskan oleh Mohd Nasrim bin Dato' Hj. Mohd Salleh telah mengadakan perbincangan dengan Majlis berhubung dengan draf perjanjian lain untuk pertimbangan Majlis dan draf tersebut dibawa ke Mesyuarat Penuh Majlis pada bulan April 1998 dan dipersetujui dengan pindaan iaitu pemaju dikehendaki membayar deposit sebanyak 10%

daripada harga tanah yang akan diambil balik pada masa Kerajaan Negeri meluluskan pengambilan balik tanah dan anggarannya ialah RM400,000. Draf ini kemudiannya telah diangkat kepada UPEN untuk diserahkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk semakan dan kelulusan.

Penasihat Undang-Undang Negeri telah menetapkan bahawa Majlis hendaklah mendapat 30% keuntungan daripada unjuran untung rugi, keuntungan dalam bentuk *in-kind* hendaklah dijelaskan secara spesifik di dalam perjanjian, kuota Bumiputera/bukan Bumiputera dimasukkan dalam perjanjian dan syarikat perlu mengadakan *land bond* sebagai menjamin penyiapan unit-unit Majlis. Perkara ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kewangan, Perancangan, Pembangunan Dan Projek-Projek khas Majlis. Akhirnya draf perjanjian ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri pada bulan November 1998 dan majlis menandatangani perjanjian antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. telah diadakan pada bulan Disember 1998.

Semakan Audit mendapati beberapa syarat yang ditetapkan atau disyorkan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri dan panel peguam tidak diberi perhatian oleh Majlis dalam merangka draf perjanjian. Ini telah memberi kesan kepada perjalanan kontrak, pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan kepentingan Majlis.

**a) Pindah Milik Tanah – Fasal 6**

Pindah milik tanah daripada Majlis kepada syarikat pemaju telah menjadi satu syarat pembangunan bandar baru Pasir Pekan dan ia merupakan titik permulaan bermulanya tempoh pelaksanaan kerja pembangunan iaitu 60 bulan dari tarikh tanah tersebut didaftarkan atas nama pemaju. Pindah milik tanah ini telah pun ditegur oleh panel peguam semasa menyemak draf perjanjian dan menyarankan agar tanah dipindah milik terus kepada pembeli apabila lot-lot kediaman dijual kelak. Bagaimanapun perkara ini tidak diberi perhatian oleh Majlis kerana Majlis menerima draf perjanjian lain daripada Syarikat Trisilco Sdn. Bhd. yang mewakili syarikat pemaju. Antara tujuan pindah milik tanah ini dimasukkan dalam perjanjian ialah untuk digunakan oleh syarikat pemaju untuk tujuan gadaian kepada pihak institusi kewangan untuk mendapatkan modal pusingan. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana modal yang diperlukan untuk membangunkan kawasan seluas 53 ekar adalah tinggi. Tanpa bantuan daripada pihak institusi kewangan, syarikat pemaju mendapati agak sukar untuk meneruskan projek pembangunan ini. Ini terbukti bahawa selepas perjanjian ditandatangani, Majlis menerima surat daripada EON Bank Petaling Jaya yang menyatakan pinjaman sejumlah RM12.60 juta telah diluluskan kepada Syarikat pemaju berkenaan dan menunggu pihak Majlis

menyelesaikan syarat pindah milik tanah kepada syarikat pemaju untuk proses pengeluaran wang pembiayaan projek.

Selain itu, masalah cagaran juga dibangkitkan oleh Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan yang bermesyuarat pada bulan September 1997 yang mahukan ia dijadikan salah satu syarat usahasama dan cagaran ke atas tanah tersebut tidak dibenarkan. Kemudahan *end financing* boleh dipertimbangkan dengan kelulusan pihak Kerajaan Negeri. Bagaimanapun perkara ini tidak dibincang dan ditimbulkan oleh pihak Majlis dan Penasihat Undang-Undang Negeri. Penasihat Undang-Undang Negeri hanya menetapkan bahawa satu *land bond* bernilai RM1 juta dikemukakan kepada Majlis sebagai menjamin penyiapan unit-unit Majlis sebagai syarat untuk pindah milik tanah. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, tanah tersebut tidak dipindah milik kepada syarikat pemaju kerana syarikat pemaju gagal mengemukakan *land bond* walaupun notis pindah milik tanah dihantar oleh Majlis kepada syarikat pemaju dan sekiranya pemaju gagal mematuhi notis tersebut dalam masa 30 hari, Majlis akan menamatkan perjanjian tanpa sebarang notis lagi. Syarikat pemaju sebaliknya memaklumkan masih lagi berminat untuk meneruskan projek tersebut dan bersetuju memasuki tapak secepat mungkin. Ia juga memohon kepada Majlis supaya tanah dipindah milik terus kepada pembeli dan *land bond* dimansuhkan. Perkara ini dibawa ke pengetahuan panel peguam Majlis dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kewangan, Perancangan, Pembangunan Dan Projek Khas Majlis di mana satu keputusan telah dibuat supaya tanah tersebut boleh dipindah milik terus kepada pembeli dengan syarat perjanjian tambahan dibuat bagi meminda syarat yang terdahulu dan *land bond* dikekalkan. Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan pindah milik tanah terus kepada pembeli pada bulan November 2003. Oleh itu Majlis telah mengarahkan panel peguam supaya menyediakan draf perjanjian tambahan untuk disemak oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. Bagaimanapun, perjanjian tambahan ini belum ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

**Pihak Audit berpendapat, tempoh pelaksanaan pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan tidak dapat dikuatkuasakan kerana perjanjian asal menetapkan bahawa tarikhnya bermula pada tarikh pindah milik tanah dibuat. Selain itu, pindah milik tanah tidak boleh dibuat terus kepada pembeli kerana perjanjian tambahan belum dipersetujui dan ditandatangani oleh Majlis dan syarikat pemaju. Ini akan menjaskan kepentingan pembeli rumah.**

**b) Bayaran Kepada Majlis – Fasal 5 Dan 10**

Fasal 5.01 perjanjian Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan telah menetapkan bahawa pemaju bersetuju membayar kepada Majlis sejumlah RM4 juta sebagai balasan bagi persetujuan Majlis mengadakan usaha sama dan memindahkan tanah kepada pemaju. Daripada wang ini pemaju juga dikehendaki membayar terlebih dahulu kepada Majlis sejumlah RM400,000 bersamaan dengan 10% sebagai wang pertaruhan sebaik sahaja Majlis memperoleh kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bagi pengambilan balik tanah. Selain itu, mengikut Fasal 10.02 perjanjian juga telah menetapkan bahawa semua kos pembangunan sampingan seperti caj pembangunan, bayaran perancangan, bayaran berkaitan pejabat tanah, bayaran berhubung dengan Juru Ukur dan lain-lain kos berkaitan dengan pembangunan adalah ditanggung oleh pemaju. Majlis telah mendahulukan pembayaran permohonan pengambilan balik tanah, deposit pengambilan balik tanah, pindah milik tanah, hasil tanah, premium cukai dan bayaran memperenggan yang kemudiannya akan menuntut balik daripada syarikat pemaju. Sehingga tarikh pemeriksaan Audit, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM5.71 juta bagi tujuan di atas. Manakala bayaran yang dibuat oleh syarikat pemaju berjumlah RM4.50 juta. Dengan ini pemaju masih lagi berhutang dengan Majlis sejumlah RM1.21 juta. Ringkasan perbelanjaan yang dibuat oleh Majlis dan bayaran yang dibuat oleh Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. kepada Majlis adalah sebagaimana di **Jadual 67** dan **68**.

**Jadual 67**  
**Ringkasan Perbelanjaan Oleh Majlis**

Tarikh	Butiran	Jumlah (RM)
28.1.1998	Jabatan Penilaian Negeri Kelantan	5,757
19.5.1999	Pentadbir Tanah Tumpat (Fee Permohonan Pengambilan Balik Tanah)	436,000
14.7.1999	Pentadbir Tanah Tumpat (Deposit Pengambilan Tanah)	2,314,366
18.4.2000	Pentadbir Tanah Tumpat (Deposit Pengambilan Tanah)	2,314,366
22.3.2001	Pentadbir Tanah Tumpat (Deposit Pengambilan Tanah)	109,039
2.1.2002	Pentadbir Tanah Tumpat (Pindah Milik Tanah Majlis Kepada Pemaju)	67,703
7.1.2002	Pentadbir Tanah Tumpat (Hasil Tanah 2002)	3,763
11.7.2002	Pentadbir Tanah Tumpat (Premium, cukai, memperenggan)	52,692
7.8.2002	Pentadbir Tanah Tumpat (Hak milik Tanah)	9,804
	Wang Pertaruhan	400,000
<b>Jumlah</b>		<b>5,713,490</b>

Sumber : Rekod Kewangan Majlis

**Jadual 68**  
**Ringkasan Bayaran Oleh Simpura Aktif Sdn. Bhd. Kepada Majlis**

Tarikh	No. Cek	No. Resit	Jumlah (RM)	Catatan
5.8.1999		04038	200,000	Deposit
28.10.2001	015335	9553	3,600,000	Deposit
24.2.2001			200,000	Deposit (Juru Ukur)
1.3.2005	591005	04367	100,000	
11.4.2005	591000	06489	100,000	
16.6.2005	815806	08266	100,000	
21.6.2005	815959	08969	100,000	
	815960	08970	100,000	
<b>Jumlah</b>			<b>4,500,000</b>	

Sumber : Rekod kewangan Majlis

**Pihak Audit berpendapat, Majlis hendaklah membuat tuntutan daripada pemaju sebelum pembangunan siap sepenuhnya.**

c) ***Land Bond – Fasal 6.03***

*Land Bond* ialah satu jaminan dikeluarkan oleh institusi kewangan atau syarikat insuran yang perlu dikemukakan oleh pemaju kepada Majlis sebagai menjamin pembinaan unit-unit yang akan menjadi hak milik Majlis. Nilai *land bond* yang ditetapkan dalam perjanjian ialah RM1 juta iaitu bersamaan dengan 1/3 daripada nilai unit bangunan yang akan menjadi milik Majlis iaitu bersamaan RM3 juta sebagaimana yang dianggarkan daripada unjuran untung rugi projek berkenaan. Jaminan ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga unit-unit Majlis disiapkan sepenuhnya. Penyerahan *land bond* juga telah dijadikan syarat kepada pindah milik tanah daripada Majlis kepada pemaju. Semakan Audit mendapati *land bond* dimasukkan dalam syarat perjanjian setelah pengesyoran oleh Penasihat Undang-Undang Negeri dan perbincangan yang diadakan antara Penasihat Undang-Undang Negeri, Majlis dan panel peguam Majlis Tetuan Kamaruddin, Wee & Co.. Semakan juga mendapati pemaju telah merayu kepada Majlis supaya syarat *land bond* dimansuhkan dan tanah dipindah milik terus kepada pembeli. Rayuan ini dipersetujui dan satu perjanjian tambahan telah dibuat tetapi pemansuhan *land bond* tidak diluluskan oleh Majlis. Sehingga sekarang *land bond* tidak dikemukakan oleh pemaju kepada Majlis bagi menjamin penyiapan unit-unit Majlis.

**Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu mengambil tindakan tegas dan berusaha lebih gigih supaya pemaju mematuhi kehendak perjanjian yang telah ditandatanganinya.**

d) **Pembinaan Unit Bangunan Kepunyaan Majlis – Fasal 7**

i) **Prestasi Pembinaan**

Sebagai balasan atas kesudian Majlis mengadakan usaha sama dengan syarikat pemaju swasta, Majlis diberi hak keuntungan sebanyak 30% daripada keuntungan bersih tanpa cukai yang dianggarkan berjumlah RM3 juta. Anggaran ini telah dikira oleh pemaju berdasarkan jualan kesemua bangunan yang dibina bernilai RM64.78 juta dan Kos keseluruhan pembinaan berjumlah RM55.21 juta menjadikan lebih pendapatan sejumlah RM9.57 juta. Daripada jumlah ini Majlis mendapat sejumlah RM3 juta dan pemaju sejumlah RM6.70 juta berdasarkan nisbah 30:70. Berdasarkan pembahagian ini Majlis bersetuju menerima dalam bentuk unit-unit bangunan yang bersamaan dengan nilai RM3 juta. Semakan Audit mendapati lot unit-unit bangunan Majlis belum ditentukan dan dikenal pasti secara rasmi dan hasil temu bual Audit dengan pihak Majlis, unit-unit Majlis adalah terdiri daripada unit-unit kedai/pejabat bersaiz 20' x 80' sebanyak 9 unit. Mengikut perjanjian unit-unit ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh permulaan pembinaan fasa

pertama. Hasil lawatan Audit pada 20 Mac 2007 mendapati kemajuan kerja pembinaan ialah hanya sekitar 45% sahaja sedangkan kemajuan kerja bangunan kedai/pejabat bersaiz 20' x 70' dan rumah teres 1 tingkat yang dijual kepada pembeli mencapai pembinaan hampir 100%. Manakala rumah berkembar 1 tingkat sebanyak 97.6%. Ini bermakna pemaju terlebih dahulu menumpu perhatian kepada pembinaan bangunan kedai/pejabat yang bukan menjadi hak Majlis. Semakan juga mendapati tidak ada persetujuan dibuat antara kedua-dua belah pihak untuk melanjutkan tempoh penyiapan unit bangunan yang akan menjadi milik Majlis. Selain itu *land bond* bernilai RM1 juta tidak dikemukakan oleh pemaju kepada Majlis sebagai menjamin penyiapan unit bangunan kepunyaan Majlis.

Selain itu, Fasal 7.05 perjanjian usaha sama memperuntukkan Ganti Rugi Jumlah Tertentu (LAD) boleh dikenakan terhadap pemaju sejumlah RM100 bagi setiap unit untuk setiap hari kelewatan dan jumlah ini hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar oleh pemaju kepada Majlis. Semakan Audit mendapati LAD ini tidak dikenakan kepada pemaju. **Foto 73** menunjukkan kerja-kerja pembinaan bangunan milik Majlis sedang dijalankan.

**Foto 73**  
**Bangunan Kedai/Pejabat 2 Tingkat (20' x 80') Milik Majlis**  
**Sedang Dalam Pembinaan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 20 Mac 2007  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan*

**Pihak Audit berpendapat, pembinaan bangunan yang menjadi milik Majlis adalah kurang memuaskan kerana sehingga sekarang prestasi pembinaan hanyalah sekitar 45% sahaja.**

## ii) Spesifikasi Bahan Dan Kualiti Pembinaan

Lawatan Audit pada 20 Mac 2007 juga telah mengenal pasti beberapa perkara berhubung dengan pematuhan spesifikasi bahan dan kualiti pembinaan. Antaranya ialah penggunaan batu-bata, kekuda bumbung, simen, kemasan dinding, ‘bonding ties’, ‘concreting roof beam’, besi, proses ‘curing’ dan keselamatan pekerja.

### • Batu-bata

Menggunakan batu-bata dari jenis batu-bata pasir/simen (sand & cement bricks) dan batu-bata tanah liat (clay bricks). Kualiti batu-bata yang digunakan juga tidak memuaskan kerana pecah/sumbing. Dari segi kualiti kerja, adalah didapati kerja penyusuan batu-bata tidak memuaskan seperti ketebalan mortar antara batu-bata tidak mengikut spesifikasi (13 mm). Adalah didapati ketebalan mortar mencapai 50 mm. Selain itu *Exmex* tidak dipasang pada 2 lapisan permulaan dan pada setiap 4 lapisan batu-bata berikutnya. Kerja yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 74, 75 dan 76**.

**Foto 74**  
**Batu-Bata Yang Digunakan Dari Jenis Pasir/Simen**  
**Dan Tanah Liat Serta Tiada Exmex**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 20 Mac 2007

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan - Salah  
Satu Unit Bangunan Yang Menjadi Milik Majlis

**Foto 75**  
**Kerja Penyusunan Batu-Bata Yang Tidak Memuaskan**  
**Dan Penggunaan Batu-Bata Pecah/Sumbing**




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
 Tarikh : 20 Mac 2007  
 Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan  
 - Salah Satu Unit Bangunan Yang Menjadi Milik Majlis

- **Kekuda Bumbung Tidak Mengikut Spesifikasi**

Pemaju juga didapati menggunakan kekuda bumbung (*roof trusses*) daripada jenis aluminium dan bukannya daripada jenis kayu keras (*hard wood*) seperti di **Foto 77**.

**Foto 77**  
**Kekuda Bumbung Yang Dipasang Daripada Jenis Aluminium**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
 Tarikh : 20 Mac 2007  
 Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan  
 - Salah Satu Unit Bangunan Yang Menjadi Milik Majlis

- **Simpanan Simen Tidak Memuaskan**

Simen-simen disimpan dalam keadaan tidak memuaskan. Aras tempat menyimpan simen tidak ditinggikan 6" daripada lantai supaya dapat mengelak daripada simen menjadi keras. Beg-beg simen yang disimpan tidak ditutup sepenuhnya dengan plastik atau bahan yang seumpamanya supaya simen-simen tersebut dapat

dilindungi daripada perubahan cuaca. Adalah diperhatikan juga beg-beg simen yang pecah masih disimpan dan simennya digunakan. **Foto 78** menunjukkan keadaan tempat simpanan simen sebelum ia digunakan.

**Foto 78**  
**Tempat Simpanan Simen Sebelum Digunakan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 20 Mac 2007

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

- **Beam Dan Kemasan Dinding**

Kerja-kerja konkrit *beam* adalah tidak memuaskan kerana terdapat *honey comb*. Ini berlaku kerana getaran secukupnya tidak dibuat semasa konkrit diletakkan dalam acuan. Selain itu, kerja kemasan dinding juga adalah tidak memuaskan. Terdapat kesan merekah, retak dan beralun akibat daripada kualiti bahan yang tidak betul seperti kekurangan simen, pasir kasar, pasir kotor dan bercampur dengan tanah. *Honey comb* dan kerja-kerja kemasan dinding dapat dilihat di **Foto 79, 80 dan 81**.

**Foto 79**

**Honey Comb Yang Terjadi Pada Beam Tingkat Bawah**



**Foto 80**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 20 Mac 2007

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Foto 81**  
**Retakan Yang Dikesan Pada Dinding**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 20 Mac 2007

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

- **Bonding Ties Tidak Dipasang Mengikut Spesifikasi**

*Bonding Ties* ialah besi yang dicucuk pada tiang bagi tujuan menguatkan batu-bata yang diikat pada dinding bangunan. Hasil lawatan Audit mendapati ia tidak dipasang mengikut spesifikasi yang sepatutnya. *Bonding Ties* hendaklah dipasang pada setiap 4 lapisan batu-bata. Hanya satu *Bonding Ties* dipasang bagi setiap ketinggian dinding seperti yang ditunjukkan di **Foto 82**.

**Foto 82**  
**Kedudukan Bonding Ties Pada Salah Satu Tiang Bangunan**




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 20 Mac 2007  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

- **Kerja Mengkonkrit Roof Beam Tidak Memuaskan**

Pada masa lawatan Audit kerja-kerja mengkonkrit *roof beam* sedang dijalankan. Hasil daripada pemerhatian Audit mendapati alat *Vibrator* ada terdapat di tapak bina. Bagaimanapun alat tersebut tidak digunakan apabila konkrit diletakkan dalam acuan *roof beam*. Alat *vibrator* adalah bertujuan untuk memberi getaran supaya konkrit yang berada dalam acuan tersebut mempunyai kepadatan yang jitu. Selain proses *curing* yang dilakukan tidak mematuhi Piawaian Spesifikasi Kerja JKR. Mengikut piawaian tersebut proses *curing* hendaklah dilakukan dengan menggunakan guni basah dan hendaklah dikekalkan sentiasa basah dalam tempoh 3 hari. Ini bertujuan supaya konkrit dapat mengeras dengan seimbang antara luar dan dalam. Proses *curing* boleh dilihat di **Foto 83**

**Foto 83**  
**Proses Roof Beam Curing**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 20 Mac 2007  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

- **Keadaan Besi Yang Terbiar**

Adalah diperhatikan juga besi-besi untuk tiang di tingkat dua tidak dilindungi/bungkus sejak projek ini tergendala selama 2 tahun menyebabkan berlaku pengaratan yang serius. Ini telah menjelaskan kekuatan besi. Besi yang berkarat dapat dilihat di **Foto 84**.

**Foto 84**  
**Keadaan Besi Yang Terbiar**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit  
Tarikh : 20 Mac 2007  
Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

- **Aspek Keselamatan Pekerja**

Pihak Audit juga mendapati pekerja yang menjalankan kerja-kerja konkrit di tingkat dua mengabaikan aspek keselamatan seperti tidak memakai topi keselamatan, tali pinggang keselamatan dan kasut keselamatan. **Foto 85** menunjukkan seorang pekerja tidak memakai kasut keselamatan semasa menjalankan kerja konkrit.

**Foto 85**  
**Salah Seorang Pekerja Yang Tidak Memakai Kasut Keselamatan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh : 20 Mac 2007

Lokasi : Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Pihak Audit berpendapat, pematuhan kepada spesifikasi penggunaan bahan dan kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan.**

e) **Insurans Liabiliti Awam Dan Kebakaran**

Polisi insurans liabiliti awam hendaklah diambil bagi melindungi segala tuntutan dan prosiding berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap harta alih atau tak alih dan kecederaan atau kematian yang mungkin berlaku dalam tempoh perjanjian. Selain itu polisi insurans kebakaran juga hendaklah diambil bagi melindungi segala perbelanjaan atau kerugian akibat daripada kebakaran bangunan, struktur, peralatan dan bahan. Polisi insurans ini hendaklah dikemukakan masing-masing satu salinan kepada pihak Majlis sebagai pengesahan. Perkara ini telah diperuntukkan dalam Fasal 10.13 dan 10.14 perjanjian usaha sama. Semakan Audit mendapati polisi insurans terbabit tidak dikemukakan kepada pihak Majlis. Sebagai tambahan, Majlis perlu mengesahkan

tempoh insurans diperbaharui kerana tempoh kontrak asal dengan kontraktor Mutiara Raya Corporation Sdn. Bhd. telah tamat pada bulan Mei 2006. Ini bermakna pemaju hendaklah mengarahkan kontraktor terbabit membuat pembaharuan ke atas kedua-dua polisi tersebut dan menghantar salinan kepada Majlis untuk rujukan.

**Pihak Audit berpendapat, segala kehendak perjanjian hendaklah diberi perhatian yang serius oleh Majlis.**

**Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat kaedah pelaksanaan usahasama antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. adalah kurang memuaskan. Beberapa aspek keperluan perjanjian tidak diberi perhatian oleh Majlis dan pemaju seperti kaedah pindah milik tanah, bayaran kepada Majlis, penyerahan *Land Bond*, ketidaksiapan bangunan kepunyaan Majlis, pengambilan insurans liabiliti awam dan kebakaran oleh pemaju serta kepatuhan pemaju kepada spesifikasi penggunaan bahan binaan dan kualiti pembinaan.**

#### **25.2.7 Pemilikan Rumah**

Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri yang bersidang pada bulan April 2004 telah meluluskan kuota penjualan rumah kepada bukan Melayu sebanyak 15% atau 72 lot daripada 482 lot sebagaimana syarat-syarat berikut:

- a) Orang bukan Melayu anak Kelantan
- b) Bukan anak Kelantan tetapi lahir dan menetap di Kelantan tidak kurang daripada 15 tahun.

Pemaju bagaimanapun telah membuat rayuan kepada Menteri Besar supaya menambahkan kuota bukan Melayu daripada 15% kepada 28% kerana pada tarikh penjualan tersebut pembeli bukan Melayu adalah sebanyak 28%. Bagaimanapun rayuan tersebut telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dengan alasan pemaju mampu menjualkannya kepada pembeli Melayu. Akibat daripada penolakan rayuan ini pemaju terpaksa memulangkan sejumlah RM1 juta kepada pembeli bukan Melayu yang telah membayar wang pendahuluan sebanyak 10% bagi pembelian sebanyak 55 unit kediaman.

Semakan Audit mendapati sehingga kini pemaju mematuhi jumlah kuota yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 15% untuk bukan Melayu. Sejumlah 244 unit baki rumah yang belum dijual akan dikhaskan kepada pembeli

Melayu. Bagaimanapun Mesyuarat Pemantauan Projek-Projek Pelaburan Negeri yang bersidang pada bulan Julai 2006 telah menyerahkan kepada Majlis berhubung dengan tambahan kuota yang dimohon oleh pemaju. Sehingga kini tiada keputusan dibuat oleh Majlis. Semakan juga mendapati masalah penetapan kuota ini berlarutan hampir 3 tahun sejak dari permohonan pemaju pada bulan Jun 2003 sehingga sekarang dan ia memberi kesan kepada kemajuan pembinaan secara keseluruhannya. Keadaan ini berlaku kerana penetapan kuota tidak dibuat sejak awal lagi iaitu semasa perjanjian ditandatangani sebagaimana yang telah dinasihatkan oleh Penasihat Undang-Undang Negeri semasa perbincangan yang diadakan antara Majlis dan panel peguam Majlis pada bulan Mei 1998. Perangkaan pemilikan rumah Melayu dan Bukan Melayu setakat bulan Oktober 2006 adalah seperti di **Jadual 69**.

**Jadual 69**  
**Perangkaan Pemilikan Rumah Melayu Dan**  
**Bukan Melayu Setakat Bulan Oktober 2006**

Bil.	Jenis Bangunan	Bil. Rumah Dibina	Bil. Melayu	Bil. Bukan Melayu		Baki
				Lulus	Tak Lulus	
1.	Kedai/Pejabat 2 Tkt. (20'x70')	36	23	10	3	-
2.	Kedai/Pejabat 2 Tkt. (20'x80')	18	-	-	-	18
3.	Rumah Teres 1 tingkat (20' x 70')	70	46	16	8	-
4.	Rumah Berkembar 1 tingkat (30' x 70')	30	28	-	-	2
5.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 60')	68	23	21	21	3
6.	Rumah Berkembar 2 tingkat (30' x 70')	102	46	25	23	8
7.	Rumah Kos Sederhana	144	-	-	-	144
8.	Rumah Banglo	14	-	-	-	14
<b>Jumlah</b>		<b>482</b>	<b>166</b>	<b>72</b>	<b>55</b>	<b>189</b>

Sumber : Fail Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan

**Pihak Audit berpendapat, pematuhan penjualan rumah kepada Melayu dan bukan Melayu kurang memuaskan kerana ianya tidak dinyatakan dalam perjanjian antara Majlis dan syarikat pemaju.**

#### 25.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Pada dasarnya Majlis tidak memerlukan guna tenaga yang ramai bagi menguruskan projek usahasama ini kecuali seorang Pembantu Teknik kerana semua kerja berkaitan dengan keperluan teknikal di bawah penyeliaan pemaju. Pemaju telah melantik konsultan projek seperti Arkitek, Jurutera dan Juru Ukur Bahan bagi mengawasi kerja teknikal. Bagaimanapun pada awal bulan April 2006, Majlis telah melantik seorang lagi Pembantu Teknik sambilan untuk mengawasi dan membuat pemantauan terhadap kerja-kerja pembinaan dan pengurusan kontrak. Semakan Audit mendapati semua maklumat

berkaitan dengan projek usaha sama difaiklan dengan sempurna manakala transaksi berhubung dengan kewangan dikendalikan oleh Penolong Akauntan Majlis. Ini termasuklah dari segi tuntutan perbelanjaan yang telah dibuat oleh Majlis dan bayaran yang perlu dibayar oleh Majlis kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti Pejabat Tanah Dan Jajahan, Juru Ukur dan Jabatan Penilaian. Majlis juga tidak merancang dan memberi latihan kepada kakitangannya berhubung dengan projek usaha sama kerana Pembantu Teknik yang dilantik adalah berpengalaman sebelum ini dan pernah berkhidmat dengan sektor swasta serta terlibat dengan projek-projek pembinaan.

**Pihak Audit berpendapat, guna tenaga dan latihan adalah memuaskan kerana Pembantu Teknik yang dilantik adalah memadai untuk memantau Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan.**

**Pihak Audit berpendapat, secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan adalah memuaskan. Bagaimanapun, masalah tanah tapak projek, kuota pemilikan rumah antara Melayu dan bukan Melayu serta pematuhan terhadap syarat perjanjian perlu diberi perhatian oleh Majlis dan pemaju bagi menjamin kelancaran pelaksanaan projek.**

### **25.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berterusan untuk memastikan sesuatu aktiviti atau projek berjalan dengan lancar dan sempurna hendaklah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak pengurusan dan pemaju yang melaksanakan projek berkenaan agar ia menepati segala hasrat yang dirancang. Pemantauan yang dilakukan terhadap projek usaha sama adalah seperti berikut :

#### **25.3.1 Pemantauan Bersama Antara Pemaju Dan Majlis**

Mengikut perjanjian usaha sama satu Jawatankuasa hendaklah ditubuhkan bagi mengawasi keseluruhan pembangunan projek tersebut. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 9 orang ahli yang terdiri daripada Yang Dipertua sebagai Pengurus, empat orang ahli yang dilantik oleh pemaju dan 4 orang lagi ahli dilantik oleh Majlis. Fungsi Jawatankuasa ini ialah untuk membantu berhubung dengan Pihak Berkuasa Berkenaan seperti Agensi berkaitan dengan air dan Tenaga Nasional Berhad, melaporkan kemajuan pembangunan tersebut pada setiap bulan dan membantu menyegerakan kelulusan daripada Pihak Berkuasa berkenaan untuk keseluruhan pembangunan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah ditubuhkan dan semua tanggungjawab yang menjadi fungsi jawatankuasa telah diusahakan oleh Jawatankuasa ini dan laporan kemajuan

projek dilaporkan dalam mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali oleh pemaju kepada Majlis.

### **25.3.2 Pemantauan Oleh Majlis**

Majlis sendiri memainkan peranan yang aktif dalam membuat pemantauan melalui Jawatankuasa Kewangan, Pembangunan, Perancangan dan Projek-Projek Khas Majlis. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak draf perjanjian, mengawasi perjalanan projek dan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemaju sebelum diangkat kepada Kerajaan Negeri atau pihak yang berkenaan. Selain itu, Majlis telah mengambil seorang Pembantu Teknik secara sambilan untuk mengawasi dan memantau perjalanan Projek Usahasama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan khasnya dan projek-projek lain yang dilaksanakan oleh Majlis.

### **25.3.3 Pemantauan Oleh Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri atas dasar cakna kepada pembangunan telah memantau projek ini secara langsung dengan mengadakan Mesyuarat Penyelaras Projek Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan. Ia dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Besar yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan berkenaan dan Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah Negeri Kelantan. Jawatankuasa ini juga bertindak membuat keputusan bagi pihak Kerajaan sebelum diluluskan oleh MMK. Selain jawatankuasa ini, pemantauan juga dibuat melalui Jawatankuasa Penswastaan Negeri Kelantan yang berpejabat di UPEN.

**Pihak Audit berpendapat, pemantauan telah dijalankan secara kolektif dan memuaskan.**

## **26. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Hasil kajian Audit terhadap Projek Usaha Sama Pembangunan Bandar Baru Pasir Pekan menunjukkan perancangan projek adalah memuaskan. Pembangunan projek ini adalah sesuai dilaksanakan memandangkan ia menepati Rancangan Struktur Majlis Daerah Tumpat yang telah diwartakan pada tahun 1998 dengan menumpukan pembangunan di pusat-pusat penempatan utama di samping menggalakkan pembangunan di koridor yang menunjukkan potensi berdaya maju. Pembangunan ini juga akan dapat menjana hasil dan pendapatan Majlis dengan tertubuhnya pusat-pusat perniagaan dan perkhidmatan di kawasan pembangunan dan kawasan-kawasan sekitar. Projek usaha sama ini juga dijangka akan memberi impak yang besar dalam mengubah corak ekonomi ke kawasan-kawasan yang kurang membangun kepada ekonomi bandar yang lebih produktif melalui

perwujudan pusat-pusat perkhidmatan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan di peringkat pelaksanaan Kertas Cadangan Pemajuan Projek mengenai masalah tanah tapak projek, kaedah pelaksanaan usahasama dan kuota pemilikan rumah antara Melayu dan bukan Melayu. Kelemahan aspek ini telah menjaskan kelancaran pelaksanaan projek pembangunan. Selain itu, kegagalan pemaju mematuhi syarat perjanjian yang ditandatangani dan pertikaian antara syarikat pemaju dan kontraktor pembinaan yang dilantik oleh pemaju telah menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek ini. Perjanjian tambahan berkenaan dengan pindah milik tanah terus kepada pembeli sehingga sekarang masih lagi belum ditandatangani antara Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd. Ini telah menjaskan pematuhan kerana tempoh penyiapan projek tidak dapat ditentukan dan dikuatkuasakan.

Sehubungan dengan itu adalah disyorkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh Majlis untuk mengatasi kelemahan dalam pengurusan projek usaha sama ini seperti berikut:

- a) Perjanjian tambahan berhubung dengan pindah milik tanah terus kepada pembeli ditandatangani oleh Majlis dan Syarikat Simpura Aktif Sdn. Bhd.
- b) Memastikan pihak syarikat pemaju menyerahkan *land bond* bernilai RM1 juta kepada Majlis sebagai menjamin unit-unit milik Majlis berjaya disiapkan.
- c) Majlis perlu menyediakan satu daftar bagi merekodkan semua pembelian rumah oleh pembeli Melayu dan Bukan Melayu supaya kuota pemilikan rumah dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat pemaju.
- d) Memastikan unit bangunan yang akan menjadi milik Majlis dibina dengan kadar yang segera sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian usaha sama.
- e) Polisi insurans liabiliti awam dan kebakaran diperbaharui dan menyerahkan sesalinan kepada Majlis untuk rujukan.
- f) Membuat tuntutan terhadap baki perbelanjaan pendahuluan yang dibuat oleh Majlis sejumlah RM1.21 juta daripada pemaju.
- g) Pemantauan dan penyediaan rapi oleh Majlis terhadap spesifikasi penggunaan bahan binaan dan kualiti pembinaan oleh pemaju bagi menjamin kualiti kerja pembinaan unit-unit bangunan milik Majlis.

**BAHAGIAN II**

**PERKARA AM**

## **BAHAGIAN II**

### **PERKARA AM**

#### **27. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini di bawah tajuk berikut :

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.
- b) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang masih belum selesai.

#### **28. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005**

##### **28.1 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KELANTAN - PROGRAM PENGAIRAN DAN SALIRAN UNTUK PERTANIAN**

Kajian Audit mendapati kelemahan seperti berikut :

- a) Pejabat tidak merujuk kepada garis panduan atau proses kerja yang sedia ada semasa melaksanakan program ini dan Program Kerja Tahunan tidak disediakan. Tahap pencapaian projek juga kurang memuaskan iaitu 48 projek atau 79% disiapkan berbanding 61 projek yang dirancang.
- b) JPS tidak mempunyai Sistem Maklumat Pengurusan yang baik mengenai data aktiviti pertanian kecuali bagi tanaman padi. Ini menyukarkan Jabatan untuk membuat pengukuran dan penilaian pencapaian Program. Sebahagian perbelanjaan Program Pengairan Dan Saliran untuk Pertanian kurang memuaskan kerana tidak menepati maksud asal peruntukan pembangunan yang diluluskan. Pelaksanaan projek lebih tertumpu kepada aspek penyenggaraan dan naik taraf tali air sahaja.
- c) Peruntukan kerja penyenggaraan tali air hendaklah ditambah khususnya bagi kerja pembersihan semak samun dan pemotongan rumput dibuat secara berjadual.

- d) Aspek pemantauan terutamanya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Skim Pengairan tidak berkesan kerana Jawatankuasa ini tidak lagi aktif bermesyuarat dan hendaklah diaktifkan semula.

### **Kedudukan Masa Kini**

Secara keseluruhannya, penemuan Audit yang berbangkit telah diambil tindakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri bagi meningkatkan pelaksanaan Program. Kelemahan mematuhi Garis Panduan/Prosedur Kerja Program telahpun diatasi oleh JPS dengan mengadakan taklimat kepada semua pegawai dan kakitangan di Bahagian Teknikal yang terlibat di semua Jajahan. Garis Panduan/Prosedur Kerja telah diedarkan kepada semua pegawai dan Jajahan terlibat semasa taklimat diadakan pada 16 Januari 2006. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Skim Pengairan yang dikendalikan oleh Bahagian Pengairan Dan Saliran, Ibu Pejabat JPS Negeri diaktifkan semula dan kekerapan mesyuarat ditetapkan sebagaimana perjalanan mesyuarat sebelumnya.

## **28.2 PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR MAS - PENGURUSAN PINDAH MILIK TANAH**

Kajian Audit mendapati kelemahan seperti berikut:

- a) Garis Panduan Penilaian Harga Tanah tidak lengkap kerana asas penilaian adalah terlalu umum dan ringkas.
- b) Penurunan kuasa secara bertulis tidak diberikan kepada pegawai yang ditugaskan bagi memungut hasil duti setem.
- c) Sistem penyimpanan dokumen hak milik Daftaran (salinan Pejabat) kurang memuaskan. Selain itu, stok dokumen hak milik dan borang pindah milik (Borang 14A) yang belum diguna tidak direkod dan dokumen hak milik lama tidak dilupus selepas proses pindah milik tanah berlaku. Manakala kawalan terhadap percetakan geran baru kurang memuaskan kerana tidak mengikut nombor siri.
- d) Sasaran tempoh proses permohonan pindah milik dan permohonan kelulusan MMK tidak ditetapkan dan diselaraskan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian. Selain itu, pencapaian prestasi pengurusan pindah milik tanah tidak dapat diukur kerana tiada petunjuk pengukuran pencapaian.
- e) Pemantauan terhadap pengurusan pindah milik tanah kurang memuaskan kerana laporan yang disediakan tidak mempunyai maklumat berkaitan yang lengkap dan kekerapan mesyuarat jawatankuasa yang memantau tidak mencukupi.
- f) Beberapa kekosongan perjawatan tidak diisi dan tiada perancangan latihan kakitangan.

- g) Pengurusan Sistem Pungutan Hasil Tanah dan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer tidak memuaskan kerana pangkalan data kedua-dua sistem ini saling berkaitan antara satu sama lain tetapi tidak dapat berhubung secara langsung.

### **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat telah mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Buku Garis Panduan Nilaian Tanah telah dikeluarkan mengandungi maklumat lengkap seperti kawasan dan harga nilaian. Selain itu mengikut Pejabat, penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang memungut hasil sedang dikaji semula memandangkan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri ada menyatakan keinginan menempatkan pegawai tersebut di Pejabat ini.
- b) Kawalan percetakan dokumen hak milik baru telah ditingkatkan. Selain itu dokumen hak milik lama telah dilupuskan dan bilik kebal yang baru telah dibina bagi menyelesaikan masalah dokumen hak milik.
- c) Pejabat sedang mengambil tindakan supaya Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer mengambil kira jumlah pendaftaran pindah milik dalam retan bulanan yang dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian. Selain itu, Pejabat juga telah menambah kekerapan mesyuarat berhubung isu pengurusan tanah dan Pejabat dalam tindakan untuk mendapat tambahan perjawatan dan merancang kursus dan latihan kepada kakitangannya. Pejabat juga sedang mengenal pasti untuk menyediakan petunjuk pengukuran prestasi pengurusan pindah milik tanah.
- d) Stok dokumen hak milik yang belum diguna belum direkod. Bagaimanapun dokumen hak milik yang diguna oleh Penolong Pentadbir Tanah telah direkod secara manual.
- e) Tindakan menyelesaikan masalah pengurusan kedua-dua sistem sedang diambil oleh Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian. Program e-tanah akan beroperasi di Pejabat bagi tujuan mengemaskini data berkaitan hasil yang dipungut.

### **28.3 PERBADANAN STADIUM KELANTAN – PENGURUSAN STADIUM SULTAN MUHAMMED KE IV**

Kajian Audit mendapati perkara berikut:

- a) Premis/lot gudang yang disewakan telah diubahsuai oleh penyewa tanpa kebenaran Perbadanan.

- b) Penggunaan ruang niaga yang tidak maksimum di mana ruangan asrama tidak disewakan dan harta kerajaan seperti bantal, tilam dan katil tidak disenggarakan dengan sempurna.
- c) Tempahan penyewaan kawasan lapang/tempat letak kereta tidak dikenakan deposit menyebabkan rasa tidak komited penyewa seterusnya boleh menyebabkan tempahan dibatalkan tanpa diambil sebarang tindakan.
- d) Rancangan penyenggaraan tahunan tidak disediakan terutama bagi membersihkan tempat duduk terbuka, masalah pendawaian elektrik yang telah usang, sistem pembentungan yang sering tersumbat terutama ketika musim hujan dan gelanggang tenis yang tidak disenggarakan selepas ditenggelami banjir pada akhir tahun 2004.
- e) Penyelenggaraan rekod harta modal tidak kemas kini dan harta modal yang telah rosak dan usang tidak dilupuskan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

- a) Pihak Perbadanan telah mengeluarkan surat arahan kepada penyewa premis yang terlibat supaya kerja-kerja pengubahsuaian dihentikan.
- b) Perbadanan sedang mengambil tindakan untuk menyenggarakan aset Kerajaan di asrama Perbadanan. Bagaimanapun, masih belum ada pihak yang berminat untuk menguruskan asrama tersebut secara tender.
- c) Deposit telah mula dikenakan pada tahun 2007 bagi penyewaan kawasan lapang/tempat letak kereta.
- d) Pada tahun kewangan 2007, pihak Perbadanan telah membuat tambahan bajet penyenggaraan Stadium berjumlah RM78,500. Bagaimanapun, bagi sistem pendawaian elektrik, Perbadanan telah mendapatkan pandangan dari Jabatan Kerja Raya bagi membantu pihaknya. Gelanggang tenis telah dibaiki dan sistem pembentungan dalam proses pembaikian.
- e) Rekod harta modal sedang dikemas kini dan aset yang telah rosak dan usang telah diperakukan untuk dilupuskan.

#### **28.4 MAJLIS DAERAH GUA MUSANG - PROJEK USAHASAMA PEMBANGUNAN TAMAN MESRA GUA MUSANG**

Projek Usahasama Pembangunan Taman Mesra Gua Musang merupakan projek perintis yang berdaya maju dan menghasilkan keuntungan kepada Majlis. Ia adalah bertepatan dan sesuai dengan pembangunan bandar Gua Musang dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan pembangunan bandar baru Gua Musang. Secara keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa syarat perjanjian

tidak dipatuhi dan wang yang sepatutnya dikutip oleh Majlis berjumlah RM824,789 daripada pemaju tidak dituntut setakat bulan Februari 2006. Rekod berkaitan dengan pengurusan projek juga tidak dikemaskinikan khususnya akaun projek bagi merekodkan bayaran pemaju.

### **Kedudukan Masa Kini**

Semua perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah diambil perhatian dan tindakan oleh pihak Majlis kecuali tunggakan bayaran pemaju kepada Majlis sebagaimana yang terkandung dalam perjanjian usahasama antara Majlis dan Syarikat Sasa Tiga Sdn. Bhd. berjumlah RM938,612 masih dalam tindakan. Tunggakan yang dimaksudkan ialah bayaran harga tanah sejumlah RM272,542, bayaran keuntungan (90% kemajuan pembinaan setakat bulan Februari 2007) berjumlah RM556,070, deposit pembinaan landskap berjumlah RM50,000 dan deposit pembinaan surau berjumlah RM60,000. Selain itu, masalah kuota pemilikan rumah/kedai yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri sebanyak 30% untuk Bukan Bumiputera dan 70% untuk Bumiputera mengikut jenis bangunan tidak dipatuhi dengan sewajarnya.

### **29. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Semakan juga telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 dan sebelumnya untuk menentukan tindakan susulan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan. Secara umumnya tindakan susulan terhadap perkara berbangkit telah diambil oleh Jabatan/Agensi yang berkenaan.

### **30. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

Mengikut Seksyen 16 (2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005 mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri telahpun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 8 November 2006.

### **31. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan 2005. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002 dan 2003 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada 26 Februari 2007. Sepanjang tahun 2006 dan sehingga bulan April 2007, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 10 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002, 2003, 2004 dan 2005. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2006 hingga April 2007 adalah seperti di **Lampiran I**.

## **PENUTUP**

## **PENUTUP**

Pada prinsipnya, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar, undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan program dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya pengauditan terhadap aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri masih wujud kelemahan dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Tahap pencapaian aktiviti dan program masih belum tercapai kerana masih terdapat kelemahan yang ketara jika dibandingkan dengan teguran yang terkandung dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini telah membangkitkan isu-isu pelaksanaan perolehan, pengurusan projek, peningkatan kos, kerja-kerja tidak mengikut spesifikasi dan pencapaian matlamat program/aktiviti. Kelemahan ini wujud adalah disebabkan pemantauan yang tidak konsisten, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan guna tenaga dan latihan serta tiada budaya penyenggaraan telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam.

Sungguhpun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran pihak Audit namun masih ada sebahagian daripadanya yang masih belum ditangani. Pegawai Pengawal adalah disyorkan menjalankan siasatan dan pemeriksaan menyeluruh bagi menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di tempat lain atau bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**2 Julai 2007**

**LAMPIRAN**

**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri  
Sepanjang Tahun 2006 Hingga April 2007**

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agensi
2 Mac 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Berbincang dan memilih tajuk akhir Laporan Audit 2002 bagi tujuan memanggil untuk mendapat keterangan Jabatan/Agensi yang terlibat.</li> <li>ii) Berbincang untuk menyediakan Laporan Jawatankuasa hasil pemeriksaan Jawatankuasa terhadap JKR dan MAIK.</li> <li>iii) Makluman berkenaan pembentangan kertas di Konvensyen Audit Sempena Sambutan 100 Tahun Institusi Audit.</li> </ul>	Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
16 Mac 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap JKR dan MAIK.</li> <li>ii) Meneliti tajuk dan memilih perenggan Laporan Audit 2003 untuk mesyuarat Jawatankuasa yang akan datang.</li> </ul>	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Jabatan Pertanian Yayasan Kelantan Darul Naim Majlis Daerah Tanah Merah
17 Julai 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengadakan pemeriksaan dan mendapat keterangan terhadap Pengurusan Tukar Syarat dan Kegunaan Tanah Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu</li> </ul>	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu
30 Julai 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Pengurusan Tukar Syarat dan Kegunaan Tanah Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Pengurusan Pinjaman Pelajaran Yayasan Kelantan Darul Naim.</li> <li>iii) Memilih tajuk perenggan Laporan Audit 2004 dan 2005 untuk mesyuarat akan datang.</li> </ul>	Yayasan Kelantan Darul Naim
14 hingga 16 Ogos 2006	Lawatan Jawatankuasa ke Dewan Undangan Negeri Sabah.	Dewan Undangan Negeri Sabah
2 Oktober 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Pengurusan Pinjaman Pelajaran Yayasan Kelantan Darul Naim.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Pengurusan Tempat Letak Kereta Bermeter Majlis Daerah Tanah Merah.</li> </ul>	Majlis Daerah Tanah Merah
17 Disember 2006	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2006</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Pengurusan Tempat Letak Kereta Bermeter Majlis Daerah Tanah Merah.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Program Pembangunan Industri Buah-Buahan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.</li> </ul>	Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jabatan/Agensi</b>
14 Januari 2007	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2007</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Program Pembangunan Industri Buah-Buahan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</li> </ul>	Yayasan Islam Kelantan
23 Januari 2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Sambungan pemeriksaan Jawatankuasa mendapatkan keterangan daripada Perunding Projek Yayasan Islam Kelantan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Yayasan Islam Kelantan</li> <li>ii) Perunding Yayasan Rekajati Arkitek Syukri Arkitek</li> </ul>
12 Februari 2007	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2007</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan hasil daripada pemeriksaan terhadap Projek Pembinaan Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Pengurusan Bekalan Air Jabatan Bekalan Air Kelantan.</li> </ul>	Jabatan Bekalan Air Kelantan
18 Mac 2007	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2007</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima kertas laporan pemeriksaan Jawatankuasa ke atas Yayasan Islam Kelantan (Pengesyuran Jawatankuasa).</li> <li>ii) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil pemeriksaan ke atas Jabatan Bekalan Air Kelantan mengenai Pengurusan Bekalan Air.</li> <li>iii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Perbadanan Stadium Kelantan mengenai Pengurusan Stadium Sultan Muhammed Ke IV</li> </ul>	Perbadanan Stadium Kelantan
29 April 2007	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2007</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Meneliti, membincang dan menerima syor Jawatankuasa hasil daripada pemeriksaan ke atas pengurusan Stadium Sultan Muhammed Ke IV.</li> <li>ii) Mengadakan pemeriksaan dan mendapatkan keterangan terhadap Program Pengairan Dan Saliran untuk Pertanian, Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan.</li> </ul>	Jabatan Pengairan Dan Saliran Kelantan

## GLOSARI AKRONIM

### GLOSARI AKRONIM

<b>ADUN</b>	Ahli Dewan Undangan Negeri
<b>APK</b>	Arahan Perubahan Kerja
<b>BQ</b>	Jadual Kadar Harga
<b>DDC</b>	<i>Dewey Decimal Classification</i>
<b>HSK</b>	Hutan Simpan Kekal
<b>IKRAM</b>	Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.
<b>JHEAIK</b>	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>JPP</b>	Jabatan Pembangunan Persekutuan
<b>JPS</b>	Jabatan Pengairan Dan Saliran
<b>KDP</b>	Kerja Dalam Pelaksanaan
<b>KPKR</b>	Ketua Pengarah Kerja Raya
<b>LAD</b>	Ganti Rugi Jumlah Tertentu
<b>MAIK</b>	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
<b>MMK</b>	Majlis Mesyuarat Kerajaan
<b>OPAC</b>	<i>Online Public Access Catalogue</i>
<b>PKR</b>	Projek Kesejahteraan Rakyat
<b>PPN</b>	Pejabat Pembangunan Negeri
<b>PP</b>	Pegawai Penguasa
<b>PRAK</b>	Pekerja Rendah Awam Khas
<b>PTJ</b>	Pejabat Tanah Dan Jajahan
<b>RMK-8</b>	Rancangan Malaysia Kelapan
<b>SALAM</b>	<i>System And Application For Library Automotion Management</i>
<b>SUK</b>	Setiausaha Kerajaan Negeri
<b>UPEN</b>	Unit Perancang Ekonomi